

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 68

Rabu

26 November 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.18(1): ■ Tindakan Kejam Rajim Zionis Yahudi Di Semenanjung Gaza - <i>Y.B. Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi (Batu Pahat)</i>	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2009 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.32 Maksud B.41	(Halaman 33) (Halaman 97)
USUL-USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2009 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.32 Maksud P.41	(Halaman 33) (Halaman 97)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 53)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 26 November 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapa banyak kes-kes pemalsuan kad pengenalan pada tahun 2000-2008 dan apakah bentuk hukuman terhadap pihak atau individu yang terlibat; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung gejala ini.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sri Gading di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk soalan (a), kes pemalsuan MyKad berlaku semenjak tahun 2004. Dari tahun 2000 hingga Jun 2008, sebanyak 2,784 kes kesalahan kad pengenalan palsu telah pun diambil tindakan dan didakwa di mahkamah. Untuk makluman, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa berusaha keras dalam membanteras kegiatan penyelewengan MyKad palsu dengan penguatkuasaan undang-undang Akta Pendaftaran Negara 1959, Akta 78 serta Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 bagi pindaan 2001 dan pindaan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan (b), langkah-langkah dan strategi yang diambil untuk membendung masalah pemalsuan adalah seperti berikut:-

- (i) dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti polis, jabatan imigresen, RELA, jabatan agama dan lain-lain penguatkuasaan bagi seluruh negeri;
- (ii) bagi meningkatkan kualiti MyKad seperti penambahbaikan salutan permukaan MyKad dan teknologi cip. Selain daripada itu, mengadakan

lebih banyak ciri-ciri keselamatan di atas permukaan MyKad seperti *hologram, microlectring, UV Image* dan reka bentuk 3D bertujuan untuk menghalang pemalsuan;

- (iii) meningkatkan teknologi alat pembaca kad seperti *mobile card, acceptance device, meet and card, key ring reader* dan terbaru *My Camp* di mana rekod serta perbandingan biometrik pemilik MyKad boleh diperoleh melalui alat ini dengan pencapaian ke sistem *Agency Link Up System* ataupun (ALIS). Dengan kemudahan ini, JPN boleh mengesan mana-mana MyKad palsu atau *tempered* MyKad dengan cepat dan mudah. Alat ini juga dibekalkan kepada lain-lain agensi penguatkuasaan untuk tujuan pengesanan MyKad palsu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu terperinci. Saya berpuas hati di atas jawapan itu. Namun begitu, mengenai soal kad pengenalan ini, ada beberapa perkara. Mutu kad pengenalan kita ini, apabila hilang dikatakan bahawa penjualan kad pengenalan yang hilang ini sama ada dilakukan oleh sindiket ataupun tidak, dia boleh dikoyak dan ditukarkan gambarnya. Gambar itu akan bertukar. Jadi dengan sebab itu, kad pengenalan itu menjadi sesuatu dokumen yang amat disukai oleh orang-orang yang memang hendak menyelewengkan kad pengenalan untuk faedah dia. Jadi mutunya sebenarnya masih rendah. Walaupun Yang Berhormat Menteri kata, mutunya itu tinggi tetapi masih diragukan. Itu satu.

Dalam soalan yang berikutnya ialah, di negara kita ini warna kad pengenalan itu memperkenalkan status kewarganegaraan. Biru umpamanya adalah warganegara. Kalau merah, soalnya ialah berapa banyak pemegang kad pengenalan merah yang memohon untuk menjadi warga negara? Berapa lama proses itu diambil untuk menentukan mereka mendapat kewarganegaraan? Soalan berikutnya daripada rakan-rakan di Sabah dan Sarawak. Banyak orang-orang di Sabah dan Sarawak seperti di Rumah Panjang. Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Bintulu, kalau pergi ke Rumah Panjang, 60% ke 70%, tidak ada kad pengenalan. Jadi, bila masalah ini yang hendak diselesaikan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Hari-hari jawapan sama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskanlah beberapa perkara yang ada kaitan kepentingan dengan rakyat di Sabah dan Sarawak juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading di atas soalan yang dikemukakan berkenaan mutu. Dari masa ke semasa, kita terus meningkatkan mutu dan sekarang ini mutunya lebih baik daripada asal yang kita keluarkan di mana ia boleh dikoyak. Sekarang ini untuk dikoyak adalah susah.

Lagipun dengan sistem, dia sudah tidak ada lampiran untuk kita koyak. Oleh sebab dia keluar kad dalam bentuk kad di bawah MyKad.

Sebelum MyKad, memang masalah itu ada. Akan tetapi walau bagaimanapun, oleh sebab ada sistem biometrik dan sistem yang menggunakan cap jari, walaupun kita meletakkan gambar lain, dia tidak mungkin dipalsukan. Ini adalah kerana, cap jari ini daripada orang ke orang berbeza. Oleh itu, mudah untuk kita kenal pasti sama ada pemilik itu adalah pemilik sebenar ataupun mereka yang telah memalsukan kad. Akan tetapi ada kes-kes yang orang cuba buat semacam ini dan kita dapat *trace* dengan izin serta kita dapat mengenal pasti dan mengambil tindakan sebagaimana yang saya sebutkan. Berkenaan dengan berapa jumlah MY PR yang berwarna merah. Sekarang MY PR ini dikeluarkan warna merah.

■ **1010**

Mengikut angka yang saya ada nanti saya berikan kepada Yang Berhormat untuk yang merah ini adalah sebanyak, MyPR yang kita keluarkan jumlah pemastautin tetap, bilangannya ialah 371,281 dan jumlah pemegang MyPR 198,510 yang belum menukar bila kita tukar MyPR ini, dahulunya dia punya *colors* sama, mudah untuk dipalsukan. Dengan ini ada masih lagi yang belum menukar iaitu 172, 000 dan selepas mereka dapat MyPR kita harusnya memproses untuk menjadi rakyat lebih mudah tetapi masih banyak tunggakan. Sebab itu kita telah mengambil langkah untuk menambahkan lagi kita punya kakitangan dan juga untuk bekerja di hari Sabtu dan minggu untuk menentukan segala tunggakan dapat kita atasi. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada mutu juga MyKad yang ada yang saya miliki ini terkandung di dalamnya juga lesen memandu tetapi beberapa insiden telah berlaku di mana saya minta untuk *dicheck* lesen memandu dan sebagainya ataupun pernah saya ditahan oleh polis ketika memandu, dia kata dia tidak tahu kata lesen sekali dengan IC. Jadi, saya ingin tahu penyelarasan yang ada di antara Kementerian Dalam Negeri khususnya dengan agensi-agensi lain dan keduanya adalah tentang cip yang ada di hadapan kad ini yang banyak insiden juga tidak boleh dibaca kerana berkarat. Saya ingin tahu tentang kualiti cip yang terdapat pada MyKad ini dan seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi tentang kualiti ini yang saya rasa perlu sangat-sangat dipertingkatkan. Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas persoalan yang dikemukakan. Seharusnya penyelarasan berlaku tetapi kalau ada insiden-insiden tertentu di mana ada masalah penyelarasan saya akan lihat bagaimana kita tentukan bahawa perkara ini tidak berlaku. Jadi, saya minta maaf kalau perkara itu ada berlaku di antara satu agensi dengan agensi yang lain sepatutnya ada pemahaman berkenaan penggunaan dan pengisian terhadap bahan-bahan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Oleh itu saya akan melihat perkara itu untuk menyemak apakah sebabnya perkara itu boleh berlaku. Berkenaan kualiti karat ini, ini memang kita sedar

melalui rungutan dan aduan-aduan yang dibuat dan kita akan terus mempertingkatkan lagi kualiti supaya perkara sebegitu tidak berlaku. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan saya ingat penting sebab untuk Sabah dan Sarawak belum dijawab. Jadi kalau saya minta satu tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, silakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri, yang sebenarnya mutu kad pengenalan kita ini tidak bermutu sama sekali kerana di kawasan saya di Kalabakan kalau orang kampung bawa kad hari-hari, dia boleh terkopek, belah dua boleh, itu yang pertama. Kedua, saya mahu tahu daripada Menteri kerana ada orang yang sudah layak juga untuk menjadi warganegara, dia 20 tahun, 30 tahun tidak dapat kelulusan. Kenapa begitu lama sekali proses ini? Adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak? Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya, Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan kerana soalan itu saya sudah pun menjawab. Kalau ada masalah kualiti kita akan terus akan memperbaiki dan memperbaiki kualiti. Berkenaan dengan 20 tahun saya sedar bahawa ada masalah itu sebab itu saya memberikan tumpuan khusus kepada tiap-tiap permohonan yang mengambil masa lama dan kita akan cuba untuk mengatasi masalah itu secepat mungkin dan saya berharap kerjasama kalau ada masalah-masalah khusus beritahu kepada saya, insya-Allah saya akan ambil tindakan yang boleh mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, apa fasal masalah Sabah, Sarawak *stateless* punya tidak jawab, tidak dapat kad pengenalan sampai hari ini tidak jawab pun. So, sudah banyak orang tidak dapat macam saya punya kawasan.

Seorang Ahli: Saya punya kawasan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Kinabatangan kawasan, banyak orang tidak ada. *I think this is long outstanding issue.* Kita mesti kementerian ambil perkara ini yang serius, kita mahu minta di selesai. Saya bukan pertama kali masuk dewan ini ulang ini perkara sampai hari ini tidak ada ambil tindakan yang serius daripada kementerian.

2. **Puan Teo Nie Ching [Serdang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilangan pelabur asing dan jumlah wang yang keluar dari Malaysia sejak tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang atas soalan Yang Berhormat. Sepanjang tahun ini mengikut laporan yang dibekalkan kepada kementerian saya, tiada pelabur asing yang telah dilaporkan yang telah memberhentikan operasi perkilangan mereka di negara ini dan berpindah kepada negara yang lain. Oleh demikian,

jawapan kepada soalan kedua Yang Berhormat yang menyentuh berapakah jumlah wang yang telah keluar daripada Malaysia bagi tujuan ini adalah dalam negatif memandangkan ketiadaan pelabur asing yang telah keluar daripada negara ini sejak tahun ini. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat rasa hairan dan terkejut atas jawapan yang dibekalkan oleh Timbalan Menteri, kerana dalam laporan terbaru *United Nations Conference on Trade and Development Investment World Report 2008* dengan izin, didapati bahawa Malaysia walaupun kemasukan pelaburan langsung asing meningkat kepada RM29 bilion untuk tahun 2007 tetapi, pengaliran keluar FDI mencecah RM38 bilion pada tahun 2007. Akan tetapi sekarang, nampaknya kerajaan kita tidak sedar bahawa ada pelaburan asing yang telah mengalir keluar dari negara kita. Jadi saya rasa amat risau kerana menurut laporan yang sama telah menunjukkan bahawa walaupun menyeluruh rantau ASEAN hanya Malaysia yang mengalami pengaliran keluar FDI melebihi pengaliran masuk dan menyebabkan negara mengalami pengaliran FDI bersih yang negatif tetapi kerajaan nampaknya tidak sedar keadaan sedemikian. Jadi saya ingin tahu sama ada Timbalan Menteri telah baca laporan itu dan apa pandangan Timbalan Menteri terhadap laporan itu. Sekian.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya sebenarnya juga hairan dengan pandangan Yang Berhormat Serdang kerana telah pun salah tafsir dengan laporan yang telah diberikan oleh UNCTAD. Laporan *World Investment Report* ini saya pun telah baca dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Yang Berhormat Serdang ini telah pun tidak faham dengan isu, kenyataan FTI *outflow* dengan pelaburan asing, *that is FDI* atau *foreign direct investment* yang telah keluar daripada Malaysia. FDI *outflow* ini sebenarnya dikenal pasti oleh UNCTAD sebagai *cross border investment* iaitu satu pelaburan luar negara yang di mana ini diperkenalkan sebagai *cross border investment* atau pun pelaburan menjangkau sempadan. Ini berlaku apabila syarikat-syarikat Malaysia mengambil kesempatan untuk melabur di luar negara. Ini adalah satu perkembangan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua yang amat positif bagi negara ini. Jadi saya rasa Yang Berhormat Serdang telah pun tidak faham dengan laporan yang telah pun dilaporkan di *World Investment Report* ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah tindakan syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negara dikira juga membawa keluar wang negara dan apakah kerangka strategi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk ke rantau ASEAN terutama negara kita yang menjadi tempat terbaik bagi pentas pelabur-pelabur asing terutamanya pelabur Asia Barat yang kita lihat dari segi akses pasarannya adalah besar yang melibatkan lebih dari 567 juta penduduk dan KDNK nya juga hampir 1.064 trilion USD. Jadi apakah kerangka yang dibuat oleh kerajaan dalam menjadikan negara kita lebih relevan sebagai pintu masuk utama.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Langkah-langkah berterusan yang diambil untuk menggalakkan pelaburan asing masuk kepada negara kita di sini

adalah termasuk mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.

■1020

Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMB) bagi menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara, dan langkah yang ketiga ialah memberi tumpuan utama kepada industri berteknologi tinggi dan menggalakkan syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk membesarkan dan mempelbagaikan operasi mereka dengan menawarkan insentif-insentif fizikal dan bukan fizikal seperti *free package*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi projek besar dan berteknologi tinggi dan juga melancarkan lima koridor pembangunan ekonomi untuk menarik minat pelabur asing. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya membangkitkan soalan-soalan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Peraturan nombor berapa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: 14(1)(g). Speaker ada di sini, tolong diam. Soalan-soalan yang diberikan sama seperti apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengatakan bahawa wujudnya Napoleon-Napoleon kerdil dalam sistem kerajaan. Adakah dalam Parlimen ini pun ada Napoleon-Napoleon kerdil sebab saya melihat soalan-soalan kesemuanya selalu kalau saya tengok nama-nama ini, ini yang keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apakah kita ini bukan Ahli Parlimen yang layak untuk mendapat ruang untuk menjawab soalan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak layak, tidak layak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Speaker ada sinilah, apa *you* orang, sama macam ketam sahaja semua orang, tidak boleh duduk diam bila orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Padang Serai, saya minta Padang Serai duduk, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Speaker, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 14(1) ini adalah peraturan mengenai Aturan-aturan Mesyuarat dan saya pasti bahawa

Peraturan 14 yang Yang Berhormat kemukakan tidak sesuai. *[Disampuk]* Lagi pun Yang Berhormat, masalah Dewan, masalah soal pertanyaan lisan ini berbangkit apabila soalan Yang Berhormat tidak naik ke atas, tetapi ada kalanya soalan naik ke atas, Yang Berhormat tidak pernah pun menghargai. Saya tidak lagi ingin berbahas tentang perkara ini dan biarlah kita serahkan kepada Setiausaha Dewan atau pentadbiran untuk mengatur aturan pertanyaan-pertanyaan lisan untuk dikemukakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Belajar peraturan dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Speaker. Yang saya risau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...ada Napoleon kerdil yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Speaker.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor tiga. Duduklah, janganlah ganggu. Hendak ambil publisiti murahankah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita ada peraturan, kita ada *standing instruction* untuk tidak mengeluarkan *Standing Order*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Speaker telah buat *ruling*, semasa soal jawab tidak ada *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mahu mengemukakan *Standing Order* ketika pertanyaan-pertanyaan lisan. Biarlah kita kekal dengan peraturan yang kita kemukakan itu, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

3. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang dasar kerajaan dalam menggunakan tenaga juruterbang muda terutamanya di bawah perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan juruterbang sama ada yang muda ataupun yang tua adalah berdasarkan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh International Civil Aviation Organization ataupun ICAO dan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 yang mana untuk menjadi juruterbang di syarikat-syarikat penerbangan yang berdaftar di Malaysia, setiap juruterbang awam perlu mempunyai lesen penerbangan yang sah, yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam ataupun DCA seperti mana yang mengikut keperluan Peraturan 41, Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 dan selaras dengan keperluan Annex 12, International Civil Aviation Organization ataupun ICAO. Sekian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak berhasrat langsung untuk mempertikai apatah lagi memandang rendah kewibawaan juruterbang-juruterbang muda yang pada ketika ini begitu dimonopoli oleh syarikat penerbangan MAS. Walau bagaimanapun, pepatah Melayu ada menyatakan, “Pengalaman itu membentuk kedewasaan”. Jadi bermakna juruterbang muda ini memang mereka ada lesen dari segi hakikinya, tetapi pengalaman mereka dalam soal membawa penumpang tidak begitu luas.

Persoalan yang ingin saya kemukakan ialah, apa yang telah berlaku dengan juruterbang-juruterbang yang telah bekerja dengan syarikat penerbangan kita, MAS ini begitu lama, tetapi tiba-tiba mereka memindah hala tuju kepada syarikat penerbangan lain. Apakah mereka memburu upah yang lebih lumayan, yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan lain yang tidak boleh ditawarkan oleh syarikat penerbangan negara kita sehingga kita terpaksa mengupah juruterbang-juruterbang yang tidak berpengalaman, yang muda untuk menjadi juruterbang dalam penerbangan negara kita? Terima kasih. *[Disampuk]* Dengar itu, itu soalan betul-betul.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bukan macam Padang Serai.

Dato’ Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat cakap tadi itu sebenarnya memang sah dan benar, pengalaman itu tetap mustahak tetapi bak kata pepatah Melayu juga, “Besarnya jangan disangka bapa dan kecilnya jangan disangka anak”. *[Disampuk]* Saya mengamati juga terdapatnya juruterbang-juruterbang kita ada yang telah pun ditarik oleh syarikat-syarikat penerbangan asing dengan gaji yang lumayan. Itu memang benar, tetapi kita kena juga ambil ini sebagai satu fakta yang selalunya berlaku dalam pasaran *fllea market*, dengan izin.

Walaupun demikian, saya hendak memberikan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini satu jaminan bahawa segala pilot ataupun juruterbang yang diupah, yang digaji oleh mana-mana syarikat penerbangan awam kita, baik MAS ataupun AirAsia, kenalah mereka ini menetapi kehendak-kehendak yang telah pun digariskan khasnya kita ini sebagai salah satu negara anggota ICAO, International Civil Aviation Organization. Semua ini kena dipatuhi dan tiada jalan yang lain dan saya harap Yang Berhormat jangan sangka bahawa yang juruterbang-juruterbang yang muda itu tiada pengalaman. Pengalaman itu pun bukanlah sekelip mata akan dapat diperolehi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, keadilan dalam Dewan ini berlaku dalam banyak bentuk. Kadang-kadang soalan kita tidak naik kita dapat soalan tambahan. Saya jemput Yang Berhormat Padang Serai. *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Puas hati sekarang?

Dato’ Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pilih kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau dia dapat, dia senang hatilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini macam ketam jugalah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ketam. Itu macam ketamlah itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ketam batu.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Jangan bising-bisinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, Yang Berhormat. Soalan tambahan, Yang Berhormat, kemukakan soalan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Inilah budaya yang diwujudkan. Tolong sedar bahawa kamu duduk dalam Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini budaya ketam batulah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, semalam kita baca dalam surat khabar-surat khabar dan juga diumumkan dalam televisyen-televisyen, bahawa kita boleh terbang ke London hanya dengan harga RM499.

Saya mahu tanya kerajaan, bilakah kerajaan mahu berikan satu *blanket approval* kepada semua penerbangan untuk terbang ke semua destinasi yang ada, dan juga saya mohon kepada kerajaan bantulah semua syarikat penerbangan yang ada di negara ini supaya mendapat kebenaran *landing rights* ke semua destinasi yang dipelopori oleh semua penerbangan Malaysia supaya semua syarikat penerbangan dapat pergi dan ini akan mewujudkan satu saingan, di mana bukan sahaja kita boleh terbang ke London dengan harga RM499, malah kita perlu...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Malah kita perlu... [Dewan riuh] Dengar dulu...

■1030

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Mana soalan?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Layak untuk membayar RM499 ataupun kurang untuk terbang ke New York, Washington DC.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Padang Serai, sudah. Berhenti...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Semua destinasi lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dengar tak?

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar dengan teliti setiap perkataan yang disebut tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Serai atas

keterbukaan ataupun langit terbuka, *open sky policy*, kementerian saya tengah usahakan. Itu bukanlah sekadar cakap ataupun impian sahaja. Walaupun demikian saya juga nak menasihatkan Yang Berhormat supaya bila kita nak menyentuh tentang *open sky policy* khasnya hak pendaratan, *landing right* tu, mungkin Yang Berhormat boleh baca dengan lebih menyeluruh sedikit.

Landing right dengan izin ataupun hak pendaratan itu sebenarnya ada sekatan dan juga garis panduannya. Misal kata hak pendaratan baik di Malaysia ataupun di negara-negara yang lain, ianya tertakluk kepada rundingan dua hala dan bukannya tanpa sebarang rundingan. Maka hak pendaratan, baik yang berupa hak pendaratan yang ketiga, keempat dan kelima.

Definisi itu mungkin Yang Berhormat boleh baca kemudianlah. Semua ini ada peraturannya dan lagi pun sesudah negara Malaysia kita memperoleh hak pendaratan misal kata di U.K, sama ada hak yang ketiga, keempat atau kelima itu dan ianya ada kuota juga. Sama ada syarikat penerbangan awam kita, baik MAS ataupun AirAsia ataupun syarikat yang lain kalau ada, nak memohon atau tidak, itu lain hal.

Itu tertakluk kepada *business decision* ataupun keputusan perdagangan yang akan dibuat oleh syarikat penerbangan awam yang berkenaan dan bukannya seperti mana Yang Berhormat cakap tadi. Kita buka semua, kalau buka semua ini, saya tak dapat bayangkan, ini akan jadi dunia terbaliklah nanti. Sekian.

4. Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan di manakah levi yang dikutip daripada pekerja asing disalurkan dan siapakah yang mendapat manfaat daripada kutipan levi tersebut.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2007, kerajaan telah berjaya mengutip levi pekerja asing sebanyak RM2.1 bilion. Manakala pada tahun 2008 sehingga 30 September 2008, sebanyak RM1.7 bilion telah pun dikutip.

Levi dikenakan khusus untuk pekerja asing tidak mahir dan kurang mahir sahaja, dengan izin, *non-skilled, and semi-skilled workers*. Manakala pegawai dagang atau ekspatriat pula dikenakan cukai pendapatan. Kutipan levi merupakan salah satu hasil Jabatan Imigresen Malaysia dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan sebagai hasil kerajaan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM373 juta untuk tujuan perbelanjaan mengurus Jabatan Imigresen Malaysia seperti pembayaran gaji dan emolument kepada seramai 9179 pegawai dan kakitangan jabatan, pelaksanaan kursus, perkhidmatan kaunter dan sebagainya

Selain itu, ia juga diperuntukkan untuk pelaksanaan aktiviti Jabatan Imigresen Malaysia melibatkan penguatkuasaan, pengurusan depot tahanan sementara warga asing. Sehingga 31 Oktober 2008, kos yang telah dibelanjakan untuk aktiviti tersebut adalah sebanyak RM317 juta.

Adalah nyata bahawa negara ini mendapat manfaat yang besar hasil daripada kutipan levi ini memandangkan ia membolehkan penguatkuasaan terhadap pekerja asing dan PATI dijalankan secara berterusan sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan dari risiko pelanggaran undang-undang dan perlakuan jenayah warga asing.

Selain itu, hasil levi yang dikutip oleh kerajaan dapat juga digunakan untuk menambah baik urusan berkaitan warga asing di Malaysia di samping menampung lain-lain kos untuk pembangunan negara. Terima kasih.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pendapatan purata bagi tenaga kerja Indonesia sekitar RM600 dan kadar levi RM1800 setahun ini ialah satu yang membebankan. Adakah lebih membebankan jika pekerja Indonesia dipotong gaji mereka sehingga RM4 ribu seperti kes yang berlaku di Bukit Bintang.

Adakah terdapat pertalian dengan proses birokratik dalam kutipan levi menyumbang kepada masalah pekerja asing tanpa izin di negara kita? Bolehkah kadar levi ini diselesaikan oleh tenaga kerja ini terus kepada pihak imigresen tanpa melibatkan agen sebagai pihak ketiga? Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya fikir ada salah faham Yang Berhormat daripada Kelana Jaya. Levi ini memang dibayar terus kepada kerajaan. Yang Berhormat cakap berkenaan pembayaran kos-kos lain, itu adalah kepada agen-agen antara perjanjian di antara kerajaan dengan kerajaan untuk membayar kos pengambilan dan kos-kos lain. Ini tidak masuk kepada pendapatan kerajaan. Jadi itu adalah persoalan lain, tapi daripada masa ke semasa yang pentingnya ialah supaya kita sendiri tidak bergantung kepada pekerja asing di mana kita boleh ambil pekerja kita, kita patut mengambil pekerja Malaysia.

Oleh itu saya berharap, Yang Berhormat kalau ada masalah-masalah khusus, bawa kepada kita untuk kita selidik. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai isu levi ini, sekarang banyak pekerja daripada pekerja asing, ada terlibat jenayah, ada terlibat isu keselamatan. Kenapa sekarang ada banyak pendatang asing, *illegal immigrant* ini, dengan izin.

Masalahnya kita punya dasar tidak cukup fleksibel. Katakan kita ambil satu orang pekerja daripada mana-mana negara, kalau dia masuk negara kita untuk bekerja, contoh di *construction sector*, pekerja itu datang kerja sebulan dua bulan dia lari. Akan tetapi majikan sudah bayar levi, bila dia ambil itu orang baru ganti, itu levi ada tinggal tempoh, kata tinggal 10 bulan, tidak boleh diguna pun. *Burn*. Ramai majikan sudah naik marah, dia orang pergi ambil *illegal immigrant*.

Inilah jadi satu masalah, kenapa dasar kita tidak boleh fleksibel. Sepatutnya apa tempoh yang tinggal, bagilah peluang majikan guna sampai habis, baru minta dia bayar mana-mana *renewal* kena bayar. Minta penjelasan daripada Menteri ini.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat daripada Bintulu yang sentiasa prihatin berkenaan masalah-masalah yang kita hadapi di sepanjang masa. Ingin saya jelaskan bahawa dasar Malaysia adalah salah satu dasar yang paling fleksibel. Kalau kita lihat pekerja asing dalam negara kita adalah 2.1 sehingga 2.2 bilion pekerja asing, dengan izin. Ini bermakna ini 25% daripada jumlah pekerja di dalam negara kita. Daripada 9 bilion, 25% daripada itu adalah pekerja-pekerja asing iaitu bermakna jumlah yang amat banyak sekali dan pekerja kalau *illegal* pula, 1.2 bilion.

Jadi ini menunjukkan bahawa ramai kita punya pekerja tanpa izin. Oleh itu, kita perlu tegas dalam melaksanakan dasar-dasar kita supaya ia tidak mendatangkan kerugian kepada negara. Kalau ada kes-kes yang macam mana Yang Berhormat kata perlu kita pinda, nanti semua orang minta di atas persoalan yang sama. Jadi sebab itu kita berhadapan dengan masalah, kita kena tegas di dalam kita melaksanakan dasar-dasar untuk tujuan kepentingan rakyat Malaysia.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, saya harap kita boleh faham. Itu orang tak guna tempoh itu, levi sudah dibayar.

■1040

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya faham, tak masalah, saya dah jawab macam Tuan Yang di-Pertua, kepada Ketua *Backbenchers*. Terima kasih.

5. **Dato' Lee Chee Leong [Kampar]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh manakah matlamat Kerajaan kita tercapai dalam usaha memperoleh sekurang-kurang 60 peratus tenaga pengajar di Pusat Pengajian Tinggi Awam berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) menjelang pelaksanaan RMK-9.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kampar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan profesionalisme tenaga akademik di IPTA serta telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya Yang Berhormat, 60% pensyarah di IPTA mempunyai kelayakan PhD atau setaraf dengannya menjelang tahun 2010.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga kini seramai 6,666 - cantik nombor itu, 6,666 pensyarah atau 31.6% daripada tenaga-tenaga pengajar kita adalah berkelayakan PhD. Berdasarkan prestasi ini Yang Berhormat, kementerian mengunjurkan seramai 10,065 orang pensyarah iaitu lebih kurang 47.7% sahaja mempunyai kelayakan PhD atau setaraf dengannya pada tahun 2010.

Oleh sebab itu, unjurannya adalah berkurangan daripada sasaran asal iaitu 60% semestinya memegang PhD. Makluman Yang Berhormat, kerajaan telah merangka beberapa program, antara programnya adalah program tajaan akan diteruskan dengan sasaran 7,715

orang pensyarah mengikuti pengajian peringkat PhD atau setaraf dengannya mulai tahun 2006, dua tahun yang lepas sehingga 2010.

Sasaran 60% pensyarah berkelulusan PhD dijangka hanya dapat dipenuhi pada tahun 2013, dengan program yang saya sebutkan tadi. Jadi insya-Allah kita akan cuba secara berterusan dan konsisten untuk mencapai tahap 60% itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong [Kampar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria untuk memilih pensyarah universiti yang akan diberi biasiswa kursus doktor falsafah atau PhD di universiti tempatan dan universiti luar negara dalam pelaksanaan program untuk menambah bilangan pensyarah yang berkelulusan PhD di universiti di negara ini.

Apakah peratusan pensyarah universiti yang akan dihantar untuk mengikuti kursus PhD di universiti yang berprestij tinggi iaitu *top ranking* 100 universiti supaya kita dapat tenaga pengajar yang berkualiti. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Kampar, kriteria yang ditetapkan untuk seseorang pensyarah itu melanjutkan pelajaran ke pengajian PhD, adalah sama dengan kriteria-kriteria yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada semua yang belum melanjutkan pelajaran iaitu antaranya ialah mesti mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman mengajar di sesebuah universiti, tidak kurang dari lima tahun dan mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dan juga mempunyai kontrak yang perlu ditandatangani dengan pihak universiti supaya setelah mereka tamat pengajian, mereka akan berkhidmat dengan pihak universiti tersebut.

Bagi mencadangkan nama-nama calon-calon PhD ini ke universiti ternama adalah menjadi polisi kementerian untuk menghantar semua pensyarah-pensyarah mereka ke luar negara di bawah Skim Latihan Akademik Institusi Pengajian Tinggi ke universiti-universiti yang berjenama sahaja.

Kemudian bagi makluman Yang Berhormat, baru-baru ini kementerian telah pun merangka satu lagi program iaitu program yang berkaitan dengan pemilihan calon-calon untuk menuntut di peringkat PhD, bermula dari lepasan SPM, Matrikulasi dan juga Diploma. Program ini akan mungkin digelar sebagai Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi untuk menentukan seorang itu boleh mengaji di peringkat PhD bermula di peringkat Sarjana Muda lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin kemukakan kepada Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, salah satu sebab kenapa Kementerian Pengajian Tinggi tidak boleh memenuhi ini *target* 60%, ada sebilangan yang dihantar membuat Ijazah PhD ini gagal. Semasa saya di UKM, saya ingat separuh daripada universiti Jabatan Sains Politik gagal mendapat PhD dan dianggarkan bahawa tiap-tiap tenaga pengajar yang dihantar membuat PhD ini, kerajaan membelanjakan RM350 ribu, mungkin ini akan meningkat.

Masa itu ada perbincangan di universiti bahawa mereka yang gagal mesti membayar balik perbelanjaan yang telah dikenakan oleh kerajaan, tapi saya pun tidak tahulah apa yang jadi pada isu itu. Jadi tolonglah Menteri Pengajian Tinggi menjelaskan, bukan sahaja memenuhi 60% seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bagaimanakah menghadapi isu kegagalan yang telah dialami oleh universiti-universiti tempatan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang daripada pengamal akademik, Yang Berhormat Batu Kawan saya yakin percaya bahawa kegagalan calon-calon PhD ini adalah merupakan suatu yang sangat subjektif. Ada di antara mereka mengatakan tekanan yang begitu kuat apabila menuntut di peringkat PhD dan pulang dengan kegagalan kerana tidak berdaya menghadapi cabaran-cabaran yang besar.

Apa pun saya yakin pihak kementerian mengambil tindakan kepada mereka yang tidak berjaya mendapat tahap PhD ini dengan cara membayar balik ataupun dengan mengarahkan mereka supaya meneruskan pengajian-pengajian mereka. Saya yakin dan percaya apabila sampai ke peringkat Doktor Falsafah ini, mereka sentiasa diberi ruang untuk mengulang sehingga mendapati mereka layak untuk menerima, mengiktiraf sebagai pemegang Ijazah Doktor Falsafah. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

6. Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapa jumlah Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kini dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi mereka; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang mengambil Pegawai PTD dari mereka yang berpengalaman sama ada dari sektor awam atau swasta paling minima tiga tahun sebelum diterima sebagai Kadet PTD justeru menjadikan Pegawai PTD lebih matang dan berketerampilan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bilangan pegawai PTD adalah seramai 7,147 orang. Berdasarkan kepada peranan dan sumbangan serta komitmen yang diberi, kerajaan berpuas hati dengan prestasi PTD.

Walau bagaimanapun usaha terus dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kompetensi pegawai dari segi pengetahuan, kemahiran dan kecekapan melalui latihan penempatan di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Pada masa ini pengambilan PTD terdiri daripada kalangan mereka yang telah mempunyai pengalaman dan berkhidmat dengan sektor awam dan swasta.

Ini kerana adalah menjadi dasar kerajaan, pengambilan PTD dibuat dari kalangan mereka yang mempunyai pengalaman dan kelulusan terbaik sama ada yang telah berkhidmat ataupun baru keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negara.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Timbalan Menteri, soalan

tambahan saya ialah terdapat banyak rungutan di kalangan pegawai PTD dan bukan PTD khususnya di peringkat pertengahan berhubung tindakan KSN dan kerajaan yang membenarkan trend memberikan lanjutan atau *extension* kepada pegawai tinggi seperti KSU dan ketua-ketua pengarah selepas mereka bersara wajib dan ini telah mengakibatkan pegawai bawahan tidak dapat naik ke atas.

Trend ini menggambarkan seolah-olah kerajaan tidak mempunyai strategi mengguna tenaga manusia yang baik dan efektif untuk menyediakan pegawai muda menerajui perkhidmatan awam. Contoh baik Jabatan Polis dan Jabatan Kastam dan agensi pusat yang lain.

Soalan saya, adakah kerajaan akan melihat secara serius trend memberi *extension* kepada pegawai yang telah bersara dan mengkaji agar ianya tidak berlarutan. Terima kasih Timbalan Menteri.

■1050

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang kerajaan kita memang sedia maklum berkenaan dengan perkara itu kerana perkara ini pernah di bangkitkan oleh Persatuan PTD iaitu ada usul supaya jawatan-jawatan tertentu terutama sekali jawatan JUSA ke atas tidak disambung. Kita telah mengambil perhatian dan sebenarnya sekarang ini sudah tidak ramai yang kita sambung mereka-mereka ini. Sekarang ini kita mempunyai sembilan Ketua Setiausaha. Yang disambung Timbalan Ketua Setiausaha, kita ada dua orang dan Ketua Pengarah lima orang yang melibatkan semuanya 16 orang. 16 orang ini melibatkan 60 kenaikan pangkat yang lain.

Memang kita sedar. Walau bagaimanapun kita di bahagian tidak guna sama iaitu seramai 88 iaitu terdiri daripada profesor, doktor dan sebagainya. Mereka-mereka ini terpaksa kita sambung atas sebab-sebab kepakaran dan sebagainya seperti pensyarah, ada di kalangan doktor, ada di kalangan pakar-pakar tertentu yang terpaksa kita sambung. Walau bagaimanapun perkara ini akan sentiasa di kaji supaya peluang-peluang kenaikan pangkat diberi kepada pegawai-pegawai muda yang sedia ada, terima kasih.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita tidak boleh nafikanlah peranan ataupun sumbangan Pembantu Tadbir Diplomatik ini dalam kerajaan kita secara kualiti bersama dengan perkara-perkara lain dalam skim yang berlainan. Bukan sahaja tentang dalam negara bahkan maklumat ataupun pengalaman mereka di luar negara. Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri. Suatu ketika dahulu menjadi isu yang agak besar ataupun keresahan di kalangan pegawai-pegawai di bawah skim pendidikan ataupun perkhidmatan pelajaran di mana mereka merasa tidak puas hati apabila sebahagian pegawai PTD ini ditempatkan di kementerian ataupun jabatan-jabatan pelajaran dan juga di daerah-daerah.

Jadi sedangkan peranan mereka berbeza ataupun skim mereka berbeza. Jadi apakah sebenarnya keadaan ini berlaku dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengemaskan kedudukan ini dan sejauh mana peranan ini telah membuktikan bahawa perkhidmatan PTD itu sebenarnya menyumbang kepada kemajuan dan juga pelaksanaan dasar-dasar kerajaan di negara kita, terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi berkenaan dengan perkara ini kadang-kadang kita tengok ada banyak kementerian iaitu *close service*, terutama sekali macam polis, Kementerian Pendidikan. Pada suatu ketika kita Kementerian Pendidikan memang ia adalah *close service* di kalangan guru-guru yang diberi peluang untuk kenaikan pangkat dan sebagainya yang menjawat sehinggalah ke jawatan yang tinggi. Akan tetapi akhir-akhir ini dibuka kepada pegawai-pegawai PTD untuk memegang jawatan-jawatan PTD di dalam Kementerian Pendidikan.

Saya rasa ini terpulung kepada pihak kementerian kerana apabila kementerian memohon atau membuka ruang kepada pegawai-pegawai PTD untuk memasuki kementerian ini, saya rasa kita tidak ada pilihan untuk mengisi jawatan-jawatan kekosongan yang ada di kementerian atau agensi-agensi berkenaan. Umpamanya pada suatu ketika dahulu berkenaan dengan Ketua Pengarah Kastam. Suatu ketika dulu Ketua Pengarah Kastam terdiri daripada orang-orang di dalam *close service* maknanya daripada pegawai daripada *rank in-file* dan dinaikkan pangkat sehinggalah Ketua Pengarah. Kemudian ada pegawai PTD telah mengisi jawatan Ketua Pengarah agak sekian lama. Sekarang ini ditutup balik.

Ini sebenarnya adalah terpulung kepada kementerian-kementerian dan sekiranya kementerian-kementerian atau agensi memohon kepada pihak JPA, maka JPA terpaksa melayan untuk mengisi jawatan itu atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

7. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program-program yang dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha meningkatkan patriotisme, kepimpinan dan keusahawanan di kalangan belia dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan dan adakah peruntukan yang diberikan itu mencukupi.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi perhatian dan penekanan dalam pelaksanaan program-program yang berpaksikan kepada peningkatan elemen patriotisme kepimpinan dan keusahawanan di kalangan para belia. Ketiga-tiga elemen ini adalah sangat penting dalam usaha KBS dan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat belia yang memiliki keperibadian yang bersepadu dari segi rohani, jasmani, bertanggungjawab, bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Di antara program-program yang dilaksanakan oleh KBS bagi mencapai maksud tersebut ialah di bawah elemen patriotisme. Satu, Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional atau PJKN. Bagi tahun 2008 KBS merancang untuk melaksanakan 95 program PJKN dengan melibatkan penyertaan seramai 15,200 orang belia. Peruntukan yang disediakan bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM10,356,000. Sehingga Jun 2008 sebanyak 32 program PJKN telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan 5,120 orang belia.

Untuk maklumat Yang Berhormat PJKN disasarkan kepada belia berusia antara 17 hingga 25 tahun. Kedua, Khemah Kerja Patriotik. Bagi tahun 2008 sebanyak 15 program Khemah Kerja Patriotik berjaya dilaksanakan dan melibatkan penyertaan seramai 2,700 orang belia. Jumlah peruntukkan yang disediakan ialah RM151,800.

Program ini dilaksanakan di peringkat negeri seluruh negara dengan setiap negeri akan menganjurkan satu program. Program yang seterusnya ialah program Komuniti Belia Remaja atau Y2Y. Bagi tahun 2008, KBS merancang untuk melaksanakan 478 program Y2Y dengan melibatkan penyertaan seramai 38,240 orang belia. Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM10 juta.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga Jun 2008 sebanyak 292 program Y2Y telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan 32,532 orang. Bagi elemen kepimpinan pula KBS telah melaksanakan program Kursus Pembangunan Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi di pelbagai peringkat yang bertujuan melatih para belia serta memberi pengetahuan dan kefahaman tentang persatuan, menarik minat untuk berpersatuan, mempelajari aspek kepimpinan dan pengurusan persatuan.

Bagi tahun 2008, KBS merancang untuk melaksanakan 206 program kepimpinan di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan belia seramai 9,928 orang dan melibatkan peruntukan berjumlah RM1,896,000. Sehingga Jun 2008, KBS telah berjaya melaksanakan 169 kursus kepimpinan dan pengurusan organisasi yang telah melibatkan penyertaan 7,780 orang.

Bagi keusahawanan pula, bagi membangunkan nilai keusahawanan di kalangan belia, tahun 2008 KBS telah merancang untuk melaksanakan 180 program keusahawanan dengan melibatkan penyertaan seramai 17,440 belia dengan peruntukan sebanyak RM23,392,000. Sehingga Jun 2008 sebanyak 61 program telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 6,583 orang belia.

Jadi secara keseluruhannya peruntukan yang disediakan adalah mencukupi bagi melaksanakan segala program yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan pertambahan perlaksanaan program-program yang telah dirancang ini sudah tentu peruntukan tambahan bagi menjayakannya diperlukan. Sekian.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan atas usaha

memperbanyak program-program belia di negara ini dan soalan tambahan saya, apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh kementerian di dalam memastikan pelatih-pelatih yang telah tamat mengikuti program keusahawanan untuk memulakan ataupun membantu perniagaan mereka, terima kasih.

■1100

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Sememangnya banyak program dalam keusahawanan telah dilakukan atau dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Antara program yang dilaksanakan ialah Kursus Asas Perniagaan, Program Bimbingan Keusahawanan Muda, Seminar Peluang Niaga Tani dan sebagainya.

Kementerian Belia dan Sukan bukan sekadar sahaja menyediakan program-program atau pengkhususan program untuk bantu belia. Malahan, Kementerian Belia dan Sukan juga menyediakan bantuan pinjaman kewangan, Skim Tabung Ekonomi Belia. Skim Tabung Ekonomi Belia ini ialah satu tabung di mana memberi pinjaman kepada belia antara umur 18 hingga 40 tahun. Jumlah atau nilai yang boleh dipohon ialah dari RM5,000 hingga RM50,000.

Buat masa kini, dana berjumlah RM40 juta ini disediakan untuk memberi pinjaman dan dibahagikan kepada dua skim iaitu Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani. Jadi, sehingga hari ini sebanyak 390 orang belia telah berjaya atau dapat manfaat, telah diberikan pinjaman. Keseluruhan nilainya berjumlah RM14.17 juta. Di mana RM8,761,000 bagi Skim Belia Niaga dan RM5,409,000 bagi Skim Belia Tani. Sekian.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Belia dan Sukan menyedari bahawa program meningkatkan patriotisme di kalangan belia-belie sememangnya gagal. Apakah Yang Berhormat setuju saya menyatakan demikian. Kalau kita lihat semangat jati diri, patriotisme anak-anak muda Malaysia sekarang ini begitu beruntung sekali. Contohnya, di waktu sambutan Hari Kemerdekaan atau pun kita lihat bagaimana mereka mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak dan golongan-golongan tertentu apabila timbulnya isu-isu yang membabitkan agenda nasional, mereka tidak tampil ke hadapan untuk mempertahankannya malah mudah diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu.

Oleh yang demikian, saya hendak tanya apakah bentuk kurikulum atau pun modul kursus patriotisme yang dianjurkan oleh pihak kementerian? Apakah ianya memberikan penekanan contohnya kepada aspek memberi kefahaman tentang bagaimana negara Malaysia ini merdeka dahulu. Malaysia ini asalnya negara siapa, asas kerangka negaranya, asas perlembagaan negaranya bagaimana supaya timbul semangat jati diri ini dan memahami apakah nilai-nilai Prinsip Rukun Negara diterap? Sebab saya menyatakan demikian melihat kepada perkembangan sekarang ini, kita lihat kalau ada penyertaan kaum golongan belia apabila ada pesta hiburan, pesta-pesta nyanyian, tetapi selain daripada itu langsung tidak ada. Mengibarkan bendera, membawa bendera secara sukarela tidak ada, kecuali di atur, di *orchestrate*, disusun

oleh penganjur-penganjur. Akan tetapi tidak ada semangat yang lahir daripada di kalangan belia sendiri.

Selain daripada itu, berapakah jumlah dari segi penyertaan kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Setahu saya, tidak banyak golongan kaum bukan bumiputera yang menyertai kursus-kursus melahirkan semangat patriotisme ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tujuan program-program yang dianjurkan ada mengambil kira juga. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa ambil maklum mengenai Institut-institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia di bawah kementerian sentiasa juga mengkaji dan akan mengkaji adakah program-program yang dilaksanakan mencapai sasarannya.

Jadi, buat masa kini, Kementerian Belia dan Sukan memang berusaha gigih untuk memperbanyakkan program-program menuju ke arah tersebut. Jadi, Kementerian Belia dan Sukan juga akan ambil semua maklumat atau pun memperbanyakkan program untuk semua kaum. Oleh sebab, program-program yang dilaksanakan atau dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengharap-harapkan semua kaum, tanpa memilih kaum untuk ambil bahagian dalam semua program tersebut.

Jadi, bagi Kementerian Belia dan Sukan memang sentiasalah ambil berat. Jadi, bagi saya untuk jumlah atau pecahan itu, buat masa ini saya tidak ada. Mungkin saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat kelak. Sekian.

8. Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan angka rasmi kadar pengangguran mahasiswa untuk 3 tahun lalu sehingga kini dan apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah '*miss-match*' antara dunia akademik dan sektor industri serta keperluan pasaran.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2005, jumlah pendaftar aktif melalui portal *jobs* Malaysia di kalangan siswazah adalah sebanyak 32,279 manakala bagi tahun 2006 berjumlah 40,498 orang dan tahun 2007 sebanyak 41,579 orang dan sehingga 19 November tahun ini sebanyak 84,701 orang telah didaftarkan. Akan tetapi, saya kena terangkan bahawa ini adalah jumlah siswazah yang daftar melalui sistem ELX di bawah Kementerian Sumber Manusia dan ada seberapa banyak daripada mereka yang sudah berjaya mendapat kerja.

Oleh itu, maklumat yang benar dan tetap tentang sebenar-benarnya bilangan yang menganggur ini adalah satu maklumat yang kita tidak perolehi kerana tidak ada sistem yang menunjukkan bahawa siswazah-siswazah yang menganggur dipastikan memaklumkan ke sesiapa kerana mereka menganggur. Oleh itu, maklumat tepat itu tidak boleh diperolehi tetapi ini ialah mereka yang daftar melalui sistem yang ada di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, kementerian telah dan sedang berusaha untuk menyediakan pelbagai bentuk kemahiran untuk mengurangkan jurang

miss-match di antara kemahiran yang dimiliki oleh graduan dan keperluan industri. Bagi tujuan tersebut, kita telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi bagi memastikan graduan yang keluar daripada IPTA mempunyai kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan sebenar industri. Kementerian Pengajian Tinggi pun telah berusaha untuk mengubah suai program pengajian bersesuaian dengan keperluan industri.

Di samping itu, pelabur-pelabur yang berminat melabur di Malaysia diminta memaklumkan melalui MIDA mengenai jumlah tenaga kerja serta jenis dan tahap kemahiran yang diperlukan. Sekiranya kemahiran yang diperlukan itu belum ada, Kementerian Sumber Manusia akan mengambil tindakan untuk melatih siswazah dalam bidang-bidang kemahiran-kemahiran yang diperlukan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah kementerian.

Contohnya, pada baru-baru ini, dalam bidang *business outsourcing*, kita ada diberikan maklumat bahawa ada peluang lebih kurang 13,000 tenaga kerja pada tiap-tiap tahun. Kementerian telah mewujudkan standard iaitu *National Occupational Skill Standard* untuk bidang ini. Sekarang kita telah mengadakan program latihan kepada siswazah yang berminat untuk bidang ini.

Bidang ICT pun, kementerian telah menjalankan latihan di dalam bidang-bidang kemahiran khas seperti *Software Development* yang mana keperluannya masih tinggi di kalangan industri. Melalui tindakan-tindakan yang sedemikian, kementerian berharap masalah pengangguran di kalangan siswazah dan *miss-match* akan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengiktiraf kesungguhan dan komitmen Yang Berhormat Menteri dan kementerian beliau. Namun, nampaknya kita masih bergelut dalam usaha untuk menyelesaikan masalah *miss-match* ini.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian. Pertamanya saya ingin tanya kementerian manakah yang bertanggungjawab akhirnya mengeluarkan dengan satu *blue print* kah, satu *master plan human capital* ini?

■1110

Semalam saya bercakap tentang *e-Master plan* tenaga untuk sekian lamanya kita tidak tahu Kementerian Pengajian Tinggi kah, atau pun Kementerian Sumber Manusia. Itu soalan pertama kerana kita perlukan satu yang jelas dari sudut wawasannya dari sudut, strategik *optionnya* dan segalanya kerana kalau kita tidak ada *blue print*, maka inilah akibatnya, *miss-match* yang berterusan. Itu yang pertama soalan saya, siapa yang bertanggungjawab? *Who takes the ownership?* Keduanya dalam soalan *miss-match* ini Tuan Yang di-Pertua kita tidak lagi boleh sebagaimana Yang Berhormat menteri sebutkan lakukan latihan *retraining* dalam bentuk

generate. Kita membelanjakan setengah *million*, RM500 *million a year*. Satu jumlah yang cukup besar dan sekali gus menunjukkan di mana gagalnya proses pendidikan kita.

Apa yang saya hendak tekankan keperluan untuk kementerian melihat kepada *critical strategic clusters* yang seharusnya mengenal pasti keperluan. Pertamanya kalau saya boleh sebutkan sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, *clusters* yang di samping ICT yang disebutkan tadi, *creative technologies*, *software development* dan *SSO outsourcing* perlu juga dilebarkan kepada bioteknologi, logistik, *hospitality*, *Islamic Finance and banking*. Kesemuanya ini memerlukan kita melakukan *psychometric* analisis terhadap graduan ini dahulu untuk kita kenal pasti *attitude* mereka, kecenderungan mereka. Barulah kita boleh lakukan satu *retraining* yang akhirnya akan dapat mengatasi sedikit persoalan *mismatch*. Akan tetapi persoalan *mismatch* tadi perlu kod satu *blue print*. Modal insan yang kita sebut-sebutkan hingga hari ini tidak nampak di mana perkara itu, terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat kerana kemukakan dua soalan yang mempunyai nilai yang tinggi. Satu ialah tentang tanggungjawab agensi terhadap pembangunan sumber manusia. Saya mengakui bahawa tanggungjawab ini ialah di bawah Kementerian Sumber Manusia dan baru-baru ini iaitu minggu lalu kita telah dengan rasminya melancarkan *National Labour Blue Print* untuk negara kita di mana segala isu-isu tentang keperluan tenaga sumber manusia dan dari segi keperluannya serta cadangan-cadangan macam mana kita kena menangani isu ini dari segi keperluan.

Sebelum ini, sistem pendidikan kita dan sistem latihan kita ialah daripada pengeluaran, tetapi tidak mengambil kira apa yang diperlukan. Sekarang ada satu pemindahan paradigma ini dalam hal ini di mana kita memberikan tumpuan yang lebih kepada apa yang keperluan di *hand receiver* iaitu di industri. Ini supaya sistem-sistem latihan kita bukan sahaja di dalam institusi pengajian tinggi, tetapi di dalam institusi vokasional kita di tujukan kepada keperluan yang telah ditetapkan supaya mereka yang keluar dari sistem ini boleh diserap dan boleh diterima di dalam sistem. Itu ialah anjakan paradigma yang telah berlaku dan melalui itu pelbagai jenis perubahan sedang dibuat. Untuk menjawab soalan yang kedua itu, ialah tentang *critical strategy*.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa memang minda seseorang itu berlainan dan mereka mempunyai minat yang berlainan dan dari segi psikologi mereka dan daripada jati diri mereka. Oleh itu, kita mesti memerlukan satu-satu kajian untuk memastikan bahawa apa yang sesuai untuk seseorang. Perkara ini sudah diambil kira oleh kementerian dan untuk membantu siswazah-siswazah yang menghadapi kesusahan untuk mendapat kerja, kita menggalakkan mereka supaya menjalankan *testing* macam apa yang disebutkan oleh saudara yang akan buat *matching* dengan *skill* yang mereka ada. Selain daripada segi psikologi, apa yang mereka suka dan daripada kemahiran mereka dan latihan mereka, latar belakang mereka. Selepas itu memberi cadangan supaya mana-mana bidang yang mungkin lebih sesuai dengan

mereka. Ini adalah usaha-usaha yang telah dia, bilangan, segala cadangan yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat sudah jadi pengamalan di bawah kalangan kementerian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti jawapan panjang lebar tadi tentang *national labour blue print* dan sebagainya. Akan tetapi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah kemahiran selain daripada minat. Kalau dahulu Tuan Yang di-Pertua ada Skim Khidmat Siswazah (SKS) semasa kita berhadapan dengan kegawatan ekonomi. Sekarang ini kita telah pun mempunyai banyak syarikat besar seperti GLC, Golden Hope, IOI, Guthrie. Malah IPP pun banyak YTL dan sebagainya. Termasuklah tambah teknologi. Jadi soalan saya dalam *national labour blue print* ini, adakah pihak kementerian telah pun memasukkan satu ciri latihan kemahiran sambil berkhidmat. Ertinya kementerian menggalakkan mendapatkan kerjasama yang erat syarikat-syarikat besar ini, syarikat-syarikat GLC untuk mengambil mahasiswa bekerja sambil-sambilan dengan gaji yang mungkin separuh tidak apa, tetapi akhirnya mereka mendapat kemahiran yang tinggi dan diterima di pasaran yang lebih terbuka pada masa ini, sekian terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kementerian telah menjalankan satu program khas yang dipanggil Sistem Latihan Dual Negara (SLDN). Di mana seseorang pelatih termasuk siswazah mereka akan mendapat latihan di dalam satu-satu bidang kemahiran yang tertentu 70% di dalam industri iaitu tempat kerjanya dan 30% di dalam institusi di mana mereka akan diberikan *periodical training*.

Ini ialah satu usaha untuk memastikan bahawa siswazah ini didedahkan kepada suasana di dalam tempat kerja. Selepas itu, mereka boleh mendapat kemahiran yang lebih tinggi dan jadi lebih sesuai untuk kerja di dalam industri itu. Sampai masa sekarang lebih kurang 5,000 orang telah menjalankan program di dalam ini dan untuk itu kementerian bayar, kita bayar duit sebagai elaun untuk pelatih dan untuk industri yang menerima mereka pun. So, melalui program ini kita berharap bahawa ini akan membantu lebih ramai siswazah untuk mendapat kerja kerana mereka akan didedahkan dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan ini akan mendapat keuntungan kepada kedua-dua pihak iaitu kepada industri dan kepada pekerja, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Maaf, peranan GLC tadi.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Ya, ya. sekarang kita sudah minta ada yang satu-satu GLC telah mengambil bahagian dalam program ini dan kementerian di dalam usaha untuk meluaskan lagi bilangan GLC dan syarikat-syarikat yang lain yang mengambil bahagian di dalam program ini, terima kasih.

9. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan statistik mahasiswa lelaki dan perempuan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menangani sebarang ketidakseimbangan jumlah mahasiswa lelaki dan perempuan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir.Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau yang begitu berminat tentang perkembangan pelajar-pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan di IPT kita kerana ini adalah kali kedua Yang Berhormat membangkitkan soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif. Ini adalah kerana laluan ke IPTA adalah terhad bagi menampung yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, prestasi dan kecemerlangan pelajar di peringkat sekolah menengah berperanan dalam menentukan tempat mereka di IPT. Tuan Yang di-Pertua, kecemerlangan pelajar perempuan di sekolah menengah yang lebih baik berbanding dengan pelajar lelaki telah menyebabkan bilangan pelajar perempuan mendapat tempat di peringkat sarjana muda di IPTA.

Namun demikian, bilangan pelajar lelaki masih melebihi pelajar perempuan yang program di peringkat PhD, begitu juga bilangan pelajar lelaki melebihi perempuan turut berlaku di politeknik dan Kolej Komuniti. Enrolmen pelajar di politeknik pada Januari 2008 adalah terdiri daripada pecahannya 56% pelajar lelaki dan 44% pelajar perempuan.

■1120

Manakala di kolej komuniti pula terdiri daripada 57% pelajar lelaki dan 43% pelajar perempuan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kementerian yakin fenomena pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki pada masa ini tidak akan menjejaskan penglibatan golongan lelaki dalam bidang profesional di masa hadapan.

Merujuk kepada soalan berkaitan dengan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk kesedaran kepada pelajar-pelajar lelaki untuk kemasukan ke IPT Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi telah menganjurkan Program Pendidikan KPT bersama rakyat di tujuh buah zon seluruh negara dari bulan Februari sehingga Mac dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia.

Langkah yang kedua, mengadakan seminar dan forum, peluang pengajian tinggi kepada kaunselor sekolah, guru penyelarass tingkatan lima dan enam berserta dengan wakil PIBG bersama-sama ketika Program Pendidikan KPT bersama rakyat dilaksanakan.

Yang ketiga, mengadakan pameran pendidikan yang disertasi oleh seluruh IPTA dan IPTS serta agensi kerajaan bagi membuka peluang kepada pelajar mengetahui program yang ditawarkan serta syarat-syarat kelayakan serta kurikulum program yang dilaksanakan.

Akhir sekali mengadakan *outreach program* ke sekolah-sekolah, kolej matrikulasi dan juga jabatan pelajaran negeri-negeri bagi memaklumkan peluang pengajian tinggi melalui saluran seperti pengalaman kerja dan pendidikan jarak jauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya nampak trend mahasiswa lelaki menjadi spesies yang semakin pupus ini bukan hanya terhad di Malaysia tetapi satu trend ataupun perkembangan global kalau kita lihat di Amerika Syarikat, di negara-negara maju pun sama juga masalahnya.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa di kolej komuniti, di politeknik dan sebagainya lebih ramai lagi lelaki dan sudah tentunya ini adalah alasan selalu diberi kerana lelaki ini lebih mahir dalam latihan amali ataupun vokasional dan sebagainya tetapi juga kita perlu mengakui kenyataan bahawa pelajar lelaki ini kadang-kadang dia *late bloomers*, pencapaian akademiknya meningkat hanya pada penghujung kerjaya persekolahannya berbanding dengan perempuan yang lebih tekun, yang lebih *diligent* dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya soalan sama ada Kementerian Pengajian Tinggi ada cadangan untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, Timbalan Menteri yang duduk sebelah Menteri itu untuk mengadakan satu perbincangan bagaimana kurikulum tersebut dapat dipindahkan ataupun diubah daripada satu kurikulum yang terlalu berdasarkan kepada peperiksaan yang mungkin memberi kelebihan kepada perempuan yang lebih tekun, *diligent* dan sebagainya kepada kurikulum yang lebih kepada *course work*.

Yang kedua saya hendak tanya sama ada kelayakan masuk ke universiti ini dapat diubah sedikit untuk melihat kepada potensi pelajar dan bukan hanya kepada keputusan peperiksaan SPM yang mungkin memberi kelebihan sedikit kepada pada pelajar-pelajar perempuan dan terakhirnya apakah pecahan dari segi prestasi akademik di IPT untuk sarjana muda, pecahan mengikut gender. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang saya kira ada sedikit jawapan di dalamnya di mana kementerian dapat merasakan bahawa fenomena yang berlaku pada hari ini adalah disebabkan oleh kerana pelajar-pelajar perempuan ini mempunyai kemahiran kognitif menggunakan akal, minda dan sebagainya yang lebih daripada kumpulan pelajar lelaki yang keupayaannya lebih kepada *psikomotor*, kalau mengikut taksonomi *late bloomers* ini.

Jadi apa Yang Berhormat sebutkan tadi benar kerana angka menunjukkan bahawa pelajar lelaki di peringkat PhD adalah melebihi daripada pelajar perempuan tetapi kita tidak boleh selesa di sini kerana pelajar perempuan di peringkat PhD Tuan Yang di-Pertua, kita ada 61% pelajar lelaki dan 38% pelajar perempuan tetapi di peringkat sarjana, pelajar-pelajar perempuan sekarang sedang mengejar dekat pelajar-pelajar lelaki, kita telah ketinggalan apabila pelajar lelaki telah berada di [Ketawa], Maafkan saya. Pelajar lelaki 46% dan pelajar perempuan 53%.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi saya tegaskan sekali lagi tidak mengamalkan gender diskriminasi bukan sahaja pada penjawat-penjawat tinggi bahkan juga kpd pelajar-pelajarnya sehingga kita tidak ada cadangan langsung untuk memperkenalkan kuota kepada pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Sebab itu kita mengizinkan angka terkini Tuan

Yang di-Pertua begitu menarik sekali, satu peningkatan yang begitu ketara. Angka pada bulan Julai 2008, kita mempunyai pelajar perempuan sebanyak 60.39% di seluruh IPTA di negara kita dan pelajar lelaki selebihnya 39.61%.

Jadi cadangan Yang Berhormat untuk pihak Kementerian Pengajian Tinggi bekerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memang sedia ada dan akan kita dipertingkatkan lagi untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar lelaki betapa pentingnya pencapaian akademik bagi kita menghadapi cabaran di masa hadapan dan saya tegaskan sekali lagi untuk kelayakan syarat masuk pada hari ini, pada ketika ini kementerian melaksanakan 90% adalah pencapaian akademik dan 10% adalah penglibatan pelajar-pelajar di bidang kokurikulum.

Jadi sedikit sebanyak mungkin ini akan dapat mengimbangi fenomena pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki di dalam IPT di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Keputusan tadi berdasarkan kepada pecahan gender.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Keputusannya Tuan Yang di-Pertua kalau dari segi pencapaian pelajar-pelajar saya tidak ada tetapi dari segi kedudukan perbandingan di antara pelajar lelaki dan perempuan di peringkat diploma, perempuan adalah 59%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jawapannya *reply* secara bertulis.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Boleh jugalah. Saya akan bekalkan secara bertulis kepada Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Melihat kepada peratus yang disebut oleh menteri berkaitan dengan golongan lelakilah terutamanya saya lelaki dan masa depan orang lelaki supaya lebih terjamin, apakah Kementerian Pengajian Tinggi bercadang untuk membuat kajian secara menyeluruh kenapa pelajar lelaki terkebelakang di IPTA, satu kajian yang memastikan lonjakan itu perlu dibuat segera di masa depan menteri sendiri dan semua golongan lelakilah. Minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikira saya telah pun menjawab kerana ia lebih kepada pelajar-pelajar perempuan ini sebenarnya lebih tekun dan lebih konsisten, lebih *consciences*, lebih peka daripada pelajar lelaki yang lebih kepada kemahiran tangan, pergerakan dan sebagainya tetapi apa pun Yang Berhormat, fenomena ini berlaku mungkin kita membandingkan dengan satu ketika dahulu pelajar lelaki ini hendak kata tidak pandai sebenarnya pandai tetapi dia malas hendak fikir sedikit.

Yang pelajar-pelajar perempuan ini sebenarnya dahulu kala memang pandai daripada dahulu, orang perempuan, pelajar perempuan memang pandai daripada dahulu sampai IPT pun.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Hai YB selamat, balik rumah selamat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Ini tentang kajian, mungkin kerana kekangan. Saya sebutkan kekangan keluarga di suatu ketika dahulu yang menghalang orang-orang perempuan daripada untuk membangunkan diri mereka, keluarga tidak membenarkan melanjutkan pelajaran tetapi hari ini keluarga telah diberikan pendidikan dan semuanya berfikiran terbuka.

Apabila pelajar perempuan diizinkan oleh keluarga untuk melanjutkan pelajaran sejauh mungkin, mereka telah membuktikan bahawa mereka lebih hebat daripada orang lelaki dan mungkin suatu hari akan menggoncang dunia, orang perempuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Menteri sudah mula takut dengan orang perempuan sekarang ini. *[Ketawa]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya bukan...

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Jawab Menteri, jawab.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan takut.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sudah mula takut ini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya bukan takut tetapi saya hormat kepada orang perempuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita perlu kepada *scientific research* bukan sebut macam itu, bukan congakkan macam itu, *scientific research*.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya faham tetapi Yang Berhormat bercakap berdasarkan fakta. Saya bercakap pengalaman itu juga merupakan fakta dan angka. Terima kasih.

10. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah kementerian sedar terdapat beberapa kawasan penempatan Orang Asli di Hulu Selangor yang terletak di kawasan semula jadi flora dan fauna di samping kaya dengan kesenian dan kebudayaan yang boleh menarik pelancong. Bolehkah kementerian membangunkan sektor pelancongan di kawasan ini dengan menjalankan program-program bagi menarik pelancong ke kawasan tersebut.

Menteri Kemajuan Luar bandar dan Wilayah [Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Untuk maklumat Yang Berhormat, berkaitan dengan syor untuk membangunkan projek pelancongan di kawasan Orang Asli di kawasan Hulu Selangor, satu kajian perlu dilakukan terlebih dahulu bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia bagi memastikan pelaksanaan projek pelancongan di kawasan tersebut memberi manfaat kepada penduduk setempat dan berupaya untuk menarik minat pelancong melawati kawasan berkaitan.

■1130

Walau bagaimanapun, kita mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat. Sememangnya kementerian ini menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ada melaksanakan

projek pelancongan di perkampungan Orang Asli dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM600,000 diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pelancongan dan tertumpu kepada pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil kawasan pelancongan Orang Asli yang telah dibangunkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat tamatlah sudah sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAHP.M 18(1)**

**TINDAKAN KEJAM REJIM ZIONIS YAHUDI DI
SEMENANJUNG GAZA**

11.30 pg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya Mohd. Puad Zarkashi Ahli Parlimen Batu Pahat mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk merundingkan perkara tertentu, berkepentingan ramai, dan perlu disegerakan.

“Bahawa Dewan yang mulia hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan satu perkara iaitu tindakan kejam rejim Zionis Yahudi yang mengepung Semenanjung Gaza dibincangkan”.

Tuan Yang di-Pertua, dunia sekali lagi dikejutkan dengan tindakan kejam tentera rejim Yahudi yang membuat kepungan terhadap kawasan Gaza. Tindakan Israel ini membuktikan mereka tidak menghormati permintaan masyarakat antarabangsa dan juga resolusi PBB yang mahukan konflik Palestin diselesaikan secara aman dan rakyat Palestin diberikan hak untuk berkerajaan sendiri.

Israel sekali lagi menggunakan taktik mengepung dan menghalang keluar masuk rakyat Palestin di Semenanjung Gaza supaya rakyat Palestin di kawasan berkenaan kebuluran dan berhadapan dengan krisis kemanusiaan.

Setelah berjaya memecahbelahkan rakyat Palestin melalui dua pentadbiran berbeza di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, Israel terus bertindak zalim dengan kepungan tersebut tanpa mempedulikan kutukan pihak antarabangsa yang mahu menamatkan konflik Palestin.

Rejim Israel langsung tidak menghormati bahawa Kerajaan Hamas yang memerintah dan mentadbir kawasan Gaza adalah kerajaan yang sah, yang dipilih melalui proses pilihan raya yang demokratik dan adil. Oleh itu, di Dewan Parlimen Malaysia yang mulia ini kita mendesak supaya

rejim Israel membuka balik sepenuhnya tanpa syarat kepungan mereka terhadap Semenanjung Gaza.

Kita juga meminta Kerajaan Malaysia melalui pengaruhnya dalam OIC supaya tindakan tentera Israel mengepung Gaza dibahaskan di PBB dan bantuan kecemasan hendaklah dihantar segera ke kawasan tersebut.

Oleh kerana ianya perkara tertentu, melibatkan kepentingan ramai dan perlu disegerakan saya memohon Dewan ini ditangguhkan bagi membahaskan usul ini. Saya mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Batu Pahat pada hari Isnin 24 November 2008. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan akhbar pada 21 November 2008 mengecam sekeras-kerasnya keganasan terbaru yang berlaku di Gaza dan mendesak masyarakat antarabangsa terutama PBB serta negara-negara kuasa besar yang mampu bertindak supaya mengambil tindakan tegas terhadap rejim Zionis terhadap isu yang dibangkitkan.

Dengan tindakan ini saya berpuas hati bahawa usul ini tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya merayu Tuan Yang di-Pertua usul yang sebaik dan terpenting ini kita bahaskan di Dewan ini. Ini sekatan kepada orang awam di Gaza ini. Kebulur Tuan Yang di-Pertua atas kekejaman Zionis Yahudi ini. Biarlah Parlimen Malaysia ini melahirkan satu keputusan mengutuk tindakan Yahudi dan Zionis ini. Bangsa-bangsa Bersatu pun sebenarnya sudah mengutuk

supaya kuasa-kuasa besar yang ada kuasa untuk mengajar Yahudi Zionis ini menarik balik sekatan. Rakyat awam kebulur ini! Rakyat awam kebulur ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Sudah buat keputusanlah. Duduk, duduk.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mewakili rakan-rakan di sebelah sini menyokong apa yang disebutkan oleh...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sokong, setuju. Semua setuju bangun.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...Yang Berhormat Sri Gading. Kami juga menyokong penuh usul ini untuk dibincang dan dibahaskan di dalam Parlimen ini kerana isu ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: ...yang memerlukan Malaysia mengambil jalan yang utama bagi memastikan kedudukan kita dalam OIC dan isu ini telah lama kita perjuangkan, tapi tidak dibincangkan isu yang semasa ini di dalam Parlimen ini. Hanya kita dengar ianya dibuat kenyataan oleh Wisma Putra, tapi kalau kita lihat dalam media ianya tidak menjadi satu isu yang dibincangkan secara serius.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Kita mahukan Parlimen menjadi satu medan bagi kita menyatakan pandangan bersama kerana dalam isu ini ianya *cross border*. Tidak mengenal parti politik sama ada sebelah sana atau sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Peraturan mesyuarat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Yang mengizinkan kami kalau lebih 20 orang bangun berdiri sekarang supaya usul ini dapat dipertimbangkan dan dapat kita bahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Kerana sangat penting. Parlimen Malaysia merasakan sangat penting untuk kita membincangkan isu ini dan Parlimen seharusnya mempertimbangkan bahawa isu ini kemanusiaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Janganlah maknanya semasa Yang Berhormat Ipoh Barat membawa isu tentang pembunuhan di Sri Lanka juga ditolak. Sekarang ini kita bincang tentang kekejaman Yahudi juga ditolak. Jadi saya tidak faham...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Muar tak sokong.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...kenapa tidak boleh. Jadi biar kita bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu bangun ini tidak berbangkit Yang Berhormat. Ia berbangkit jika usul ini diterima untuk dibahas oleh Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada ahli yang membantah. Maka perkara untuk bangun dan menyokong seramai 15 orang berbangkit. Dalam keadaan ini Yang Berhormat perkara menyokong 15 orang bangun tidak berbangkit. Yang Berhormat saya prihatin dan memahami bahawa isu ini adalah isu semua pihak tanpa mengira pembangkang ataupun Barisan Nasional. Seperti yang telah saya nyatakan tadi telah maklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa itulah keputusan yang telah dibuat tetapi Yang Berhormat masih banyak peluang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat, saya habiskan dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat masih banyak peluang untuk membahas isu ini dalam Dewan ini sepanjang sesi Parlimen kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh membahas perkara ini pada peringkat Kementerian Luar Negeri dan banyak peluang yang ada dalam Dewan ini sehingga 18 Disember nanti.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon sedikit waktu sahaja untuk menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Bangun kita bijak. *[Ketawa]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, ini pada hemat kami adalah kesempatan yang cukup baik menunjukkan bahawa ada isu-isu penting yang boleh diputuskan bersama oleh semua rakyat di Malaysia tanpa mengira fahaman politik. Oleh yang demikian, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat patut dibahaskan dan mendapatkan *consensus* Parlimen mengutuk kezaliman Zionis Israel, kerana kalau ini tidak dianggap mendesak saya tidak mengerti apa lain.

Kita faham bahawa Kementerian Luar Negeri telah mengambil sikap dan pendirian yang jelas dan kalau kita bangun membahaskan kita juga menyokong langkah yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri. Tetapi bezanya ialah ia bukan lagi sikap satu kementerian, tetapi sikap pendirian Parlimen yang didukung oleh seluruh rakyat Malaysia. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pendirian kementerian dengan sebulat suara dukungan Parlimen yang kita jangka itu berbeda besar, malah petaka besar yang menimpa rakyat Palestin menuntut kita mengambil tindakan yang berani dan tegas. Suara rakyat pada kali ini suara muafakat dan saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Batu Pahat *[Tepuk]* dan dalam hal ini

saya memohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan perbahasan dan mengemukakan usul dari Parlimen Malaysia sebulat suara menentang kezaliman Zionis Yahudi Israel.

■1140

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini dengan rasa keinsafan dan saya percaya mana-mana forum juga sudah tentu kita boleh merayu, memohon dan meminta secara baik. Kita faham pendirian Tuan Yang di-Pertua, tetapi berilah kami keyakinan untuk membahaskan usul penting ini sebab ianya melibatkan nyawa manusia. Kita juga manusia.

Walaupun kita berjauhan tetapi kita melihat keperitan kehidupan yang mereka hadapi. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun insan yang begitu ada keprihatinan dan keputusan itu saya rasa boleh kita rujuk. Bukan kita menentang tetapi kita memohon jasa baik budi bicara Tuan Yang di-Pertua supaya menerima usul Yang Berhormat Batu Pahat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Soal penolakan ini tidak membayangkan sama sekali bahawa saya tidak insaf dan tidak sensitif terhadap perkara ini. Namun demikian, kita telah berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat dan kita berpuas hati bahawa tindakan Kerajaan Malaysia dalam isu ini cukup membayangkan bantahan kita terhadap kita terhadap tindakan...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat. *You must understand. You have to sit down.*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Biar saya habiskan satu ayat. Kalau kita tolak usul ini dengan alasan perkara ini tidak perlu disegerakan, apakah pandangan dunia terhadap Malaysia ini. Parlimen Malaysia benarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini yang saya cakap Yang Berhormat bahawa Kerajaan Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Akan tetapi isu ini bukan kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Untuk mengutuk tindakan Kerajaan Israel terhadap isu ini Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Parlimen perlukan satu pendirian. Kerajaan dan kita khuatir rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya telah buat satu keputusan dan saya minta Yang Berhormat untuk menerima keputusan ini Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya hanya ingin *note* satu perkara yang harus ditunjukkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Supaya kita tidak disalah anggap bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan dan kita anggap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya juga tidak mahu disalah anggap bahawa saya tidak sensitif terhadap isu ini Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya, kita harus rakamkan bahawa kita rasa ada *urgency* dalam isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua katakan kerajaan. Kerajaan dan Parlimen kita berbeza.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ketua Pembangkang telah pun menjelaskan isu ini Yang Berhormat dan tidak ada lagi yang perlu ditambah oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dan Anggaran Pembangunan 2009 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketiga belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.32 [Jadual] –**Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2009] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.32 dan kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Bukit Bintang.

11.44 pg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan bajet untuk Kementerian Wilayah Persekutuan di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 060600 – Penyenggaraan Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam DBKL yang menerima peruntukan sebanyak RM40 juta. Jika kita meninjau setiap rumah pangsa dan PPR, kita akan mendapati setiap kawasan perumahan awam ada masalah seperti kekotoran pada tangga, lantai koridor, longkang, sampah sarap bersepah-sepah, rumah sampah kotor dan kutipan sampah sarap tidak teratur, peti surat dipecahkan, vandalisme seperti menconteng dinding, membuang najis seperti kencing di sudut-sudut dan anak tangga, lampu koridor tidak menyala, lif rosak dan banyak lagi. Tidak semua sekurang-kurangnya ada sahaja masalah tersebut berlaku.

Tuan Pengerusi, bagaimana keadaan ini boleh berlaku ialah kerana sikap pelawat perumahan, kejiranan termasuk pekerja-pekerja kontraktor tidak menunaikan tanggungjawabnya dengan dedikasi dan rajin. Jika penduduk-penduduk membuat aduan ke pejabat kecil perumahan, ia akan memakan masa yang sehari-hari, berminggu-minggu dan berbulan-bulan untuk menyelesaikan dan ada juga langsung tidak diambil tindakan walaupun penduduk mengadu berulang kali. Biasanya penduduk-penduduk akan membuat aduan kepada wakil rakyat di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya bahagian penyenggaraan perumahan awam dan rakyat ini diberikan perhatian oleh pihak pengusahaan tertinggi DBKL. Jika perlu dirombak semula dan segala kerenah birokrasi ditamatkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Setiap aduan hendaklah diselesaikan dengan cepat. Jika waktu siang aduan dibuat, maka seberapa cepat mungkin aduan ini diselesaikan tidak perlu ditunggu-tunggu hari dan minggu. Pihak DBKL tidak boleh membiarkan ianya berlarutan bukan hanya sibuk dengan membuat projek baru tetapi kecekapan perkhidmatan penyenggaraan tidak diutamakan.

Tuan Pengerusi, dengan Butiran 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan. Peruntukan sebanyak RM248,167 juta. Saya ingin tahu apa projek? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu senarai projek-projek yang digunakan sebanyak RM250 juta untuk jalan-jalan

dan jambatan? Saya minta satu senarai yang terperinci tentang peruntukan sebanyak RM248 juta ini.

Saya merujuk dengan Butiran 04000 – Projek Sosial dan Rekreasi dan Kemudahan awam Kuala Lumpur, peruntukan sebanyak RM30,369 juta. Tuan Pengerusi, peruntukan ini saya ingin tahu, kita di Kuala Lumpur ini khususnya di kawasan Bukit Bintang mahukan satu tapak rekreasi di kawasan Bukit Bintang oleh sebab di jalan... bekas kota kerajaan, ada sebanyak 105 ekar tanah hendak dimajukan oleh kerajaan. Saya minta satu peruntukan boleh diberi kepada tajuk ini. Oleh sebab di Kuala Lumpur kita hendaklah ada satu kawasan hijau di Bukit Bintang untuk mengindahkan pusat bandar di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk juga ke Butiran 06000 – Perumahan DBKL. Saya ingin tahu, Menteri berkenaan telah membuat satu pengumuman tentang penjualan unit perumahan PPR sebanyak 157 unit. Saya ingin tahu bilakah unit-unit PPR ini akan dijual kepada penghuni-penghuni dan menyewa unit PPR ini. Apakah kriteria dan juga harga dan kelayakan penyewa-penyewa yang hendak membeli unit tersebut.

■1150

Saya harap satu mekanisme yang lebih *detail* yang lebih lanjut untuk memberitahu kepada orang awam bahawa mereka hendak membeli unit-unit yang tersebut.

Tentang pengurusan DBKL saya sering bangkit tentang satu projek Plaza Rakyat yang terbengkalai 13 tahun. Satu projek yang usaha sama DBKL dengan pemaju swasta. Ramai pembeli-pembeli unit ini mengalami kerugian yang banyak oleh kerana projek ini terbengkalai. Saya ingin tahu bilakah projek ini akan dipulihkan untuk memastikan bahawa pembeli-pembeli telah menunggu selama 13 tahun. Bukan sahaja untuk mereka memberi faedah kepada bank mereka yang pinjam wang tetapi juga satu korban mereka hadapi terpaksa walaupun unit tidak boleh diperolehi tetapi terpaksa membayar wang kepada bank-bank atau institusi-institusi kewangan.

Tentang Butiran 01000 - Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan. Peruntukan sebanyak RM40,836,200 satu angka yang besar. Saya ingin tahu peruntukan ini macam mana dibelanjakan kepada tiap-tiap kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan khususnya di kawasan Bukit Bintang. Saya hendak satu senarai tentang wang sebanyak RM400 juta ini macam mana dan bagaimana untuk setiap kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat. Saya difahami dalam 13 kawasan ini separuh kawasan dipenuhi oleh Pakatan Rakyat. Saya minta satu senarai yang lebih lanjut yang lebih *detail* untuk bahawa peruntukan dibelanjakan di tiap-tiap kawasan itu. Sekian terima kasih.

11.52 pg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma sedikit sahaja Tuan Pengerusi dalam Butiran 030000 iaitu Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur. Saya ingin bertanyakan berapakah peruntukan yang

diberikan untuk Labuan dalam hal peruntukan tersebut. Jadi apa yang kita lihat pengurusan tanah di Labuan juga agak kadang-kadang tergendala dan sebagainya. Jadi untuk memberikan kecekapan dan *efficiency* di Labuan saya rasa peruntukan yang ada haruslah diberikan yang seimbang antara Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Yang kedua adalah pengurusan sempena Program Hari Wilayah yang memakan belanja RM8 juta lebih. Peruntukan yang sedemikian berapa *percents*kah diperuntukkan untuk persiapan Hari Wilayah di Wilayah Persekutuan Labuan dan juga apa yang kita lihat kebanyakannya peruntukan tersebut lebih bertumpu kepada Kuala Lumpur berbanding dengan kita di Labuan.

Jadi saya juga mahu mohon supaya keseimbangan diberikan kepada Labuan kerana Labuan adalah satu-satunya wilayah yang pulau yang ditadbir atas status Wilayah Persekutuan yang kedudukannya berada di antara Sabah dan Sarawak.

Yang ketiga adalah tentang sistem pengangkutan antara Labuan dan Menumbuk. Mungkin ini sedikit sebanyak ada kaitan dengan Kementerian Wilayah kerana apa yang saya fahamkan sistem monopoli tersebut adalah disebabkan oleh konsesi yang diberikan kepada satu pengusaha feri yang mana dia diberikan cuma *landing right* di Menumbuk atau di bahagian kawasan Sabah. Akan tetapi bolehkah Kementerian Wilayah berkompromi dengan Kementerian Pengangkutan dan juga Kerajaan Negeri Sabah supaya masalah tersebut dapat kita atasi. Sampai saat ini sudah berpuluh tahun masalah pengangkutan feri antara Labuan dan Sabah masih menghadapi masalah.

Jadi janganlah sampai walaupun pada tahun 2010 konsesi tersebut saya difahamkan akan tamat tempohnya dan diharapkan masalah ini dapat kita selesaikan kerana tidak ada alasan lagi yang menyatakan konsesi 10 tahun masih berlaku. Jadi sekiranya konsesi itu ditamatkan diharapkan Kementerian Wilayah juga turut serta untuk membincangkan masalah kepentingan rakyat di Wilayah Persekutuan Labuan mengenai sistem pengangkutan laut atau feri antara Labuan dan Menumbuk. Terima kasih.

11.56 pg.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya menyertai perbincangan belanjawan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah B.32.

Pertama saya hendak membangkitkan tentang perkara dalam hubungan Butiran 060600 - Penyelenggaraan Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam. Saya berharap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan di bawah kementerian mestilah menunaikan beberapa janji-janji yang telah diberikan kepada penghuni-penghuni perumahan awam di kawasan Parlimen Bandar Tun Razak iaitu di Sri Melaka, Sri Labuan, Sri Kota, Sri Johor, Ikan Emas dan Sri Sabah di mana pada awalnya mereka telah diberi pilihan untuk membeli unit-unit ataupun menyewa unit-unit dan berjanji untuk menjual kepada penghuni-penghuni tersebut setelah menyewanya selama tempoh 10 tahun.

Walau bagaimanapun keadaan ini sekarang tidak berlaku dan janji yang dijanjikan oleh Datuk Bandar yang lepas iaitu Tan Sri Elyas Omar sekarang telah dibatalkan oleh Datuk Bandar yang keempat Datuk Mazlan dan kemudian ditimbang kira semula tetapi buat masa ini belum ada apa lagi yang ditunaikan. Ini saya rasa adalah penting untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membuat keputusan supaya masalah-masalah penghuni-penghuni ini dapat diselesaikan seperti rakan saya di dari Bukit Bintang tadi mengatakan kalau mereka ini mempunyai *flat-flat* ini sudah tentulah mereka akan menjaganya dengan baik dan kerana untuk menentukan nilai tempat mereka ataupun perumahan mereka akan bertambah baik. Oleh sebab itu adalah wajar bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjalankan usaha penjualan di samping dapat juga mengumpul dana untuk membuat pembangunan perumahan rakyat yang juga diperlukan.

Kedua masalah ini juga berterusan kerana perjanjian sewa oleh kerana hanya menyewa masalah ini apabila mereka yang menyewa itu telah meninggal dunia anak-anak yang tinggal di dalam *flat* tersebut dikehendaki keluar daripada tempat tersebut dan ini juga menjadi masalah sosial yang kita hadapi.

■1200

Oleh sebab itulah perlu beberapa rancangan digunakan untuk membolehkan masyarakat yang hidup yang tinggal di perumahan awam ini dapat memiliki *flat-flat* ataupun perumahan-perumahan tersebut. Perkara yang kedua saya nak bangkitkan selari dan sama dengan tujuan ini. Bandar raya Kuala Lumpur juga melaksanakan beberapa usaha pembersihan kawasan-kawasan setinggan dan hasil daripada pembersihan tersebut, setinggan-setinggan itu didudukkan dalam rumah panjang sementara tapi rumah panjang sementara itu bukanlah sementara maknanya sebab mereka sudah duduk antara sepuluh tahun hingga lima belas tahun.

Jadi itu lagi satu alasan mengapa usaha menjualkan tempat kediaman ini kepada mereka yang hendak membeli supaya dana yang dikumpulkan itu untuk dapat digunakan membina lagi rumah-rumah kediaman. Saya juga nak membangkitkan tentang Perkara 04000 - Usaha-usaha Rancangan Sosial yang mana telah diperuntukkan untuk pengurusan masyarakat-masyarakat di bandar raya Kuala Lumpur. Saya mengesyorkan supaya untuk mempertingkatkan lagi mereka yang dalam kumpulan berpendapatan rendah ini yang juga menduduki perumahan-perumahan awam ini, saya cadangkan kita adakan kelas tuisyen untuk mereka-mereka ini mempertingkatkan lagi keupayaan anak-anak mereka. Dengan cara itu sudah tentulah masa depan mereka daripada segi keupayaan pelajaran itu membolehkan mereka keluar daripada kongkongan pusingan kemiskinan tersebut.

Antara lain yang boleh difikirkan, selain daripada kelas tuisyen, kelas KAFA juga boleh ditubuhkan di perumahan-perumahan tersebut supaya dapat membolehkan anak-anak kita, anak-anak belia-belia kita mendapat pendidikan agama. Dengan cara itu kita dapat menghindarkan beberapa masalah sosial yang kerap kali berlaku di persekitaran kawasan

bandar raya Kuala Lumpur dan ini bolehlah dikendalikan bersama-sama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Perkara yang ketiga yang saya nak bangkitkan ialah tentang pengurusan bandar raya Kuala Lumpur walaupun ada belanjawan yang diberikan oleh kementerian dalam mempertingkatkan kemahiran pengurusan. Saya rasa dua faktor yang paling penting perlu kita bincangkan. Kalau benar-benar kita ingin melihat seorang pengurus ataupun pentadbir bandar raya Kuala Lumpur, beliau mestilah seorang yang prihatin tentang kehendak masyarakat Kuala Lumpur.

Kami Ahli-ahli Parlimen dari bandar raya Kuala Lumpur mendapati bahawa pelanggan yang difikirkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ada sekarang ialah bukan penghuni-penghuni ataupun masyarakat Kuala Lumpur. Akan tetapi memikirkan bahawa dia ini ialah dibayar pendapatannya oleh kerajaan dan cara dia menguruskan ialah tidak mengambil kira kehendak-kehendak masyarakat. Oleh sebab itu, terdapat masalah-masalah yang kita kemukakan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur ini tidak dapat difahami oleh beliau kerana beliau tidak dengan sendirinya bersama-sama dengan rakyat untuk mencuba mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam kawasan bandar raya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Okey.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak tapi apakah Yang Berhormat juga sedar dan bersetuju dengan saya bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur baru-baru ini, sejak lebih kurang satu bulan yang lalu telah pun saya nampak sering turun padang melawat kawasan-kawasan dan sebagainya. Adakah ini disebabkan oleh kerana tempoh perkhidmatannya akan ditamatkan pada 13 Disember, maka beliau berlakon sedikit bagi meyakinkan pemimpin atasan termasuk Perdana Menteri supaya tempohnya dapat dilanjutkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat hampir habis.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih Ahli Parlimen Cheras. Saya menganggap lakonan dalam satu atau dua bulan tidak akan memberikan kesan kerana kita untuk mengurus satu bandar raya yang terbesar di Malaysia ini dan mempunyai belanjawan yang melebihi bilion ringgit. Jadi oleh sebab itu saya nak meminta kerajaan untuk Jabatan Perkhidmatan Awam yang membuat pilihan siapakah yang layak menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan mengenal pasti bahawa beliau itu bukanlah hanya seorang yang boleh mengurus fail tetapi mengurus masyarakat.

Jadi oleh sebab itu daripada segi *temperament*, daripada segi keupayaan, daripada segi kepakaran mesti diambil ukuran. Saya mencadangkan kepada kerajaan sebagai alternatif sementara sebelum ada pilihan untuk masyarakat memilih Datuk Bandar. Jadi adalah baik untuk

kerajaan mengiklankan jawatan Datuk Bandar ini supaya kita dapat mereka-mereka yang benar-benar ingin dan mempunyai kebolehan supaya dapat menguruskan satu bandar raya yang besar yang menjadi lambang negara kita, yang mempunyai kelulusan-kelulusan pembinaan yang menelan belanja beratus-ratus juga ringgit dan mengatasi kesesakan-kesesakan pengangkutan dan juga masalah-masalah rakyat yang begitu besar.

Ada baiknya kalau kita dapat memilih mereka-mereka ini supaya mereka-mereka ini dapat menjalankan tugas kerana mereka ingin memberi sumbangan keupayaannya kepada masyarakat. Sebagai contoh, di New York umpamanya, seorang yang telah berjaya dalam perniagaan sanggup menjadi Datuk Bandar New York dan setelah melalui pemilihan, telah dapat menjalankan tugas yang sebegitu baik daripada keadaan-keadaan *ghetto* ataupun keadaan-keadaan banyak tempat di New York itu orang takut, bukan saja nak duduk tetapi melawatnya pun takut. Akan tetapi sekarang telah dibersihkan dan menyebabkan bandar raya New York sebagai dalam istilah pemilihan dunia ialah *livable city* ataupun bandar raya-bandar raya yang boleh di ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa dah habis.

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ya, sekejap lagi. Saya simpulkan. Oleh sebab itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dah tiga minit lebih Yang Berhormat.

■ 1210

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ya. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya ingin mengutarakan supaya Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan memikirkan dengan betul-betul teliti tentang pemilihan Datuk Bandar yang akan dapat menolong kita dalam usaha pembangunan masyarakat.

Perkara yang akhir yang saya hendak bangkitkan ialah pembangunan Bandar raya Kuala Lumpur ini ada hubungannya dengan pembangunan negeri Selangor. Saya berharap perancangan Bandar raya Kuala Lumpur yang di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ini mestilah disesuaikan dengan pembangunan Negeri Selangor terutama dari segi pengurusan sungai dan juga pengurusan pengangkutan.

Ini saya hendak meminta penjelasan daripada menteri Kementerian Wilayah Persekutuan bagaimana cara beliau dan kementerian untuk menentukan supaya ada pemikiran bersama dalam usaha pembangunan Wilayah Persekutuan dan Selangor; ini akan memberikan keselesaan kepada kedua-dua masyarakat tersebut. Terima kasih.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Segambut, Segambut!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jauh. Yang Berhormat Jempol hendak bercakap. Yang Berhormat Jempol ini.

Seorang Ahli: Dapat pilihan lain. Saya baru dua *chances*.

12.12 tgh.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyampaikan hasrat rakyat berkaitan dengan pembangunan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah P.32. Pertama Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 01000 - Pengurusan Kemajuan dan juga Pembangunan Wilayah Persekutuan. Jalan Tunku Abdul Rahman adalah merupakan jalan yang sangat penting kepada rakyat terutama sekali penghuni Wilayah Persekutuan. Di mana di kawasan tersebut rakyat terutama sekali yang berpendapatan sederhana dan juga berpendapatan rendah menggunakan lokasi tersebut untuk membeli-belah dan urusan seharian.

Akan tetapi kekurangan tempat letak kereta di kawasan tersebut adalah menjadi masalah yang sungguh besar dan menjadi rungutan besar kepada rakyat yang menggunakan kemudahan tersebut. Saya mencadangkan di bawah peruntukan ini supaya kementerian dapat membeli tanah dan membangunkan pusat letak kereta bertingkat untuk kemudahan rakyat menggunakan setiap kemudahan tempat membeli-belah di kawasan tersebut.

Yang kedua Tuan Pengerusi, di bawah butiran ini saya dapat melihat bagaimana Bandaraya Kuala Lumpur pada waktu malam tidak ceria, gelap dan tidak cukup lampu. Saya mencadangkan di bawah peruntukan ini supaya kementerian dapat bandar raya kita terang, mempunyai lampu yang sesuai dan kalau boleh menyamai kecantikan Bandar Las Vegas. Jadi saya yakin dan percaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Maran bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh mencelah?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Boleh.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sebelum Yang Berhormat pergi kepada jalan-jalan api di bandar raya, Yang Berhormat ada menimbulkan tentang jalan di kawasan Kuala Lumpur termasuklah jalan di kawasan perumahan. Saya minta supaya kalau Yang Berhormat masukkan dalam ucapan Yang Berhormat ini, di mana kita Ahli Parlimen duduk di Kuala Lumpur ini sudah berbulan-bulan. Akan tetapi sepanjang jalan yang saya lalui di bandar raya ini kita tengok terdapat jalan-jalan yang berkeadaan cukup tidak menyelerakan, menyeronokkan dan selesa.

Umpamanya saya hendak ambil contoh Jalan Ipoh yang antara bangunan PERKIM lama ke Jalan Ipoh dan sebagainya. Keadaannya berlubang-lubang yang kadang-kadang menimbulkan masalah kepada pengguna-pengguna. Akhir-akhir ini apabila berlakunya hujan lebat, kawasan itu telah banjir dan menyebabkan banyak kereta pengguna-pengguna kereta yang rosak. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat minta kementerian berikan perhatian ini.

Bukan saja orang Kuala Lumpur tetapi orang kampung macam saya pun datang Kuala Lumpur juga. Terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya bersetuju memasukkan ucapan Yang Berhormat tadi sebahagian daripada ucapan saya.

Berkaitan dengan lampu tadi Tuan Pengerusi, saya fikir kalau ini dapat oleh kementerian menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur menjadi kunjungan pelancong yang lebih baik pada masa yang akan datang. Butiran 05000 - Perbadanan Putrajaya. Kejayaan Perbadanan Putrajaya membangunkan khususnya satu perkampungan yang tersusun dan pusat pentadbiran yang tersusun di kawasan Putrajaya adalah merupakan satu usaha yang sangat terpuji.

Akan tetapi, ada rungutan rakyat berkaitan dengan perkara di bawah butiran ini yang boleh diambil perhatian oleh perbadanan iaitu masalah petunjuk jalan ke lokasi-lokasi penting di Putrajaya; terutama sekali masyarakat yang menggunakan kemudahan ini sekali-skala datang ke Putrajaya. Mereka berpusing-pusing bekal-kali tetapi tidak jumpa tempat.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan sebahagian daripada peruntukan yang diperuntukkan kepada perbadanan ini supaya digunakan untuk membina petunjuk-petunjuk jalan ke tempat-tempat lokasi yang penting supaya rakyat lebih selesa terutama sekali pelawat-pelawat daripada luar menggunakan premis yang cantik ini.

Tuan Pengerusi, Perkara 060300 - Sambutan Ambang Merdeka. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang dapat memperuntukkan kewangan untuk menyambut Malam Ambang Merdeka. Saya bersetuju juga dengan format yang dibuat dengan memanggil penyanyi seperti Siti Nurhaliza dan Mawi untuk menarik generasi muda khususnya kepada Program Ambang Merdeka; tetapi saya tidak setuju kalau ada persembahan-persembahan rock yang menunjukkan buntut dan sebagainya. Itu saya tidak setuju. Akan tetapi kalau setakat Siti Nurhaliza menyanyi ataupun penyanyi-penyanyi tempatan boleh dijadikan mekanisme untuk menarik anak-anak muda.

Akan tetapi dari segi pengisiannya Tuan Pengerusi, saya meminta kementerian memantau pengisian supaya dapat dimasukkan nilai-nilai penting seperti pembinaan semangat patriotik. Apa salahnya kita memanggil tokoh-tokoh yang hebat dalam bidang sejarah untuk menceritakan sejarah kemerdekaan kita. Membina dan menanamkan semangat patriotik di kalangan anak-anak remaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Segambut bangun.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata dan minta agar Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengadakan *parking* yang lebih. Saya hendak tanya Yang Berhormat *parking* yang lebih ini saya setuju sama ada Yang Berhormat bersetuju *parking* yang lebih ini sepatutnya percuma kepada semua pengguna jalan.

Yang Berhormat juga mencadangkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menerangkan dan melampukan seluruh Bandaraya Kuala Lumpur. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Bangunan DBKL sejak pilihan raya yang baru ini sampai sekarang tiap-tiap malam dilampukan seluruh bangunan. Adakah Yang Berhormat setuju ini satu langkah yang baik atau ini satu langkah yang membazirkan wang *tax payer*? Terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ini tidak timbul soal membazir, Yang Berhormat. Kita hendak cantikkan, bukan saja hendak terangkan tetapi Bandar Raya Kuala Lumpur ini biarlah dia berwarna-warni. Jadi kalau kita boleh menarik ramai pelancong datang negara kita, pendapatan negara kita bertambah dan hasil yang boleh digunakan oleh rakyat untuk pembangunan bertambah, apa salahnya kita melabur lebih sedikit tetapi pulangannya besar dalam industri pelancongan. Itu sebab saya cadangkan supaya jadi macam Las Vegas.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Sambutan Ambang Merdeka tadi, kita mesti mengisi program dengan membina semangat patriotik di kalangan anak-anak muda kita. Kalau cerita semangat patriotik saja tanpa mekanisme menarik mereka datang ke padang dan sebagainya, ia tidak akan berjaya. Oleh sebab itu saya menyokong supaya pengisian tersebut dapat ditambah terutama sekali nilai-nilai perpaduan rakyat yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dalam negara kita. Yang mana toleransi kaum ini menjadi aset yang sangat besar kepada negara kita.

■1220

Kita mesti mengambil peranan kita dalam sambutan Ambang Kemerdekaan di samping menanamkan semangat patriotik, kita menyambut dan merayakan kemerdekaan kita dengan penuh kesyukuran. Akan tetapi dalam masa yang saya, nilai penting perpaduan kaum, toleransi dalam bidang agama, toleransi dalam bidang bahasa, toleransi dalam bidang budaya ini akan menjadi format penting dalam sambutan Ambang Kemerdekaan kita.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ha, sambunglah Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat sambutan-sambutan menyambut tahun baru ini. Walaupun tujuannya seperti Yang Berhormat katakan untuk meningkatkan rasa patriotisme dan perpaduan. Akan tetapi semenjak beberapa tahun ini kita sering mendapat paparan di akhbar, perhimpunan-perhimpunan menyambut perayaan tahun baru ini akhirnya menjadi pesta seronok-seronok atau lebih menjurus kepada maksiat. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada satu minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya tak suka soal berseronok dan saya juga tak suka pada maksiat. Jadi itu sebabnya garis panduan tadi saya bagi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan penyelarasan perumahan rakyat dan juga perumahan awam dewan bandar raya. Saya mohon di bawah peruntukan ini supaya infrastruktur di rumah-rumah awam dan rumah-rumah rakyat termiskin di kawasan Wilayah Persekutuan di dewan bandar raya diberikan perhatian sewajarnya oleh kerajaan. Binalah dewan yang cukup, tempat masyarakat tersebut mengadakan kenduri kahwin, kematian dan sebagainya. Kadang kala nak bawa jenazah naik turun dan sebagainya, lif dia pula rosak.

Dengan membina lagi kemudahan-kemudahan tempat letak sampah yang cukup, dengan kebersihannya yang tidak terjaga, kekotoran yang berlaku menyebabkan penyakit. Saya yakin dan percaya kalau soal-soal kebersihan ini dapat dibantu dengan menggunakan sebahagian peruntukan di bawah butiran ini akan dapat menimbulkan keselesaan yang lebih kepada rakyat kita yang menghuni di kawasan tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

12.22 tgh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasar Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.32 – 010000 – Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan. Saya ingin bertanya apakah bandar raya ataupun di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ini mempunyai dasar ataupun falsafah identiti dalam membentuk pembangunan dan kemajuan Wilayah Persekutuan itu sendiri. Terutamanya di bandar raya sebab Malaysia ini dulu asalnya dulu Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun negara kita negara pelbagai kaum tetapi dasar kebudayaan kebangsaan berteraskan kepada budaya kaum peribumi, dan juga mengambil kira budaya-budaya lain-lain kaum.

Oleh itu, apakah aspek-aspek kebudayaan ini diambil kira terutamanya dari segi reka bentuk bangunan yang bercirikan, yang melambangkan kebudayaan yang saya maksudkan tadi. Sebab di wilayah saya tengok sekarang ini, hampir hilang dah identiti yang dikatakan Malaysia ini dulunya Persekutuan Tanah Melayu. Kita lihat di mana-mana negara pun ada *China Town*, di Malaysia pun ada *China Town*. Sekarang ini akan wujud pula *Little India* di Bangsar. Saya dapati di Jalan Masjid India pun juga *Little India* walaupun tidak diisytiharkan. Di kawasan Puchong, Sungai Besi dan merata-rata tempat boleh dikira juga sebagai *China Town* walaupun ada satu *China Town* dalam bandar raya Kuala Lumpur.

Oleh hal yang demikian, bagaimanakah identiti budaya bangsa yang harus didukung oleh negara kita? Oleh itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh mencelah?

Dato' Ibrahim Ali [Pasar Mas]: Sekejap, sekejap. Oleh itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini sebab saya harap ianya diambil kira walaupun saya

setuju dengan Yang Berhormat daripada Bandar Tun Razak mengenai dengan ciri-ciri seorang Datuk Bandar. Akan tetapi, saya juga berharap Datuk Bandar ini juga seorang yang tegas dalam memahami kerangka negara iaitu memahami bahawa Islam sebagai agama rasmi, memahami bahawa bahasa Melayu adalah kebangsaan, memahami aspek-aspek kerangka negara ini dalam membuat perancangan untuk pembangunan Wilayah Persekutuan termasuklah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa papan tanda di semua tempat.

Saya tengok di negara China, habis tempat saya dah melawat negara China. Saya tengok tak ada pun bahasa lain, kalau ada pun bahasa Inggeris, kecil sahaja, itu pun tidak semua. Akan tetapi kita di sini, papan tanda di sini berkecamuk dengan macam-macam bahasa. Paling tidak papan-papan tanda di kedai-kedai, kalau tengok di Thailand, tidak ada, semua seragam mengenai dengan identiti bangsa di Thailand, bangsa Thai. Begitu juga di Indonesia tetapi kita di sini berkecamuk dengan berbagai-bagai bahasa yang kita tidak tahu apakah identiti Wilayah Persekutuan.

Maka sebab itulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian mengenai dengan kedudukan Kampung Baru. Kampung Baru ini satu-satunya kawasan yang melambangkan kedudukan orang-orang Melayu dalam Wilayah Persekutuan. Saya dapati pembangunan Kampung Baru ini belum lagi terlaksana dengan berbagai-bagai masalah. Saya hendak tanya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, apakah pihak kementerian bercadang untuk mendapat pengecualian daripada pihak kerajaan di mana tanah-tanah Kampung Baru ini yang dikatakan tanah rizab Melayu, paling tidak untuk kawasan ini, nilai tanah Kampung Baru ini dianggap sama nilainya dengan tanah pegangan bebas yang lain-lain dalam Wilayah Persekutuan.

Apabila ianya dinaikkan taraf kedudukan nilai ini, saya harap pembangunan Kampung Baru ini dapat dirancahkan dengan secepat mungkin supaya ia juga boleh menambah nilai dari segi kecantikan bandaraya tetapi juga dari segi nilai hak milik kaum bumiputera dalam bandar raya. Sebab itu saya mengatakan ketegasan seorang Datuk Bandar yang diperlukan nanti mesti juga diambil kira dari segi kepentingan penyertaan kaum bumiputera dalam mengambil bahagian dalam setiap pembangunan. Termasuklah saya katakan tadi Kampung Baru boleh dijadikan salah satu tempat supaya nanti ada Kampung Baru, ada *Little India*, ada juga *China Town* yang berselerak seluruh Kuala Lumpur ini.

Jadi oleh itu, saya berharap...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh celah sikit? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin dapat pendapat dari Yang Berhormat Pasir Mas. Di kawasan saya, bukan sahaja Kampung Baru, di kawasan saya ada Kampung Selayang Lama, ada Kampung Bagan Lalang, Kampung Chubadak, banyak lagi kampung-kampung tradisi Melayu yang telah didirikan lebih daripada 200 tahun. Kini saya cuba mempertahankan ciri-ciri ini untuk menunjukkan Kuala Lumpur ini mempunyai budaya kaum peribumi dan cara tradisi. Akan tetapi dalam pembangunan draf Kuala

Lumpur pelan ni, semua ini akan hanyut dibangunkan dengan kondominium dan komersial. Adakah Yang Berhormat Pasir Mas setuju untuk mempertahankan ciri-ciri ini?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kalau itulah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya amat bersetuju, lebih daripada bersetuju. Saya ucap tahniahlah di atas sikap prihatin Yang Berhormat dengan memahami apa yang saya maksudkan tadi dan saya berserta dengan pandangan Yang Berhormat dan saya berharap pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil kira perkara yang saya bangkitkan tadi. Jangan dok kira soal keuntungan, komersial sahaja tetapi nilai budaya bangsa identiti negara haruslah diberi perhatian. Saya harap pembangunan Kampung Baru ini dibuat dengan tersusun, dibuat dengan cepat supaya ia juga dapat membantu memperkenalkan identiti Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ada satu lagi. 030000 – Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, ini sikit sahaja. Saya pernah berpengalaman Tuan Pengerusi, ada tanah-tanah di wilayah ini, untuk maklumanlah di mana saya membeli tanah, tiba-tiba tanah itu ada orang lain *claim*. Itu mempunyai dua tuan punya. Jadi saya percaya perkara ini memang dah disiarkan dalam akhbar sebelum ini. Ada pemberian tanah-tanah yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu dengan tidak teliti sehingga ada *double owner*.

■1230

Ini menyebabkan banyak kerugian oleh pihak-pihak tertentu dan saya mengesyaki ada sindiket ataupun ada pihak yang tidak ikhlas sebab tanah ini kita tahulah masing-masing berebut hendak tanah. Ini disebabkan tanah di wilayah ini nilainya tinggi, dapat 10,000 kaki pun sudah cukup untuk menjadi kaya. Maka sebab itu, ada kecurian tanah yang dilakukan dengan terancang oleh pihak-pihak tertentu.

Akhirnya Tuan Pengerusi mengenai dengan 0600 Pembangunan Pelancongan yang juga di bawah Wilayah Persekutuan. Saya ingin mencadangkan iaitu Taman Tasik Perdana yang ada di hadapan Parlimen ini tinggal begitu sahaja. Tidak ada apa-apa aktiviti walaupun ada satu panggung terbuka, tetapi sudah tidak ada aktiviti. Saya ingin mencadangkan supaya bagi membantu industri pelancongan di bawah peranan Kementerian Wilayah Persekutuan, Taman Tasik Perdana ini ditukar menjadi Taman Tasik Budaya Negara iaitu dengan membina pusat budaya yang lebih tersusun dan canggih dan memaparkan kedudukan budaya negara Malaysia kita ini.

Di samping itu juga boleh mendapatkan ruang lot perniagaan yang dibuat dengan cantik seperti kita lihat di sesetengah negara maju. Ini juga sama dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol. Disebabkan Jalan Tunku Abdul Rahman sudah menjadi sesak, maka ada tempat-tempat tertentu yang boleh ditambah nilai termasuklah di Taman Tasik Perdana dengan tidak menyentuh soal pokok-pokok yang ada dan tidak payah menebang pokok-pokok indah yang sudah ada di situ. tetapi didirikan beberapa produk seperti Panggung P. Ramlee ataupun rumah-rumah. Contohnya seperti daripada negeri-negeri yang ada budaya seperti Kelantan,

Negeri Sembilan dan seumpamanya dan di celah-celah itu diadakan ruang-ruang perniagaan serta ada pertunjukan-pertunjukan budaya yang tidak bertentangan dengan moral dan Islam, maka sudah barang tentu dia boleh membantu dari segi memperkenalkan identiti negara kita ini. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

12.32 tgh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menggunakan perbahasan peringkat Jawatankuasa dengan maksud Pembangunan 32 ini merujuk kepada perkembangan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dari tahun 2005 hingga tahun 2009 untuk Kementerian Wilayah.

Saya agak kluatir apabila melihat trend penurunan belanjawan pembangunan yang ketara daripada kemuncaknya pada tahun 2006 iaitu sebanyak RM1.7 bilion kepada hanya RM331 juta untuk tahun 2009. Manakala bajet mengurus meningkat dari RM71 juta pada tahun 2005 kepada RM258 juta pada tahun 2009. Jadi bolehkah pihak kementerian menjelaskan kenapa perkara ini berterusan dan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan jelas untuk memastikan ada kesinambungan atau keseimbangan antara bajet mengurus dan pembangunan pada tahun-tahun seterusnya.

Saya pergi kepada butiran 010000 iaitu Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan. Butiran ini saya mulakan dengan konsep *Federal Territory* ataupun Wilayah Persekutuan itu sendiri. Kita lihat Wilayah Persekutuan Malaysia adalah satu-satunya wilayah yang tidak mempunyai ruang di mana kerajaan negeri sendiri dipilih atau kerajaan tempatan dibandingkan dengan negara-negara lain. Contohnya di *Washington District of Columbia*, Washington DC, dan *Australia Capital Territory* di Canberra.

Kedua-duanya merupakan sistem federal tetapi untuk kedua-dua negara tersebut mereka memberikan ruang untuk kerajaan tempatan atau kerajaan negeri walaupun di Washington itu hanya 570,000 sahaja penduduk tetapi mempunyai *Mayor* dan 13 *Council Members* sementara di Canberra hanya mempunyai 330,000 orang penduduk tetapi mempunyai *territorial assembly* dengan izin dengan 17 ahli di mana seorang ketua menteri dan lima Ahli Kabinet dipilih.

Saya tekankan keperluan mempunyai kerajaan negeri atau sekurang-kurangnya pilihan raya kerajaan tempatan kerana kesemua permasalahan yang dihadapi oleh Ahli-ahli Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan ini, di mana kalau di Kuala Lumpur ini berpunca, bermula atau berkait rapat dengan penyampaian khidmat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sebelum ini sudah kami sebut dan kerisauan apabila perbelanjaan belanjawan sendiri pun oleh DBKL yang tidak termasuk di dalam perbincangan hari ini tetapi kerana ia begitu besar. Jumlah bajet DBKL hampir dua kali ganda lebih besar daripada bajet negeri Selangor iaitu berjumlah lebih RM2 bilion daripada tahun 2004 dan seterusnya. Ini kita bandingkan dengan negeri Perlis yang jauh ketinggalan dari segi belanjawan tetapi mempunyai kerajaan negeri sendiri.

Jadi bila diwujudkan semula Kementerian Wilayah pada tahun 2004, ia menyaksikan transformasi Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan perancangan Lembah Kelang yang dahulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekarang ini Kementerian Wilayah diarahkan untuk mengawal selia Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan. Akan tetapi saya tidak melihat mekanisme yang wujud untuk Kementerian Wilayah melaksanakan tugas kawal selia ini dengan efektif terutamanya jikalau setiap perbadanan dan juga DBKL tidak diwajibkan memberi laporan belanjawan secara terbuka dibentangkan dalam Dewan pada hari ini.

Dalam butiran ini juga saya ingin menanyakan jikalau kementerian boleh mengambil kira DBKL perlu mengadakan satu agensi khas yang dapat memantau kualiti hidup masyarakat bandar. Sekarang ini bila DBKL merupakan badan yang memberi sama ada pemberian rumah awam dan sebagainya iaitu butiran 060600 untuk memastikan kelayakan penerima perumahan. Mereka memerlukan mekanisme seperti itu untuk mendalami masalah sebenar masyarakat bandar serta menilai kembali takrifan kemiskinan bagi penduduk bandar.

Saya merasakan dan ini telah diutarakan berkali-kali takrifan berhubung isu kemiskinan sangat sempit dan hanya memandang kepada faktor tempat tinggal dan pakaian tanpa mengambil kira elemen lain. Ada sesetengah keluarga di bandar, di Lembah Pantai, di Kuala Lumpur yang nampak tidak ada masalah kerana tinggal di rumah pangsa yang kukuh dan memakai baju yang elok. Akan tetapi berhadapan apabila kita selidiki dengan lebih terperinci dengan masalah kualiti yang amat meruncing. Iaitu seperti kekurangan tempat letak kereta, persekitaran yang kotor dan suami yang terpaksa mencari kerja tambahan contohnya untuk meneruskan kehidupan. Jadi saya berharap jika pihak DBKL di bawah kementerian memberi satu tumpuan kepada kewujudan agensi khas memantau kualiti hidup.

Seterusnya saya pergi ke butiran 040000 - Projek Sosial, Rekreasi Dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, masalah ini adalah tentang masalah bagaimana kita bangkitkan isu pilihan raya kerajaan tempatan kerana ia memberi ruang kepada perancangan yang lebih tersusun. Kalau kita lihat perancangan letak kereta, banyak masalah yang dihadapi oleh penduduk di Bangsar terutamanya di sekitar Taman Lucky. Ketiadaan tempat letak kereta yang serius sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak. Masalah ini memang sudah lama berlarutan dan sudah menjadi rungutan.

Jadi saya ingin menanyakan apakah langkah kementerian terutamanya dari segi tindakan penguatkuasaan pihak DBKL. Sebagai contoh, kalau banyak kenderaan yang meletakkan kereta di bahu-bahu jalan terutamanya bila stok barangan peniaga tiba. Lori yang mengangkut barangan tidak dapat menukar barangan dan mereka menunggu giliran membawanya ke premis. Akhirnya lalu lintas menjadi sesak dan pemilik kereta memperlakukan kenderaan untuk mengelakkan pekerja menurunkan barangan.

Jadi saya syorkan agar pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melakukan pemantauan berterusan serta mencari jalan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas. Walaupun kami sendiri menulis dan sebagainya mengingatkan kepada DBKL tetapi selalunya tidak ada respons yang positif. Mungkin kerana terlalu banyak iaitu ada Kementerian Wilayah, ada pihak DBKL, sekarang ini diwujudkan PEMUDAH pula untuk meneliti tugas DBKL ini. Jadi semua ini akan merumitkan dan mengakibatkan *fragmentation* yang serius.

■ 1240

Tuan Pengerusi, samalah dari segi soal kebersihan daripada sampah sarap dan sebagainya, bolehkah diperincikan berapa kerap DBKL membuat operasi dan menangani masalah najis burung gagak dan sebagainya, kerana setakat ini kami tidak mempunyai akses kepada maklumat tersebut secara berterusan.

Saya juga menyentuh isu seterusnya Butiran 050000 dalam Perbadanan Putrajaya, di mana bila saya sebutkan tadi keperluan kerajaan negeri ia juga bangkit dalam isu merancang sistem pengangkutan awam yang jelas daripada mereka yang daripada Kuala Lumpur, Petaling Jaya yang mahu ke Putrajaya, kerana di Putrajaya ini saya diberitahu ada masalah penyediaan tempat letak kereta yang amat tidak mencukupi. Sudah lama berbangkit dan masih lagi belum ada jalan penyelesaian.

Di lihat Putrajaya Bandar Bestari yang cukup gah dan ianya menjadi penanda aras kepada bandar lain di dalam dan luar negara tetapi bila dibangunkan seolah-olah tidak ada perancangan yang jelas, kerana masalah meletak kenderaan semakin sukar terutama di Parcel E. Mereka juga banyak yang meletakkan kenderaan di bahu jalan kerana tidak ada pilihan lain. Jadi keadaan yang cantik yang harmoni kononnya dicatitkan dengan kenderaan yang diletakkan di bahu jalan dan banyak komen serta rungutan yang setakat ini sudah disiarkan di akhbar-akhbar, tetapi masalah masih berterusan.

Jadi saya harap Perbadanan Putrajaya perlu melakukan sesuatu dengan segera supaya masalah tidak berlarutan. Termasuklah masalah kekurangan kawasan *park and ride* bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas kerana kawasan *park and ride* tidak efisien. Saya difahamkan ramai pengguna yang terpaksa menunggu lama sedangkan kebanyakan orang ramai yang datang ke Putrajaya adalah tujuannya berurusan dengan pihak kerajaan. Apa gunanya kalau kawasan pentadbiran kita canggih, tetapi soal remeh ini tidak di ambil kira.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 06000 – Pembangunan Pelancongan. Adalah dijangkakan seramai 14 juta orang pelancong dari dalam dan luar negara menjadikan ibu kota Kuala Lumpur sebagai satu destinasi pelancongan popular. Jangkaan ini berlandaskan petunjuk sehingga Jun lalu. Dalam Kuala Lumpur sahaja kemasukan pelancong yang dicatatkan seramai 8 juta orang. Jadi, saya mengalu-alukan kedatangan

pelancong, tetapi saya kira tadi apa yang disebut oleh Ahli Parlimen Pasir Mas tentang kita sebagai mempunyai identiti sendiri perlulah mengekalkan apa yang sedia ada.

Saya difahamkan ada cadangan untuk mewujudkan sebuah perkampungan budaya yang memaparkan cara hidup masyarakat pelbagai etnik di negara ini dipanggil Kota Warisan Kuala Lumpur, diluluskan oleh Kabinet dengan belanja RM32.5 juta di atas tanah seluas 3.2 hektar di Jalan Davis berdekatan Bulatan Kampung Pandan. Adakah perancangan ini akan diteruskan atau tidak, kerana saya pasti kita sudah ada cukup kampung dah, sedia ada dengan budayanya tersendiri. Tidak perlu kita hendak adakan agenda pelancongan yang boleh membazirkan lagi membabitkan wang rakyat dalam keadaan kesempitan hidup sekarang ini. Jadi bersandarkan produk pelancongan yang baru saya mengesyorkan supaya perwujudan Kota Warisan Kuala Lumpur ini sepatutnya diadakan di kawasan hampir 100%nya penduduk majoritinya dahulu, maksudnya keadaan yang sedia ada kita *preserve*, bukannya adakan sesuatu yang baru contohnya yang ada di kampung Haji Abdullah Hukum, Taman Ghazali Shafie atau Kampung Paya di Jalan Bangsar yang kini hanya tinggal nama ataupun warga kota sudah melupainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terakhir, saya harap janganlah diulangi kesilapan besar semasa dihancurkan *The Bok House* dahulu, walaupun diberikan jaminan ataupun cadangan daripada Badan Warisan Malaysia agar diberikan status *Heritage* tetapi terus mereka musnahkan. Walaupun ada *clause* dalam *National Heritage Act 2005*, di mana kuasa di bawah kuasa menteri untuk menamakan mana-mana bangunan sebagai bangunan *heritage* kecualilah bangunan persendirian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

12.43 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 430, Butiran 010000, Butiran 020000, Butiran 030000 dan Butiran 050000. Tuan Pengerusi yang pertamanya saya hendak menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah perkembangan mengenai pelan tempatan kerana pelan struktur Kuala Lumpur sudah disiapkan lebih dua tahun dan dianggarkan oleh Datuk Bandar yang dahulu, beliau mengatakan pelan tempatan akan disiapkan pada Disember 2006.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Peraturan Mesyuarat 35(1). Seseorang yang berucap hendaklah berhadapan dengan Tuan Pengerusi. Ini Yang Berhormat Kepong ini berpusing-pusing, berputar-putar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Kepong. Ini rekod *attendance* sahaja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Memang Yang Berhormat Putatan... [Ketawa] Memang Yang Berhormat Putatan kita mengalu-alukan dia untuk menghadiri ke Kuala Lumpur.

Saya berharaplah dia dapat membawa isu-isu daripada Putatan kepada Dewan yang mulia ini juga.

Tuan Pengerusi yang penting sekali itu kita hendak mengetahui mengapa selepas pengumuman Datuk Bandar yang lepas bahawa pelan tempatan akan disiapkan pada Disember 2006, tetapi dua tahun kemudian tidak nampak lagi. Itu masalah yang besar, kerana pelan tempatan ataupun pelan struktur ini kita mesti mengkaji setiap tahun dan kalaulah itu tidak dapat disiapkan, entahlah empat, lima tahun maka pelan itu tidak jadi pelan lagi. Itu masalah di Kuala Lumpur ini.

Kemudian, saya sentuh mengenai penamaan jalan, tempat dan sebagainya bagi saya kita mesti ada kepercayaan diri. Kalau tempat itu nama digunakan bertahun-tahun, berdekad-dekad kemudian ada orang seperti Yang Berhormat Pasir Mas kata kita hendak budaya, hendak tukar macam mana itu, tidak payah. Kalau ada kepercayaan diri kita beri nama baru untuk jalan baru, untuk kawasan baru. Itu tunjuk kita hebat, yang lama tidak payah hendak tukar. Kalau tukar pada zahir, batin tidak tukar itu jadi sia-sia sahajalah. Sia-sia sahaja, menunjukkan kita tidak mempunyai keyakinan diri, memang hebat, lemah dari segi jaya diri itu, lemah.

Apabila saya tengok jalan yang lama ditukar kepada nama yang baru, saya tengok orang ini tidak jaya diri, tidak ada keyakinan. Pada zahir sahaja dia buat, itu tidak betullah. Tidak betul. Saya berharap di Kuala Lumpur tidak akan diulangkan lagi seperti Jalan Alor. Jalan Alor itu nama tempatan tidak payah hendak tukarkan lagi sudah seperti di Padang Rengas. Rengas itu dia jadi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jalan Selibin, Jalan P. Patto di Ipoh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tahulah Padang Rengas itu dia keras kepala... [Ketawa] Rengas itu keras. Jangan mengelirukan Dewan lagi.

Mengenai taman-taman, kita mempunyai 12 taman awam yang dikendalikan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kita memperuntukkan RM8 juta, RM9 juta setiap tahun tetapi saya nampak taman-taman kita tidak diselenggarakan dengan baik. Pada akhir-akhir ini saya diberitahu kerana kekurangan kakitangan. Kontraktor-kontraktor yang dilantik itu kadangkala tidak dapat menjalankan tugas seperti Taman Tun Dr. Ismail di situ. Taman Lembah Kiara dan sebagainya, kontraktor ditamatkan.

■1250

Kemudian kekurangan kakitangan dan kerja penyelenggaraan tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Itu masalah kita – kontraktor tidak berkesan, kakitangan tidak cukup dan sebagainya. Ini masalah termasuklah penyelenggaraan sampah-sarap dan sebagainya. Sampah-sarap itu pergi ke Kepong, desa pemindahan. Itu satu-satunya sahaja stesen. Yang Berhormat Padang Rengas tidak tahu kerana tidak ada stesen pemindahan di Padang Rengas. Keras kepala ada. Itu sahaja... [Ketawa]

Mengenai projek-projek ditunda dan projek-projek terbengkalai, saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada Dewan ini berapa projek-projek yang terbengkalai di Kuala Lumpur dan juga kerana kemelut ekonomi kita, berapa projek yang dirancang dan sekarang ditunda termasuklah projek persimpangan bertingkat di Jinjang, di Batu 7, Jalan Kepong dan projek untuk Jalan Kepong Baru dan sebagainya sudah ditundakan.

Saya berharap dapat diterangkan kepada Dewan yang mulia ini termasuklah projek litar kereta *remote control* antarabangsa itu di Taman Metropolitan di Kepong. Pada 1 Januari 2007 diumumkan bahawa akan ada adakan satu litar kereta antarabangsa. Kalau diantarabangsakan, mengapa dua tahun kemudian projek terbengkalai? Yang tinggal hanyalah bangunan-bangunan tidak terpakai, rumput rampai dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Itulah masalah kita. Litar antarabangsa diantarabangsakan tetapi sia-sia sahaja. Jadi ini tidak patut berulang. Saya berharap apakah peruntukan untuk projek litar itu.

Kemudian mengenai kawasan-kawasan hijau. Kawasan-kawasan hijau itu patut kita memelihara tetapi di banyak kawasan termasuk kawasan Kepong itu, kawasan hijau Jalan Jambu Jerneh di Jinjang Selatan, entah sudah berapa tahun ada penceroboh. Kawasan hijau yang ditanam pokok oleh DBKL dimusnahkan dan pihak DBKL pun membenarkan berbuat demikian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada satu minit, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Satu minit? Ada banyak perkara lagi. Bahu-bahu jalan, tempat-tempat kosong di tepi-tepi jalan itu seperti di Jalan Jambu Jerneh juga dibenarkan kereta-kereta terpakai dipamerkan di situ. Jalan masuk ke Jinjang Utara, jalan utama itu dibenarkan rumah lut sinar pula di situ. Di depan Bukit Maluri, di bawah jejantas dibenarkan simpan dan pameran kereta-kereta terpakai dan sebagainya.

Saya pun tidak tahu mengapa ini dibenarkan sama ada kecurangan di pihak DBKL, saya tidak tahu. Kalau tidak ada kecurangan, mengapa hal-hal seperti ini dibenarkan bertahun-tahun. Saya tidak mahulah terima lagi.

Kita mestilah mengambil tindakan yang tegas. Tidak kiralah siapa pesalah-pesalah yang mempunyai talian rapat dengan ahli-ahli politik. Jadi politik dan kecantikan dan keselesaan dewan bandar raya ini kadang kala tidak boleh campur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini politik bawah tanah, Tuan Pengerusi, tidak boleh dibenarkan dan akhir sekalilah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Mengenai dengan Labuan. Kita mengalami kemelut ekonomi kerana di Labuan ada banyak syarikat antarabangsa, syarikat multinasional, luar pesisir

termasuk beberapa buah bank-bank luar pesisir. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab bilangan bank-bank luar pesisir di Labuan kita dan juga apakah bilangan rakyat Malaysia yang terlibat, yang simpan wang di bank-bank ini kerana kalau kita tidak berwaspada, tidak berhati-hati, akan berlaku masalah kalau bank-bank di situ gagal sama sekali, bankrap seperti di Amerika Syarikat. Apakah akan terjadi dengan ekonomi Malaysia? Sekian, terima kasih.

12.55 tgh.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada sedikit sahaja isu yang hendak dikemukakan di bawah Butiran 010000 - Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan.

Sebenarnya kawasan saya bukannya di dalam kawasan Wilayah Persekutuan tetapi di sebelah kawasan Segambut, PJ Utara. Saya ingin menimbulkan satu perkara, satu isu yang telah terjadi di kawasan Taman Tun iaitu di kawasan Segambut yang bersempadan dengan kawasan SS20 di kawasan PJ Utara. Ada satu projek yang baru yang tengah dibangunkan di kawasan Taman Tun ini yang bernama Glomac Damansara dan ianya telah diluluskan saya agak pada akhir tahun lalu dan satu papan cadangan telah dinaikkan pada bulan November atau Disember tahun lalu.

Penduduk di sebelah jalan iaitu di SS20 kawasan saya telah pun menulis kepada pihak DBKL untuk membantah ataupun meminta supaya satu dialog ataupun satu penjelasan diadakan sebelum projek ini diteruskan dan dibina di kawasan Taman Tun. Akan tetapi pendedahan yang telah dimasukkan ke dalam DBKL ini langsung tidak diambil kira sebelum projek ini diberikan kelulusan dan projek ini buat masa ini telah pun berjalan. Apabila saya menimbulkan perkara ini bersama dengan rakan saya dari Segambut ke pihak DBKL, pihak DBKL menjawab oleh kerana pihak pembantah adalah bukan daripada dalam Wilayah Persekutuan, mereka tidak ada *locus standi* untuk membantah mengenai projek ini.

Saya agak jawapan yang telah diberikan oleh pihak DBKL adalah tidak munasabah dan juga bersikap angkuh terhadap rakyat dan isu-isu yang perlu dipertimbangkan oleh pihak DBKL. Selain daripada itu, saya juga ingin mendapat tahu adakah pihak DBKL apabila dia meluluskan apa-apa projek di kawasan Wilayah Persekutuan, terutamanya di kawasan sempadan yang bersempadan dengan kawasan lain di Selangor seperti di Petaling Jaya Utara, adakah satu perbincangan diadakan dengan pihak majlis perbandaran yang lain di sebelah itu. Saya rasa sudah ada banyak projek yang telah diluluskan di kawasan sana yang menyeberangi kawasan Taman Tun yang akan meningkatkan trafik di kawasan itu seperti adanya projek Tropicana City di MPPJ dan juga projek-projek yang lain yang bersempadan dengan pihak Taman Tun.

Adakah satu penyeluruhan mengenai *traffic flow* diadakan, satu *study* mengenai seluruh kawasan tersebut sebelum satu-satu projek diluluskan sebab projek ini adalah satu *mix development*, satu projek yang besar dan telah diiklankan oleh pihak pemaju sebagai satu projek

yang bernilai RM500 juta di kawasan itu. Penduduk-penduduk yang di kawasan Petaling Jaya saya buat masa ini selalu membuat aduan kepada saya kerana mereka rasa mereka telah dipinggirkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, hendak tanya berapa lama Yang Berhormat perlukan?

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sudah hendak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah hendak habis?

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Habis, habis. Itu sahaja soalnya. So, saya harap pihak DBKL dan juga pihak kementerian dapat menjawab supaya DBKL akan lebih mengambil kira isu-isu yang akan dibawa oleh semua penduduk di satu kawasan yang tengah dimajukan dan bukan sahaja penduduk-penduduk yang ada dalam Wilayah Persekutuan sahaja. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

1.00 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010000 - Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan. Terlebih dahulu saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sama ada benar...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Cheras, duduk dahulu. Sudah habis masa.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Cheras sambung petang ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pagi ditangguhkan dahulu dan kita mula bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Usul Menteri.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.32 ptg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga 10 pagi hari Khamis, 27 November 2008.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]**2.34 ptg.****Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan DBKL, pada pengetahuan saya Tuan Pengerusi, saya mendapati Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, walaupun wujud namanya, tetapi saya difahamkan lembaga ini tidak bermesyuarat tidak kurang dari satu tahun kebelakangan ini. Saya ingin tahu apakah sebabnya? Lembaga ini adalah satu lembaga yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong dan peranannya adalah penting, Akta Ibu Kota Persekutuan.

Ia adalah untuk menasihatkan Datuk Bandar mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran bandar raya. Saya ingin tanya mengapakah Datuk Bandar tidak memanggil *meeting*? Adakah kerana ahli-ahli lembaga ini tidak mustahak, ataupun ahli-ahli Lembaga itu dianggap sebagai haprak, orang yang tidak guna ataupun apa sebabnya. Ataupun Datuk Bandar tidak ingin berbincang dengan ahli-ahli Lembaga ini mengenai masalah-masalah yang banyak dihadapi oleh warga kota Kuala Lumpur.

Kritikan terhadap beliau dan DBKL adalah begitu keras dan kalau, sebab dia tak ada masakah atau macam mana, kalau dia tak ada masa mengapakah Datuk Bandar ada masa dalam tempoh kurang daripada dua tahun membuat lawatan luar negeri, sekurang-kurangnya 11 kali dengan menelan belanja RM1.5 juta dan masa yang digunakan di luar negeri adalah

sekurang-kurang 100 hari, ada masa untuk makan angin, tidak ada masa untuk bekerja, berkhidmat untuk rakyat. Apakah sebabnya?

Apakah sebab juga apabila Datuk Bandar ini menjawat jawatannya, beliau telah membatalkan tradisi Datuk Bandar yang lalu dengan membatalkan Hari Pelanggan Datuk Bandar dengan warga kota, tidak pun satu masa itu dipanggil, ada masa pergi ke luar negeri, tidak ada masa untuk serve kan rakyat, apakah sebab ini?

Tuan Pengerusi saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri sebab saya juga difahamkan Bajet DBKL untuk tahun 2009 yang akan datang, walaupun belum diumumkan tetapi peruntukan pembangunannya akan dikurangkan sekadar 30%. Ini adalah satu kekurangan yang sangat besar, apakah sebabnya, kerana kemelut ekonomi ataupun sebab-sebab yang lain. Saya memandang serius perkara ini kerana Kuala Lumpur bercita-cita menjadi bandar raya bertaraf dunia, adalah perlu lebih perbelanjaan digunakan untuk memajukan bandar raya khususnya meningkatkan infrastruktur dan berbagai-bagai pembangunannya khususnya lalu lintas dan juga pengangkutan awam.

Saya ingin tanya kalau ini adalah benar, apakah item-item ataupun butiran-butiran projek yang telah dibatalkan atau ditangguhkan dan kalau DBKL benar-benar nak menjimatkan perbelanjaan, maka saya ada satu perkara ingin saya menimbulkan di sini iaitu mengenai satu perbelanjaan untuk satu unit dipanggil Unit Berkuda yang diletakkan di bawah Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL.

Tuan Pengerusi saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri apakah guna atau keberkesanan Unit Berkuda ini, sebab saya difahamkan sekurang-kurang 65 kuda berada dengan DBKL. Saya ingin tanya berapakah kos pembelian kuda, semua kuda ini, setiap kuda dan semua kuda itu. Apakah kos penyelenggaraan untuk menyelenggarakan setiap ekor kuda *stable* nya. Juga kos gaji dan elaun kakitangan. Adakah mana-mana syarikat yang melaksanakan menjalankan tugas menjaga *stable* itu dan berapakah pegawai-pegawai dan pekerja yang diupah untuk unit ini. Berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk unit ini pada tahun lepas?

Saya ingin merujuk kepada satu perkara juga di mana saya rasa amat malang kerana di kawasan saya ada satu projek yang bernilai RM100 juta, satu projek persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Tun Razak, Jalan Pudu, Jalan Cheras Jalan Chan Sow Lin.

■1440

Projek ini memang saya alu-alukan dan pentingnya untuk menambah baik lalu lintas trafik di sekitar kawasan, tetapi memandangkan projek ini akan mengambil tanah kedai-kedai swasta dan ada lebih kurang 50 hingga 60 lot tanah kedai terlibat yang mesti diambil alih dan kerajaan telah bersedia memberi pampasan kepada mereka. Akan tetapi walaupun kerja ini sudah berjalan tapi saya ada mengemukakan satu permintaan kepada Jabatan Kerja Awam supaya satu penerangan atau taklimat diadakan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan projek

ini yang menyebabkan mereka yang akan kehilangan perniagaan dan mata pencarian setelah lot atau kedai mereka diambil oleh kerajaan bagi memberi laluan projek. Akan tetapi permintaan yang tulen yang membina saya ini untuk kebaikan masyarakat, telah ditolak oleh Pengarah JKA DBKL, saya tidak faham mengapa.

Ini adalah satu perkara yang cukup dihinakan dan sikap pengarah itu memang adalah sangat sombong, tidak prihatin, tidak bertanggungjawab dan ini juga adalah bertentangan dengan hasrat kerajaan kerana kerajaan ingin menyampaikan, mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan dan juga mesra rakyat serta memastikan ketulusan dalam pentadbiran kerajaan. Saya minta satu penjelasan dari Menteri dan saya bercadang juga, Pengarah JKA itu iaitu Puan Hajah Siti Safur, kalau dia orang yang tidak berkeprihatinan, saya bercadang dia dipecat dan digantikan dengan pegawai yang lebih prihatin, berupaya dan profesional dalam menjalankan tugasnya.

Tuan Pengerusi saya juga ingin tanya apakah sebabnya kontraktor untuk semua hentian teksi dan bas dikawal oleh DBKL di Kuala Lumpur ini yang tempat pemasangan iklan dikontrakkan kepada sebuah Syarikat "Perizine" bertahun-tahun tetapi tak digantikan oleh sebuah syarikat lain yang dipanggil Risk Outdoor Worldwide Sdn. Bhd, apakah sebabnya kontrak "Perizine" itu dihentikan dan digantikan oleh sebuah syarikat yang lain. Adakah "Perizine" itu tidak berkesan ataupun tidak membayar yuran-yurannya kepada DBKL.

Akhirnya saya ingin tanya beberapa soalan yang ringkas. Pertamanya adalah KL Linear City. Setinggalan-setinggalan yang terlibat dengan projek ini telah dijanjikan oleh kerajaan untuk membeli rumah-rumah pangsa. Perkara ini telah dikemukakan oleh rakan saya dari Seputeh sejak lapan tahun dahulu dan jaminan daripada pihak kerajaan bahawa perkara ini akan diselesaikan, tapi kerap kali perkara ini timbul dan sampai hari ini masih tidak ada satu perkembangan yang positif, saya minta penjelasan. Bagi Jalan Klang Lama pula, Batu 6 di situ, jalan itu telah dikurangkan daripada empat laluan kepada dua laluan, dan akibat daripada ini dalam masa tiga tahun kebelakangan ini jalan itu sangat sesak baik dalam ataupun bukan dalam *peak hour*.

Apakah usaha serius untuk mengatasi masalah ini? Juga perkara yang cukup penting iaitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang terakhir Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...*One last*. Ekoran banjir besar tahun 2007 di Kuala Lumpur, kerajaan telah meluluskan satu program untuk menempatkan banjir dan sejumlah tujuh kolam takungan banjir telah dirancang. Bagi fasa satu, saya difahamkan RM111,800,000 telah diperuntukkan untuk projek kolam-kolam itu tetapi saya ingin tanya mengapakah projek itu tidak dilaksanakan melalui tender terbuka tetapi melalui rundingan terus. Apakah sebabnya, bukankah ini satu keputusan memihak kroni Barisan Nasional?

Saya ingin tahu apakah akan berlaku kepada fasa 2, adakah fasa 2 akan dilaksanakan melalui tender terbuka dan apakah kos bagi fasa dua dan saya minta satu jawapan yang memuaskan daripada kementerian.

2.50 ptg.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan tentang Butiran 060600 - Penyelenggaraan Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam DBKL. Penekanan ini kepada program Penilaian Impak Sosial atau PIS, adakah pihak kementerian mahu mempertimbangkan penggunaan Penilaian Impak Sosial atau PIS ini dalam semua projek pembangunan yang dibuat di DBKL hari ini. Adakah kerajaan bercadang melakukan penyelidikan tentang program impak sosial ini ke atas kawasan-kawasan perumahan rakyat dan perumahan awam yang dibina di sekitar Kuala Lumpur kerana PIS ini merupakan satu pendekatan yang boleh digunakan untuk mengesan impak tindakan kerajaan ke atas elemen sosial persekitaran yang secara langsung dan tidak langsung mempunyai hubungan yang begitu dekat dengan pembentukan modal insan yang lebih sempurna bagi rakyat Malaysia.

Ini kerana ia merangkumi banyak unsur iaitu bagaimanakah individu dapat berinteraksi dengan persekitarannya yang membabitkan soal hubungan dengan nilai dengan nama-nama budaya, sistem ekonomi, sosial, aktiviti keagamaan, rekreasi, kejranaan, institusi spiritual dan cara setiap etnik bergantung kepada identiti diri, ekspresi-ekspresi lain dalam muzik, tarian, sastera, lukisan nilai hidup bermasyarakat dan nilai-nilai kehidupan berk komuniti.

Jadi terdapat banyak perkara yang perlu diambil kira jika Penilaian Impak Sosial ini dibuat. Antaranya apakah struktur ataupun organisasi yang masih boleh bertahan atau stabil dari asakan perkembangan semasa persekitaran tersebut atau mengalami perubahan termasuklah kesan pembangunan ekonomi, kependudukan *ethnicity* dan sosial dan apakah penduduk di sekitar kawasan tersebut mengalami anjakan baru dari segi pendapatan, kekayaan ataupun dari segi perolehan pekerjaan.

Bagaimanakah masyarakat setempat mendapat pekerjaan atau diberi pekerjaan. Adakah berdasarkan kepada aktiviti mereka atau apakah kesan perubahan ke atas kehidupan mereka. Di samping itu, kesan struktur juga boleh dirujuk kepada institusi dan komunitinya terutama bagaimana masyarakat dapat kesan yang cuba membentuk kestabilan pada organisasi komunitinya secara formal ataupun tidak formal kerana dimensi setiap kumpulan yang memainkan peranan terutamanya ketaksamaan budaya sosial dan ekonomi dan kesan *ethnicity* ini ke atas setiap dimensi tersebut adalah begitu besar.

Begitu juga dengan sumber kuasa dan politik yang dianggap mempunyai pengaruh ke atas kuasa *former* dan *informer* untuk kita melihat kesannya. Ini adalah penting kerana individu, komoditi dan keluarga mempunyai faktor tertentu yang mempunyai potensi untuk mempengaruhi kehidupan mereka. Corak hubungan keluarga, suasana persekitaran dan hubungan baik, semua ini haruslah diambil kira dalam kita membangunkan PIS ini dan bagaimanapun tanah yang ada di

kawasan bandar dan luar bandar ini haruslah dibuat dengan mengambil kira perancangan masa depan yang membolehkan kita membentuk mentaliti masyarakat Malaysia yang acap kalinya dilabelkan sebagai mentaliti kelas ketiga.

■1450

Jadi saya minta di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri memastikan bahawa dalam setiap pembangunan yang dibuat terutamanya di Kuala Lumpur ini mengambil kira bahawa program ini kita harus seimbangkan di antara program, rohani dan jasmani atau *external* dan *internal* ini supaya memastikan bahawa setiap yang kita lakukan kita dapat membentuk generasi dan masa depan yang lebih gemilang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

2.50 ptg.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Saya ingin memulakan dalam tajuk 01000 - Pengurusan dan Kemajuan Pembangunan Wilayah. Soalan pertama yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai isu Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam perbahasan sebelum ini Menteri Wilayah Persekutuan telah memaklumkan bahawa dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 Fasal 55 dan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 Fasal 14, bahawa tidak ada peruntukan untuk Datuk Bandar mendedahkan atau mempamerkan Bajet DBKL.

Saya rasa ini adalah jawapan yang kurang tepat kerana dalam akta-akta tersebut tidak memberi kenyataan yang jelas bagaimana Bajet DBKL ini diuruskan. Kalau kita ingin melihat suatu pengurusan DBKL yang telus sepatutnya bajet ini harus dikemukakan. Sekarang sudah bulan November, sehingga hari ini kita belum tahu lagi apakah Bajet DBKL. Inilah salah satu bajet wilayah yang begitu besar tetapi tanpa perbahasan atau tanpa input daripada mana-mana wakil rakyat yang dipilih oleh warganegara kita.

Kita juga dapati dalam beberapa permohonan saya kepada DBKL mengenai laporan perbelanjaan - bukan sahaja bajet tidak dapat, tetapi laporan perbelanjaan DBKL bagi 2007 dan sebelumnya pun belum lagi kita dapat. Kalau kita tidak ada maklumat tentang perbelanjaan DBKL yang lalu, bagaimana kita boleh tahu pengurusan ini dapat diperbaiki? Isu ini memang satu simptom pengurusan DBKL yang sekarang banyak dikritik kerana kurang cekap dan kurang telus. Kalau kita ingin mengambil satu sikap yang terbuka kita ingin lihat secara objektif apakah yang berlaku. Itulah sebabnya kita harus mendapat penjelasan tentang ketelusan bagaimana pendapatan DBKL dari segi *proportionnya* daripada *parking*, berapa banyak jumlah yang dapat daripada pelesenan dan lain-lain lagi. Kita perlukan satu sistem yang agak telus.

Seterusnya saya juga ingin bertanya dalam tajuk yang sama dalam Butiran 06100 iaitu Program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Saya tidak ada masalah kalau program ini dapat disambut dengan meriah dan membawa faedah kepada bandar raya kita tetapi saya telah dapat satu bil baru-baru ini daripada TNB yang menyatakan, "*Ini adalah operasi pemotongan, sila bayar segera*". Kita dapati Bangunan DBKL berhutang sebanyak RM45,000 kepada TNB

sehinggakan TNB hendak memotong *electricity*. Tadi, seorang Ahli Yang Berhormat ada mencadangkan supaya menyalakan lampu di seluruh Kuala Lumpur sedangkan elektrik pun tidak bayar! Ini bukan satu contoh yang baik bagi warga kota Kuala Lumpur.

Seterusnya saya juga ingin membawa isu di bawah tajuk 02000 - Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Dalam isu ini memang kita sedar bahawa dalam kehidupan kota rekreasi dan sukan adalah sebahagian daripada kualiti hidup yang baik di Kuala Lumpur ini. Akan tetapi kita lihat pembangunan yang ada setakat ini seolah-olah kita tidak ada dasar untuk memelihara "Paru-paru Hijau" atau "*Green Lung*" di kota ini.

Dua contoh yang saya ingin bangkitkan, pertama, di kawasan saya Bandar Baru Sentul berdekatan dengan *Flat* Bandar Baru Sentul ada padang bola sepak yang telah dirancang semasa dalam perancangan. Semasa penduduk pindah ke sana memang ada *football field* tetapi tiga tahun yang lalu *football field* itu telah diluluskan untuk membangunkan kondominium. Selain daripada kependudukan yang pesat, anak-anak muda tidak ada tempat untuk berekreasi atau bermain sukan, mereka kehilangan tempat untuk tujuan ini. Ini mungkin menyebabkan gejala sosial di kalangan remaja yang duduk di kawasan *flat* perumahan rakyat.

Satu kes lagi iaitu di Taman Metropolitan, Batu. Ini adalah satu taman yang boleh dikatakan *showcase* DBKL yang telah memulakan *construction* pada tahun 2000 dan *complete* pada tahun 2002. Selepas ia dibuka kepada *public* pada tahun 2003 sebahagian daripadanya lebih kurang 6.6700 ekar daripada taman itu telah diluluskan untuk membangunkan banglo mewah semi-D. Kita tidak faham apakah dasar kerajaan. Bila kita membangunkan taman, kita membenarkan taman rekreasi tetapi taman ini digunakan untuk pembangunan bagi tujuan yang lain pula. Itu kita harus dapat penjelasan daripada kementerian.

Seterusnya saya ingin membahas dalam tajuk 060600. Itu adalah satu tajuk yang besar iaitu Penyelenggaraan Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam. Sebenarnya bila saya semak semula dalam bajet 2008 yang lalu, tidak terdapat item ini. Ini memang satu item yang baru dan kita kurang pasti mengapakah Kerajaan Pusat harus *step in*, dengan izin, untuk membantu pengurusan atau *maintenance* perumahan rakyat dan perumahan awam. Saya tidak ada halangan kalau ini akan membawa faedah kepada orang ramai tetapi kita semua sedar bahawa masalah PPR dan rumah awam ini adalah sangat ketara. Tujuan PPR sebenarnya adalah untuk memberi peluang perumahan kepada rakyat bukan untuk mendirikan kawasan perumahan yang boleh dijadikan *slum*, dengan izin.

Kini kita dapati keadaan kualiti kehidupan di kawasan PPR dan perumahan awam ini amat kritikal sekali bukan sahaja isu kebersihan. Kita tidak nampak ada suatu proses *upgrading* untuk *flat* dan perumahan ini. Saya hendak tanya sama ada pengurusan DBKL atau Kementerian Wilayah Persekutuan ada pelan untuk mengadakan satu jadual atau *schedule* untuk *upgrading*, kerana dalam tempoh 10 tahun yang akan kita akan berhadapan dengan banyak masalah.

■1500

Seterusnya kita juga dapati selain daripada kebersihan dan cat semula kita juga dapati kebanyakan *flat-flat* ini kekurangan tempat *parking* yang cukup. Ini memang mungkin dalam perancangan tidak dirancang bagi *flat-flat* yang lama. Akan tetapi yang sedia ada, saya ambil satu contoh *Flat Setia Sentul Murni*. Kawasan *parking* kereta tidak cukup tetapi baru-baru ini ada sebahagian daripada kawasan *parking* ini digunakan oleh Parti UMNO untuk membangunkan satu padang futsal dengan tidak mendapat keizinan dari penduduk-penduduk tempatan. Ini adalah satu masalah *facility flat-flat* ini. Kita tidak siapa yang uruskan dan kenapa parti-parti politik dapat menggunakan utiliti ini untuk keperluan kepartian tetapi bukan kemasyarakatan.

Akhir sekali saya juga ingin bawa satu isu yang sangat kritikal iaitu masalah lif. Kita harus memandang ini bukan isu sebahagian daripada isu, maksud saya lif ini memang menjadi satu masalah besar di kebanyakan *flat*. Kini kalau kita hidup di 30 tingkat atau 20 tingkat, lif bukan sahaja satu kemudahan, bukan satu *luxury* tetapi lif ini memang menjadi sebahagian daripada *transport*, sebahagian daripada pengangkutan. Kalau penduduk-penduduk yang dapati lifnya rosak memang tidak dapat mereka turun ke bawah. Mereka boleh sangkut di atas berminggu-minggu atau berhari-hari. Kita juga dapati banyak *flat* yang ada di Kuala Lumpur tidak mempunyai lif yang lengkap kerana lif *maintenance* ini adalah sebahagian daripada *management fees* yang penduduk terpaksa bayar.

Bila kita dapati sebahagian daripada penduduk tidak bayar atau kurang upaya untuk bayar, dia akan mengorbankan orang lain, orang lain menjadi mangsa. Jadi ini akan menjadikan satu keadaan *vicious circle* orang yang bayar pun tidak mahu bayar kemudian. Saya cadangkan kita perlu adakan satu *task force* dan untuk memerhatikan isu lif ini. Kalau perlu pihak kerajaan harus mengambil alih *maintenance* lif ini dalam satu jawatankuasa dan mendirikan satu dana yang khas untuk menguruskan masalah ini dan juga memastikan semua *developer* memberi kelengkapan yang cukup canggih dan cukup baik, yang tahan semasa memperoleh kelulusan. So itu adalah beberapa input yang saya hendak bawa di bawah tajuk-tajuk Bekalan 32 ini. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Tuan Pengerusi, kenapa saya diketepikan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Sejak pagi 11.30 saya bangun sampai sekarang tapi Tuan Pengerusi bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat dari wilayah yang lain bukan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Adakah ini adil?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat, saya jawab. Saya buat keputusan Yang Berhormat mesyuarat ini ditempokkan hingga jam 2.30 petang. Tadi selepas seorang Ahli Parlimen berbahas cuma dua orang yang hadir. Keputusan dibuat berasaskan kepada dua orang yang hadir tadi. Jadi Yang Berhormat kita mula mesyuarat 2.30. Saya akan beri peluang Yang Berhormat untuk mencelah nanti. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Minta mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri belum *start*. Yang Berhormat jangan mempermainkan keputusan saya Yang Berhormat. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat untuk mencelah apabila Menteri telah memulakan dan Yang Berhormat boleh mencelah kepada tajuk yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Jangan salah guna keputusan saya Yang Berhormat. Mencelah juga ada peraturan dan saya akan beri peluang Yang Berhormat mengikut peraturan mesyuarat yang ada. Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan yang mana kita dapat boleh memajukan atau memberi satu imej baru kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Segala pandangan dan cadangan, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menerima secara terbuka dan kita akan pastikan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira untuk kemajuan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, kebetulannya dari segi kementerian Wilayah Persekutuan jauh berbeza daripada kementerian-kementerian lain. Di mana kementerian-kementerian lain bidang kuasa adalah terhad tetapi apabila kita sebut Kementerian Wilayah Persekutuan, bidang kuasa kita sebenarnya bergantung kepada beberapa kementerian yang lain. Lebih daripada sepuluh kementerian yang buat keputusan di Wilayah Persekutuan. Contohnya apabila ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu mengenai gejala sosial ataupun jenayah di Wilayah Persekutuan. Di mana Kementerian Wilayah Persekutuan perlu bergantung dengan Kementerian Dalam Negeri dan begitu juga apabila kita sebut pasal pengangkutan ataupun kesihatan kita masih terpaksa bergantung kepada kementerian-kementerian lain.

Saya percaya dan yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil kira semua aspek-aspek ini apabila Kementerian Wilayah Persekutuan memberi jawapan atas isu-isu yang

dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa dan secara berterusan telah dan sedang melakukan pelbagai pembaharuan bagi meningkatkan mutu serta kecekapan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Kuala Lumpur. Langkah-langkah pembaharuan ini tidak berkaitan dengan kekalahan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihan raya lalu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara langkah-langkah penambahbaikan dan pembaharuan yang diambil bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah melaksanakan penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, melaksanakan projek-projek kecemerlangan organisasi mengadakan sesi Datuk Bandar bersama media melaksanakan sistem pengedaran, *star rating*, menyediakan dan melengkapkan kaunter perkhidmatan pelanggan, mempertingkatkan kursus latihan kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jabatan agensi-agensi berkaitan. Di samping itu, meningkatkan projek-projek inovasi yang boleh membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Kuala Lumpur. Menubuhkan pasukan Kawalan Mutu Kerja (KMK) 2008 dan mempergiatkan usaha ke arah mencapai Persijilan MS ISO 9000 dengan izin.

Semua langkah pembaharuan ini dilakukan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berupaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, melaksanakan penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana penstrukturan semula semua perjawatan di dalam organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih di peringkat cadangan. Dalam cadangan-cadangan tersebut pejabat cawangan contohnya akan diterajui oleh pegawai tadbir gred yang lebih kanan gred N48 dan beliau akan bertanggungjawab kepada seorang ketua pengurus kawasan Pegawai Tadbir gred N52. Tugas Ketua Pengurus Kawasan adalah untuk memantau segala aktiviti-aktiviti 11 pejabat cawangan yang diwujudkan di dalam kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Langkah ini apabila dilaksanakan akan memberikan kuasa membuat keputusan lebih luas kepada pejabat cawangan supaya tindakan serta merta dapat diambil ke atas aduan yang diterima dan dirasakan perlu diselesaikan dengan segera. Lebih banyak perjawatan sokongan juga dicadangkan akan diwujudkan di pejabat-pejabat cawangan supaya ia memberi saluran terbaik dalam memberikan perkhidmatan kepada warga Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, Bandar Tun Razak, Kepong, Lembah Pantai, Arau, Cheras dan juga Yang Berhormat Batu telah membangkitkan isu-isu mengenai rumah-rumah awam dan swasta di Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita dapat membantu golongan miskin khususnya yang berada di rumah-rumah PPR awam.

■1510

Tuan Pengerusi, didapati banyak soalan mengenai isu ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi rumah pangsa awam termasuk rumah pangsa di bawah Program Rumah Rakyat PPR di Kuala Lumpur berjumlah 72,013 unit. Jumlah tersebut terdiri daripada perumahan awam sewa PPR bandar sebanyak 21,445 unit, rumah awam sementara, rumah panjang sebanyak 4,409 unit.

PPR DBKL, Program Rumah Rakyat dan PPR Bandar sebanyak 5,297 unit. PPR-MTEN, Program Perumahan Rakyat sebanyak 27,102 unit dan 5,660 unit lagi akan diserahkan kepada KPKT. Jumlah rumah jua sebanyak 13,700 unit. Jumlah keseluruhan unit rumah pangsa swasta yang dibina secara khusus *proposed built* dengan izin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah 211,113 unit.

Kategori, rumah-rumah pangsa, Tuan Pengerusi, perumahan awam sewa PPR Bandar mula dibina sejak tahun 1960-an. Perumahan awam sewa ini dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di atas tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pinjaman Kerajaan Pusat. Rumah ini dibina dengan keluasan 400 kaki persegi, rumah satu bilik dan 500 kaki persegi, dua bilik. Terdapat juga 31 buah unit studio dengan keluasan lantai 400 kaki persegi.

Perumahan awam sementara, rumah panjang pula ialah rumah yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk penempatan sementara setinggan-setinggan bagi menjalankan pembangunan di tapak-tapak yang terlibat. Pembangunan ini adalah pembangunan usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pemaju swasta.

Seterusnya Projek Perumahan Rakyat - DBKL (PPR-DBKL) bermaksud rumah pangsa yang dibina antara tahun 1994 hingga 1998 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri. Terdapat sebanyak 5,260 unit yang dibina oleh kerajaan melalui Yayasan Pembangunan untuk rakyat termiskin. Unit perumahan ini mempunyai keluasan lantai 560 kaki persegi dan mengandungi dua bilik tidur, satu bilik mandi, dan juga satu bilik tandas, ruang dapur, ruang tamu serta ruang makan yang dibina untuk disewakan. Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) pula merupakan perumahan yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara dengan dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan tujuan untuk penempatan setinggan-setinggan dan penduduk berpendapatan rendah selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur setinggan sifar.

Rumah yang telah siap diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan mengenai Butiran 060600.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sekarang tajuk perumahan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, ini perumahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masuk terus dalam perumahan. Tidak payah sebut butiran Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Baik, ini pasal perumahan. Di sini, anggaran bekalan sebanyak RM40 juta diberi. Saya memahami bahawa DBKL sendiri mempunyai bajet sendiri. Kenapa Kementerian Wilayah Persekutuan pun hendak campur tangan dengan bajet yang lain dalam perumahan awam DBKL ini. Adakah ini *overlap*, adakah ini diperoleh? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, kita di sini membentang bajet Kementerian Wilayah Persekutuan. Tidak ada kena mengena dengan bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Maksud saya DBKL sudah ada bajet sendiri ...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak ada *overlapping* Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tidak ada?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak ada *overlapping*. Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) pula merupakan perumahan yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara dengan dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan tujuan untuk penempatan setinggan-setinggan dan penduduk berpendapatan rendah selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur setinggan sifar.

Rumah yang telah siap diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta diberikan tanggungjawab untuk mengutip sewa ditetapkan sebanyak RM124 sebulan sahaja. Kutipan daripada sewa ini akan digunakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk perbelanjaan mengurus dan menyelenggarakan perumahan PPR-MTEN. Kerajaan juga telah memutuskan untuk menjual sebahagian daripada unit-unit perumahan PPR-MTEN.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dilantik sebagai sekretariat untuk melaksanakan penjualan rumah-rumah tersebut yang kini di peringkat penyelarasan maksimum penjualan dan pemilihan lokasi yang akan dijual. Keluasan lantai PPR-MTEN ialah 650 kaki persegi. Rumah-rumah ini disediakan dengan tiga bilik tidur, satu bilik mandi, tandas, ruang dapur, ruang tamu, seta ruang makan.

Tuan Pengerusi, rumah pangsa swasta pula adalah rumah-rumah pangsa yang dibina dan dibangunkan oleh pihak swasta di atas tanah milik persendirian. Rumah pangsa swasta juga dikenali sebagai *flat*, apartment, pangsapuri, dan kondominium. Masalah-masalah yang dihadapi. Masalah-masalah rumah pangsa awam PPR Bandar kos penyelenggaraan yang tinggi. Rumah pangsa awam telah dibina sejak tahun 1960-an sehingga 1988. Kebanyakan rumah-rumah ini telah berusia dan oleh yang demikian ianya memerlukan perbelanjaan yang tinggi bagi melaksanakan kerja-kerja terutamanya kerja-kerja terutamanya penyelenggaraan terancang, *plan maintenance*.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi ada kata PPR-MTEN. Saya ingin tahu bilakah unit-unit ini akan dijual kepada penghuni-penghuni yang sedang disewa? Difahamkan Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa ada 15,007 unit akan dijual. Saya ingin tahu, bolehkah beritahu tarikh yang ditetapkan oleh kerana penghuni-penghuni atau penyewa-penyewa rumah ini bertanya wakil rakyat bilakah ini akan dijual, harganya dan mana-mana tapak yang akan dijual. Minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ingin memberi satu maklumat yang terperinci daripada permulaan hingga ke tahap di mana rancangan kita untuk menjual unit-unit ini kepada penyewa. Maka, saya harap tiada beri laluan kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat sehingga saya beri penjelasan yang terperinci mengenai isu perumahan PPR. Terima kasih

Tuan Pengerusi, masalah-masalah yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur semasa penyelenggaraan. Di mana rumah pangsa awam telah dibina sejak tahun 60-an hingga 1988. Kebanyakan rumah-rumah ini sudah berusia dan oleh yang demikian ianya memerlukan perbelanjaan yang tinggi bagi melaksanakan kerja-kerja terutamanya penyelenggaraan yang terancang, *plan maintenance* dan juga kerja-kerja menaik taraf *upgrading* dengan izin. Termasuklah penggantian bumbung, tangki, paip dan saluran air, sistem kumbahan dan najis, lif, mengecat semula dan pertambahan kos pula kes-kes vandalisme yang kerap berlaku telah menyebabkan kos baik pulih dan penggantian yang serius bertambah dari tahun ke tahun.

Antara kes-kes yang terlibat ialah kecurian kabel elektrik, kabel telekom, kecurian *nozzle hose reel*, kecurian besi penutup longkang, perbuatan menconteng dinding, kecurian pam. Masalah PPR, Majlis Tindakan Ekonomi Negara menyediakan kemudahan awam di PPR adalah kebanyakan PPR-MTEN yang sedia ada tidak di bina dengan kemudahan-kemudahan awam. Maksudnya rumah-rumah PPR ini dibina, dan kerja-kerja kemudahan awam perlu disiapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Memandangkan kebanyakan rumah itu rumah telah siap, maka penyediaan kemudahan awam memenuhi keperluan-keperluan penduduk setempat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara kemudahan yang telah dan akan disediakan di kawasan PPR adalah seperti berikut:

- (i) pusat komuniti;
- (ii) dewan serba guna;
- (iii) surau;
- (iv) tempat letak motosikal berbumbung; dan
- (v) *aid* polis.

Tidak semua kawasan PPR dapat disediakan dengan kemudahan-kemudahan tersebut kerana tiada lagi untuk dibangunkan. Kawasan perumahan yang sedang dibina dengan kemudahan awam ialah seperti berikut:

- (i) PPR Pekan Batu;
- (ii) PPR Wahyu;
- (iii) PPR Semarak; dan
- (iv) PPR Laksamana.

Masalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, masalah tunggakan sewa dan caj perkhidmatan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga menghadapi masalah berhubung dengan tunggakan di mana segelintir penghuni gagal menjelaskan sewa. Sehingga 31 Mac 2008 yang lalu, jumlah tunggakan sewa dan tunggakan air adalah sebanyak RM36,140,258. Kebanyakan yang gagal menyediakan sewa ini adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah tetapi juga terdapat juga mereka yang tegar untuk menjelaskan bayaran sewa dan caj perkhidmatan.

Kegagalan mereka menjelaskan sewa atau caj perkhidmatan menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menanggung perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan dan penyelenggaraan dengan menggunakan sumber kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri.

■1520

Bagi rumah jual tunggakan tersebut telah menyebabkan perkhidmatan di kawasan rumah ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Masalah rumah pangsa swasta pula, beberapa masalah yang telah dikenal pasti kerap berlaku di rumah-rumah pangsa swasta adalah seperti berikut:

Masalah dari segi pengurusan kewangan...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Jangan lari jauh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah habis, sudah boleh mencelah Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Biar saya habiskan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tetapi jauh.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak apa, saya akan bagi laluan, Yang Berhormat saya akan bagi laluan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya hendak balik...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jawab isu yang dikemukakan Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Mungkin ada jawapan selepas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya teruskan. Kutipan yang diperolehi dari *charge* perkhidmatan atau yuran penyelenggaraan daripada pemilik-pemilik rumah pangsa selalu tidak penuh dan tidak cukup untuk memberikan perkhidmatan dan penyelenggaraan yang berkesan dan memuaskan. Sebahagian besar pemilik gagal atau enggan untuk menjelaskan *charge*

perkhidmatan bagi unit-unit rumah pangsa mereka. Pertikaian mengenai perkongsian kos pembaikan apabila berlaku masalah kebocoran lantai, biasanya di bilik air ataupun boleh berlaku di bahagian lain dalam sesebuah unit rumah pangsa. Yang mana pemilik-pemilik unit rumah pangsa yang berlainan tingkat tetapi berkongsi lantai atau siling sepatutnya sama-sama berkongsi dan bertanggungjawab membiayai kos pembaikan.

Seterusnya aduan oleh pemilik atau penghuni lambat diambil tindakan oleh pihak pengurusan bangunan. Kelewatan pindah milik hak milik strata oleh pihak pemaju kepada pembeli atau pemilik disebabkan kelewatan...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Sudah jauhlah. Kita hendak balik semula dalam *maintenance* ini. Sini sudah *strata title*. Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh masuk Yang Berhormat, sudah boleh bagi jalan. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey. Saya hendak balik semula kepada isu penyelenggaraan tadi yang disebut kata DBKL ada *plan* untuk naik taraf. Soalan kita ialah sama ada pihak kementerian boleh sediakan jadual di *flat* mana akan dapat *upgrading* dan berapa lama mereka harus tunggu supaya kita tahu. Kalau tidak berkali-kali kita disoal, ditanya, kita pun tidak boleh jawab dan kalau kita tanya penyelaras bahagian kita, mereka pun tidak dapat jawab. So isunya, *maintenance* bukan janji untuk *upgrade*, tetapi isunya bila kalau katalah flat ini dua tahun kemudian, *flat* ini tahun ini, supaya kita tahu di seluruh ibu kota bagaimana *upgrading* ini akan berlaku.

So *that issue* kemudahan, tadi disebut mengenai kemudahan, banyak *flat* ini tidak ada kemudahan yang lengkap. Kita faham masalah ini, tetapi kita mahu jawapan bagaimana mengatasi masalah ini dan juga kekurangan kemudahan ini seperti soalan yang saya tanya, kenapa ada kemudahan termasuk dewan orang ramai atau padang bola yang dikuasai oleh parti politik, tetapi bukan oleh DBKL sendiri atau persatuan penduduk sendiri. So, ini dua perkara yang saya tanya, tetapi tidak dijawab di bawah tajuk tadi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ramai penyewa mempunyai tunggakan oleh kerana mereka menghadapi kesusahan dalam pendapatan kewangan khususnya.

Saya ingin tahu, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mencadangkan oleh kerana kegawatan ekonomi dunia khususnya dalam negara di seluruh dunia akan dikecualikan, Malaysia salah satu negara yang akan menghadapi masalah satu tsunami kewangan dalam tahun yang akan datang. Adakah kementerian mencadangkan bahawa dikecualikan sewa RM124 untuk mereka yang berpendapatan rendah khususnya warga kota Kuala Lumpur untuk membantu mereka dari segi kewangan untuk kecualikan sewa itu. Adakah hasrat kementerian akan dijalankan untuk membantu mereka yang pendapatan rendah? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Pengerusi, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Batu, memang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merancang mengkaji dan seperti mana saya kata awal-awal tadi, di mana apabila Kementerian Wilayah Persekutuan membuat keputusan, perlulah berganding bahu ataupun bergantung dengan kementerian lain, di mana kita sebut pasal isu-isu perumahan barangkali kita kena berkongsi dengan KPKT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Begitu juga dalam usaha kita untuk memastikan bagi satu jawapan yang terperinci, untuk menentukan apakah rancangan kementerian untuk memastikan semua kawasan perumahan khususnya kawasan PPR dilengkapi dengan semua kemudahan awam.

Kementerian bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat kita memang serius untuk memastikan semua penduduk, nasib penduduk di Wilayah Persekutuan dibela. Buat masa ini selaras dengan hasrat ataupun objektif kementerian untuk melahirkan satu ibu kota yang *world class city*, dengan izin. Kita bukan lagi gunakan perkataan "*modern city*" any more, sebab perkataan "moden" itu pun bukan lagi moden. Kita dalam proses menggunakan *vibrate city* ataupun *livable city*. Maka apabila kita dalam *intention* untuk melahirkan *world class city*, maka kita pastikan tidak ada mana-mana penduduk Wilayah Persekutuan khususnya golongan miskin terpinggir oleh arus pembangunan. Yang kedua...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Pengerusi, maaf ya. Tuan Pengerusi, isu kita bukan hendak dengar cogan kata, bukan *slogan nothing*. Kita hendak tahu apakah rancangan kementerian untuk *upgrading* ini? Saya sebut tadi secara spesifik lif. Lif sekarang ini banyak yang rosak. Apakah rancangan...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat, saya akan datang ke lif. Sebab itu saya kata tunggu sehingga saya habis...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya, tetapi soal *maintenance* ini bukan isu *world class city* atau *livable city*. Isunya ialah apakah program *flat-flat* yang kita sebut...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sabarlah Yang Berhormat, saya akan sampai ke bab itu. Sila sabar.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey, okey.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sila sabar. Yang kedua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang mengenai bantuan kerajaan kepada golongan miskin khususnya mereka yang berada di PPRT yang tidak mampu membayar sewa. Sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menyediakan sewa rumah untuk golongan miskin. Ada beberapa program di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membayar sewa rumah, bayar bantuan sekolah, yuran sekolah dan sebagainya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari semasa ke semasa menggunakan persatuan-persatuan yang sedia ada di kawasan perumahan untuk

memastikan penduduk-penduduk miskin, yang tidak mampu untuk membayar sewa menikmati apa yang diberi oleh kerajaan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada kes yang spesifik di kawasan saya. Oleh kerana penyewa tidak mampu untuk membayar sewa, pintu mereka dikunci dan tidak dibenarkan untuk masuk ke bilik mereka. Ini adalah satu kezaliman yang dilakukan oleh DBKL.

Saya harap kementerian harus menyiasat tentang aduan-aduan yang dikemukakan kepada DBKL bahawa golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk membayar sewa dan pintu dikunci. Saya minat penjelasan, satu keprihatinan terhadap mereka yang tidak mampu untuk membayar sewa.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, setiap kementerian dan jabatan ada peraturan-peraturan yang diguna pakai sendiri. Tidak ada mana-mana pihak yang boleh lari atau mengelak dari mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Apabila kita tidak menjelaskan sewa, maka tanggungjawab kementerian ataupun jabatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi, pemimpin-pemimpin sebagai Ahli Yang Berhormat kena peka bahawa ada cara-cara yang kita boleh membantu mereka. Sekiranya ada kes-kes tertentu dikemukakan kepada pihak kementerian, kita akan mencari jalan untuk membantu golongan miskin. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perumahan awam, PPR menggunakan sistem pengurusan berikut untuk kerja-kerja penyelenggaraan di mana:

- (i) penyelenggaraan terancang *plan maintenance*;
- (ii) penyelenggaraan pencegahan, *preventive maintenance*;
- (iii) pencegahan pembetulan, *corrective maintenance*; dan
- (iv) penyelenggaraan kecemasan, *emergency maintenance*.

■1530

Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan oleh 165 kontraktor berpenggal yang dilantik melalui tender terbuka untuk menjalankan kerja-kerja mekanikal, *electrical*, awam dan lif. Kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan pula dilaksanakan oleh 37 kontraktor berpenggal yang dilantik melalui tender terbuka juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rumah pangsa swasta, pengurusan dan penyelenggaraan dikawal selia oleh pihak pemaju daripada tarikh penyerahan milik kosong sehinggalah tertubuhnya Badan Pengurusan Bersama atau JNB, Joint Management Body dengan izin.

JNB ini merupakan sebuah badan yang ditubuhkan di bawah Akta Bangunan Harta Bersama, Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007, Akta 663 untuk menyelenggarakan dan mengurus pembangunan serta tempoh sebelum diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan atau Management Corporation atau MC.

MC dibentuk apabila hak milik strata telah diluluskan dan 25 daripada jumlah unit rumah pangsa telah dipindah milik kepada nama pemilik dan hak milik strata mengikut peruntukan Akta Hak Milik Strata 1985. Ia dianggotai oleh wakil-wakil daripada para pemilik dan syarikat yang dilantik melaksanakan tugas pengurusan dan penyelenggaraan di kawasan perumahan rumah pangsa swasta tersebut.

Mengenai isu-isu memperbaiki lif, tidak timbul di Wilayah Persekutuan di mana tiada situasi lif-lif di bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau PPR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang tidak boleh pakai selamanya. Ada kerosakan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil tindakan dengan serta-merta. Tuan Pengerusi, bilangan rumah pangsa swasta mengikut kawasan Parlimen Bandar Tun Razak tidak dapat...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Isu lif, ya boleh mencelah tentang isu ini? Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi dikatakan tidak ada lif yang di bawah Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur tidak ada masalah, itu mungkin benar pada setakat ini. Akan tetapi di seluruh kota, banyak PPR dan juga projek-projek yang telah diswastakan masih menghadapi masalah lif.

Lif ini bukan sahaja *problem* nya dari fungsinya dan juga *maintenance*. Masalahnya apabila ada sebahagian daripada penduduknya yang tidak mampu bayar, atau kurang dana untuk membaiki lif atau mengoperasi lif itu dan dia akan menjadikan orang lain yang bayar pun menjadi mangsa. So kita kena ada cara penyelesaian bagi masalah-masalah seperti contoh Sentul Utama ada masalah kerana dia juga diurus, dibina oleh pihak swasta dan Flat Sri Murni ada masalah lif dan satu lagi *design* lif ini dia kecil dan tegak.

Kita harus ingat satu flat yang 30 tingkat dan juga orang-orang miskin yang kebanyakan duduk di situ, sampai kalau orang yang mati di atas, bagaimana mereka hendak turun pakai lif yang tegak ini. Ini adalah satu perkara yang agak tidak sensitif dan tidak sopan. So perkara-perkara ini kita harus atasi dari awal lagi, dari *design*. Bukan sahaja kita *maintain* supaya dia berjalan sahaja tetapi masalah ini nampaknya tidak ada perancangan, tidak ada *planning* untuk mempertingkatkan atau memastikan satu kualiti hidup yang baik untuk orang-orang miskin. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, apabila kita sebut PPR, perumahan untuk orang miskin di mana PPR di semua Wilayah Persekutuan, kos penyelenggaraan dan *maintenance* telah dibuat oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Apabila kita ada bangunan-bangunan swasta, rumah-rumah pangsa swasta maka kita tidak boleh menggunakan wang kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja *maintenance*.

Saya harap Yang Berhormat faham dan boleh beza di antara PPR kerajaan dan PPR swasta. Kita tidak boleh benarkan ataupun tiada peraturan ataupun undang-undang yang membenarkan pihak kementerian ataupun Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur untuk menggunakan wang kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja *maintenance*, apa juga kerja *maintenance*.

Apabila kita beri kelonggaran, kita sudah buat *maintenance* lif, *maintenance* itu tidak tertakluk dengan lif sahaja, ada banyak *maintenance*, longkang tersumbat, paip tersumbat, semua jadi *maintenance*. Maka kita tidak ada peraturan ataupun undang-undang untuk membenarkan kita menggunakan wang kerajaan ataupun digunakan untuk membaiki ataupun membuat *maintenance* bangunan swasta. Pendirian kita cukup jelas, kerajaan tidak akan membenarkan menggunakan wang kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja membaiki bangunan swasta.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Itulah sebab cadangan saya supaya...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Apabila kita bagi kelonggaran, kita hendak memperbaiki bangunan swasta, apakah tindakan orang awam di mana semua orang akan minta bantuan kita untuk membaiki lif.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kuala Lumpur dipenuhi kondominium-kondominium mewah. Apabila kita memberi laluan untuk memperbaiki, maka semua orang akan minta.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Pengerusi, cadangan saya ialah pihak kementerian harus fikir tentang isu ini kalau Kuala Lumpur ini akan dimajukan menjadi *world class city*. Kita tidak boleh membenarkan *flat-flat* ini yang kita sudah swasta kan menjadi *slump*. So, sebelum ini kita sebut kita akan jualkan flat-flat PPR ini kepada orang awam. Apabila orang awam memilikinya, masalah *maintenance* akan menjadi *problem*.

Kalau kita tidak fikir secara jangka panjang, seperti yang saya sebut 10 tahun dari sekarang, kita akan menghadapi banyak masalah ini. So, saya bukan kata kementerian sudah tiada rancangan, *I mean* maksud saya perancangan mungkin tidak ada sekarang tetapi seharusnya kita kena fikir jauh. Kita tidak boleh hanya fikir tentang sekarang sahaja kalau matlamat ini ingin menjadikan *world class city*.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih. Kalau saranan Yang Berhormat untuk mengkaji, Kementerian Wilayah Persekutuan sedia mengkaji mana-mana untuk membantu.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang juga telah membangkitkan isu mengenai penjualan rumah-rumah PPR kepada penyewa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia, mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Mei 2007 telah memutuskan bahawa sebanyak 15,007 unit rumah dari Program Perumahan Rakyat Malaysia, Tindakan Ekonomi Negara, PPR-MTEN akan dijual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22 kawasan PPR-MTEN terlibat dengan program penjualannya ialah seperti berikut;

Kawasan	Unit
PPR Lapangan Terbang Lama	790
PPR Jalan Cochrane	694
PPR Pekan Batu	316
PPR Sungai Bonus & PPR Air Jernih	1260

PPR Kampung Batu	1200
PPR Ampang Hilir	316
PPR Pudu Hulu	316
PPR Kampung Batu Muda	914
PPR Bukit Jalil	1940
PPR Kampung Muhibah	1260
PPR Salak Selatan	316
PPR Beringin	940
PPR Taman Intan Baiduri	917
PPR Pekan Kepong	316
PPR Lembah Pantai & Kerinchi	948
PPR Linear City	316
PPR Linear City 2	632
PPR Linear City 2 Fasa 2 & Cempaka	316
PPR Taman Wahyu 2	360
PPR Kampung Malaysia Permai	632
PPR Projek Khas Sungai Besi	316

Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk membuat keputusan kepada penyewa dan merujuk kepada garis panduan pemilik ataupun pembeli perlulah tidak memiliki rumah dalam radius 35 kilometer. Baru-baru ini apabila kita menawarkan rumah PPR ini satu contoh di mana baru-baru ini Dewan bandar Raya Kuala Lumpur telah menawarkan rumah untuk penghuni-penghuni di Kampung Muhibah.

Apabila mereka diminta untuk mengisi borang, lebih kurang 200 lebih sahaja yang dapat mengisi borang untuk memiliki rumah sebab mereka ada rumah di dalam ibu kota, dalam 35 kilometer. So, ini salah satu masalah yang kita hadapi. Penjual rumah juga kita menghadapi beberapa masalah;

■1540

Satu, dari segi pemilikan rumah di mana penyewa sendiri ada rumah dalam *city centre*. Yang kedua, untuk membeli rumah, nama-nama mereka disenaraihitamkan oleh bank kerana masalah-masalah kewangan sebelum ini sama ada kad kredit tak bayar ataupun kereta tak bayar dan sebagainya. So, ini beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kita dalam proses untuk mencari jalan macam mana kita boleh membantu untuk mengatasi masalah ini.

Kabinet juga telah memutuskan bahawa semua penyewa PPR boleh memohon untuk membeli rumah PPR ini tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Seorang penghuni tidak layak untuk memohon sekiranya telah berpindah keluar, tidak menduduki

mana-mana rumah PPR, dipindahkan secara sementara ke PPR dan menduduki PPR atas dasar kuarters. Status penjualan rumah PPR *maintain* diserahkan kepada pihak KPKT..

Kadar-kadar caj yang dikenakan di rumah pangsa swasta, rumah pangsa kos rendah harga jualan di antara RM25,000 hingga RM42,000. Sekitar RM20,000 hingga RM40,000 seunit sebulan. Rumah pangsa kos sederhana harga jualan di antara RM42,000 hingga RM200,000 dan rumah pangsa kos tinggi adalah harga jualan RM200,000 dan ke atas.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang telah membangkitkan isu mengenai penduduk mengadu kepada penyelenggaraan perumahan awam aduan selaraskan dengan cepat. Penyelenggaraan perumahan awam bergantung kepada jenis-jenis dan kerosakan. Aduan yang dapat diperbaiki segera dan kerosakan dalam masa 24 jam contohnya elektrik trip. Kakitangan yang bertugas 24 jam akan datang untuk memperbaiki. Aduan-aduan yang dapat dilaksanakan dalam masa dua hari contohnya tandas tersumbat, singki bocor, simen pecah dan sebagainya. Tiga hingga tujuh hari seperti memperbaiki pintu rosak, penutup longkang pecah, bumbung bocor dan sebagainya.

Yang kedua, mengenai kebersihan perumahan awam kakitangan penyelia perumahan sentiasa memantau kontraktor-kontraktor pembersihan dan sentiasa memastikan kerja-kerja pembersihan dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh kontraktor.

Yang Berhormat Bukit Bintang telah membangkitkan butiran sosial rekreasi dan kemudahan awam dan taman-taman rekreasi. Peruntukan RM30.69 juta ialah untuk pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan di bawah RMK-9 sejumlah 24 projek. Mengenai projek rekreasi Jalan Davis ianya tidak termasuk dalam senarai tersebut dan masih di peringkat cadangan. Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang peruntukan kawasan lapang di kawasan Parlimen Bukit Bintang terutamanya di kawasan Jalan Davis dan Dataran Perdana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Davis Dataran Perdana akan dibangunkan semula oleh Perbadanan Harta Bumiputera. Pelan susun atur baru yang disediakan telah memperuntukkan seluas 20.91 ekar untuk kawasan lapangan atau 25% daripada kawasan pembangunan. Cadangan ini sedang dipertimbangkan oleh Datuk Bandar.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Seterusnya Ahli Yang Berhormat daripada...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang Jalan Davis bekas kuarters kerajaan adakah kementerian akan mencadangkan bahawa 30 ekar tanah ini akan digunakan untuk tapak rekreasi sebab di Kuala Lumpur kita difahami kekurangan kawasan hijau. Ini satu tempat yang strategik di pusat bandar. Saya rasa ini adalah satu tapak yang sesuai untuk kawasan hijau di kawasan Jalan Davis ini. Adakah kementerian mencadangkan bahawa satu tapak rekreasi akan diadakan di tempat ini? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sehingga hari ini tidak ada sebarang cadangan. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengkaji sekiranya boleh kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Seterusnya Yang Berhormat membangkitkan isu pengurusan kemajuan pembangunan Wilayah Persekutuan butiran 01000 berjumlah RM40.836 juta merupakan satu perbelanjaan untuk pengurusan kementerian melibatkan gaji, upahan dan perbelanjaan operasi Kementerian Wilayah Persekutuan. Jumlah ini tidak melibatkan pembangunan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Bukit Bintang mengenai RM248 juta untuk jalan dan jambatan tahun 2009 sebanyak 28 projek yang telah disenaraikan dalam perancangan pembangunan di bawah pembiayaan jalan dan jambatan yang melibatkan kos sebanyak RM248 juta. Kos tersebut melibatkan kos reka bentuk, bayaran juru perunding, pengambilan balik tanah dan kos pembinaan. Jumlah ini termasuk projek-projek yang baru dan juga projek-projek sambungan daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan.

Daripada senarai-senarai tersebut sebanyak empat projek telah pun siap dan telah digunakan iaitu Jalan Loke Yew sambungan Jalan Mahameru ke Sentul, Jalan Cheras ke Jalan Taman Taynton - Taman Segar dan juga jalan keluar masuk ke Taman Koperasi Polis.

Akhirnya Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu mengenai Plaza Rakyat di mana Yang Berhormat cukup prihatin atau keputusan apakah ataupun bilakah isu ini akan diselesaikan. Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini projek ini terbengkalai sejak tahun 1997 disebabkan oleh krisis ekonomi negara dan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat sendiri.

Sehubungan dengan itu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi membantu PRSB meneruskan projek ini dan di antaranya ialah membenarkan peruntukan konsep pembangunan daripada *built-lease-operate-transfer* (BLOT) kepada *out track sale*. Peruntukan konsep pembangunan ini adalah penting kerana melalui peruntukan konsep ini pihak PRSB boleh mendapatkan sumber pembiayaan kewangan untuk meneruskan projek ini.

Walaupun bagaimanapun, terdapat terma-terma *out track sale* yang tidak dipersetujui oleh PRSB. Memandangkan terma-terma *out track sale* tidak dapat dipersetujui oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberikan lanjutan masa yang kelima sehingga 31 Mei 2007 di mana pihak PRSB diminta untuk menyiapkan projek Plaza Rakyat mengikut persetujuan atas konsep BLOT sehingga tarikh tersebut. Sehingga tarikh akhir lanjutan masa iaitu pada 31 Mei 2007 PRSB masih tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyiapkan projek ini dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengemukakan notis membaiki kemungkiran kepada PRSB pada 1 Jun 2007 untuk tempoh selama 60 hari sehingga 31 Julai 2007.

Pihak PRSB seterusnya memaklumkan bahawa terdapat sebuah syarikat yang bersedia untuk mengambil alih tanggungan dan membiayai projek ini iaitu Syarikat Global Upline Sendirian

Berhad. Pihak DBKL telah bersetuju menerima cadangan *revise joint venture agreement* daripada Syarikat GUSB dan satu *memorandum of understanding* telah ditandatangani di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, PRSB dan GUSB. Melalui perjanjian tersebut maka projek ini dijangka akan dilaksanakan semula menjelang suku tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah projek usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pemaju iaitu Tetuan Plaza Rakyat Sendirian Berhad yang ditandatangani pada 16 September 1992 dan dengan projek ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan perbelanjaan lain selain dari kos tanah dan kos untuk kerja-kerja pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang telah dibelanjakan oleh pihak pemaju bagi kerja-kerja *piling* dan *foundation* setakat ini dianggarkan sebanyak RM150 juta. Kos pembinaan keseluruhan bagi menyiapkan projek Plaza Rakyat ini dianggarkan sebanyak RM1.2 bilion.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai hasrat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Dalam hal ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bukan sahaja berhasrat malah berusaha supaya masalah kesesakan lalu di Kuala Lumpur dapat diuruskan dengan lebih teratur dalam program ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang pasar raya oleh kerana ramai para pembeli telah belanjakan dan melaburkan kepada unit-unit mereka yang beli, mereka menghadapi dan mengalami kerugian yang besar. Oleh kerana mereka terpaksa membayar faedah-faedah kepada bank-bank atau institusi-institusi kewangan untuk mereka yang dapat pinjaman.

■1550

Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan akan mencadangkan bahawa pampasan akan diberi kepada mereka oleh sebab mereka dalam 12 tahun ini menghadapi krisis kewangan. Adakah satu *schedule* pembayaran pampasan kepada mereka jika projek ini tidak dilaksanakan dengan sempurna bahawa kontraktor-kontraktor atau pemaju-pemaju mereka tidak melepaskan tanggungjawab mereka yang diamanahkan oleh DBKL oleh sebab DBKL salah satu usaha sama dengan projek swasta ini. Saya rasa tanggungjawab kerajaan seharusnya memberikan pampasan kepada para pembeli, mereka yang menghadapi krisis kewangan ini. Adakah kementerian akan mencadangkan pampasan diberi kepada mereka jika projek ini akan disiapkan? Minta penjelasan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi sebenarnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan cukup prihatin terhadap projek ini di mana walaupun projek ini terbengkalai atas kecuaiannya pemaju sendiri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melanjutkan terma-terma dan kontrak pemaju sehingga hari ini untuk memastikan projek ini

disiapkan. Dalam hal ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bukan sahaja berhasrat malah berusaha supaya masalah kesesakan lalu lintas boleh diatasi dengan menyiapkan projek ini. Di peringkat ini kita cuma bagi janji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau kementerian, mengkaji dan mencari jalan yang terbaik untuk mengatasi masalah ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Labuan mengenai kemajuan cadangan pembinaan Jambatan Lombok ke Labuan, di mana kajian spesifik *study* telah dijalankan di bawah peruntukan RMK-9, perunding telah dilantik iaitu Pasukan Perunding Universiti Malaysia Sabah, cawangan Labuan dan perkara ini akan diselesaikan dengan kadar yang segera. Seterusnya Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu berapakah peruntukan untuk Labuan untuk pembangunan Hari Wilayah, upacara penutup Hari Wilayah Persekutuan 2009 di Wilayah Persekutuan Labuan dan perbelanjaan sejumlah RM300 ribu diperuntukkan untuk Labuan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai isu peruntukan kepada Pejabat Tanah dan Galian Labuan adalah sebanyak RM1.8 juta. Tuan Pengerusi, seterusnya cadangan ataupun pandangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Tun Razak, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan tidak menerima cadangan beliau untuk mengeluarkan iklan untuk mencari seorang Datuk Bandar. Saya tidak pernah dengar mana-mana negeri kita keluarkan iklan untuk melantik Datuk Bandar dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan mengeluarkan. Terpulang kepada kerajaan negeri-kerajaan negeri lain sekiranya mereka hendak pilih untuk mengeluarkan iklan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Tun Razak membangkitkan isu program mempertingkatkan taraf hidup di kawasan perumahan awam, DBKL sentiasa menjalankan program-program berkaitan dengan mempertingkatkan taraf hidup di kawasan perumahan awam seperti kelas-kelas tuisyen dan kelas-kelas motivasi, latihan menjana ekonomi jangka pendek dan sebagainya. Untuk tahun ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membelanjakan sejumlah RM3 juta untuk program-program mempertingkatkan ekonomi penduduk di perumahan awam. Yang Berhormat juga telah membangkitkan, meminta supaya penyelarasan pembangunan dibuat melibatkan negeri Selangor juga seperti dalam pengurusan sungai dan pengangkutan awam.

Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengaktifkan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Persempadanan Kuala Lumpur-Selangor bagi menyelaras pembangunan kedua-dua wilayah ini dengan lebih sistematik dalam semua aspek pembangunan dan tidak terhad kepada pengurusan sungai dan pengangkutan awam sahaja. Kementerian mengharapkan kerjasama sepenuhnya dapat diberikan oleh pihak negeri Selangor juga. Satu lagi isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai pembangunan perancangan penghuni, pemindahan rumah panjang, pada asalnya adalah setinggan. Program rumah PPR adalah

diutamakan untuk program pembersihan dan pemindahan setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan tanah kerajaan dan juga agensi-agensi selaras dengan langkah ke arah setinggan sifar.

Bagi penghuni rumah panjang sedia ada, sekiranya sekarang ini terdapat cadangan untuk membangunkan tapak rumah panjang ini sama ada dibangunkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri atau secara usaha sama penswastan. Contohnya penghuni rumah panjang KTM di Kerinchi telah dipindahkan ke PPR di kawasan Kerinchi. Selain itu tapak rumah panjang di Cheras telah mempunyai perancang untuk membangunkan tapak tersebut untuk menyediakan rumah mampu milik bagi penempatan penghuni rumah panjang tersebut. Penyediaan rumah PPR adalah diutamakan untuk program pembersihan dan kombinasi...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan. Mengenai matlamat setinggan sifar yang dilaungkan oleh kerajaan. Saya masih ingat apabila Tan Sri Elias Omar menjadi Datuk Bandar. Beliau menjangkakan tahun 1990 sebagai tahun setinggan sifar, tidak jadi, Selepas itu Tan Sri Kamarulzaman menjangkakan tahun 1995 dan diikuti oleh beberapa Datuk Bandar pun membuat jangkaan yang berbeza sehingga Datuk Muhamad Said menjangkakan tahun 2006 sebagai tahun yang mesti mencapai matlamat ini tetapi sampai sekarang nampaknya adalah masih jauh dari mencapai matlamat. Apakah tarikh jangkaan yang terbaru?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, sebenarnya Kementerian Wilayah Persekutuan hampir-hampir untuk mencapai *zero* setinggan di Wilayah Persekutuan pada tahun ini tetapi mengikut kegawatan ekonomi antarabangsa cuma sedikit lewat. Walau bagaimanapun kita akan mencapai hasrat murni kita pada penghujung tahun 2009. Akan tetapi untuk mencapai hasrat murni ini, kita perlulah bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Baru-baru ini apabila kita buat proses penempatan semula, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang membantah supaya penduduk setinggan tidak berpindah.

Kalau kita ada pendirian macam ini, beribu-ribu tahun pun kita tidak akan mencapai, satu. Kedua, *zero* setinggan ini kita kena faham di mana hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan apabila Wilayah Persekutuan mengatakan kita pastikan Kuala Lumpur tidak sedia menghadapi mana-mana setinggan di Wilayah Persekutuan, cuma di kawasan tanah-tanah kerajaan sahaja. Apabila tanah swasta di mana mereka hendak kekalkan sebagai setinggan, maka apa-apa tindakan tidak boleh diambil terhadap mereka. Khususnya di kawasan Sentul ada juga terdapat beberapa kawasan persendirian di mana mereka kekalkan sebagai setinggan. Maksud kita *zero* setinggan ini cuma tertakluk kepada Tanah-tanah Kerajaan Persekutuan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya ingin betulkan sedikit, saya ingat tidak ada wakil rakyat yang membantah penempatan semula kalau penempatan semula ini dijalankan dengan

proses yang baik. Saya juga ingin cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri kena fikirkan isu ini. Di Wilayah Persekutuan, ada penduduk yang tidak memiliki hak tanah ini, yang pernah duduk di kawasan itu selama 20-30 tahun, ada yang lebih lama daripada 40 tahun. Dalam prosedur sekarang, hanya RM1,000 pampasan bagi setiap keluarga bila penduduk-penduduk yang dianggap sebagai setinggan ini dirobohkan. Adakah munasabah dalam zaman sekarang Kementerian tidak memikirkan untuk membuat perubahan dasar dari segi pampasan dan juga dari segi bantuan kepada setinggan-setinggan ini bila penempatan semula dijalankan. Kita tidak boleh salahkan mereka-mereka yang cuba membantah dan juga menentang penempatan secara kekerasan. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi?

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Sedikit lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak apa panjangkah, tidak panjang.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak dapat hadir dalam waktu perbahasan tadi oleh sebab dua orang menteri turun kawasan saya iaitu Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

■1600

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat, kita pun tidak boleh tunggu Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad binti Ghazali [Titiwangsa]: Ya, saya pun tahu memang tidak boleh tunggu saya. Walau bagaimanapun saya terima kasih kerana mendapat peluang ini. Berkenaan dengan perpindahan ke PPR ini saya ingin bertanya bagaimana dengan mereka-mereka penghuni yang menjadi pemilik kepada rumah-rumah yang sebelum mereka miliki kemudian dipindahkan ke PPR dan dijanjikan akan menjadi pemilik pada PPR itu. Sebagaimana contohnya misalnya penghuni-penghuni di Flat Pekeliling yang dipindahkan ke Desa Rejang. Sehingga kini mereka masih lagi terumbang ambing tidak tahu sama ada mereka akan diberi pemilikan atau tidak di rumah PPR yang mereka telah dipindahkan sekarang.

Yang keduanya juga saya dimaklumkan dalam satu *retreat* dengan Kementerian Wilayah sebelum ini iaitu mungkin dalam beberapa peratus ataupun mungkin dalam 50% misalnya daripada PPR ini akan dijual kepada mereka yang menghuni unit-unit tersebut. Jadi bagaimanakah polisi terus berjalan ataupun tidak.

Yang ketiganya saya juga akan minta celahan kemudian nanti untuk tentang Pasar Datuk Keramat yang baru sahaja selesai saya lawati bersama-sama dengan Menteri. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang seterusnya mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak mengenai program-program mempertingkatkan taraf hidup kawasan perumahan awam. DBKL sentiasa menjalankan program-program berkaitan dengan mempertingkatkan taraf hidup di kawasan perumahan awam seperti kelas-kelas tuisyen dan kelas motivasi. Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu mengenai perancangan Bandaraya Kuala Lumpur mesti disesuaikan dengan perancangan di negeri Selangor.

Jawatankuasa Bersempadan Kuala Lumpur-Selangor ditubuhkan untuk memantau dan menyelaraskan pembangunan-pembangunan di sempadan Kuala Lumpur dan Selangor. Di dalam penyediaan draf pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020, agensi berkenaan - pihak perancangan telah dijemput untuk turut serta dalam proses penyediaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan pihak-pihak berkuasa tempatan persempadanan dengan Kuala Lumpur.

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jempol kekurangan tempat letak kereta di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Adakah perancangan untuk mengatasi. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kini dalam perancangan untuk membina sesebuah kompleks yang dilengkapi dengan lot-lot penjaja dan juga tempat letak kereta bertingkat di lot PT80 di belakang Wisma Shen Jalan Masjid India.

Ianya dijangka dapat menambah tempat letak kereta sedia ada di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Masjid India. Walau bagaimanapun orang awam digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam bagi mengelakkan masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan-kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan masalah petunjuk jalan lokasi di Putrajaya. Perbadanan Putrajaya sememangnya telah menyediakan petunjuk jalan sistem papan tanda di kawasan Putrajaya. Dari masa ke semasa pengunjung malah Perbadanan Putrajaya juga bekerjasama dengan pihak JKR untuk menyediakan papan tanda dari luar Putrajaya bagi untuk memudahkan pengunjung ke Putrajaya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad binti Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan tentang PPR tadi.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sebenarnya Yang Berhormat masuk lewat. Saya telah mengumumkan kedudukan kerajaan ataupun kementerian dan jumlah PPR-PPR yang akan dijual kepada penyewa. Saya akan beri salinan kepada Yang Berhormat selepas mesyuarat ini.

Masalah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan isu masalah pertindihan lot tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Masalah pertindihan lot yang berlaku adalah kerana terdapat perubahan pelan-pelan sesuatu yang digunakan semasa proses perpindahan daripada pentadbir Selangor ke pentadbiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu mengenai pembangunan Kampung Baru. Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur telah mempunyai perancangan untuk membangunkan tapak pasar minggu Kampung Baru di mana pembangunan ini akan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada peniaga-peniaga sedia ada.

Di samping itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai perancangan untuk mengindahkan kawasan Kampung Baru dan kawasan sekitarnya yang melibatkan pembinaan siar kaki dan juga menaik taraf jalan. Untuk pembangunan fasa pertama yang melibatkan Jalan Raja Muda Musa telah pun disiapkan pembinaannya.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, Taman Tasik Perdana, Taman Sri Budaya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menaik taraf Panggung Anniversary di Taman Tasik Perdana dan dijangka siap pada bulan Mei 2009. Dijangkakan setelah dinaiktarafkan, persembahan dan pertunjukan seni budaya dapat diadakan secara menyeluruh pada waktu siang dan malam. Untuk makluman Yang Berhormat, luas kawasan Tasik Perdana ialah seluas 101 hektar. Dalam kawasan Tasik Perdana ini terdapat beberapa taman-taman seperti Taman Bunga Raya, Taman Orkid, Taman Rusa, Taman Kancil, Taman Herba dan Taman Conservatory.

Selain daripada itu, sebuah Panggung Anniversary sedang dalam proses pembangunan semula. Adalah diharapkan dengan siapnya panggung ini akan dapat meningkatkan aktiviti-aktiviti kesenian dan pelancongan serta rekreasi di ibu kota.

Dr. Lo' Lo' Mohamad binti Ghazali [Titiwangsa]: Laluan sedikit.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh saya habiskan Yang Berhormat dan akhir saya beri laluan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad binti Ghazali [Titiwangsa]: Tentang naik taraf jalan Kampung Baru. Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh saya habiskan dan saya beri laluan selepas ini. Ahli Parlimen dari Pasir Mas juga telah membangkitkan isu pemalsuan dan penipuan urusan tanah di Wilayah Persekutuan. Sehingga kini PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengenal pasti sebanyak 20 hak milik yang terlibat dan isu pemalsuan hak milik tanah. Laporan dan siasatan telah dijalankan oleh pihak polis mengenainya dan isu masih dalam siasatan pihak polis.

Dalam usaha menangani masalah pemalsuan dan penipuan PTG, Kementerian Wilayah Persekutuan telah melaksanakan sistem biometrik di mana tujuan utama biometrik adalah bagi merekod maklumat mengenai pemilik tanah, wakil pemilik tanah dan wakil syarikat guaman. Identiti individu yang berurus di pejabat tanah dikenal pasti melalui padanan cap jari dan MyKad.

Seterusnya beberapa Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, Cheras telah membangkitkan isu trend Bajet DBKL yang berubah. Penyediaan Bajet DBKL adalah bergantung kepada kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi membiayai dan operasi projek pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sumber kewangan Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur bagi membiayai pelan perbelanjaan mengurus datangnya daripada sumber dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri seperti melalui cukai taksiran, lesen-lesen dan sewaan serta kenderaan denda dan kompaun. Projek pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga dibiayai melalui dua sumber.

Sumber dalaman iaitu melalui lebih operasi yang dikumpulkan di dalam rizab pembangunan dan juga caj-caj permohonan yang dikenakan ke atas permohonan pembangunan oleh pemaju. Di samping peruntukan Kerajaan Pusat melalui Rancangan Malaysia juga telah diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Penyediaan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bergantung kepada hasil yang diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk operasi dan juga rizab pembangunan bagi membiayai projek pembangunan.

Untuk makluman, trend Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebenarnya semakin menurun disebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat menjana sumber pendapatan baru bagi membiayai perbelanjaan operasi di samping peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi aktiviti-aktiviti yang bukan menjadi tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tidak diberikan seperti penyenggaraan ITIS dan penyenggaraan jalan-jalan utama di samping beberapa kerja-kerja penyenggaraan yang sepatutnya dilaksanakan oleh agensi lain.

Projek pembangunan yang menggunakan rizab pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri terpaksa dikurangkan kepada rizab permohonan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri semakin berkurang. Kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat meningkatkan hasil bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh ditambah bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada warga kota.

Yang Berhormat Ahli Parlimen Lembah Pantai...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Biar saya habiskan Yang Berhormat masa tidak cukup. I risau mungkin masa tidak cukup. Sedikit sahaja lagi ini. Boleh saya teruskan? Saya beri laluan akhir sekali. Biar saya selesaikan semua soalan-soalan. Soalan tambahan saya bagi laluan sekiranya masa diizinkan.

Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan isu Belanja Mengurus kenapa semakin meningkat. Penambahan perjawatan pada tahun 2005 yang menyebabkan pertambahan peruntukan. Pertambahan peruntukan Belanja Mengurus juga disebabkan oleh kemasukan. Sebelum ini pejabat tanah di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kini Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dimasukkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan maka Belanja Mengurus telah meningkat. Yang Berhormat Lembah Pantai juga telah membangkitkan tentang Laporan Perbelanjaan seperti tidak dibentangkan di Parlimen.

■1610

Laporan perbelanjaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak dibentangkan di Parlimen. Pemantauan perbelanjaan agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan juga Labuan sentiasa dilaksanakan. Kementerian Kewangan telah menetapkan mesyuarat pemantauan perbelanjaan secara suku tahun dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun juga dilaksanakan melalui laporan tahunan dan juga penyata kewangan agensi yang ditetapkan di Parlimen setiap tahun untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Ahli Parlimen juga telah membangkitkan isu mengenai mengekalkan bangunan-bangunan warisan Kuala Lumpur. Urusan pewartaan bangunan warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Warisan Negara. Bagaimanapun, cadangan untuk menetapkan bangunan berkaitan sebagai bangunan warisan akan dikemukakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tujuan mendapat keizinan Menteri Wilayah Persekutuan terlebih dahulu. Dari semasa ke semasa kementerian dan KEKKWA sentiasa perhatian dan kerjasama dalam menentukan bangunan-bangunan atau tempat-tempat yang mempunyai nilai sejarah untuk diwartakan sebagai bangunan atau tempat warisan.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga telah membangkitkan masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi di *Parcel E*. Perancangan Putrajaya memberi keutamaan kepada sistem pengangkutan awam untuk *Parcel E* dan Perbadanan Putrajaya telah pun mengoperasi *park and ride* di Presint 1 yang menyediakan 1000 lot tempat letak kereta. Tambahan 500 lot juga sedang dalam proses penyediaan. Oleh itu, kakitangan awam dan pengunjung ke *parcel* ini digalakkan untuk menggunakan kemudahan *park and ride* ini. Kedua, kekurangan *park and ride* dan kekurangan efisien yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai, seperti yang disebutkan, Perbadanan Putrajaya telah pun mengoperasi *park and ride* di Presint 1 semenjak November ini.

Perbadanan juga telah mengoperasi *park and ride* di Presint 7 bersebelahan dengan sistem stesen Putrajaya Sentral yang mempunyai 1400 lot tempat letak kereta. Selain itu, sebuah lagi *park and ride* akan dibina di Presint 14 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sehubungan itu, telah pun memperoleh 15 buah bas tambahan di samping 55 buah bas yang sedia ada yang beroperasi menjadikan jumlahnya 70 buah.

Oleh itu, soal kurang efisien dan kekerapan akan dapat diatasi. Sejak akhir-akhir ini, bilangan pengguna yang menggunakan perkhidmatan bas semakin meningkat dan akhir sekali Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu beberapa kerap aktiviti pembersihan dijalankan di kawasan Kuala Lumpur. Aktiviti pembersihan yang dijalankan di Kuala Lumpur adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti aktiviti kutipan sampah di rumah-rumah awam dilakukan

setiap hari. Kawasan pusat penjaja dilakukan setiap hari. Jumlah kapasiti sampah yang dikutip setiap hari berjumlah antara 2000 hingga...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kalau Yang Berhormat Sri Gading boleh mencelah, Yang Berhormat Titiwangsa lagi nak mencelah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Titiwangsa kalau nak mencelah, saya silakan dulu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, saya ingin ...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Pengerusi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bagilah laluan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Laluan siapa mahu? Kalau Yang Berhormat Titiwangsa, saya boleh mengalah.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya ingin teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Kuala Lumpur punya pasal.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya nak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini orang Kuala Lumpur pun kadang-kadang kita mahu ajar sama dia lah. Kadang-kadang orang dewan bandaraya pun tak peka Yang Berhormat, ini dalam Kuala Lumpur ini. Saya dah duduk di Kuala Lumpur ini...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya bagi laluan Yang Berhormat Sri Gading. Saya nak tengok apa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, ya. Saya rasa orang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dia tak peka. Dalam Bandar raya Kuala Lumpur, saya ya, saya. Kita mahu trafik lancar. Itu tak ada kompromi. Asal hujan saja *jammed*. Apa pasal Kuala Lumpur, asal hujan *jammed*, asal *jammed* hujan. *[Ketawa]*. Daripada Datuk Bandar, Menteri ke Timbalan Menteri ke sampai bawah tak peka ini masalah, satu. Yang kedua, makanan di Kuala Lumpur tak sedap. Betul? Saya tengok orang Kuala Lumpur, *sorry to say* lah. Minta maaf saya bercakap. Batu besi pun dia tala Yang Berhormat sebab itu kadang-kadang peniaga-peniaga di Kuala Lumpur ambil kesempatan atas tekak yang tak ada standard. Tak pandai makan orang Kuala Lumpur ini. Harganya mahal. Apa kerja orang bandar raya? Pergi *check*lah, satu. Yang kedua, kotor. Pengotor.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tandas tak cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tandas kotor. Apa kerja orang bandar raya? Ahli Parlimen dia kebanyakan DAP, pun apa buat kerja? Buat kerja ke tak buat kerja ini? Sahabat saya Yang Berhormat Bukit Bintang ke, Yang Berhormat Cheras ke, Yang Berhormat Batu ke.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini mengelirukan Dewan ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa, apa pasal agaknya DAP menang jadi semua tak betul.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Ini satu penghinaan kepada orang Kuala Lumpur. Tekak tak yang tak ada standard, ini satu penghinaan kepada orang Kuala Lumpur ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini, ini mengelirukan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan soal penghinaan tapi itu yang rata-rata.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Bandar raya tak betul.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Penghinaan kepada orang Kuala Lumpur, tak boleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak pedulilah, saya tak peduli menghina tak menghina orang bandar raya, saya tak pedulilah.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ...tolong orang bandar raya bolehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang bandar raya tolong ajar sikitlah, orang bandar raya tolong ajarlah peniaga-peniaga.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat Sri Gading, setuju ke tidak Datuk Bandar letak jawatan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... supaya masak yang sedap-sedap. Jangan sebarang saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini dah bunyi pasar ikan Kuala Lumpur juga ini dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, minta maaf. Saya tegurlah. Kemudian kotor, pengotor. Malulah kita ada bandar raya tapi penduduknya, peniaga-peniaga, peniaga-peniaga makan kotor. Apa? Apa yang kita nak harapkan kepada perkara macam ini? Kita bayar dan harga mesti mahal punyalah. Kuala Lumpur itu dia punya standard, harga mesti mahal. Kenapa? Di kedai mesti roti canai punya tapi taklah semahal macam Kuala Lumpur.

Seorang ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh jadilah. Ini semua DAP semua Ahli Parlimen semua tak kerjalah. Saya mintalah cuba orang bandar raya ada satu rasa kalau beriani, apa rasa beriani. Kalau asam pedas, apa rasa asam pedas? Kalau mi mamak apa rasa mi mamak? Kalau agaknya tomyam, apa rasa tomyam? Maknanya kalau makanan-makanan...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Tuan Pengerusi, ini butiran berapa ini Tuan Pengerusi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, saya nak minta orang bandar raya supaya peka perkara-perkara ini supaya orang yang datang ke Kuala Lumpur tidak tertipu

dengan makanan-makanan yang kadang-kadang konon beriani tapi bukan beriani yang sebenarnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, dah habis dah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Asam pedas bukan asam pedas. Kalau agaknya tomyam, tomyamnya. Kalau masak Negeri Kelantan, masak macam orang Kelantan betullah. Kalau agaknya nasi dagang, nasi dagang yang betul apa yang ada di Terengganu. Kalau ada masakan Kedah, biar masakan betul-betul macam Kedahlah. Jangan sebut saja masakan Kedah tapi rasanya bukan masakan Kedah.

Seorang ahli: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah soalan. Saya nak membangkitkan rasa kemarahan saya kepada orang bandar raya Kuala Lumpur yang tak peka tentang perkara-perkara seperti ini. Tunjukkanlah satu sifat macam mana standard yang sebenarnya daripada segi makanan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Timbalan Menteri, nak bagi laluan kepada Yang Berhormat Titiwangsa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tunjukkanlah satu sifat macam mana standard yang sebenarnya daripada segi makanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading dah habis ke?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak tahu kalau Yang Berhormat Titiwangsa nak tokok tambah. Soalan saya inilah, apa kerja orang bandar raya. Apa kerja bandar raya, soal kebersihan, soal *jammed*, soal rasa, soal harga. Kenapa dia boleh seberapa suka dia nak letak harga lepas itu menyalahkan ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri punya kerja.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Mohon penjelasan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak ada, tak adalah. Bukan ini ucapan Yang Berhormat Tenggara. Satu orang saja cakap, ini dia mencelah Menteri itu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Okeylah. Exco ini, Exco.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, itulah lebih kurang. Kalau Yang Berhormat Menteri nak jawab, jawablah. Kalau tak, gulung sajalah nanti.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Saya nak menambah atas perkara yang sama ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tambahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu. Yang Berhormat Tenggara duduk dulu.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Pengerusi, saya nak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Titiwangsa pun duduk dululah kejam. Saya nak tanya dengan Menteri dulu. Menteri nak jawab ini, hanya sebelas orang bercakap kita dah sejam lebih Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Ada lima belas minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha lima belas minit. Sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Setuju sajalah, setuju sajalah.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Celahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, saya makan dal daripada kecil Yang Berhormat. Serata kedai mamai di Kuala Lumpur ini cari dal yang betul itu tak ada. Kalau nak makan Yang Berhormat Kepong, saya bukan nak pujilah. Kalau nak makan apa saja, Singapura. Soto-soto, mi bandung-mi bandung, rojak-rojak. Itu Singapore punya standard. Bukan nak puji Singapuralah tapi maknanya bagaimana kepekaan orang menyediakan makanan ikut cita rasa yang sebenarnya. Kuala Lumpur, hancur lebur!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading, minta maaf. Timbalan Menteri, sila.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Inilah Dewan yang mulia telah minta Datuk Bandar meletak jawatan sebab makanan tak sedap.

■ 1620

Tuan Pengerusi, sebenarnya Ahli Parlimen Sri Gading harus faham bukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak ada kerja lain untuk selenggara semua restoran. Nanti mana-mana PBT pergi jaga restoran sama ada makanan sedap atau tidak. Sekiranya kita hendak jaga restoran, tidak ada kerja lain. Kebetulanannya kita punya sistem pentadbiran harus ditukar di mana Ahli-ahli Yang Berhormat memberi contoh Washington dan Canberra, Australia ada. Macam-macam negeri. Akan tetapi kebetulannya misal kata apabila kita sentuh London. London Metropolitan City yang diperintah oleh London Metropolitan City sendiri di mana mereka ada polis dan pentadbiran sendiri. Akan tetapi Kuala Lumpur apabila Yang Berhormat membangkitkan isu mengenai Kuala Lumpur kotor, Kerajaan Pusat telah melantik Alam Flora untuk mengutip sampah di mana Kementerian Wilayah Persekutuan kita tidak ada kuasa.

Apabila kawasan kotor mereka kata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak buat kerja. Pengotoran sampah telah diswastakan di mana Alam Flora telah menjalankan kerja-kerja pembersihan. Begitu juga apabila itulah cakap daripada awal saya sudah memberitahu dan memaklumkan kepada Dewan yang mulia.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ia di bawah kerajaan tempatan!

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tunggu sebentar, Yang Berhormat. Itulah di peringkat awal saya telah memaklumkan bahawa Dewan yang mulia ini harus memahami kedudukan Kementerian Wilayah Persekutuan. Apabila kita membangkitkan isu kesesakan lalu lintas, segala isu-isu lalu lintas di*handle* oleh Kementerian Pengangkutan. Ada juga Yang Berhormat bangkitkan isu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menaikkan harga *charge meter parking* tetapi bukan dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tidak dipaksa untuk menaikkan harga. Itu pun harus dibuat oleh Kementerian Pengangkutan.

Seorang Ahli: Datuk Bandar tertidurkah?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Kalau begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bimbang Kementerian Wilayah Persekutuan ini menjadi *second class* punya kementerian sebab semua terpaksa bergantung kepada kementerian-kementerian lain. Jadi saya bimbang.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat saya kata Yang Berhormat tidak masuk dari awal. Dari awal saya telah memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini kita dalam proses untuk mengemaskinikan kedudukan ini. Sebab itu saya bagi jaminan kita akan melahirkan satu ibu kota yang berkelas antarabangsa. Sabarlah. [*Beberapa Ahli riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau soalan makanan itu tadi kalau tidak dapat jawab Yang Berhormat saya ingat kita kena cari mekanisme pegawai yang *check* kesihatan dan sebagainya itu tahu macam mana hendak *check* rasa makanan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah suruh orang alih Mee Sarawak. Saya kata 'alihkan logo itu sebab saya tidak percaya. Mee tidak ada rasa Mee Sarawak'. Saya setuju.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Betul.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Mungkin saya sampaikan cadangan ini kepada kementerian untuk kita wujudkan satu jawatankuasa ataupun agensi untuk mengawal selia makanan dan pastikan rasanya sedap. Cadangan baru diterima dengan secara terbuka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong habis dalam 15 minit, ya.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, mengenai cadangan daripada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai beberapa kerat aktiviti pembersihan dijalankan di kawasan Wilayah Persekutuan. Aktiviti pembersihan dijalankan di Kuala Lumpur adalah mengikut jadual yang ditetapkan seperti aktiviti kutipan sampah di rumah-rumah awam dilakukan selang sehari dan di kawasan pusat penjaja dilakukan setiap hari. Jumlah kapasiti sampah yang dikutip setiap hari berjumlah antara 2,000 hingga 2,500 tan metrik.

DBKL sentiasa memberikan perhatian yang serius berkenaan aktiviti pembersihan di Bandar raya Kuala Lumpur dimana DBKL telah memperuntukkan RM100 juta setahun bagi aktiviti-aktiviti pembersihan di Kuala Lumpur. Seterusnya Ahli Yang Berhormat daripada Kepong telah membangkitkan pelan tempatan yang akan disiapkan pada Disember, pelan tempatan Kuala Lumpur memerlukan kajian yang mendalam dan terperinci. Oleh itu pelan tempatan telah disiapkan, dicetak dan dipamerkan kepada orang-orang awam pada Mei 2008.

Seterusnya pandangan dan bantahan yang dikemukakan oleh orang awam akan didengar oleh Jawatankuasa Pendengar Awam. Jawatankuasa akan kemukakan laporan kepada Datuk Bandar dan Datuk Bandar akan meminda pelan tempatan seterusnya dikemukakan kepada Menteri Wilayah Persekutuan untuk diluluskan. Mengenai Litar Lumba Kereta Kawalan Jauh Antarabangsa di Taman Metro Kepong, kontraktor yang dilantik untuk menjalankan projek tersebut telah gagal untuk menyiapkan projek tersebut mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pada masa ini kemajuan kerja ditapak adalah sebanyak 70%.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kontraktor-kontraktor berkenaan telah pun ditamatkan perkhidmatannya dan pada masa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam proses untuk melantik kontraktor baru bagi menyiapkan kerja-kerja terbengkalai.

Tuan Pengerusi, saya akan habiskan saya punya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia macam ini, Yang Berhormat. Dia kata habiskan jawapan ini, lepas itu dia bagi.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Taman rekreasi tidak diselenggarakan dengan baik. Untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di taman-taman awam dimiliki oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Prestasi kontraktor ini dipantau dengan rapi supaya mereka dapat menjalankan kerja-kerja dengan baik. Adalah menjadi harapan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mewujudkan taman yang bersih dan indah.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu Taman Lembah Kiara di Taman Tun Dr. Ismail. Masalah kebersihan timbul apabila jarak masa tempoh tamat kontraktor lama dengan pelantikan baru begitu berbeza di mana kontraktor lama telah tamat pada 21hb Julai 2008 dan kontraktor baru hanya dapat dilantik pada 1 November 2008. Pada masa ini kadar kebersihan di taman tersebut adalah terkawal dan memuaskan. Persimpangan mengenai persimpangan bertingkat dari Bulatan Kepong. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membuat kajian untuk membina beberapa persimpangan bertingkat di Jalan Kepong di mana akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu senarai-senarai projek-projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan dan beberapa projek telah dikenal pasti dan tidak dapat

diteruskan. Antaranya adalah satu blok hotel 18 tingkat yang dihentikan kerana tidak dapat diteruskan. Masalah utama adalah lokasi tidak sesuai. Ada cadangan untuk menukar daripada hotel kepada kediaman. Yang kedua kompleks perdagangan bercampur mengandungi hotel, pejabat dan pusat beli-belah di mana masalah sumber kewangan terhad dan permintaan yang lemah terhadap hotel, kompleks membeli-belah dan ruang pejabat.

Yang ketiga menara pejabat yang terbengkalai kerana memerlukan bantuan kewangan untuk menyiapkan projek. Senarai-senarai terbengkalai ini semua ialah projek swasta. Yang keempat hotel dan pejabat 20 tingkat dan enam tingkat *basement*, 650 unit bilik dan 100 unit pejabat terbengkalai sejak 1997 memerlukan bantuan kewangan untuk menyiapkan projek dan satu blok hotel pelancongan 16 tingkat dan empat tingkat *basement* di mana memerlukan kewangan untuk menyiapkan projek tersebut dan jumlah projek yang terbengkalai di seluruh Wilayah Persekutuan saya anggarkan lebih kurang 10 projek dan saya akan kemukakan senarai kepada Yang Berhormat selepas ini.

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya mengenai bantahan penduduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis yang mana, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Habis yang penggulungan ataupun yang mana? Hendak bagi peluang.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Habis penggulungan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bila dia habis penggulungan, dia akan...

Seorang Ahli: Tidak boleh celah ini.

Datuk Saravanan a/l Murugan: /khawatir / tidak dapat habiskan soalan-soalan yang lain kalau saya bagi pencelahan.

Seterusnya mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya mengenai bantahan penduduk daripada SS20 berkenaan pembangunan di Lot 73, Jalan Damansara. Bantahan penduduk SS20 telah diambil kira dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mempertimbangkan dalam permohonan ini. Sesi penerangan telah dibuat bersama penduduk Taman Tun Dr. Ismail dan wakil penduduk SS20 Damansara pada 6 Oktober 2008. Pemaju telah membuat kajian trafik selaras dengan kehendak Jabatan Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur.

Seterusnya bantahan mengenai penempatan penghuni perumahan awam Tunku Abdul Rahman ditempatkan sementara ke kawasan perumahan awam Desa Rejang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Titiwangsa. Penghuni-penghuni perumahan awam Tunku Abdul Rahman dan Jalan Tun Razak telah dipindahkan ke Perumahan Awam Desa Rejang dan sebahagian daripadanya dipindahkan ke Perumahan wam Sri Terengganu, Jalan Sentul secara sementara. Pihak pemaju Tetuan Asih Sdn. Bhd akan membina rumah kos rendah di atas tapak

bersebelahan di Sri Terengganu Parcel S yang mana mereka akan ditawarkan untuk memiliki rumah kos rendah tersebut apabila disiapkan.

■1630

Ahli Yang Berhormat Kepong telah membangkitkan projek-projek di kawasan Kepong, pembiayaan kos di bawah bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Celahan tentang Parcel S.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Biar saya habiskan Yang Berhormat. Ini mengenai projek-projek di kawasan Kepong yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kepong, pembiayaan kos di bawah bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur semuanya di peringkat reka betuk. Enam projek pembangunan sejumlah RM156 juta akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan memohon peruntukan persekutuan.

Projek-projek adalah seperti berikut:

- (i) menaik taraf bulatan Jalan Kepong, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur sebanyak RM40 juta;
- (ii) membina persimpangan bertingkat, persimpangan Jalan Kepong, Jalan Ampang. Jalan Kepong lebih kurang RM17.7 juta;
- (iii) membina jejambat konkrit di persimpangan Jalan Kepong, *main street* Jalan Kepong sebanyak RM36 juta;
- (iv) membina jejambat konkrit sehalu di persimpangan Jalan Kepong, Jalan Jambu Gajus lebih kurang RM23 juta;
- (v) membina persimpangan bertingkat, persimpangan Jalan Kepong, Jalan Metro Prima dan Jalan Kepong RM26 juta; dan
- (vi) mempertingkatkan Jalan Kepong Baru dari bulatan Jalan Mergastua ke persimpangan Jalan Api-api I, Jalan Ambong Kiri sebanyak RM13 juta.

Yang Berhormat Kepong juga telah membangkitkan mengenai isu nama jalan lama ditukar kepada nama baru. Nama-nama jalan lama ditukar kepada nama baru apabila diperlukan Jawatankuasa Penamaan Jalan menukar nama jalan yang bernombor kepada nama jalan yang sesuai. Contohnya Jalan 1/116 kepada Jalan Kuchai Maju. Jalan 2/115B kepada Jalan Jalil Perkasa dan nama-nama jalan Inggeris ditukar seperti di Sungai Besi, Main Street ditukar kepada Jalan Suasa.

Yang Berhormat Cheras telah membangkitkan kenapa Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak bermesyuarat dalam tahun 2008. Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, pelantikan ahli lembaga adalah tertakluk kepada di bawah peruntukan Ahli Lembaga Penasihat 1972, di mana antara fungsi ahli lembaga adalah untuk menasihati Datuk Bandar berkenaan aspek-aspek pembangunan dan pengurusan ibu kota. Berdasarkan peraturan tersebut, Datuk Bandar haruslah mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga enam kali setahun.

Setakat ini mesyuarat telah diadakan sebanyak lima kali, mesyuarat terakhir akan diadakan pada akhir bulan Disember 2008.

Unit Berkuda, Yang Berhormat Cheras juga telah membangkitkan isu mengenai Unit Berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, fungsi dan kos penyelenggaraan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai 25 kuda dan membelanjakan RM1.5 juta setahun untuk peralatan dan makanan kuda. Tugas-tugasnya ialah untuk kerja-kerja rondaan di kawasan-kawasan taman dan taman awam.

Yang Berhormat Kepong juga telah membangkitkan isu bank luar pesisir ...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Maaf, maaf, penjelasan. Unit Berkuda.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Pasal kuda?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Unit Berkuda.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau nak bagi satu, bagi semua.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum menerangkan fungsi sebenarnya Unit Berkuda ini, kerana saya nampak wang yang digunakan untuk membersihkan najis kuda lebih mahal daripada kebaikan-kebaikan fungsinya untuk meronda di taman-taman hijau. Apakah fungsi mereka? Begitu besar jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk membela kuda-kuda itu, apa gunanya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Lebih baik lembu ada lagi baik.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bandar raya Ipoh Barat, lembu bolehlah, Kuala Lumpur lembu tak boleh. Kekurangan tanah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ipoh, kuda-kuda sudah hilang.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi ataupun peranan kuda ini adalah untuk menjaga kawasan taman awam. Sekiranya kita menggunakan kuda, kita dapatlah mengurangkan kos pekerja. Saya percaya kos untuk melantik pekerja-pekerja adalah lebih mahal untuk menjaga sebuah taman. So, kita telah kaji dan kita berpendapat bahawa kos pengambilan pekerja dan menggunakan kuda, menggunakan kuda adalah lebih murah daripada pengambilan pekerja.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Adakah ini betul Yang Berhormat Timbalan Menteri? Kalau ini sangat serius, ia mengelirukan Dewan ini.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak, saya tidak mengelirukan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Kalau kos pekerja yang naik motosikal lebih mahal daripada ..

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat kerja yang...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ...Sila jawab dengan tepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat, saya juga ingatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat buat sedikit kerja, tanyalah sama ada manusia lebih mahal atau jaga kuda lebih mahal.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengelirukan Dewan ini. Baru-baru ini saya dapat satu jawapan dari Unit Penyelidikan Parlimen yang mendapatkan maklumat daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada 25 ekor kuda sahaja, tetapi yang dilaporkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada saya sekarang melalui Unit Penyelidikan ialah 53 ekor.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu anak semua tidak kirakah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Dan *staple* pun 59 *staples* Yang Berhormat kata adalah menjimatkan wang, tetapi pegawai termasuk pekerja yang diupah untuk menjaga kuda-kuda ini adalah sejumlah 147 orang dari kerani ke gred N27.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak ada satu Menteri jaga kudakah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri memesongkan Dewan ini?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai 25 ekor kuda, tetapi 25 ekor kuda ini cukup untuk mengawal satu taman yang begitu besar. Akan tetapi apabila kita menggunakan tenaga pekerja, mungkin kita tidak dapat mencapai untuk mengawal seluruh taman itu dengan 25 pekerja, menjaga taman ini bukan dari masa ke semasa, pengawasan satu hari.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu ini jangan sebut isu kos, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dapat buat sedikit kajian sebelum menjawab sebab kalau ada faktor-faktor lain seperti menarik pelancong, menarik perhatian kanak-kanak di taman itu. Kalau itu juga fungsinya kita boleh terima, tetapi jangan kelirukan Dewan ini dengan mengatakan perbelanjaan untuk kuda ini lebih murah daripada kita memberi pekerjaan kepada pekerja-pekerja untuk menjaga taman-taman ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan. Bukan, mungkin soalan kos sahajalah sebagaimana Yang Berhormat Batu sebut.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Pengerusi, seterusnya bank luar pesisir. Yang Berhormat Kepong telah membangkitkan, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Justeru jawapan seperti yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat dikemukakan, ianya di bawah Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Cheras juga telah membangkitkan pengurangan bajet pembangunan 2009. Untuk makluman Yang Berhormat, Datuk Bandar telah meluluskan bajet 2009 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada awal November baru-baru ini. Buku bajet 2009 ini telah dihantar kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk kelulusan berkenaan. Dengan

pertanyaan bajet pembangunan yang berkurangan sebanyak 30%, sebenarnya dalam tahun 2009, bajet pembangunan hanya berkurangan sebanyak 12% sahaja.

Untuk makluman juga, bajet pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan sumber dalaman iaitu rizab pembangunan yang datangnya daripada lebihan operasi dan juga caj pembangunan serta bantuan daripada Kerajaan Pusat melalui Rancangan Malaysia. Penekanan diberikan kepada projek-projek pembangunan dan diberikan impak kepada warga kota. Kebanyakan projek yang dilaksanakan sekarang ini merupakan projek-projek sambungan.

Seterusnya Yang Berhormat Cheras juga telah membangkitkan projek Jalan Tun Razak, Chan Sow Lin, Jalan Cheras, projek ini melibatkan pengambilan tanah sebanyak 48 lot persendirian dan 3 lot tanah kerajaan. Anggaran kos pengambilan tanah adalah sebanyak RM20 juta. Pengambilan tanah diwartakan pada 19 September 2008 dan proses perbicaraan sedang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tempoh kontrak projek ini adalah 28 bulan dari 19 April 2007 sehingga 18 Ogos 2009 dengan kos pembinaan sebanyak RM49.9 juta.

■1640

Kemajuan fizikal kini adalah 23% berbanding dengan 42% yang dijadualkan. Kelewatan adalah disebabkan oleh halangan stor JKR, tembok balai polis, gerai dan pengalihan *utilities* serta penyelarasan dengan pihak SMART. Yang Berhormat, seterusnya Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Persoalan saya tidak dijawab.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang mana?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mengapa taklimat tidak diberikan walau diminta? Penerangan kepada mereka yang terlibat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Ada permintaan?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tetapi pengarah JKR, DBKL enggan memberikan tanpa memberikan alasan yang...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya akan mengkaji dan minta penjelasan dan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Okey, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Okey. Seterusnya Yang Berhormat daripada Batu telah membangkitkan isu-isu masalah lif di kebanyakan rumah pangsa kos rendah milik persendirian.

Berkait dengan isu di mana ramai pemilik tidak menjelaskan yuran penyelenggaraan kepada pihak pengurusan, badan pengurusan bersama ataupun perbadanan pengurusan, pihak pemilik haruslah berbincang di antara mereka mengenai bagaimana untuk mendapatkan peruntukan bagi memperbaiki lif. Ini adalah kerana DBKL tiada peruntukan untuk memperbaiki lif dan

tidak menyediakan dana untuk bangunan milik persendirian. Sekiranya dana tersebut hendak ditubuhkan, sumber dana tersebut seharusnya datang daripada pihak pengurusan dan pemilik rumah pangsa. Walau bagaimanapun, kita ambil cadangan Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu dan mengkaji sekiranya ada jalan untuk membantu.

Seterusnya kemudahan sukan Parlimen Batu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan 12 kemudahan sukan sedia ada di kawasan Parlimen Batu. Kemudahan adalah seperti berikut:-

- (i) 3 buah pusat komuniti - Pusat Komuniti Sentul Perdana, Pusat Komuniti Gombak, Pusat Komuniti Koperasi Polis Fasa 2;
- (ii) 2 buah dewan serba guna iaitu Dewan Serba Guna Desa Bakti, Dewan Serba Guna Taman Melati Impian;
- (iii) 5 buah padang bola sepak – Padang Bola Sepak PPR Taman Wahyu, Padang Bola Sepak Taman Intan Baiduri, Padang Bola Sepak Taman Dato' Senu, Padang Bola Sepak Kg. Batu Muda dan Padang Bola Sepak Kg. Batu Muda Tambahan;
- (iv) gelanggang futsal – gelanggang di Padang Bola Sepak Kg. Batu Muda Tambahan dan gelanggang di Taman Mastiara

Dijangkakan sebanyak 11 buah kemudahan sukan akan dibina seperti berikut:-

- (i) 2 buah pusat komuniti di mana satu di Pusat Komuniti Kg. Batu Muda dan satu lagi di Pusat Komuniti Intan Baiduri;
- (ii) Dewan Serba Guna PPR Taman Wahyu;
- (iii) 2 padang bola sepak iaitu di Taman Wahyu dan Padang Bola Sepak Taman Intan Baiduri;
- (iv) 6 gelanggang futsal di mana akan dibina di Kompleks Perdagangan Bandar Baru Sentul, Pusat Komuniti Gombak, Dewan Serba Guna Taman Melati Impian, Kg. Batu Muda, Taman Koperasi Polis Fasa 2 dan Taman Wahyu.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu-isu mengenai apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur menaik taraf lif-lif di perumahan awam. Kerja-kerja menaik taraf lif-lif di perumahan awam, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur contohnya, membuka *landing door* dan mengganti lif di Flat Sri Sabah 3A dan 3B yang melibatkan kos sebanyak RM4.9 juta.

Pada tahun hadapan, tahun 2009, Perumahan Awam Sri Pahang, Sri Sarawak, Sri Kelantan dan Sri Tioman dengan kos RM4.2 juta dan PPR Desa Tun Razak dengan kos RM2.4 juta. Mengenai kelulusan 48 unit rumah berkembar di sebahagian lot pembangunan Taman Metropolitan Batu yang dahulunya dibangunkan sebagai tempat letak kereta awam oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak tersebut pada asalnya merupakan tanah kerajaan seluas 6.7 ekar. Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membangunkan tapak tersebut untuk tempat letak kereta untuk kegunaan projek Taman Metropolitan Batu. Pihak PTG Wilayah Persekutuan melalui surat bertarikh 29 Ogos 2007 memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah meluluskan permohonan pemberi hak milikan tanah kerajaan untuk tujuan pembangunan kediaman kepada STLR Sdn. Berhad dengan premium sebanyak RM2.2 juta. Syarat di atas tanah adalah seperti berikut:-

Tanah ini adalah digunakan hanya untuk tapak kediaman sahaja. Pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur pada 11 Jun 2004 telah menerima permohonan bagi cadangan berikut - cadangan pecah sempadan bagi pembangunan 40 unit rumah berkembar tiga tingkat, cadangan membina 48 unit rumah berkembar tiga tingkat di atas lot 19509, Mukim Batu Kuala Lumpur oleh Tetuan Cristal Hill Properties.

Pada 10 Ogos 2004 telah mempertimbangkan permohonan dan memutuskan untuk meluluskan pembangunan di atas dan perintah permohonan bertarikh 15 September 2000 telah dikeluarkan bagi cadangan berikut:-

- (i) cadangan pecah sempadan bagi pembangunan 48 unit rumah berkembar tiga tingkat;
- (ii) cadangan membina 48 unit rumah berkembar tiga tingkat di atas lot PT19509, Mukim Batu Kuala Lumpur.

Kelulusan tersebut adalah selaras dengan syarat pernyataan tanah yang dikeluarkan PTG Wilayah Persekutuan untuk tanah tersebut. Tuan Pengerusi, isu-isu Taman Metropolitan ini. Saya ingin membawa perhatian...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada empat orang berdiri. Bagi Yang Berhormat Kepong dahululah.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini Taman Metropolitan. Saya ingin bawa perhatian.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Banyak hujah belum dijawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nanti dia beritahulah. Penjelasan bukan daripada saya, Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa bagi dahulu Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Batu, Batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia bagi pada sinilah. Yang lain duduk dahulu Yang Berhormat, dia bagi.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Pengerusi Tuan Pengerusi. Saya ingin bawa perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Taman ini telah dibina bukan sahaja tapak, tetapi sebahagian daripada kawasan permainan untuk kanak-kanak juga sudah dibina. Taman ini diguna pakai oleh DBKL sebagai taman orang awam semenjak tahun 2002. Akan tetapi STLR Sdn. Berhad telah memohon selepas taman ini dibuka.

Satu maklumat yang mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu ialah pada 30 September 2002, Mohd. Said bin Mohd. Taufik pada waktu itu adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur dan dilantik sebagai Pengarah STLR. Kemudiannya STLR dapat kelulusan untuk membina banglo mewah ini di atas tapak Taman Metropolitan pada tahun 2004. Tindakan ini membawa sedikit keraguan bahawa Datuk Bandar sendiri ada *conflict of interest* dengan izin di mana taman ini milik DBKL tetapi Datuk Bandar telah menyertai satu syarikat swasta yang kemudiannya meluluskan tapak tanah ini untuk pembangunan banglo. So, saya ingin mendapatkan penjelasan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Ini satu maklumat baru. Saya akan mengkaji dan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti yang saya nyatakan tadi, saya telah bersama-sama dengan Menteri Wilayah Persekutuan dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi melawat Pasar Dato' Keramat. Di situ, persatuan peniaga dan juga wakil-wakil peniaga telah menyatakan kebimbangan dan ketidakpuasan hati mereka di atas reka bentuk Pasar Dato' Keramat yang baru yang sekarang ini dipanggil Keramat Mall. Mereka telah mengambil keputusan untuk tidak mahu berpindah kalau sekiranya beberapa perkara tidak dibuat ubah suai.

Di antaranya misalnya *parking space* ataupun ruang parkir yang sangat terhad di mana ada 247 sahaja ruang parkir sedangkan ada 444 orang peniaga. Di situ sahaja untuk peniaga memang tidak cukup untuk *parking*. Yang keduanya juga adalah tempat ruang *loading* ataupun untuk punggah barangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini isu barukah lama ini?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini memang isu yang telah disebutkan tadi tentang Pasar Keramat, memang dibangkitkan semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cepatkan sedikit Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, baik saya akan cepatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mungkin membazir, tidak payah diulang. Kalau sudah dibangkitkan tadi, cepatkan sahaja soalan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Baik. Jadi saya mengharapkan dan juga tempat jualan untuk barangan basah. Jadi mereka meminta supaya ada dibuat perubahan dan juga ubahsuai dan saya telah sampaikan juga kepada pihak Menteri dan saya mahu dirakamkan di dalam Dewan ini supaya memorandum yang dihantar oleh peniaga-peniaga dan persatuan peniaga dapat diberi perhatian dan DBKL bersama-sama dengan Kementerian Wilayah mengambil langkah yang proaktif untuk memenuhi ataupun menyempurnakan aduan-aduan yang dibuat oleh peniaga-peniaga. Dengan ini maka mereka boleh dipindahkan ke Keramat Mall ini. Terima kasih.

■1650

Datuk Saravanan a/l Murugan: Permintaan Yang Berhormat telah pun dirakamkan dan saya bagi jaminan kita kaji dan mengambil, ini bukan boleh buat keputusan dalam Dewan yang mulia ini, kita perlu tengok apa permintaan dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan peraturan-peraturan yang sedia ada. So, saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ada beberapa persoalan yang penting saya kemukakan langsung tidak dijawab. Misalnya tawaran projek program tebatan banjir di Kuala Lumpur, mengapa bukan tender terbuka tetapi rundingan terus. Masalah kesesakan di Batu 6 Jalan Klang Lama, penempatan semula setinggan, Kuala Lumpur Linear City dan juga kontrak pengiklanan di hentian-hentian bas dan teksi, kesemua ini belum dijawab.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat, permintaan mengenai iklan dan jenis-jenis yang saya perlukan fakta maka saya akan *go through* daripada jabatan dan beri secara bertulis.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat. Jangan banyak tanya Yang Berhormat...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu demi kebaikan kementerian dan...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Bajet DBKL.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu tidak payah.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bajet DBKL sudah jawab.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Akan diumumkan atau tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Jawapannya sama Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, cadangan untuk memperbaiki, memperkasakan sistem. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM258,303,800 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM258,303,800 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM331,334,000 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2009 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM331,334,000 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2009.

Maksud B.41 [Jadual] -

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2009] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas.

4.53 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mengemukakan bahawa perbelanjaan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum lagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum lagi Yang Berhormat. Apa ini? Belum lagi Yang Berhormat, duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat usul sebahagian, sebagaimana belum lagi. Apa yang dibawa ini? Apa peraturan mesyuarat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana habis pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat keluar. Okey, okey Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Can we reverse it?* Peraturan 66(9) Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi saya difahamkan oleh Yang Berhormat Serdang bahawa dalam permohonan beliau, usul ini adalah untuk memotong gaji menteri dan penglihatan saya kalau tidak salah saya tidak nampak menteri dalam Dewan ini. Jadi saya cadangkan jikalau Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini dan cadangan usul oleh Yang Berhormat Serdang adalah berkenaan dengan potongan gaji Yang Berhormat Menteri Pelajaran, maka ini satu usul yang patut tidak boleh dibahas hari ini dan ditunda untuk hari yang lain.

Jika tidak saya khuatir bahawa Timbalan Menteri punya gaji dipotong, dia dianiaya. Saya rasa ini tidak baik untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun saya percaya dia pun sama gagal dalam perkara ini tetapi yang mustahak adalah pemotongan gaji ini adalah, saya difahamkan dari Yang Berhormat Serdang, maka saya usulkan untuk menolong dan membawa satu kepastian supaya Yang Berhormat Menteri berada di sini jika tidak ditunda. Kalau tidak *there is meaningless debate* selepas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Mengikut peraturan kita Yang Berhormat, menteri sama dengan timbalan menteri Yang Berhormat, itu untuk peraturan Dewan. Jadi, sasaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Serdang ialah Menteri. Jadi, keputusan akhirnya nanti ialah antara kita Yang Berhormat. Saya pengerusi, Ahli Yang Berhormat akan menyetujui ataupun tidak. Jadi, dalam keadaan sedemikian, sama ada orang dihakimi itu berada di sini ataupun tidak, tidak menjadi satu masalah. Amalan kita memang dah buat macam itu Yang Berhormat. Kadang-kadang menteri tidak ada kita bincang juga, ini amalan dan *convention* Parlimen Malaysia Yang Berhormat. Jadi kita tidak hendak buat perkara baru.

Yang Berhormat minta tolonglah, kalau tak Yang Berhormat Serdang tunggu dari pagi Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju tetapi saya rasa kalau ada satu tohmahan kepada seorang Menteri tetapi beliau tidak diberi ruangan untuk beliau menjawab. *It's denial of human rights*. Itu yang saya khuatir.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia sendiri yang *choose not to be here* Yang Berhormat, dengan izin.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *He's already guilty as charge*. Jadi kita *pass* saja lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat jangan cakap macam itu Yang Berhormat. Yang Berhormat Serdang, sila. Janganlah ganggu kawan itu.

4.58 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tidak apa saya tidak kisah. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk kemukakan bahawa “Perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada maksud bekalan B.41 Yang Berhormat Menteri Pelajaran kod 100000 – Emolumen iaitu memotong gaji Menteri Pelajaran sebanyak RM10”.

Sekurang-kurangnya ada tiga sebab kenapa Parlimen kita perlu memotong gaji RM10 daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Pertama, KPM telah meluluskan permohonan pembinaan enam buah SKJ(C) baru pada 30 Januari 2008. Pada hari keesokan iaitu pada 31 Januari 2008 Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersama-sama dengan Yang Berhormat Kulai, Bekas Pengerusi MCA dan juga Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon Pengerusi Parti Gerakan telah berkumpul di Wisma MCA untuk membuat satu pengumuman bahawa Kementerian Pelajaran akan membina enam buah SKJ(C) baru.

Keenam-enam buah SKJ(C) baru tersebut kononnya akan dibina di kawasan Sungai Long, Kajang; Bukit Serdang, Rawang; Wangsa Maju dan Danau Baru. Oleh sebab masyarakat Cina sudah lama mengalami masalah kekurangan SKJ(C) berita ini menerima sambutan yang begitu hangat dan Barisan Nasional juga telah banyak memperalatkan perkara ini dalam Pilihan Raya Ke-12. Akan tetapi, apabila saya mempersoal Kementerian Pelajaran tentang status pembangunan enam buah SKJ(C) baru pada 8 Julai 2008, jawapan yang saya dapat adalah pada masa itu KPM belum mendapatkan tapak yang bersesuaian untuk projek pembinaan sekolah-sekolah berkenaan. KPM juga belum memperhalusi pelaksanaan projek pembinaan sekolah-sekolah tersebut khususnya berhubungan dengan pemilihan tapak dan lokasi serta kos pembinaan.

Pada 30 Oktober 2008, saya sekali lagi tanya bilakah keenam-enam buah SKJ(C) baru tersebut akan mula kerja pembinaan. Jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah tidak pasti. Oleh kerana kenaikan harga barang semasa banyak projek-projek yang sedang disemak semula. Dengan erti kata lain KPM langsung tidak bersedia untuk merealisasikan janji membina enam buah SKJ(C) baru tersebut. Pengumuman Menteri Pelajaran pada 31 Januari 2008 tersebut adalah cakap angin-angin sahaja. Apabila Menteri Pelajaran membuat pengumuman tersebut beliau langsung tidak ada apa-apa rancangan yang terperinci untuk membina keenam-enam buah SKJ(C) tersebut. Beliau tiada rancangan bahawa bagaimana untuk mendapat tapak untuk keenam-enam SKJ(C) tersebut, mana dapat peruntukan.

■1700

Bila kerja pembinaan akan bermula? Sikap sebegini adalah tidak bertanggungjawab. Menteri Pelajaran cuma memperdayakan masyarakat Cina supaya mendapat undi dalam Pilihan Raya Ke-12. Adalah jelas sekali bahawa pembinaan enam buah SKJ(C) baru ini digunakan sebagai gula untuk memancing undi sahaja. Oleh yang demikian gaji Menteri Pelajaran harus dipotong sebanyak RM10. Itu sebab pertama.

Sebab kedua, kegunaan peruntukan KPM dan kos pembinaan enam buah SJK(C) baru tersebut. Tuan Pengerusi, kerajaan telah dan akan membelanjakan peruntukan sebanyak RM38 bilion untuk pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jumlah peruntukan tersebut adalah antara peruntukan terbesar pernah diberikan. Kerajaan seharusnya memanfaatkan sepenuhnya dana tersebut untuk memenuhi keperluan semua sekolah.

Kerajaan juga seharusnya menggunakan peruntukan sebanyak RM38 bilion tersebut untuk pembinaan enam buah SJK(C) baru tersebut. Ini juga adalah cadangan Yang Berhormat Kulai, juga bekas Pengerusi MCA dalam ucapan beliau untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 April 2008, tetapi sehingga kini Yang Berhormat Menteri langsung tidak komited untuk menanggung seluruh kos pembinaan enam buah sekolah baru tersebut.

Nampaknya cadangan bekas Pengerusi MCA langsung tidak diterima oleh Menteri Pelajaran. Oleh yang demikian, saya menyeru di sini semua Yang Berhormat dari MCA untuk menyokong usul saya untuk memotong gaji Menteri Pelajaran ini untuk menunjukkan sokongan kepada cadangan Yang Berhormat Pulau, juga bekas Pengerusi MCA dan juga membuktikan bahawa memanglah MCA adalah sebuah parti politik yang membela nasib masyarakat Cina. Kerajaan wajar membantu dalam pembangunan sekolah-sekolah sama ada SJK(C), SJK(T), sekolah bantuan seperti sekolah agama rakyat atau sekolah-sekolah mubaligh berdasarkan kepada keperluan dan tidak menunggu sehingga bangkitnya tuntutan daripada orang awam.

Setiap rakyat di negara ini mempunyai hak mereka untuk mempelajari bahasa ibunda mereka seperti yang termaktub dalam Artikel 152, Perlembagaan Persekutuan. Jadi KPM perlu meneliti keperluan bilangan sekolah-sekolah yang perlu dibina di sesetengah kawasan yang sesuai. Malangnya sampai hari ini KPM gagal untuk membentuk satu mekanisme pembinaan SJK(C) dan SJK(T) baru mengikut keperluan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk mengikut kaum Cina dan India dan juga mereka yang memerlukannya.

Apakah sebab KPM tidak boleh menanggung seluruh kos pembinaan enam buah SJK(C) baru memandangkan kementerian dapat peruntukan sebanyak RM38 bilion untuk pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah sebab sehingga hari ini satu mekanisme pembinaan SJK(C) dan SJK(T) baru mengikut keperluan belum dibentuk. Ketidackecapan Yang Berhormat Menteri ialah sebab kedua kenapa gaji beliau harus dipotong.

Sebab ketiga, kegagalan Yang Berhormat Menteri untuk menukar sekolah bantuan ke sekolah kerajaan. Tuan Pengerusi, selama ini sekolah-sekolah pelbagai aliran ini diasingkan secara pentadbiran oleh kementerian kepada dua kategori iaitu sekolah bantuan dan sekolah kerajaan. Di bawah kategori sekolah bantuan, terdapat empat jenis sekolah iaitu SJK(C), SJK(T), sekolah agama bantuan kerajaan dan sekolah mubaligh. Di seluruh Malaysia sejumlah 1,782 buah yang dikategorikan sebab sekolah bantuan kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini banyak menimbulkan rungutan dan rintihan di kalangan masyarakat. Rata-rata Lembaga Pengurus Sekolah dan PIBG sekolah bantuan tentang kesukaran mendapatkan peruntukan pembangunan walaupun sekolah amat memerlukan bantuan kewangan kerana keadaan bangunan yang uzur. Kadangkala peruntukan mengurus sekolah-sekolah bantuan tidak mencukupi untuk membiayai bil utiliti sampai tahap bekalan *electricity* telah diputuskan.

Ini telah menyebabkan Lembaga Pengurus Sekolah dan PIBG terpaksa mencari dana dari golongan masyarakat dan ibu bapa. Rakyat kita memang tidak berpuas hati dengan layanan yang diberi kepada sekolah-sekolah bantuan. Kita harus mempersoalkan mengapa sekolah-sekolah berkenaan dipinggirkan dan tidak dianggap sebagai sebahagian dalam Sistem Pendidikan Nasional. Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu ditegur oleh sebab penubuhan sekolah-sekolah bantuan termasuk SJK(C) dan SJK(T) tidak dimasukkan dalam program pembangunan biasa Kementerian Pelajaran mengikut keperluan rakyat, tetapi penubuhannya dianggap sebagai satu tolak ansur politik.

Tuan Pengerusi, keadaan ini mestilah diubahkan. Amalan yang membezakan layanan terhadap sekolah bantuan dan sekolah kerajaan harus dimansuhkan. Tiada siapa yang rugi jika KPM menganggap semua sekolah sama ada sekolah kebangsaan SJK(C), SJK(T) atau sekolah agama rakyat sebagai sekolah kerajaan dan dibantu sepenuhnya dari segi pembangunan dan operasi harian sekolah. Ini merupakan satu pembaharuan yang diharap-harapkan oleh rakyat. Pada tahun 2007, terdapat 643,679 pelajar yang menuntut di SJK(C) dan 103,284 pelajar di SJK(T) dan angka berkenaan membentuk 22% daripada 3.4 juta pelajar sekolah rendah di Malaysia.

Sesungguhnya bilangan pelajar yang disebutkan tadi adalah cukup signifikan. Sekolah bantuan kerajaan terutamanya sekolah jenis kebangsaan Tamil. Daripada 500 lebih buah di seluruh negara masih ada terdapat 200 lebih yang duduk atau berada di ladang-ladang dan estet-estet yang masih lagi keadaannya begitu kekurangan prasarana, bangunan yang usang, jalan raya yang teruk dan sebagainya. SJK(T) terus tercicir dalam negara kita.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Panjang lagilah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia tidak sabar.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sabar sedikitlah, okey.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak mahu dengar boleh keluar.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Jurang di antara sekolah bantuan dan sekolah kerajaan harus dirapatkan. Apakah masalah untuk menukar sekolah-sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh selama 50 tahun? Pelbagai alasan diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional, selalu mengatakan bahawa ada dalam *progress*, tindakan akan diambil, tetapi sebenarnya menganaktirikan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina.

Oleh yang demikian, saya memohon Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berpendapat bahawa amalan yang membezakan layanan terhadap sekolah bantuan dan sekolah kerajaan harus dimansuhkan untuk menyokong usul saya ini. Saya pohon mencadangkan usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan membenarkan lima orang daripada sini, pembangkang dan lima orang daripada Barisan Nasional untuk berucap dan tiap-tiap seorang 10 minit, Yang Berhormat ya, kerana kita kesuntukan masa untuk Kementerian Pelajaran. Jadi terlebih dahulu saya jemput Yang Berhormat dari Ipoh Barat.

5.09 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sokong penuh pandangan dan hujah-hujah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Serdang. Semua itu benar dan tidak ada fitnah langsung. Saya hairan seorang menteri tidak berada di sini untuk menjawab perkara yang sangat penting ini, tetapi yang lebih mustahak adalah Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil bukan sahaja dianaktirikan tetapi telah dipinggirkan hingga *diclassify* sebagai *underclass* dalam negara ini.

Saya, pada 20 September 2006 semasa perbahasan Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengemukakan soalan-soalan berkepentingan sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Semasa itu menteri menjawab mengatakan bahawa kerajaan tidak ada apa-apa polisi untuk membina sekolah Cina atau sekolah Tamil dalam negara ini dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kesembilan.

■1710

Namun tiga hari kemudiannya, Menteri dalam satu *function* telah mengatakan bahawa itu adalah satu kesilapan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri dalam Dewan ini dan mengatakan bahawa ada rancangan sedemikian. Selepas itu Presiden MCA terus mengatakan bahawa sembilan buah sekolah baru akan dibina. Presiden MIC pula mengatakan 40 buah sekolah Tamil baru akan dibina. Semuanya cakap tipu. [Ketawa] Cukup-cukup tipu. Satu sekolah pun tidak ditunaikan. Ini adalah benar dan ini adalah asas yang benar. Pada hal sebanyak RM174 *million* telah diagihkan untuk *renovation*, untuk kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan sebagainya bagi sekolah-sekolah Cina.

Saya hendak tanya dalam hal ini berapa banyak yang betul-betul telah diguna pakai untuk sektor pembaikan sekolah-sekolah Cina. Semasa Menteri Kerja Raya menjawab soalan, saya ada bangkitkan mengenai sekolah-sekolah Tamil, Tuan Pengerusi. Beliau mengatakan daripada 40 buah sekolah Tamil yang telah dijanjikan bahawa sekolah-sekolah ini akan

diubahsuai. Sebanyak RM41.5 juta telah diagihkan untuk sekolah-sekolah Tamil, tetapi hanya 10 buah sekolah sahaja di mana telah difahamkan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh bagi peluang sedikit?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau abang yang tanya mesti bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Barat ada dendam peribadi dengan bekas Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC. Saya ingat zaman dia menjadi Menteri Kerja Raya banyak sekolah Tamil yang diperbaiki dan dibina baru. Jadi, Yang Berhormat Ipoh Barat tidak nampakkah? Ada dendam marah sampai sekarang? Dia sudah tidak jadi Menteri lagi, tidak kasihan dengan dia? *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Sri Gading. Sebenarnya pada hari Jumaat lalu kita ada *round table conference* di Parlimen di mana beberapa orang pakar pendidikan sekolah-sekolah Tamil dan pakar-pakar masyarakat Tamil telah di undang. Di antaranya adalah daripada MIC sendiri. Bila saya kemukakan perkara ini mereka pun hairan, tetapi pada malam itu juga saya berjumpa dengan Dato' Seri Samy Vellu dalam satu *function* di Ipoh. Dia ada *spy* di sini. Dia kata, "*Saya dengar Kula cakap macam ini, tetapi itu tidak benar. Kerajaan kata wang yang diagihkan oleh kerajaan tidak mencukupi.*"

Saya difahamkan bahawa sebenarnya wang sebanyak RM41.5 juta ini telah diagihkan tetapi telah diguna pakai untuk projek-projek lain, bukan untuk sekolah-sekolah Tamil. Saya ada semua senarai sekolah yang terlibat di mana Menteri Kerja Raya yang baru telah memberikannya kepada saya. Saya difahamkan bahawa tender telah dikeluarkan tetapi wangnya tidak ada. Sudah lenyap ke mana? Saya tahu Presiden MIC sudah lenyap tetapi wang ini pula? Ini Yang Berhormat Sri Gading mungkin boleh telefon dan bertanya kepada beliau dan boleh beri satu jawapan dengan serta-merta. Jadi, inilah soalan-soalan yang ditanya oleh masyarakat di negara ini.

Ini soal menteri, macam mana kewajipan beliau di mana penghormatan beliau sebagai seorang Menteri. Tahun lalu satu perjanjian, satu pengumuman sedemikian telah dibuat tetapi macam mana tidak ditunaikan. Macam mana seorang menteri boleh berbuat demikian? Macam mana sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina dipinggirkan, kita semua mahu tahu. Selain daripada itu, di sekolah-sekolah Cina ini banyak *classroomnya* lebih daripada 50 orang murid. Satu di antaranya adalah sekolah di Bercham, Ipoh di mana lebih daripada 3,095 orang murid dalam sebuah sekolah. Tolong beritahu sekolah-sekolah Cina di negara ini yang ada angka sebanyak ini.

Semasa saya mengemukakan soalan ini pada 1 Julai 2008, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab mengatakan bahawa sebuah sekolah Cina baru tidak perlu dibina kerana enrolmennya sedang menurun. Ini mungkin satu sangkaan jahat kerana angka-angka ini bukan sebenarnya. Sebelum 8 Mac semua *Board of Director* sekolah-sekolah di Bercham

adalah dengan MCA tetapi sekarang apabila kita pergi berjumpa dengan mereka, mereka mengatakan oleh kerana kerajaan dan Presiden MCA telah pergi sendiri ke sana membuat bermacam-macam janji dan janji-janji itu semua tidak dikotakan. Sekarang mereka mengatakan mereka mahu sebuah sekolah baru dibina.

Di Ipoh dan di Bercham ada satu tapak di mana telah disediakan oleh kerajaan negeri untuk membina sebuah sekolah Cina yang baru. Kenapa kerajaan Barisan Nasional enggan berbuat demikian walhal *full capacity* dalam sekolah tersebut - 3,000 lebih! Setiap *classroom* ada lebih daripada 50 orang murid. Apa *international standard* untuk sebuah sekolah yang diterima pakai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia? 26 orang murid. Ini bermakna kita perlukan sekurang-kurangnya sebuah sekolah lagi. Bukankah ini sesuatu yang sangat...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Putatan apa hal?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagilah sikit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sangat kecewa dengan Yang Berhormat Putatan ialah sehingga hari ini macam mana untuk orang Kadazan dan orang Iban, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Ipoh Barat, itulah yang perkara yang saya akan timbulkan ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Okey, okey.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan menyeleweng, ya?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Ipoh Barat ini memang kawan. Dia memang hero. Ini untuk *political mileage* dialah. Apabila Yang Berhormat Ipoh Barat melawat ke Sabah dia lupa, dia sengaja tidak tengok keadaan betapa uzurnya sekolah-sekolah di luar bandar di negeri Sabah, yang tiada simen, budak-budak masih lagi...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tolonglah, bagi *chance* sekejap. Ini belum habis. Yang Berhormat Ipoh Barat, kalau kita hendak memperjuangkan, kita memperjuangkan untuk seluruh negara jangan satu perkara sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya mahu bertanya Yang Berhormat Ipoh Barat, sedar atau tidak yang keadaan sekolah di Sabah dan di luar-luar bandar ini teruk sekali. Atapnya bambu, dindingnya bambu, tidak ada simen, masih ada tanah liat dan sebagainya, naik bukit...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi, kalau mahu perjuangkan, perjuangkan untuk semualah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Putatan. Saya *challenge* Yang Berhormat, semasa potong gaji tolong bangun dan kata sokong kepada kami. *[Disorak]* Kalau sedemikian kita sendiri akan datang...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tadi isu sepatutnya keseluruhan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, no.* Keseluruhan betul jangan asingkan Kadazan, Iban semuanya perkara mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itulah sebab kita katakan kita perlukan satu kerajaan baru, Kerajaan Pakatan Rakyat boleh menyelesaikan semua. *[Tepuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini *mileage* lagi. Hancur.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan kita takut perkara yang betul-betul. Kalau kita lawan untuk satu masyarakat - semua masyarakat di Malaysia ini penting.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Meninggalkan Dewan]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa lari ni? Takutkah? Duduk. Tuan Pengerusi, yang saya khuatir adalah kekurangan guru-guru di sekolah Cina dan Tamil yang sangat serius. Apa yang dibuat sejak tahun 60-an kerajaan telah kerap kali mengatakan bahawa ada persediaan, ada rancangan untuk mengatasi masalah ini.

Akan tetapi sekarang ini nampaknya kita kekurangan beratus-ratus guru di sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina; dan yang diajar dalam Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik untuk sekolah-sekolah Cina. Kenapa dalam aliran tersebut di mana bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris boleh digunakan walhal di sekolah Tamil hanya dibenarkan bahasa Inggeris sahaja. Kenapa sudah di diskriminasi, sudah dianaktirikan kenapa hendak bunuh kami sekali lagi? *Why do you want to murder the Tamil people?* Mengapa mereka tidak dibenarkan juga menggunakan dua aliran seperti sekolah-sekolah Cina di mana bagi sekolah Tamil hanya bahasa Tamil dan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akhir sekali, dalam sekolah-sekolah Tamil yang kita tahu kekurangan guru-guru sangat serius sehinggakan ada demonstrasi di beberapa tempat di negara ini yang mengatakan, "Tolong hantar guru-guru ke sekolah Tamil", di mana ada guru-guru lepasan yang telah habis kerja ataupun sedia untuk menjadi guru-guru di sekolah-sekolah Tamil.

Akhir sekali di sekolah-sekolah Tamil...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah dua kali akhir.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya difahamkan ada murid-murid yang hendak belajar bahasa Mandarin, kenapa mereka tidak diberi ruang untuk belajar Mandarin di sekolah-sekolah Tamil. Terima kasih.

■1720

5.20 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak menyokong apa yang diusulkan oleh Yang Berhormat Serdang iaitu untuk memotong gaji Menteri ini.

Bagi saya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Serdang hanyalah merupakan satu polemik kepada isu ini dan cuba mempolitikkan masalah ini dengan tujuan untuk mengelirukan rakyat sebenarnya dengan cadangan memotong gaji RM10. Apakah boleh diselesaikan? Apakah maksudnya ada kewajaran untuk mengatakan bahawa apabila tidak dapat dibina sekolah ini membuktikan bahawa kerajaan menganaktirikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ataupun Tamil.

Saya rasa ini adalah satu tuduhan yang tidak adil sebenarnya untuk mengatakan bahawa kerajaan menganaktirikan sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini. Kita harus tahu bahawa apabila kerajaan berjanji, saya yakin Kerajaan Barisan Nasional ini adalah kerajaan yang tetap akan menunaikan janji. Akan tetapi kita kena lihat banyak faktor, faktor tanah sudah ada dan

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...yang paling penting ialah peruntukkan walaupun kita disebut bahawa peruntukan adalah cukup besar. Akan tetapi sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan tadi bahawa kita juga mesti bersikap adil. Di negara kita ini masih banyak lagi kekurangan-kekurangan yang perlu diatasi, yang perlu diseimbangkan. Terutamanya di dalam usaha kita untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita. Sekolah-sekolah kebangsaan sendiri banyak kekurangan.

Bilik darjah yang tidak cukup, bangunan yang tidak lengkap dan ada juga sekolah-sekolah di luar bandar yang dalam keadaan yang uzur. Jadi itu pun, saya sebagai Ahli Parlimen sering kali menuntut supaya sekolah-sekolah yang uzur ini diperbaiki segera tapi masanya sehingga sekarang belum lagi dilaksanakan. Ini kerana saya tahu bahawa kerajaan menghadapi *cost strength* yang cukup besar dari segi peruntukan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Akan tetapi ini tidak bermakna...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Anai-anai di sekolah-sekolah. Anai-anai ada di sekolah-sekolah Cina.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini hendak minta laluan kah apa ini?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Minta laluan, penjelasan sikit.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Akan tetapi Yang Berhormat sudah cakap sepuluh minit. Saya takut masa saya sepuluh minit habis. Saya minta maaf saya tidak bagi laluan Yang Berhormat Ipoh Barat. Bukan tidak hendak tapi sepuluh minit. Cuma saya ingin mengatakan bahawa, lihat dari segi *track record* kerajaan kita ini. Sebab saya tahu kerajaan tetap menjadikan pendidikan sebagai agenda utama untuk kita membangunkan anak bangsa kita. Saya tidak fikir kerajaan tidak dapat menunaikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Serdang itu sebagai tindakan menganaktirikan dan sebagainya.

Saya rasa ini tidak wajar dan sebab itulah bagi saya cadangan untuk memotong RM10 ini sebenarnya adalah perkara yang tidak rasional kepada saya. Ia tidak akan menyelesaikan masalah dalam keadaan kita tahu, saya ambil contoh banyak perkara bahawa apabila kita menuntut. Contoh yang paling jelas apabila kata saya menuntut supaya Kementerian Pelajaran buat sekolah berasrama penuh tempat saya, berapa kami menunggu? Untuk mengharapkan sekolah berasrama penuh. Bukan satu perkara yang mudah.

Jadi apabila kita tidak dapat kita terus hendak mengatakan potong gaji Menteri. Saya tahu kerajaan ada menyebut, memberi janji untuk membina sekolah-sekolah tersebut tetapi kita harus sedar dan faham bahawa ia tidak boleh janji hari ini, besok dapat dilaksanakan. Apatah lagi pembinaan sekolah, apatah lagi kalau di luar bandar, Sabah, Sarawak. Mereka kekurangan masalah hendak beli jaket untuk pelajar hendak pergi ke sekolah menggunakan bot. Masih ada lagi *life jacket* yang tidak mencukupi. Itu pun dibangkitkan di dalam perbahasan di peringkat dasar dulu.

Jadi sebab itulah, bagi saya kita harus bertimbang rasa dalam perkara ini dan tidak mempolemikannya dengan mencadangkan pemotongan gaji. Saya ambil contoh Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Gunung Soga di Batu Pahat. Apabila ada pihak mahu membangunkan projek perumahan di kawasan Gunung Soga dan mahu mengalihkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, kita membantah. Saya sendiri sebagai Ahli Parlimen membantah dan tidak bersetuju. Sebab saya tahu bahawa pendidikan haruslah menjadi agenda yang menjadi keutamaan kepada kita.

Kita harus mempertahankannya. Maksudnya tidak timbul soal kita hendak membezakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Bahkan saya sebagai Ahli Parlimen walaupun ini penggal pertama saya, untuk penggal pertama ini saya hampir habis RM400 ribu bantuan kepada Sekolah jenis Kebangsaan Cina. Lebih kurang 15 sekolah yang mendapat peruntukkan saya. Kenapa? Ini kerana saya melihat agenda pendidikan adalah agenda yang boleh menyebabkan kita keluar daripada garis kemiskinan hidup.

Jadi kita tidak boleh mempolitikkan perkara apabila kita tidak dapat melaksanakan apa yang kita tuntutan ini dengan tindakan yang cukup mudah, potong gaji RM10. Apakah ini menyelesaikan masalah? Jadi kita kena lihat *track record* kerajaan di dalam usahanya untuk

melonjakkan kejayaan pendidikan di negara kita ini. Yang Berhormat Lembah Pantai ini hendak laluan ke apa?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Boleh sekejap sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Okeylah. Sebab Yang Berhormat Lembah Pantai tidak pernah minta laluan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya menyambut baik usaha Yang Berhormat sebut tadi tentang menolong sekolah jenis kebangsaan dengan peruntukan RM400 ribu dibelanjakan dalam hal itu. Kami Ahli Parlimen di Kuala Lumpur tidak bernasib baik untuk mendapat peruntukkan yang sebegitu besar dan kalau kami ada insya-Allah memang usaha yang sama kami lakukan ke arah memperbaiki bukan sahaja sekolah jenis kebangsaan tapi seperti Yang Berhormat sebutkan tadi sekolah kebangsaan lain, sekolah agama sendiri yang memang memerlukan bantuan dana daripada kerajaan.

Saya hanya ingin menanyakan pendapat Yang Berhormat kalau kita lihat pemotongan gaji ini RM10 sahaja. Jika dibandingkan dengan apa yang dilakukan oleh Singapura di mana semalam diumumkan semua ahli politik Singapura akan menerima potongan 19% gaji mereka kerana kemelesetan ekonomi dunia. Jadi mungkin bila kita bangkitkan kelemahan dalam pelaksanaan dasar pendidikan bolehkah kita ambil pendekatan cadangan untuk mengurangkan gaji Menteri di Malaysia ini sebagai simbol bahawa kerajaan bersedia bersama dengan rakyat untuk memikul bebanan di masa hadapan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ingin katakan di Singapura ...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kita tidak ada Sekolah Rendah Jenis kebangsaan Cina atau Tamil. Maksudnya tidak boleh dibuat perbandingan dengan Singapura. Ini soal RM10 ini bagi saya apakah boleh menyelesaikan masalah. Kalau kita lihat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kadang-kadang dewan sekolah dia lebih baik daripada sekolah-sekolah kebangsaan. Lebih besar, lebih hebat dan sebagainya kalau hendak dibandingkanlah. Isu yang kita hendak bahaskan di sini ialah apakah sebenarnya kerajaan ini cuba berbohong sebenarnya. Saya tidak yakin kerajaan hendak berbohong.

Kerajaan memang berjanji mahu melaksanakannya tetapi kerana *cost strenght* kewangan itu menyebabkan mungkin kita terpaksa menanggungkan. Bahkan ada projek-projek mega pun kita tangguhkan dalam suasana ekonomi sekarang yang meleset ini. Jadi itu yang saya katakan bahawa tidak adil sebenarnya kita ingin menghukum dengan *track record* kerajaan yang komited kepada pembangunan pendidikan di negara kita ini dengan kita hendak memotong RM10 ini. Jadi Tuan Pengerusi itu sahaja yang ingin saya katakan dan saya tidak menyokong usul ini, terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong usul ini sebab ini akan jadi satu pedoman, satu usaha untuk memberitahu menteri bahawa Menteri dan kementerian telah gagal bila kita tengok sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil. Saya tidak setuju dengan rakan saya Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan beliau telah pergi tolong satu buah sekolah Tamil di Batu Pahat. Apakah keistimewaannya? Sebagai wakil rakyat *you* mesti tolong.

Inilah mentaliti orang UMNO. Kalau dia tolong sekolah Cina, itu satu keistimewaan. Padahal sebagai wakil rakyat di Pakatan Rakyat kita tolong semua tidak kira bangsa. *Because you have a particular race you thing is special, you have to change your mind set* dengan izin. Jadi di sekolah-sekolah Tamil dan Cina Tuan Pengerusi adalah keadaan serius. Ada sekolah-sekolah di...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Telok Intan boleh saya mencelah?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Boleh.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa Yang Berhormat Telok Intan ini salah faham. Apabila wakil rakyat dia dari UMNO, MCA, MIC, Barisan Nasional beri pertolongan kepada sekolah-sekolah baik sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan Cina, jenis kebangsaan Tamil, kita langsung tidak terfikir soal politik, soal apa. Akan tetapi kita rasa ini tanggungjawab kita. Macam saya di bahagian saya, Parlimen saya satu juga sekolah India yang saya bagi tumpuan, Sekolah Ladang Sri Gading.

Ada 13 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang juga beratus ribu bagi. Yang Berhormat Menteri, ratus ribu beri bantuan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina apabila ada permohonan bagi penduduk sekolah itu melalui saya yang saya panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri beri peruntukkan ini tanpa prejudis, tanpa mengira dia Cina atau India. Akan tetapi kerana dia sedar bahawa apa yang kita kemukakan itu satu keperluan bagi rakyat, maka dia bagi.

■1730

Jadi, usul ini sebenarnya usul buang masalah. Trend potong-potong gaji ini suda ketinggalan zamanlah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Akan tetapi kalau saya dengar selalu ada beri bantuan, 50 tahun kita merdeka kenapa 378 buah sekolah Tamil masih bantuan modal? Apa pertolongan itu? Kalau kita tengok pada asas keadilan pun, macam mana 378 buah sekolah Tamil masih bantuan modal? Apa pertolongan itu? Macam mana 523 sekolah Tamil yang ada sekarang kekurangan guru seramai 800 lebih? Apa keadilan itu, apa pentadbiran itu, apa kementerian buat? Kita tidak boleh terima tidak cukup peruntukan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tiap-tiap kali kita dengar ada peruntukan, ada peruntukan tetapi kenapa sampai sekarang kita tidak ada satu pun sekolah baru untuk sekolah Tamil? Di sekolah Cina pun lebih 3,000 kekurangan guru. *You don't have political will lah, this is racial discrimination. Simple as that.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dengan izin.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Dengan izin, *racial discrimination again*, dengan izin. *They don't school care about Tamil school and Chinese school, this racial discrimination.*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kenapa tidak bela sekolah agama dan sebagainya? DAP lah perkauman

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jadi, Tuan Pengerusi, saya sokong usul ini sebagai satu tanda untuk bagi amaran. Bukan kita hendak hukum Menteri. Ini amaran kepada Menteri untuk kerja dan lain kali jangan bohong. Semasa pilihan raya cakap hendak buat enam buah sekolah Cina. Ini MCA pun ada, tidak bela bangsanya sendiri. Padahalnya MCA untuk masyarakat Cina, tetapi mana enam buah sekolah. Sampai sekarang tidak ada berita pun.

Jadi, ini isu yang serius. Jangan diskriminasi budak-budak di sekolah. Jangan diskriminasi isu pendidikan. Apabila budak-budak ini nanti sudah jadi dewasa, dia masih ingat apakah diskriminasi yang merak alami di bangku sekolah. Inilah sebabnya negara kita ini tidak boleh mencapai perpaduan. Sebab diskriminasi yang diamalkan oleh kerajaan sendiri. Di sebuah sekolah di Mentakab, sekolah Tamil tidak ada kantin pun. Kita boleh pergi. Saya boleh ajak pergi lawatan sambil belajar. Kita boleh pergilah kalau hendak uruskan sekolah Tamil di Mentakab.

Apa sebab ini boleh terjadi? Ada satu sekolah di Perak, dia kena *divide* standard darjah empat, darjah lima pakai satu darjah. Saya tahu di Sabah pun teruk juga tetapi tiap-tiap kali orang Sabah kata kita sudah beritahu kerajaan. Sampai sekarang tidak ada apa-apa, masih sokong kerajaan juga. Itu yang kita pelik, tidak faham. Jadi, saya sokong usul ini untuk menjadi satu teguran Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

5.33 ptg.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada dasarnya saya amat tidak bersetuju dengan usul pemotongan gaji RM10 seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang tadi. Ini kerana kalau kita lihat secara keseluruhannya, bukan senang untuk kita hendak membuat atau membina satu sekolah. Saya pun tidak faham, mungkin Yang Berhormat tidak ada pengalaman dalam bidang pembinaan. Itu dari sudut perancang pun ia akan mengambil masa yang cukup lama. Sedangkan ini kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan RM170 juta diberikan kepada SJK(C) dan peruntukan sebanyak RM60 juta diberikan kepada SJK(T).

Ini bermakna dikatakan peruntukan ini besar. Ada di antara peruntukan bantuan yang RM100 juta yang diberikan kepada sekolah bantuan kerajaan ini pun melebihi daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada sekolah-sekolah yang daif, yang terdapat di Sabah, di Sarawak, di Hulu Pahang dan sebagainya masih lagi terdapat. Jadi, menunjukkan kata dalam keadaan dasar, saya merasakan sejak Yang Berhormat Menteri menerajui KPM ini, saya tidak nampak Yang Berhormat Menteri gagal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Yang Berhormat Ipoh Barat, tidak payah, ini tidak ada laluan. Sekejap tadi sudah bercakap 10 minit.

Jadi, dalam banyak hal dia ada beberapa isu-isu asas yang harus diambil kira. Yang pertama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat, soal lokasi. Lokasi ini merupakan perkara yang paling penting kerana dengan lokasi ini kita harus lihat, kalau dilihat dasar sebenarnya, kalau sekolah yang kurang daripada 150 pelajar, kalau hendak ikut dasar yang sedia ada, dia boleh tutup terus. Akan tetapi, atas pertimbangan yang negara kita hidup dalam pelbagai kaum ini, maka KPM tidak mengamalkan dasar tutup terus ini. Dia boleh *transfer* pelajar-pelajar ini ke sekolah yang lain kalau ikut dasar. Dasar tidak diikuti, malah *tolerance* yang diamalkan sejak sekian lama dipraktikkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

Jadi, pada saya usul itu tidak relevan. Saya bersetuju dengan kawan-kawan saya. Malah, tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Intan. Kalau ada satu dua, sekolah kebangsaan pun satu dua. Kalau macam itu, banyak yang ada. Sabah, Sarawak, kawan kita bercakap tiap-tiap hari tentang kedaifan yang berlaku sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Kerusinya tidak tahan, sini patah, sana patah, ada anai-anai dan sebagainya. Kerajaan mendengar dan menyelesaikan satu persatu mengikut isu-isu asas yang dibangkitkan oleh rakyat Malaysia mengikut komponen yang ada di negara ini.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, jumlah bantuan, unjuran pendapatan guru, kos pembinaan, dia bukan senang diambil masa. Bukan katakan ketidakadilan ini, lambatnya proses ini bukan kerana pada sekolah SJK(C) yang enam buah seperti mana yang, Yang Berhormat bangkitkan sebagai asas pertikaian untuk memotong gaji menteri. Sekolah kebangsaan dijanjikan lima tahun pun ada masih belum dibina kerana masalah-masalah yang dibangkitkan tadi. Kurang murid hendak disatukan sekolah, banyak benda. Saya tidak merasa janggal sebab Yang Berhormat pun dia tidak berada di dalam kerajaan, dia tidak tahu struktur pentadbiran, masalah kerenah birokrasi yang bakal dihadapi. Kalau dia ada, dia tahu semua ini, dia tidak akan bangkitkan perkara ini malah usul ini pun tidak ditimbulkan. Kita boleh terus bahaskan di peringkat Jawatankuasa tentang perkara-perkara yang berbangkit.

Tuan Pengerusi, dasar pembinaan sekolah mengikut Akta Pendidikan 1996 yang memutuskan sekolah sebagai tempat belajar iaitu 10 orang atau lebih lazimnya diajar dalam satu kelas atau lebih tetapi tidak termasuk tempat pengajaran ianya tidak terbatas kepada mana-mana

agama semata-mata. Dasar ini telah jelas dibuat oleh Yang Berhormat Menteri diikuti. Malah kita lihat, Timbalan Menteri, sekarang ini Ketua Pemuda nampaknya dia cukup prihatin, kami Ahli-ahli Barisan Nasional pun sentiasa pergi kepada beliau kalau ada sekolah yang berkaitan dengan SRJK(C), SRJK(T). Kami pergi kepada beliau dan kita cuba atasi. Cuma dia tetap mengambil masa. Dalam *mid term review* kajian dibuat,kekurangan bajet, terpaksa ditangguhkan. Bukan tidak ada prioriti kepada enam buah sekolah yang dijanjikan sebelum PRU itu.

Jadi, dalam hal ini kita mintalah soal pendidikan bukan soal yang boleh, yang harus dipolitikkan. Soal pendidikan ini soal bersama, kualitatif *responsibility* dengan izin Tuan Pengerusi yang kita sendiri tidak pernah memandang dari sudut itu. Walaupun Yang Berhormat Telok Intan kata mereka ini besar,esok mereka akan menentang kerajaan, tidak bersama. Itu kita tidak kisah sebab proses demokrasi berlaku seperti itu. Akan tetapi yang kita kisahkan di sini sebagai tanggungjawab untuk membentuk insan yang sempurna, seimbang, semua kaum yang ada di negara ini, maka tanggungjawab ini kita harus pikul bersama. Jadi, saya tidak menyokong usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.39 ptg.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri bagi menyatakan sokongan saya kepada usul yang telah dibawa. [*Dewan riu*]Yang ini masalah wakil rakyat Barisan Nasional ini, dia tidak dengar lagi, dia sudah buat satu rumusan. Nanti, apabila saya hendak bagi alasan saya, saya ada alasan lagi ini. Bukan pasal isu ini sahaja, saya ada lagi besar alasan yang merentasi permasalahan yang disebutkan tadi. Dia bukan soal kepentingan politik pun. Saya insya-Allah akan bercakap dalam kerangka negara kita, kepentingan semua kaum dalam negara ini.

So, dengar dahulu kemudian komentar, terima kasih. Sebelum itu, saya hendak bagi sedikit *introduction*. RM10 ini memang tidak ada makna apa-apa pun tetapi sebagai mana yang disebut, dia ini *serve as a lesson*. Satu peringatan.

■1740

Gaji berpuluh ribu tolak RM10 ada apa? Macam saya di sekolah dulu dalam kelas bahasa Inggeris kalau siapa cakap Melayu, potong 5 sen, lima duit. Apa ada lima duit? Tak ada apa, tapi dia bagi saya kesedaran. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dan timbalannya pun ada sini. Ambil dalam *spirit* itulah. Jangan kira sangat dalam anggaran RM10 itu. Baik, alasan saya. Yang Berhormat Sri Gading, tolong dengar elok-elok. Nombor satu, yang akan saya bagi alasan untuk menyokong usul ini ialah satu permasalahan yang telah menyebabkan huru-hara di dalam pendidikan di dalam negara kita ini. Ini bukan soal Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, sekolah agama rakyat walaupun itu ada masalah iaitu permasalahan yang disebut hari ini sebagai PPSMI (Pengajaran, Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris).

Saya rasa ini bukan politik ya. Ini bahasa yang kita bercakap tentang keperluan kita memartabatkan bahasa kebangsaan dan sebagainya. Sebab itu saya mintalah wakil rakyat-wakil rakyat UMNO khususnya jangan *double standard*lah bila Pulau Pinang buat *multilingual road sign* dia marah, kerana tidak memartabatkan bahasa kebangsaan. Saya minta kementerian...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Nanti sekejap Yang Berhormat Pasir Salak. Nanti kita jumpa enam hari bulan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hari ini jumpa dulu. sebelum enam hari bulan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kementerian ini dia buat PPSMI tidak ada pun wakil rakyat UMNO yang membantah. Jadi saya kira ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah laluan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya belum masuk lagi, saya baru nak *start engine*, baru *gear* satu ini. Alasan cukup besar kerana sejak diperkenalkan pada tahun 2003, memperkenalkan PPSMI ini terlalu dalam keadaan tergesa-gesa. Tanpa kajian yang mendalam, tanpa kajian yang menyeluruh mengakibatkan huru-hara dalam sistem pendidikan kita. Bahkan saya tidak mahu bercakap atas kepentingan politik, tapi saya bercakap dalam konteks roh perlembagaan itu sendiri yang menyatakan bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan dan di dalam pendidikan kita nak ajar Sains dan Matematik. Apa kurangnya bahasa Malaysia kalau diajar dalam Sains dan Matematik, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, saya nak petik kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam... Yang Berhormat Timbalan Menteri ingatkah tidak Tuan Pengerusi.

Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Dato' Razali bin Ismail. Saya rasa Timbalan Menteri bukan? Kuala Terengganu pada 21 Jun 2007, membahaskan Kementerian Pelajaran. Apa dia kata? Saya ambil nombor empat. Ini bukan politik ya, ini bukan politik. "Penggunaan bahasa Inggeris yang begitu berleluasa di sektor swasta seolah-olah mencabar status bahasa kebangsaan". Kerajaan, dengar ini. "Perlu mengekalkan komitmen politik untuk terus mendukung penggunaan bahasa Melayu dalam domain pendidikan dan urusan rasmi kerajaan". Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri punya kenyataan, bukan saya punya kenyataan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa dia di *back-bencher* kot itu.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian daripada UMNO baik daripada semua. Saya melihat pihak akademik telah membuat kajian yang mendalam tentang ini, bukan mereka duduk diam. Mereka buat kajian. Tahun 2003, apabila diperkenalkan. Satu kajian dibuat. Tahun 2004 kemudian disertai dan yang terkini tahun 2008 oleh UPSI. UPSI ini memang satu tempat pendidikan. Dia buat kajian yang kita dapati dalam *New Straits Times* pada 7 September, *Studies Reveals Policies Flop*, Kajian Menunjukkan

Kegagalan PPSMI. Adakah ini soal politik? Ini bukan ahli PAS yang bercakap ataupun daripada mana-mana Pakatan Rakyat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kajian itu berapa orang sangat dia *interview*.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Nantilah sekejap. Saya nak bagi tahu di sini Yang Berhormat Pasir Salak. Sampel dia melibatkan bilangan yang ramai.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bilangan berapa orang?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ha ini masalah wakil rakyat yang tak mengaji, inilah masalah. Dia cakap ikut emosi. Kita cakap ikut fakta, kita cakap ikut statistik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tidak menari macam bapak *you*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Dia bercakap ikut emosi memang sedaplah cakap. Kita cakap ikut fakta.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan ya.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Baik. Saya nak bagi tahu juga semua ini seolah-olah Kementerian Pendidikan ini Orang Putih kata *like talking to the walls*, dengan izin. Kalau dalam bahasa Quran dengan izin, (*Membacakan sepotong ayat suci Al-Quran*). . Tak ada telinga, tak ada mata, tak ada hati, tak faham-faham. [*Ketawa*] Walaupun kajian demi kajian, seminar demi seminar, jumpa Raja, bagi tahu tak boleh. Ini gagal, tokoh-tokoh bahasa, Profesor Nik Safiah, Profesor Awang Sarian, Profesor Emeritus lagi, Datuk Ishak Haron. Semua menyatakan kementerian perlu kembali kepada ajaran Sains dan Matematik dalam bahasa kebangsaan.

Ini bukan ahli politik bercakap, saya hanya memanjangkan saja suara mereka. Apa salahnya dengan *political will* yang saya pinjam daripada perkataan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tahun 2007 itu. Kita sama-sama di atas kerangka memartabatkan bahasa kebangsaan, kita minta supaya batalkan PPSMI, ajar balik dalam bahasa kebangsaan. Ini tanggungjawab semua orang termasuklah Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan. Sekarang boleh? Dah masuk dah.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Lagi satu,..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh, tak masuk lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi Yang Berhormat, tak bagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tak masuk lagi? Dah lama tak masuk-masuk. Main tepi saja.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Pasir Salak sabarlah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bila nak keluar lagi air dia?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Enam hari bulan kita jumpa di Parit Buntar nanti. Jadi, Tuan Pengerusi tolong ambil nota bahawa kita tidak menentang bahasa Inggeris. Sama sekali tidak timbul isu ini. Semua ahli akademik memberi cadangan bahawa cara untuk anak murid, pelajar kompeten dalam bahasa Inggeris ini bagi mereka menyediakan diri dalam alam global yang serba mencabar ini bukan dengan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, tetapi memperkukuhkan mata pelajaran bahasa Inggeris itu sendiri supaya dia dapat memberi kesan kepada pelajar-pelajar.

Jadi saya kira apa yang saya bagi alasan sebagai menyokong usul daripada Yang Berhormat Serdang tadi, bukan kepentingan politik, bukan kepentingan peribadi, bukan kerana nak nama tapi dia merupakan kerangka nasional yang harus kita martabatkan dan Kementerian Pendidikan sebagai *the forefront*, dengan izin, orang yang duduk di depan membawa semua ini tiba-tiba dia tidak memartabatkan bahasa kebangsaan. Ini saya kata sekolah Tamil menjadi mangsa, sekolah-sekolah kebangsaan menjadi mangsa dan kalau boleh saya tunjuk dekat Yang Berhormat Pasir Salak, itu pun kalau dia nak bacalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tak payah *provoke* Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tunjukkan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Pasal apa saya kata, sekolah di luar bandar, Ishak *has called the policy* dengan izin, *a failure particularly in terms of its impact on the Malay students in national school and he's asking for a return to the teaching of Mathematic and Science in Bahasa Malaysia*. Ini bukan Yang Berhormat Parit Buntar kata, ini Profesor Emeritus Datuk Ishak Haron. Ini bukan kepentingan politik tapi kepentingan negara kita. Mengapa seluruh kampung, satu negara...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tengoklah profesor apa.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...menentang PPSMI, menentang semua ini tiba-tiba Kementerian Pelajaran pekak, buta, tuli masih melaksanakan ini dan saya cabar wakil rakyat-wakil rakyat UMNO yang memperjuangkan agenda kebangsaan, agenda Melayu untuk sama-sama sokong ini dalam memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi, saya kira perkara ini perlu diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Apa salahnya kalau ada *political will*.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan. Satu ayat saja Yang Berhormat Parit Buntar. Saya ingat cabaran kepada UMNO itu Yang Berhormat Batu Pahat harus dikeluarkan sebab secara rekod, Yang Berhormat Batu Pahat ambil bahagian dalam perbahasan Perhimpunan Agung UMNO beberapa tahun lepas mewakili Perhubungan UMNO Johor, dia memang menentang penggunaan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, termasuk Yang Berhormat Sri Gading.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Pasir Salak saya tak tahu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ha termasuk Yang Berhormat Sri Gading, tak termasuk Yang Berhormat Pasir Salak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul, betul.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Oh, patutlah dia tak sokong saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, habiskan ya.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya. Satu lagi saya nak minta bagi profesion perguruan. Saya mewakili profesion perguruan yang datang mengadu hal kepada kita untuk dibawa ke dalam Parlimen dan saya menyokong ini iaitu soal PTK, Peperiksaan Tahap Kecekapan ini. Para guru menghadapi masalah. PTK ini adalah satu peperiksaan bagi kenaikan pangkat dan sebagainya.

■1750

Now, mereka terpaksa duduk peperiksaan PTK tetapi guru-guru yang sudah lama bertugas ini mereka selalu gagal untuk lulus dalam PTK ini. Akhirnya orang yang muda baru masuk, mereka cepat naik. Sedangkan orang yang lama, guru-guru yang sudah lama ini kerana kegagalan mereka untuk lulus PTK, mereka masih berada ditakuk yang lama.

Jadi saya kira ini juga sudah pun disuarakan oleh banyak pihak tetapi tidak mendapat perhatian. Saya mengirakan bahawa ini satu perkara yang membebankan guru-guru. Guru-guru, mereka sudah ada penaziran, pemantauan, penilaian daripada ketua jabatan, daripada nazir, mengapa mereka harus dinilai naik pangkat kena ikut PTK dan ini membebankan para guru.

Jadi saya bercakap bagi pihak guru, jangan lupa kita duduk bercerita bab negara, orang-orang yang korporat, tetapi jangan lupa tanpa guru, kita tidak akan ada di sini. Oleh itu kita harus memperjuangkan hak-hak mereka supaya tidak menimbulkan beban kepada mereka dan di atas sebab itu saya minta atas usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Serdang, saya menyokongnya dengan alasan-alasan yang telah saya berikan tadi. Sekian terima kasih.

5.51 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, akta perkara ini belum dikaji sepenuhnya lagi. Bukan hari ini kita dengar pembangkang buat perkara ini, buat kerja ini. Saya tidak faham selalu hendak buat cadangan potong gaji RM10, apa dapat? apa pembangkang sudah buat untuk SRJK(C) dan SRJK(T), apa mereka sudah buat? Memang banyak dalam surat khabar soal sahaja, tetapi apa betul-betul sudah dibuat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hendak bagi ke tak nak.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Mana janji dalam 50 tahun Barisan Nasional ada kasi kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau Barisan Nasional tidak ada kasi, tiada bantu sekarang ada sekolah kah? Jangan kata, saya belum masuk lagi, *you* ni hendak bangun buat apa. Yang Berhormat Bukit Bintang hendak bangun buat apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Masuk angin keluar asaplah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya hendak soal di sini perkara ini saya harap ini Yang Berhormat Serdang boleh lihat. Untuk saya di kawasan Bintulu ini contohnya, berapa tahun kita minta SRJK(C) minta satu lesen lagi untuk Chong Hwa pasal murid-murid sudah bertambah. Berapa tahun kita minta, tidak dapat diluluskan. Masa itu siapa menteri pendidikan? *You* patut balik tanya *you* ketua pembangkang siapa menteri. Saya ada surat lagi di Bintulu, tidak diluluskan.

Apa fasal? Cakap bantu tetapi bantu tiada tetapi kita tahu mungkin itu masa ada masalah dasar banyak tidak boleh diselesaikan tetapi sekarang kita ada dasar juga yang mahu diselesaikan. Akan tetapi kita selalu tuduh sama Menteri, Timbalan Menteri, ini mahu mesti buat perubahan. Kita ubah sekarang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Masa itu dia tiada buat kerja punya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: SRJK(C) Chong Hwa sudah dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan ganggu Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Chong Hwa keduasudah dapat, sudah dapat, sudah diluluskan. Berapa tahun jangan tanya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu Menteri tidak buat kerja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu tadi saya kata, daripada dahulu tiada, tidak dapat. Itu masa Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri pun tidak dapat lulus tetapi sekarang kita lulus.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia tiada buat kerja masa itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah ganggu Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Di sini juga daripada dahulu Menteri itu masa zaman Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh, peruntukan langsung tidak kasi tetapi sekarang kita buat banyak perubahan, kita sudah kasi, banyak peruntukan sudah kasi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya minta penjelasan, duduk.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak apa, ada peluang *you* cakap. Saya sebelum ini saya kasi habis. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak kasi jalan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia buat tuduhan yang jahat. Dia guna istilah langsung tidak ada peruntukan. Ini satu tuduhan yang jahat. Walaupun saya tahu watak Yang Berhormat Bintulu begitu. *[Ketawa]* Ini kalau kita tengok rekod sama ada SRJK(C) di

Sabah, SRJK(C) di Sarawak satu peruntukan yang luar biasa kita bagi. Jangan padamkan fakta, jangan tunjuk gelagat samseng di dalam Dewan seperti ini. Saya minta Yang Berhormat Bintulu bahas dengan fakta, jangan ikut emosi, okey.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Gombak, terima kasih. Ini saya bahas fakta. Minta Yang Berhormat Timbalan menteri nanti kasi jelaskan berapa lama kita memohon ini, SRJK(C) Chong Hwa kedua, berapa lama, berapa puluh tahun kita memohon. Cuba sila tanya, kata kalau saya tiada fakta. Saya wakil rakyat Bintulu, saya tidak tahu apa berlaku di Bintulu? Yang Berhormat Gombak lagi tahu daripada saya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jawablah Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh kita sama-sama turun padang Bintulu, kita jelaskan pun boleh. Minta SRJK(C) punya lembaga keluar perjelas sama-sama pun boleh. Yang Berhormat Gombak tarikh boleh bagi bila. Kita sekarang sepatutnya macam contoh tadi Yang Berhormat Serdang kata ini SRJK(C) enam buah ini sekolah semua tipu.

Apa tipu, saya difahamkan sekarang peruntukan tidak cukup. Sekarang pegawai KPM masih sedang lagi berbincang dengan Kementerian Kewangan minta peruntukan ditambahkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta jelaskan ini perkara, apa kita soal ini betul atau tidak.

Kita ada duduk berbincang macam Kuching High School. Yang Berhormat bandar Kuching apa sudah dia buat untuk Kuching High School. Sampai sekarang kita pergi berbincang duduk berapa kali Yang Berhormat Timbalan Menteri minta tambahkan peruntukan. Sekarang Menteri sudah lulus RM1.4 juta untuk membaiki itu sekolah. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan ini perkara betul atau tidak tetapi Yang Berhormat Bandar Kuching ini sekolah di Kuching apa dia sudah buat. Sekarang bahas di surat khabar, bahas dalam Dewan sudah habis. Ini macam siapa pun boleh buat, orang kampung pun boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat biarkan Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu hendak bagi jalan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bintulu, boleh ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita bukan cakap-cakap seronok di sini. Kita ini boleh buktikan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pasal Ahli Parlimen yang telah dituduh dan dibuat laporan polis oleh seorang gadis mengenai seorang Ahli Parlimen mengugut dia, adakah itu Yang Berhormat Bintulukah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat, kalau *you* tidak tahu kebenaran.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Polis *report*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat, sifat seseorang Ahli Parlimen tidak boleh dibahaskan di dalam Dewan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, you ulang itu perkara saya minta *you* ulang di luar sekali, tengok apa jadi. *You* ulang sekali lagi di luar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payah menjelaskan, *you* ulang. Saya minta *you* ulang di luar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah polis *report* ini

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payah, saya tidak payah jelas. Saya minta *you* ulang di luar saya tunggu *you*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ia atau bukan sahaja, saya tanya. Jangan bersikap samseng.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh berbahas macam ini Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* ulanglah dekat luar. Nantilah baru kita faham. Nanti saya saman sama kamu, saya kesian sama kamu nanti besok kata tiada wang mahu bayar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu polis *report* merujuk kepada Yang Berhormat Bintulukah? Saya tanya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak apa, saya tanya sila ulang dahulu di luar dan kita bersama-sama tengok baru tahulah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa takut?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekarang cerita banyak panjang-panjang buat apa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Say yes or no.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau *you* berani, *you hero*, diluar ulang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Barulah ada cantik sedikit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Say yes or no.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya minta di luar dahulu, apa bikin saya ulang sini. Saya minta di luar dahulu baru ada cerita.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak berani.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, kalau dia tidak berani ulang di luar, kita tidak usah cakap.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Barat, jangan kurang ajar lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau dia berani keluar, kita ada cerita.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Barat tunjuk hero.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tadi Tuan Pengerusi, saya di sini saya minta kementerian KPM ini kalau boleh kita mempercepatkan, berbincang sama-sama ini Kementerian Kewangan. Saya harap juga Kementerian Kewangan mestilah bekerjasama dan membantukan untuk mendapatkan ini peruntukan tambahan. Selepas itu kita boleh dapat perpindahan apa kita sudah janji enam buah SJK(C) di mana-mana kawasan kita seperti dijanjikan.

■1800

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Telok Intan tadi kata kita Pakatan Rakyat memang semua adil kepada semua rakyat. Saya memang bersetuju tapi kadang-kadang saya pun ada pening sedikit. Contohnya baru-baru ini apa berlaku di Selangor. Pakatan Rakyat kata sekarang semua tidak boleh minum arak di Selangor tapi tradisi kita kaum Cina...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...sama kaum India...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta...

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: Apa kena-mengena dengan isu sekolah sekarang?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Untuk perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagai jalankah Yang Berhormat?

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: Apa kena-mengena dengan isu sekolah sekarang?

What is the connection Yang Berhormat Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...perkara kita patut semua kita boleh.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, ini tidak ada kaitan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sampai sekarang...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Bintulu cuba...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Inilah saya tak tahu mereka kata adil tapi saya pun tak tahulah adiknya di mana.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bintulu ini sudah tak ada idea.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi saya meminta Tuan Pengerusi potong gaji RM10 ditolak. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Point of order* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order* berapa Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Bintulu *yes or no?*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 36(12).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh Yang Berhormat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita sama-sama pergi luarlah sekarang? Mahu?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mengelirukan Dewan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Yes or no?*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* bukan di luar sahaja!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa yang dia cakap Yang Berhormat Bandar Kuching jadi apa yang dia kata...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh! Yang Berhormat Ipoh Barat janganlah hendak buat kecoh!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...tak betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No! What are you frightened..*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat itu Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Yang Berhormat Ipoh Barat ini Tuan Pengerusi ajar sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak sila duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Yang Berhormat Ipoh Barat ini ajar sedikit! Keling, keling ini ajar sedikit!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keling ini ajar sedikit!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat diam Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sila diam. Ya Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keling punya perangailah itu!

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pasir Salak kurang ajar *[Dewan gamat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *What is keling?*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tarik balik.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tolong tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Minta maaf dan suruh dia tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *What is keling?*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah cukup, jangan menyalaklah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat diam Yang Berhormat. Yang lain sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...supaya Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik istilah yang digunakan. Setiap kali...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Gombak jangan hendak tunjuk hero!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Setiap kali Yang Berhormat Pasir Salak...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pasir Salak, jangan main-main.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...bangun guna istilah yang tidak tertib dia terlepas daripada segala tindakan disiplin. Saya minta...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana yang tidak tertib?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...kali ini tidak ada ruang bagi Yang Berhormat Pasir Salak. Tindakan tegas digunakan kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, suruh dia tarik balik dan minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain saya minta duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya minta duduk ya. Yang Berhormat Pasir Salak, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan keling ya. Tak boleh guna.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, mereka ini terutama Yang Berhormat Ipoh Barat ini dia buat suka-suka hati kenapa dia boleh lepas!

Beberapa Ahli Pembangkang: Tarik balik!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak ada! [*Dewan gamat*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, yang lain minta duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya minta duduk. Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik perkataan Yang Berhormat gunakan sebentar tadi Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, kenapa mereka boleh bercakap suka hati? Kenapa boleh cakap suka hati? Kenapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa boleh cakap suka hati?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat lain tidak menggunakan perkataan-perkataan yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Perkataan-

perkataan yang *unparliamentary* Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat untuk menarik balik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, sebelum saya buat...

Beberapa Ahli Pembangkang: Tarik balik! [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa? Tarik apa? Ini yang kurang ajar ini macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini yang kurang ajar ini macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, apa dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Suruh tarik balik pasal apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tarik balik penggunaan perkataan keling yang dirujuk kepada Ahli Yang Berhormat yang lain Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa pasal pula hendak minta maaf keling?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat tarik balik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, apa salahnya perkataan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ahli Parlimen Ipoh Barat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu pasallah tolong ikut nasihat apa pun arahan daripada Tuan Pengerusi. Ikut sahajalah arahan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hairan kenapa pihak pembangkang boleh mencabar Tuan Pengerusi. Semalam ini Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh mencabar Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya minta Yang Berhormat tarik balik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okeylah saya tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 36(12) ucapan Yang Berhormat Bintulu yang mengatakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat hendak mengharamkan penjualan arak di seluruh negeri Selangor adalah satu kenyataan yang tidak benar. Apa yang telah berlaku ialah satu cadangan yang dikemukakan di pihak PBT di Shah Alam dan setelah di bincang ianya dipersetujui untuk disekat penjualan arak melalui kedai-kedai seperti 7-eleven, stesen-stesen minyak yang beroperasi di dalam kawasan PBT itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...demi menyekat dan mengurangkan masalah sosial yang dihadapi oleh kalangan remaja yang dengan mudah boleh pergi ke 7-eleven yang beroperasi 24 jam untuk membeli minuman beer, arak, jadi mat rempit dalam keadaan mabuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jadi ahli PBT meluluskannya di Shah Alam bukan satu dasar ataupun polisi yang dibawa oleh Pakatan Rakyat untuk seluruh negeri Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Bintulu berniat jahat dan bertujuan untuk mengelirukan Dewan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya mendengar tapi saya tidak mengetahui secara *detail* mengenai perkara ini sehinggalah Yang Berhormat Shah Alam memberitahu tentang perkara yang sebenar. Saya rasakan bahawa Yang Berhormat Bintulu juga mungkin mendapat *information* yang sedemikian. Jadi Yang Berhormat, perkara 36(12) ini adalah perkara yang serius dan saya rasakan saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Bintulu tidak berniat untuk mengelirukan Dewan dan tidaklah sampai ke tahap untuk merujuk beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana kenyataan sedemikian Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, saya rasa Tuan Pengerusi kena nasihat dia paling kurang kalau dia tak tahu tentang satu perkara jangan pandai-pandai hendak cakap. Sekiranya perkara ini dia tidak perbetulkan maka saya mengesyorkan bahawa dia terus dirujuk mengikut seperti mana yang 36(12) itu kerana ianya merupakan satu tindakan yang sengaja dilakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Isu itu telah berakhir. Saya jemput Yang Berhormat Gombak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, *point of order* 36(4) iaitu menggunakan bahasa *unparliamentarily language*. Walaupun Yang Berhormat Pasir Salak telah menarik perkataan tersebut saya rasa ini adalah satu perkara ini adalah satu perkara di mana *public opinion* kerap kali telah diberitahu bahawa apa yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen

menggunakan *unparliamentarily language* ini tidak boleh langsung berlaku. Ini bukan kali pertama.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kerap kali Yang Berhormat Pasir Salak dengan saya mungkin tak setuju tak kisah. *Intellectual debate* saya tak kisah. *You can agree or disagree*. Itu saya rasa satu perkara yang kita semua boleh berubah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *That is your principal.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, kalau...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Agree to disagree doesn't mean that you can say anything you like.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, jangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat sedang dalam peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You have absolute democracy.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, absolute tak absolute tak kisahlah.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat yang mustahak ini *unparliamentarily language*. Saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak dia bukan seorang yang muda...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...umur baru 20.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak faham. Ini bukan kali pertama Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You don't try to use all your language...*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa mungkin parti beliau perlu mengambil tindakan. Saya hairan seorang Ahli Parlimen...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, because you are a bad guy you know.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak apa. Tak kisah, tak kisah. *I mean...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No*, Tuan Pengerusi saya rasa perlu satu tindakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah faham peraturan 36(4).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...yang tegas perlu diambil terhadap seorang macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa malu berada di Parlimen ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* jangan menghina saya ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, we can agree.* Yang Berhormat kita boleh *agree to disagree.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You are using very nice language* tetapi *you* menghina.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, tak payah mencelah begini Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia menghina!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Standard dia. Mungkin...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, cukup Yang Berhormat. Saya sudah faham 36(4).

■1810

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita perlu beritahu, mungkin *refer* dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup, tidak payah Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Ipoh Barat, saya faham tentang niat Yang Berhormat terhadap Perkara 36(4). Yang Berhormat Pasir Salak telah pun meminta maaf tadi menarik balik dan kita minta maaf. Dia tarik balik perkataan... [*Gangguan pembesar suara*] Sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Salak telah pun tarik balik perkataan 'keling' yang digunakan yang merujuk kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Tradisi Dewan ini apabila seseorang menarik balik perkataan itu, ianya adalah sebaik untuk meminta maaf, itulah tradisi Dewan ini. Yang Berhormat, isu yang lain, perkara-perkara lain yang pernah dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak tidak perlu kita heret untuk isu yang sekarang ini. Sekadar itu penjelasan saya Yang Berhormat. [*Disampuk*] Cukuplah Yang Berhormat, sudah tarik balik tadi pun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan kalau kita benarkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara yang lalu adalah perkara yang berlalu Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia juga menggunakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu berlaku pada ketika yang lalu Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya juga turut merasakan bahawa Yang Berhormat Ipoh Barat selalu bercakap menyakitkan hati. Sejak saya ada di Parlimen ini, bila Yang Berhormat Ipoh Barat bercakap dia menyakitkan hati.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 36(4), 36(4).

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Walaupun suaranya lembut, tetapi, nada, kata, isinya sangat menyakitkan hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, isu ini sudah selesai Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 36(4).

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal saya rasa oleh sebab perkara ini berulang. Sekiranya kali yang pertama, kali yang kedua tetapi ini berulang dan ianya teramat mudah Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam jangan cari pasallah hendak berkelahi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya selesaikan masalah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya teramat mudah untuk mengeluarkan kata-kata yang kesat selepas itu tarik balik. Keluarkan kata-kata yang kesat selepas itu tarik balik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak tarik balik banyak kalilah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini satu bukan perkara yang sewajarnya berlaku, dia bukan budak-budak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya meminta paling kurangnya yang WHIP kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi saya juga hendak bercakap. Kalau dia orang boleh dibenarkan cakap saya juga hendak bercakap.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak Tuan Pengerusi, paling kurang saya merayu kepada WHIP bagi Barisan Nasional ambil tindakan, ajar ahli sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Melampauah Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Awak itu ajar dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, perkara ini adalah perkara yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan saya telah

pun buat keputusan saya mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Gombak untuk berbahas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, dia orang boleh bercakap saya tidak boleh bercakap?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sudahlah, habis, habis. Duduk, duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Alah, hendak tunjuk *terror* sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya teruskan Yang Berhormat Gombak.

6.13 ptg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya daripada Serdang dan telah pun disokong oleh beberapa teman sebentar tadi termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat. Persoalan yang dibangkitkan bukan soal RM10 yang hendak kita potong. Apa makna RM10 kepada Menteri Pelajaran? Terlalu kecil bagi beliau, tetapi yang kita hendak tekankan ini mesej yang hendak kita sampaikan. Kedudukan beliau sebagai Menteri Pelajaran haruslah bertanggungjawab bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi juga kepada semua kaum dalam negara kita. Akan tetapi kalau kita teliti usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Serdang sebentar tadi, jelas Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah gagal menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk memastikan apa yang telah dijanjikan selama hari ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan bertanggungjawab serta beramanah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baru *start*.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Tadi Yang Berhormat Serdang telah menyatakan bahawa ada berlaku diskriminasi, ada berlaku pilih kasih di antara sekolah kerajaan, sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan Cina ataupun Tamil. Saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak, bahawa sekolah kebangsaan itu sekolah yang seluruhnya dikuasai dan dimiliki oleh kerajaan sama ada dari segi pemilikan tanahnya ataupun dari segi pengurusan pentadbirannya berbanding dengan sekolah jenis kebangsaan bantuan Tamil atau Cina. Bahawa sekolah tersebut tanah miliknya bukan tanah kerajaan, pengurusannya diurus oleh jemaah pengelola, macam mana kita hendak samakan bantuan yang harus dihulurkan oleh kerajaan dari segi pembangunan pun. Adakah Yang Berhormat bersetuju membuat pembangunan bukan di tanah milik sendiri? Bagaimana pandangan Yang Berhormat Gombak? Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu sebab itu saya ingat elok masuk sekolah sekali lagi. *[Disampuk]* Tidak apa Yang Berhormat Pasir Salak, kalau hendak bangunlah jangan menjerit daripada bawah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itulah menghina itu, itu boleh lepas?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak apa saya hendak jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak minta jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bahasa-bahasa menghina itu boleh lepas.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak jelaskan, semenjak bila Yang Berhormat Pasir Salak faham soal bahasa ini? Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Hulu Terengganu tadi, ini bukan soal diskriminasi. Kalau benar pun tanah itu tanah persendirian, dikelolakan oleh Lembaga Pengelola, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab apakah tidak boleh memberikan bantuan dan sokongan kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah berkenaan? Kalau orang Cina, orang India daripada zaman kemerdekaan boleh menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tunggu, saya hendak jelaskan. Kalau orang Cina boleh terima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, orang Cina tidak pernah pertikaikan. Orang India boleh terima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak pernah pertikaikan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya, mengelirukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak minta jalan?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Apa maksud tidak mengelirukan kalau papan tanda bahasa Melayu bahasa kebangsaan tetapi dalam masa yang sama telah membuat bahasa-bahasa lain sebagai papan tanda, bukankah itu satu penghinaan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Apakah maksud penghinaan? Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini masalah kalau tidak pergi sekolah Tuan Pengerusi. Apa yang berlaku di Pulau Pinang dia tidak buang nama jalan. Nama jalan kekal, dia hanya tambah beberapa bahasa yang lain, faham atau tidak Yang Berhormat Hulu Terengganu? Ini yang berlaku, kalau tidak, mengapa tidak tegur jalan-jalan di Sarawak Tuan Pengerusi? Lapangan terbang di Sarawak Tuan Pengerusi pernah pergi Sarawak? Mengapa tidak? Di KLIA, di Mongolia, pernah pergi? Boleh tanya Yang Berhormat Pekan. Jadi saya minta perkara ini jangan politikkan. Saya minta Tuan Pengerusi, yang saya hendak jelaskan ini ialah kalau orang

Melayu, orang Cina dan India boleh terima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tidak pernah pertikaikan.

Orang Iban dan Kadazan terima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, mengapa Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional tidak boleh memperkasakan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil untuk mereka mengamalkan bahasa ibunda mereka? Ini juga termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini keadilan namanya. Sementara kita pertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kita pertahankan orang Melayu, kita juga mesti berlaku adil kepada kaum-kaum yang lain dalam negara kita. Dalam konteks ini Tuan Pengerusi...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Gombak, mohon penjelasan sedikit Yang Berhormat Gombak. Sedikit sahaja, boleh? Balik Pulau sedikit? Saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak sebab tadi dikaitkan dengan Perlembagaan, adakah alasan yang diberi oleh Ahli Parlimen daripada Hulu Terengganu, mengasing-asingkan tanah dan sebagainya dari aspek pembangunan itu adalah merupakan asas untuk kita mengasing-asingkan seperti yang dibenarkan di dalam Perlembagaan. Setahu saya, di dalam Perlembagaan, dalam aspek pendidikan semua patut diberi keadilan yang sama tanpa mengira kaum. Mohon penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, saya tidak salahkan teman saya daripada Hulu Terengganu, dia pun datang daripada hulu Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak jelaskan sedikit...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti dahulu saya sudah beri laluan tadi, bagi saya beri jelas dulu kepada Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sepatah perkataan sahaja.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak beri penjelasan dulu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sepatah perkataan sahaja.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak jelaskan di sini, kalau soal tanah itu merupakan satu soal yang menjadi masalah kepada UMNO dan Barisan Nasional, saya hendak tanya kepada komponen Barisan Nasional seperti MCA, kebetulan Timbalan Menteri pun daripada MCA, apa peranan beliau? Saya minta MCA tolong jangan diperkuda oleh UMNO.

■1820

Orang Cina mengharapkan supaya mereka juga sebagai bangsa Malaysia mendapat pembelaan yang sewajarnya. Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ini bukan untuk anak-anak Cina sahaja Tuan Pengerusi. Kalau kita tengok statistik tiga tahun yang lalu jumlah

anak Melayu yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina sudah mencapai 80,000 orang. Anak Melayu belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, mengapa? Kerana kualiti pendidikannya baik, disiplinnya tinggi, guru-gurunya tahap profesionalismenya tinggi.

Apakah itu satu kerugian kepada bangsa Malaysia. Kalau anak kita boleh menguasai bahasa Mandarin dengan baik, anak kita boleh menguasai bahasa Tamil dengan baik. Itu memberikan kebaikan kepada negara. Kalau benar Malaysia hendak bersaing dengan negara Cina dan India dalam 10 tahun yang akan datang, kalau kita tidak mempersiapkan anak bangsa kita untuk menguasai Mandarin dan Tamil dengan baik; bagaimana mungkin anak-anak kita dapat menjalankan urus niaga di negara China ataupun negara India.

Sebab itu tumpuan ini harus diberikan secara serius oleh Menteri Pelajaran. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang tokoh yang cukup berwibawa jangan diperkudakan oleh Menteri Pelajaran. Gunakan kedudukan itu, kuasa yang ada untuk membantu orang-orang Cina dan orang-orang India di negara kita.

Kalau Menteri Pelajaran bersedia untuk menerima sedikit teguran ataupun nasihat. Lihat di negeri Selangor di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat, lihat di negeri Perak kita beri baru-baru ini 1,000 hektar tanah kepada Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina seluruh negeri Perak, 1,000 hektar. 50 tahun tidak dapat apa pun daripada Barisan Nasional. Sekolah Tamil jauh ketinggalan. Timbalan Menteri Wilayah ada sini. Cameron Highlands ada. Apa mereka buat? Mengapa 50 tahun Barisan Nasional perintah MIC jadi komponen Barisan Nasional Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil masih ketinggalan.

Tidak payah pergi jauh tidak payah pergi Sungai Petani, Kulim. Ijok hanya satu jam daripada Bandaraya Kuala Lumpur masih ketinggalan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Di mana tanggungjawab kita? Kalau benar kita pemimpin Melayu Islam kita harus tegakkan keadilan bukan sahaja untuk orang Islam tetapi juga kaum-kaum yang lain dalam negara kita.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap usul ini akan disokong oleh teman-teman saya daripada UMNO dan Barisan Nasional. Bukan soal RM10 tetapi saya kira mesej yang hendak kita berikan kepada Kementerian Pelajaran yang saya pernah berada di sana satu ketika dahulu. Pegawai-pegawainya, pentadbirnya telah menjalankan tugas dengan cukup baik dan bertanggungjawab. Malahan teman saya dari Kuala Terengganu juga dahulu pernah datang daripada warga pentadbir Kementerian Pendidikan. Mereka menjalankan tugas dengan baik.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri mengambil sikap mempolitikkan semata-mata untuk menggigit sokongan orang-orang Cina menjelang pilihan raya umum yang lepas.

Menjanjikan enam buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina semata-mata apa? Politik tidak lebih daripada itu. Janji sana janji sini tetapi sampai sekarang tidak dilaksanakan.

Mujur, alhamdulillah dan saya berterima kasih kepada seluruh masyarakat Cina di Malaysia kerana tidak mempercayai janji-janji kosong oleh UMNO dan Barisan Nasional dan tolak MCA tolak Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Saya berharap dengan

ketegasan yang diambil oleh Serdang pada petang ini dan insya-Allah akan disokong oleh teman-teman daripada Barisan Nasional kita akan lihat satu pembaharuan yang cukup positif demi kebaikan anak bangsa kita di Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

6.24 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita mendengar Gombak menyokong kononnya perjuangan sekolah Cina tetapi sebenarnya ini adalah lakonan, lakonan Hindustan. Dalam hati dia lain, mulut untuk dapat sokongan politik tetapi tidak - kalau dapat pun tidak dapat bentuk kerajaan, tidak cukup. Baik duduk situlah melalak jadi jaguh pembelot bangsa. Ini yang akan berlaku. Tengoklah satu masa, kalau panjang umur kita tengok siapa yang membelot jadi pembelot.

Tuan Pengerusi tadi ada dari Parit Buntar menyebutkan tadi ayat-ayat Al-Quran. Saya hendak bertanya kepada beliau dia belajar Al-Quran ini dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh saya jawab?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya berkelulusan Al-Azhar dalam bahasa Arab dan sastera.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagus. Tidak saya tanya masa belajar Al-Quran itu belajar dalam bahasa apa?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bahasa Arablah Universiti Al-Azhar dia ajar bahasa Arab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak boleh buat suara-suara begini Yang Berhormat berbahas sahajalah ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang lain tidak faham soal Al-Quran jangan campur.

Tuan Pengerusi jadi dia belajar saya pun belajar. Orang Islam belajar Al-Quran kita kena belajar dalam bahasa Arab. Ilmu Al-Quran dalam bahasa Arab, jadi kalau kita belajar sains ada bahagian-bahagiannya yang perlu kita belajar dalam bahasa Inggeris, apakah salah? Kita belajar bahasa Inggeris atau menggunakan bahasa Inggeris belajar ilmu itu? Sebagaimana Yang Berhormat belajar Al-Quran dalam bahasa Arab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itu tidak ada kena mengena itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa pula tidak ada kena mengena itulah. Kalau tadi kalau saya gunakan perkataan ini jadi serupa saya tiru pergi ke sekolah. Kena pergi sekolahlah balik.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Boleh saya tanya sedikit?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Namun saya tidak mahulah guna perkataan itu kerana ini doktor, profesor dan sekolah tinggi sudah pun kan. Saya tidak mahu menghina hendak mengatakan saudara Yang Berhormat terpaksa belajar lagi, pergi sekolah lagi. Kalau Gombak ada ke gunakan ayat itu? Bahasa dia itulah bahasa yang baik pada dia.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bahasa itu termasuk juga Ipoh Barat menggunakan bahasa-bahasa yang cantik tetapi niat dia jahat, menyakitkan hati sebagaimana yang disebutkan oleh Hulu Terengganu. Saya hendak bagi ingatan ini ingatan. Perkataan-perkataan yang menyakitkan hati ini akan menimbulkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...pergaduhan. Jangan ingat ini Dewan kita boleh bercakap sesuka hati. Kita ada perasaan. Perasaan kita keluar Dewan akan terikut-ikut. Jangan kata *we can agree to disagree*. Jangan ingat boleh cakap...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ini bahas usul ini bahas usul ke hendak bagi *advise*?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak perlu tegur Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau bagi masa saya boleh berhujah. Perkara apa itu? Boleh, ini pakar juga ini bagi ini. Shah Alam dia rasa dia hebat kita dengar.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Belajar Al-Quran dalam bahasa Arab maknanya kalau tidak tahu bahasa Arab tidak boleh baca Quran. Maknanya kalau Pasir Salak tidak pandai cakap bahasa Arab tidak baca Quran lah ini? Saya hendak tanya Pasir Salak. Pasir Salak boleh cakap bahasa Arab tidak? Boleh tidak?

Kalau tidak boleh, kalau ikut teori Pasir Salak bererti tidak belajarlah Al-Quran kerana hendak belajar Al-Quran kena guna bahasa Arab. Ini samalah macam dahulu ada sekali sorang ustaz dia kata, "Hendak pergi naik haji saya ajar dalam bahasa Arab". Pasal hendak pergi ke Saudi Arabia, hendak pergi Mekah, hendak pergi Madinah. Pergi ke sana semua hendak baca dalam bahasa Arab mari masuk kelas saya ajar dalam bahasa Arab. Habuk dia tidak faham. Dia kena ajarlah dalam bahasa Malaysia bahasa Melayu baru dia faham.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Pesuruhjaya PAS sudah kena pecat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh jawab?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau belum puas lagi dengan soalan itu teruskan saya hendak dengar.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dengar jawapan dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar jawapan dahulu. Saya kata kalau hendak faham apa di dalam Al-Quran itu kita kena belajarlah dia punya dalam bahasa Arab dan apa terjemahannya kepada bahasa Melayu. Kita kena mengerti Bismillaahir Rahmaanir Rahiim itu bahasa Arab. Kita kena faham apa itu Bismillaahir Rahmaanir Rahiim itu dalam bahasa Malaysianya. Jadi bagaimana kita kena mengerti juga bahasa Arab bahasa Al-Quran itu untuk mengetahui maksudnya.

■1830

Begitu juga apabila kita membaca buku Sains bagaimana kalau kita baca kita tidak tahu apa ertinya dalam bahasa kita, pemahamannya. Ini yang saya maksudkan. Jadi berbalik kepada tajuk, mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang itu. Setuju ke tidak kalau kita tukar balik ke dalam bahasa Melayu Sains dan Matematik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak perlu.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, kita hendak dengar itu sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab saya hendak negara ulasan Tuan Pengerusi, saya pun dari *Malay medium I'm from Malay medium*. Saya daripada aliran Malaysia. Saya masuk universiti, saya ada *handicap* dalam bahasa Inggeris untuk belajar ekonomi, untuk belajar *accounting*, untuk belajar itu dan ini. Saya terpaksa untuk saya menguasai ilmu *accounting*, ilmu ekonomi saya terpaksa belajar dalam bahasa Inggeris, buku-buku dalam bahasa Inggeris. Saya pejuang bangsa Melayu, saya mengambil bahagian dari Bulan Kebangsaan dan Minggu Kebangsaan. Saya johan syarahan dalam Minggu Kebangsaan. Saya memperjuangkan bahasa Melayu. Akan tetapi demi ilmu di universiti, saya belajar bahasa Inggeris. Apa salahnya...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh saya...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Macam mana boleh dapat johan?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan perlekeh kita.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan perlekeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila sambung.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak tanya Tuan Pengerusi apa masalah kalau belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya jawab.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Apakah bahasa Melayu ini tidak mampu untuk menjadi satu medium...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekarang saya jawab.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itu maksud saya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sebab di Jepun, orang belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Jepun. Akan tetapi merekalah...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, saya sudah faham.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini soal bahasa ibunda, jadi tidak boleh sama belajar Bahasa Arab, Al-Quran itu kena belajar. Itu sudah wajib. Asal bahasa Quran itu Bahasa Arab. Akan tetapi sekarang ini soal ini kita bercakap soal bahasa ibunda. Apakah apabila kita tidak bagi ajar Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda, ini bermakna bahasa ibunda ini kurang ke, macam mana? Apa masalah ini?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Teman hendak jawab sekarang.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Silakan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Balik Pulau hendak minta penjelasan sedikit, boleh?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]* Boleh teman jawab.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh sekali? Masuk sekali, jawab sekali. Boleh sekali? Ini pun jawab sekali.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua pun boleh sekalilah.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Habis...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini yang saya tidak... macam mana... Tuan Pengerusi, saya hendak menjawab soalan dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada, masa 10 minit Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, janganlah macam itu. Saya berasa saya tidak puas hatilah. Saya minta maaf. Kalau macam ini saya ingin

menyatakan, kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor menghina kerusi, menghina Speaker boleh lepas, macam mana ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Apa kena-mengena Yang Berhormat. Saya cuma bagi tahu Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah habis.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau habis saya tidak boleh bercakap. Saya fikir... Tuan Pengerusi, boleh saya bercakap lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: 10 minit kita tunggu. Apa hujah dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah begitu Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat, habiskan. Habiskan ayat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, janganlah berat sebelah.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak ada niat begitu Yang Berhormat. Tindakan saya pun ini adalah untuk memperlihatkan saya tidak berat sebelah Yang Berhormat. Semua orang kena *subject* kepada 10 minit. Kalau satu minit, dua minit lebih saya cuma bagi tahu Yang Berhormat bahawa masa mahu habis. Sila habiskan *point* yang terakhir. Itu adalah kebiasaan kita di Dewan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, *point* terakhir. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pokok Sena pun hendak tumpang sekaki? Kita belajar bahasa Inggeris itu kerana kita hendak menguasai ilmunya. Sekarang ini saya hendak tanya Yang Berhormat Parit Buntar, berapa banyak sudah buku-buku yang ada dalam Bahasa Melayu yang sudah mencukupi bagi pelajar-pelajar sudah cukup. Profesor-profesor boleh cakap, tulis buku pun tidak ada. Berapa orang daripada profesor yang membuat kajian, kalau boleh tulis buku dalam Sains, mata pelajaran Sains, ilmu sains, ilmu itu dan ilmu ini, buat kajian. Kita pun buat kajian juga bagaimana laporan dalam akhbar menyatakan begitu ramai murid, begitu ramai ibu bapa yang merasakan...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Minta laluan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa Yang Berhormat, tidak ada jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...bahawa menguasai ilmu... ya tidak apa-apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah, tak payah komen tentang permasalahan seseorang ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka menguasai mereka suka, mereka boleh menguasai ilmu itu kerana belajar di dalam bahasa Inggeris. Tidak ada masalah. Jadi kata jangan kita melihat hanya laporan profesor. Profesor ada banyak jenis profesor. Begitu juga Yang Berhormat, ada banyak jenis Yang Berhormat. Jangan jadi macam Yang Berhormat Gombak ini. Biul sahaja, daripada dahulu biul sampai hari ini. Balik, balik...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, inilah masalahnya kalau Tuan Pengerusi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa lagi boleh bercakaplah ini, tidak ada minta laluan pun. Macam mana boleh bercakap? Duduk, ini *floor* saya, duduk. Duduk, duduk Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, dia tidak ada *point*...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Gombak duduk.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: 36(6).

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada. Duduk.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Eh! Siapa kamu?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa 36(6) itu? Tolong duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat, *point of order*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *Point of order*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Duduk, duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada order apa dalam itu? Tidak ada apanya? Tidak usah carilah. Baru hendak cari.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini *point of order* Dewan Rakyat. Ini bukan Genting Highlands punya *point of order*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita kena hormat peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Gombak tolong duduk. Saya hendak gulung ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, 36(6).

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak gulung.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana saya sangka baik?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mesyuarat ini berjalan mengikut peraturan Yang Berhormat. Apabila ada peraturan mesyuarat dikemukakan oleh

mana-mana ahli, ahli yang bercakap itu kena duduk Yang Berhormat. Sama ada relevan atau tidak relevan, akan ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua, itulah peraturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bangkitkan peraturan mesyuarat ini kerana dilihat Yang Berhormat Pasir Salak ini telah melampaui batas. Kalau satu dua kali langgar peraturan, kita faham. Akan tetapi setiap kali dia buka mulut, langsung tidak mematuhi peraturan dan adab tatasusila.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, secara spesifik.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Secara spesifik, saya duduk secara elok tadi, dia kata saya biul. *[Ketawa]*

Ini satu istilah dan sangkaan yang... ini bukan satu perkara permainan, saya serius. Saya kenal siapa Yang Berhormat Pasir Salak. Akan tetapi jangan buat tuduhan seperti ini kepada saya. Kalau hendak bangun bahas baik. Saya bangun secara berfakta. Kalau tidak setuju bahas. Ikut peraturan yang sedia ada. Ini Dewan Rakyat bukan Genting Highlands.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa pula kena mengena dengan Genting Highlands itu? Kalau bercakap, cakap terus terang, jangan cakap sedikit-sedikit tergantung. Betul tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, kalau dia kata dia kenal saya, saya pun kenal dia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of order.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Ipoh Barat duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Perkara 36(6) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, saya tidak hendak *address* dahulu. Saya sependapat bahawa perkataan biul itu bererti dengan bodoh, gila dan perkataan ini tentulah perkataan *unparliamentary*. Saya minta sekali lagi Yang Berhormat untuk menarik balik perkataan biul yang diaddresskan kepada Yang Berhormat Gombak. Janganlah kita guna perkataan-perkataan dengan *unparliamentary* Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okeylah Yang Berhormat Gombak ini orang baik, orang pandai, orang yang bijaksana...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan itu Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ... orang yang pemurah, orang yang cun, orang yang menarik. Lagi apa hendak? Saya tarik balik yang biul itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Mana lagi Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 36(6). Semasa Yang Berhormat Pasir Salak sedang bahas, dia telah menggunakan perkataan berat sebelah kepada Tuan Pengerusi. Saya rasa perkara ini serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini kerana semalam, sekejap Tuan Pengerusi. Minta maaf Tuan Pengerusi. Semalam Yang Berhormat Puchong telah dikenakan dua hari gantung kerana menggunakan perkataan yang sama. Kita tidak perlu ada *double* standard. Beliau macam mana boleh gunakan perkataan tersebut kepada Tuan Pengerusi? Saya rasa ini sangat serius, kita tidak boleh membenarkan seseorang Ahli Parlimen menggunakan *bias* dan berat sebelah. Ini saya rasa perlu ambil tindakan susulan oleh Tuan Pengerusi terhadap Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, perkara itu telah pun saya selesaikan tadi Yang Berhormat dan penjelasan telah pun dibuat dan saya rasakan tidak sampai ke tahap sama seperti apa yang berlaku sebelum ini. Yang Berhormat Kubang Kerian.

■ 1840

6.40 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan juga saya untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Serdang. Tuan Pengerusi, yang luhur itu budi, yang indah itu bahasa. Bahasa jiwa bangsa. Saya mengambil bahagian ini untuk sekali lagi menegaskan dan mengharap supaya Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil suatu pandangan yang serius terhadap hujah-hujah yang kami kemukakan. Saya juga merasakan dan mendengar sebentar tadi bahawa hujah-hujah kami yang berada di sebelah sini telah merentasi dengan izin *transcend* untuk kebaikan dan kepentingan negara dan juga seluruh rakyat dalam negara ini.

Saya mengambil sudut bahawa daripada bahasa itu sendiri yang mesti diperkukuhkan dan negara kita yang bernama Malaysia ini sejak kita merdeka 50 tahun ditakdirkan hadirnya masyarakat majmuk dan perlembagaan negara itu sendiri mengizinkan supaya bahasa-bahasa yang lain itu berkembang, progresif dan diperkasakan dan peruntukkan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan itu bahasa Melayu itu telah jelas dalam Perkara 152. Saya juga bersetuju dengan rakan saya, Yang Berhormat Parit Buntar tadi. Saya juga seangkatan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sekarang ini diberikan peluang dan rezeki untuk menjadi Timbalan Menteri.

Saya masih ingat juga ucapan penanguhan beliau pada waktu itu yang bersama kami untuk mengembalikan di atas roh dan semangat yang sama minta supaya Kementerian Pelajaran membuka ruang dan peluang di atas hujah bukan di atas sentimen. Bukan di atas prasangka

ataupun di atas kepentingan politik tetapi berkongsi pengalaman pada waktu itu untuk mengembalikan pengajaran Sains dan Matematik itu dalam bahasa kebangsaan. Ini saya rasa satu peluang yang cukup baik. Alhamdulillah sebagai contoh *University of Beijing* baru-baru ini telah mempelawa seorang tokoh bahasa kita iaitu Dr. Awang Serian untuk mengajar dan mempelopori pengajian bahasa Melayu di *University of Beijing*. Ini suatu penghargaan kepada negara bagaimana negara China yang ada pada hari ini memberikan ruang ini.

Cuba kita lihat Tuan Pengerusi, saya dan rakan-rakan yang lain mungkin berpeluang untuk hadir dalam banyak program-program yang melibatkan diplomat daripada luar negara. Saya difahamkan Amerika Syarikat, Britain, Jerman dan Rusia sekiranya mereka mahu menghantar para diplomat mereka ke dalam negara kita di Rantau Asia Timur Jawa ini, mereka diberikan kursus dan diberikan latihan yang secukupnya sama ada mereka boleh fasih berbahasa Indonesia ataupun dalam bahasa Melayu Malaysia.

Ini suatu yang diktator pada zaman abad ke-21 ini. Negara besar lain belajar bahasa kebangsaan kita untuk apa? Untuk mereka lebih maju ke hadapan. Melahirkan para diplomat *world class* dan menguasai pelbagai bahasa. Tiba-tiba kita masih tidak mahu menerima hakikat bahawa komitmen kerajaan yang ada pada hari ini yang masih mahu mengekalkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini adalah satu langkah *you are ten years behind time*. Sepuluh tahun terkebelakang. Saya teramat kesal ada di kalangan kita yang ada pada hari ini mengatakan bahawa kita meremehkan dan memperlekehkan kajian-kajian yang dibuat oleh cerdik pandai kita.

Jangan kita menghina hatta profesor mana pun. Mereka berdiri atas sifat akademik mereka. Mereka berdiri di atas sifat intelektual mereka. UPSR adakah satu universiti yang kita boleh perlekehkan begitu saja? Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada pada hari ini yang telah membuat kerja-kerja penterjemahan di peringkat awal. Saya berdiri di sini tidak payahlah Tuan Pengerusi untuk saya mengagungkan pemimpin-pemimpin kami. Nanti orang kata masuk bakul angkat sendiri. Akan tetapi saya merasakan telah sampai masanya dipihak sana, dipihak UMNO dan Barisan Nasional kembali kepada apa yang diperjuangkan oleh Tun Razak sendiri.

Pada zaman itu lahirnya UKM. Suatu *batch mark*, suatu mercu tanda yang membuktikan bahawa bahasa kebangsaan yang mampu untuk menjadi bahasa ilmu yang standardnya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang lain. Doktor-doktor yang dilahirkan oleh UKM apa kurangnya? Mereka menggunakan bahasa Melayu dan kita mengalu-alukan bahasa-bahasa yang lain terus subur dan diajar di sekolah sama ada di SRJK(C) ataupun di SRJK(T). Saya rasa kita perlu kepada Malaysia yang progresif pada masa akan datang. Bukan Malaysia yang kita mundurkan kembali dan kita balik kembali sebelum zaman datangnya British dan datangnya Jepun.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kubang Kerian, mohon penjelasan sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kubang Kerian, saya terpanggil untuk memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Setahu saya sejarah perjuangan bahasa di negara ini bukan saja merujuk kepada keringat pejuang-pejuang. Malah, kebanyakan pejuangnya di kalangan pejuang-pejuang Melayu di kalangan orang-orang UMNO dan tokoh pendidik yang saya rasa ada yang masih lagi hidup hingga hari ini. Suatu ketika bahasa Melayu dikatakan bahasa rasmi. Kemudian dinaikkan taraf menjadi bahasa kebangsaan. Jadi saya rasa ini satu perjuangan yang telah mengangkat harakat bangsa dan bahasa ke satu tahap yang tinggi sehinggalah kes-kes seperti kes-kes Merdeka Universiti itu pun gagal di peringkat mahkamah agung kerana ada asas perlembagaannya dan ada asas dasar pendidikannya.

Jadi saya mohon penjelasan. Sekiranya begini asas negara ini dibina, kenapa perlu diskusi bahasa penggunaannya hanya bersifat perkara dengan izin *convenient* tanpa melihat kerangka-kerangka yang telah diperjuangkan selama ini. Mohon penjelasan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, oleh kerana rakan saya Yang Berhormat Balik Pulau seorang peguam yang lebih arif daripada saya dalam memahami perlembagaan. Apa yang kita perjuangkan pada hari ini tidak pernah terkeluar daripada kerangka perlembagaan. Kalaulah kita yang ada dalam Dewan ini tidak menghormati perlembagaan ini, siapa lagi? Siapa lagi? Perkara yang kita pertaruhkan sebagai dasar yang kita perjuangkan dan pertahankan bersama. Sebab itu Tuan Pengerusi, apabila pengajaran Sains dan Matematik ini diajar dalam bahasa Inggeris dahulu juga diperbahaskan dan didebatkan dalam Dewan yang mulia ini, pandangan para-para cendekiawan, pandangan tokoh-tokoh bahasa dan pandangan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka diperlekehkan, diremehkan dan yang menjadi mangsanya ialah siapa?

Yang menjadi mangsa kepada kerakusan ini siapa dia? Anak bangsa kita sendiri. Kalau kita boleh berbangga kita hari ini boleh berbahasa Inggeris ataupun kita boleh bercakap lebih daripada satu bahasa, itu bukan bermakna kita memartabatkan bahasa lain dan kita menganaktirikan bahasa kita sendiri. Orang Jepun belajar daripada bahasa Inggeris. Mereka menterjemah buku-buku Inggeris sejak daripada zaman Maharaja Meiji lagi. Perjuangan yang bukan sehari. *It is a long work*. Akan tetapi dengan iltizam bangsa mereka untuk maju, buku-buku itu diterjemahkan dalam bahasa ibunda mereka dan dipelajari.

Hari ini saya menyebut tentang Den Xia Peng yang dianggap bapa reformasi bangsa Cina. Dia bercakap untuk memartabatkan dan menjadikan Cina hari ini yang sepuluh tahun akan datang akan menguasai dunia. Akan tetapi dengan bahasa mereka. Dengan kekuatan bahasa Mandarin mereka dan bukannya memartabatkan bahasa yang lain. Kita hari ini terbalik. Kita songsang iltizam kita surut ke belakang dengan kita tidak sedar dan tidak mahu belajar. *We*

never learn daripada bangsa-bangsa yang maju ini yang menjadikan bahasa mereka menguasai dunia. Tidak malu bahasa mereka merentasi lautan. Kita beri kereta *recon* pada hari ini. Daripada Jepun. Toyota ataupun Honda. Manual mereka ditulis dan dicetak dalam bahasa mereka.

■1850

Mereka tahu kereta mereka merentasi Lautan Pasifik, mereka faham, mereka sedar kereta mereka merentasi Lautan Atlantik, ke Amerika, ke Jerman, ke Malaysia tapi mereka menulis manual itu dalam bahasa ibunda mereka. Tidak malukah kita?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan, penjelasan, boleh?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tapi jangan marah-marah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya tidak marah kalau orang tidak menghina saya. Saya cuma *react* pada orang yang tidak tahu dihormati, Yang Berhormat pandai menghormati orang, saya juga hormat kepada Yang Berhormat.

Saya kagum dengan pendirian Yang Berhormat begitu patriotik terhadap perjuangan bahasa. Saya memuji, saya sanjung tetapi selain daripada tutur kata yang begitu muluk-muluk, bukan Tajul Muluk tetapi muluk-muluk, cantik, terpesona orang yang mendengarnya. Kenapa Yang Berhormat tidak mampu bersuara apabila bahasa Melayu diperkotak-katikkan oleh rakan dalam Pakatan Rakyat di Pulau Pinang? Kenapa suara yang berdegar-degar ini tidak kedengaran? Di mana? Di mana hilangnya suara ini? Patriotisme ini? Merentas dunialah, merentas lautanlah, merentas itu, merentas ini, nak merentas jambatan Pulau Pinang pun tidak mampu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih. Yang pertama bahasa Mandarin itu ditulis di papan tanda, di zon pelancongan yang diiktiraf oleh UNDP, oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Ia tidak menghilangkan, hanya dua, tiga batang jalan raya sahaja. Satu yang berlaku di Bukit Bintang, adakah itu maknanya kita melempar jauh ke Laut China Selatan bahasa kebangsaan? Adakah itu maknanya kita memperlekeh bahasa kita sendiri? Kalau dibandingkan dengan iltizam, kerajaan dulu yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Adakah itu maknanya? Oleh itu bagi saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Sikit, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Apa pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian berkenaan dengan penggunaan "*Precint*" di Putrajaya. Adakah itu bahasa Melayu yang diangung-agungkan oleh orang UMNO? Kenapa Yang Berhormat Pasir Salak tidak bangun mempertahankan bahasa Melayu dalam isu ini? Bagaimana penjelasan?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tanya sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Adakah Yang Berhormat bersetuju tentang penggunaan bahasa Mandarin di Pulau Pinang itu ataupun di tempat-tempat lain? Yang Berhormat bersetuju tak?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Pada saya, jelas itu dasar.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Adakah Yang Berhormat sedar di Bukit Bintang khususnya di Jalan Berangan, yang mana Arab Street di mana selain daripada papan tanda jalan, ada bahasa kebangsaan dan juga ada bahasa Arab. Tidak ada masalah, di Pulau Pinang hanya tambah bahasa Mandarin atau bahasa Tamil atau bahasa Arab atau bahasa Jepun atau Korea untuk pelancongan. Untuk memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ini salah satu, baru-baru ini di China, di China terdapat bahasa Mandarin dan juga bahasa Inggeris. Di mana-mana tempat di Beijing untuk menarik pelancong-pelancong. Ini adalah satu hakikat, satu konsep dunia. Apakah UMNO main-mainkan ini sebagai isu politik? Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya Tuan Pengerusi, saya gulung. Orang kampung, rombongan bas pergi ke Putrajaya, mungkin daripada kampung saya sendiri pun, Hulu Terengganu, pening "*Precint*" itu apa dia.

Seorang Ahli: "*Precint*" apa dia?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tapi *this is not an issue*, itu tidak menjadi isu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bahasa Mandarin tak peningkah?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Itu menjadi satu yang telah tertulis di Putrajaya. Jadi jangan ambil isu itu dan *compare* dengan Pulau Pinang. Yang jelas dasar negeri Pulau Pinang hanya beberapa batang jalan raya saja. Di Bukit Bintang itu beberapa batang sahaja.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi saya rasa itu bukan isunya. Isunya ialah saya rasa telah sampai masanya dengan iltizam kita semua melangkaui batasan politik sama ada daripada PKR, DAP, PAS, UMNO dan parti-parti yang lain termasuk Sabah dan Sarawak, telah sampai masanya kerajaan mengubah balik pengajaran Sains dan Matematik

dalam bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, saya kira daripada Barisan Nasional baru empat orang dan kita bersetuju untuk memberi 5 – 5.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Keputusan saya untuk memanggil Yang Berhormat Menteri juga merupakan keputusan yang saya buat Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, mengapa tidak ada Ahli Parlimen MCA dan GERAKAN membahaskan isu ini untuk meluahkan pendirian mereka terhadap isu ini, usul ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak menganggap ini sebagai satu isu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa tidak ada ya? Saya nak tanya ya.

Seorang Ahli: Ahli Parlimen MCA!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]: Tadi Tuan Pengerusi telah berjanji untuk memberikan lima daripada Barisan Nasional dan lima daripada pembangkang sedangkan daripada Barisan Nasional baru empat sahaja Tuan Pengerusi. Berilah keadilan, berilah keadilan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak nak bagi sama MCA?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, janganlah lihat keadilan dari sudut yang begini Yang Berhormat. Tadi Tuan Pengerusi yang sebelum ini telah membuat keputusan demikian, tetapi keputusan saya ini juga keputusan yang muktamad ya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.56 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi hujah-hujah, ada yang bernas, ada yang dalam bentuk syarahan. Saya ingin mengatakan bahawa di sini saya ingin menjawab isu dan persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Usul 66(9) yang dibawa oleh Yang Berhormat Serdang.

Antara isu utama yang telah menjadi justifikasi Yang Berhormat Serdang untuk memotong gaji Menteri Pelajaran adalah seperti berikut:

- (i) kononnya pembinaan enam buah SJK(C) itu sebagai janji kosong;
 - (ii) nampaknya isu sekolah bantuan kerajaan juga menjadi satu masalah;
- dan

(iii) apa yang dikatakan hak mempelajari bahasa ibunda itu terhakis.

Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa beberapa perkara yang telah disampaikan itu berdasarkan kepada andaian semata-mata. Ingin saya memberitahu Yang Berhormat Serdang sebagai orang baru, pelbagai andaian yang telah dibuat, yang telah menyebabkan rumusan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen dari pihak sana yang telah membuat satu rumusan kononnya kita tidak melakukan apa-apa. Jadi biarlah saya memberikan penjelasan yang lebih jelas dan izinkan saya mulakan dengan satu mukadimah.

Yang pertama Yang Berhormat, kalau kita lihat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, apa yang dipohon oleh Kementerian Pelajaran, jumlahnya adalah RM89 bilion, kalau kita hendak memenuhi tuntutan semua sekolah aliran. Satu perkara yang saya ingin beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada realitinya, Kementerian Pelajaran Malaysia menerima RM23 bilion sebagai dana pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Maka ingin saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, bahawa KPM sedia menyalurkan bantuan kewangan yang diperlukan dengan tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diperuntukkan kepada KPM. Untuk makluman, bagi peruntukan belanja mengurus tahun 2008 sahaja kerajaan telah menyediakan perbelanjaan sebanyak RM1.4 bilion kepada SJK(C) dan RM552.9 juta kepada SJK(T). Kerajaan dengan kerjasama syarikat swasta, GLC juga mengusahakan dana khas untuk membantu anak-anak yang bersekolah di sekolah ladang.

Semua yang dijelaskan ini dapat membuktikan bahawa dakwaan yang dinyatakan kerajaan tidak adil hanya memberi gula-gula khususnya kepada sekolah jenis kebangsaan itu tidak benar. Dan ianya akan menimbulkan perkara yang tidak diingini dan ianya mungkin menjadi satu polemik. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, KPM telah menambah pembinaan SJK(C) baru seperti yang diluluskan pada Januari 2008 yang lepas. KPM secara prinsipnya telah meluluskan pembinaan enam buah SJK(C) baru dan perpindahan 13 buah SJK(C).

■1900

Untuk makluman, kerajaan telah memperhalus pelaksanaan projek pembinaan sekolah tersebut khususnya berhubung dengan pemilikan tanah dan pemilikan tapak dan lokasi serta kos pembinaan. KPM akan berbincang dengan pihak yang memohon termasuk parti MCA dan juga lembaga pengurus sekolah berkenaan dalam urusan tersebut. Namun, perlu ditegaskan di sini bahawa kerajaan memang memenuhi tuntutan masyarakat Cina untuk menambah bilangan sekolah dengan pada waktu yang sama memindahkan beberapa buah sekolah ke lokasi yang lebih sesuai. Ini bertujuan untuk memenuhi permintaan masyarakat tersebut dan mengurangkan kesesakan bilangan murid di SJK(C) khususnya di kawasan bandar. Inilah semangat Barisan Nasional. Saya rasa kita tidak membuat apa-apa janji kosong.

Ingin saya secara khusus memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawasanya ini baru mukadimah. Ingin saya menjelaskan satu per satu apa yang telah kita lakukan untuk meyakinkan Yang Berhormat.

Pertama, memang benar surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri bertarikh 30 Januari yang telah menulis bahawa ada enam buah sekolah yang diluluskan. Masing-masingnya ialah terletak di Wangsa Maju, di SJK(C) Dewa Dua Danga Bay, bukannya Danga Baru, di Johor Bahru, Bukit Serdang di kawasan Yang Berhormat Serdang, Taman Prima Saujana, Sungai Long dan Emerald di Rawang. Bermakna enam buah sekolah ini sebenarnya setelah pihak kami atau pihak kementerian memberi kelulusan ini, tindakan susulan telah diambil dan kami telah mengadakan mesyuarat dengan pihak-pihak tertentu termasuklah mereka yang mengusahakan permohonan ini. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, apabila kita menyebut tentang urusan tanah. Saya mengambil contoh, misalan di Bukit Serdang.

Selama ini walaupun calon itu tewas, saya mengambil contoh bekas Ahli Dewan Undangan Sri Kembangan, Ahli Dewan Balakong, Ahli Parlimen Serdang, walaupun mereka tewas mereka tetap membantu masyarakat setempat dengan membawa NGO-NGO berjumpa dengan pihak kementerian untuk mengenal pasti. Kalau tapak di Bukit Serdang, mana yang lebih sesuai, dari segi kos pembinaan, mana yang lebih berjimat-cermat. Pada permulaannya dikenal pasti ada tujuh tempat yang berdekatan. Kita kena melihat dari segi kesesakan lalu lintas dan untuk satu rancangan jangka panjang yang mana paling sesuai. Perkara ini pada minggu yang lalu, mereka telah membuat keputusan untuk mencadangkan kepada pihak kementerian.

Saya rasa dalam konteks ini, ia bukan sesuatu perkara yang kita kata kita bina satu sekolah di sini, akhirnya kita tidak memikirkan faktor luaran. Itu sebagai contoh yang pertama.

Keduanya di Sungai Long. Pada prinsipnya apabila kita meluluskan, ada dua tempat di kawasan Sungai Long ini berdekatan dengan Mahkota, Cheras. Kedua-dua ini memang kepadatan penduduk yang begitu ramai sekali. Maka apabila kita mengenal pasti tapak, ia bukan satu perkara yang sangat mudah. Ada tempat, tapak itu masih lagi dimiliki oleh pemaju. Dengan inisiatif bekas wakil rakyat, mereka telah berjumpa pemaju itu dan ia memang sebagai satu tanah yang hak milik ada pada pemaju. Mereka juga dalam peringkat untuk serahkan kepada pihak kita. Jadi secara ringkasnya ingin saya menyatakan beberapa tapak sekolah itu pun telah kita lawati dan melihat dari segi kesesuaiannya.

Akhirnya, ia akan dibawa kepada kementerian dan mengenai perkara ini ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, perkara ini tidak dilupakan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional. Tidak kira bekas presiden ataupun Presiden MCA yang sekarang, maka mereka sentiasa membawa perkara ini dan saya yakin ia telah dibincangkan di peringkat Kabinet. Beberapa perkara perlu dimuktamadkan mengenai urusan tentang tanah dan juga apabila kita dapat mengenal pasti manakah lokasi yang paling sesuai. Jadi perkara ini sedang dalam peringkat untuk dimuktamadkan. Jadi tidaklah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Serdang, tidak melakukan apa-apa. Itu cuma sebagai satu andaian daripada Yang Berhormat Serdang. Silakan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menjawab persoalan tanah dan juga ada usaha untuk berbincang dengan pemaju sekiranya tanah itu perlu diserahkan kepada KPM. Saya hendak tunjuk satu contoh kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Satu perkara iaitu fakta yang saya kumpulkan. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Melawati, Taman Melawati berada dalam Parlimen Gombak. Sekolah ini sudah pun wujud lebih 10 tahun yang lalu tetapi dalam suasana yang telah dibawa dalam usul Yang Berhormat Serdang tadi pun, *concern* kita, bagaimana sekolah Tamil dan juga sekolah Cina tidak diperkasakan?

Sekolah yang ada, yang sedia ada. Hari ini Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Melawati, tanahnya termasuk padang sekolah tersebut hendak diambil dan diserahkan kepada pemaju untuk projek-projek perumahan.

Di mana pendirian KPM? Kita sedang membahaskan soal untuk memperkasakan sekolah Tamil dan sekolah Cina. Akan tetapi sekolah yang sedia ada pun, KPM bersekongkol dengan pemaju untuk ambil tanah dan padang tersebut diserahkan kepada pemaju. Apa pendirian KPM dalam konteks ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Yang pertamanya, penjelasan yang saya bagi adalah berdasarkan kepada justifikasi tentang enam buah SJKC baru seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Serdang. Kedua, apa yang dibawa oleh Yang Berhormat itu berdasarkan fakta secara apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat, perlu saya siasat.

Saya rasa perkara ini kalau dibawa kepada kita, kita akan mencari apa sebabnya. Saya rasa kalau kita membuat rumusan pada masa sekarang, mungkin tidak adil bagi mana-mana pihak. Maka saya berjanji, Yang Berhormat berikan kepada kita untuk kita siasat apa yang sebenarnya berlaku dan saya tidak berani untuk membuat apa-apa rumusan tanpa penelitian yang rapi dalam soal ini. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, sebenarnya untuk pembangunan SJK(T), satu Jawatankuasa Kabinet juga turut ditubuhkan bagi kita memantau dan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia ada unit SJK(T) untuk kita memantau perkara ini. Yang Berhormat Serdang.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Mohon penjelasan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Serdang dahulu ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa tuduhan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap saya adalah kurang adil. Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi dalam ucapan saya, apa-apa yang saya katakan dalam ucapan saya adalah menurut jawapan yang saya dapat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya ada apa-apa kesilapan iaitu diakibatkan oleh *non-disclosure*, kegagalan

ataupun kecuaiannya Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam menjawab soalan yang saya telah bangkitkan, walau bagaimanapun soalan saya sekarang adalah seperti ini.

Saya faham bukanlah senang untuk membina sebuah sekolah dan saya faham bahawa banyak persediaan perlu dibuat sebelum sebuah sekolah kerajaan boleh kita lihat dan boleh bermula. Jadi soalan saya adalah keenam-enam sekolah SJK(C) yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri pada Januari tahun ini, bila masyarakat Cina boleh menggunakan sekolah-sekolah itu? Ini kerana sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri sentiasa menggunakan alasan bahawa ada banyak kerja persediaan perlu dilakukan dan sekiranya diambil masa sepanjang 4 tahun ataupun 5 tahun, saya rasa masyarakat Cina tidak perlu menunggu lagi kerana Pakatan Rakyat akan menjadi Kerajaan Persekutuan dan kita akan membina sekolah-sekolah itu. *[Dewan riuh]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kalau macam itu, tak payah potong gajilah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya mengatakan Yang Berhormat membuat andaian kononnya kita tidak membuat apa-apa. Saya tidak kata, jawapan yang...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Itu bukan andaian. Saya hendak ulangkan di sini, itu menurut jawapan...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, sabar orang baru, sabar. Jawapan Yang Berhormat hanya...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Yang Berhormat Menteri, jangan buli orang barulah.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tidak, tidak. Saya sentiasa menjaga orang baru. Oleh sebab itu, saya sentiasa bercakap dengan secara tertib Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat tanya pada Julai, perkara itu sedang diusahakan. Kalau Yang Berhormat membaca surat khabar beberapa hari yang lalu, sebagai contoh di Sungai Long. Ianya baru sahaja cadangan. Itu seperti mana yang telah diisytiharkan di surat khabar. Jika Yang Berhormat bertanya tarikh itu, ia telah melepasi apa yang diumumkan dua, tiga hari ini ataupun beberapa hari yang lalu. Itu yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat, jawapan yang kami bagi itu, kita tak sebut kata kita tak buat apa-apa. Tadi kata kita sedang dalam proses perolehan tanah. Itu memang jelas kita tulis. Untuk Bukit Serdang Yang Berhormat, saya boleh bagi maklumat kepada wakil rakyat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Soalan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: sekejap ya. Ada tujuh tempat. Bukit Serdang itu di kawasan bukit. Dari segi kos pembinaan, bekas wakil rakyat sudah tengok dan minta perunding serta tengok kawasan itu, memang mahal dari segi kita hendak bina.

■1910

Jadi, ada satu tempat yang lebih strategik yang dicari satu tempat yang berdekatan. Jadi, kita apabila membuat perancangan di kawasan itu, kita kena lihat pencapaian SJK(C) itu sama ada dapat menerap enrolmen daripada sekolah yang berdekatan. Itu juga teknik yang perlu diserap.

Jadi saya ingin memberitahu Yang Berhormat sebenarnya saya menyampaikan fakta apa yang terbaru dan mungkin dalam seminggu dua ini akan ada perkara yang baru akan disampaikan kepada kita. Saya ingin memaklumkan pada Yang Berhormat kita tidak akan melengah-lengahkan perkara ini kerana perjuangan ini sebenarnya ianya datang daripada Parti MCA. Jadi sebagai salah seorang pemimpin MCA saya tidak relalah melihat perkara ini dilengah-lengahkan.

Jadi saya hendak betulkan sahaja Yang Berhormat persepsi itu yang menyebabkan andaian yang dibuat akhirnya merumuskan kononnya perkara ini tidak akan dilaksanakan. Saya rasa perkara ini telah sampai peringkatnya untuk dimuktamadkan ianya akan diputuskan di peringkat Kabinet tentang kos pembinaannya dan status, itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Soalan tadi, boleh penjelasan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang satu data yang diberikan kepada saya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan diperuntukkan sebanyak RM170 juta untuk SRJK(C), RM50 juta lagi akan diperuntukkan pada tahun hadapan menjadikan RM220 juta. Untuk SRJK(T) RM60 juta Rancangan Malaysia Kesembilan dan tahun hadapan akan diperuntukkan RM50 juta lagi menjadikan RM110 juta. Adakah maklumat-maklumat ini benar dan adakah ini menunjukkan bukti bahawa apa yang disebut oleh pembangkang tadi yang mengatakan kita langsung tidak membantu SRJK(C), SRJK(T) ini adalah tidak benar sama sekali.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya ingin mengatakan bukan setakat itu, lebih daripada itu kerana saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat RM170 juta di bawah Rancangan Malaysia untuk sekolah kerajaan, status sekolah kerajaan SJK(C), RM60 juta adalah sekolah kerajaan SJK(T). Tambahan pula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang asalnya ada RM100 juta untuk sekolah bantuan kerajaan dan semasa kajian separuh penggal kita nampak ada keperluan untuk kita tambah. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan umumkan untuk setiap kategori RM50 juta lagi. Maka saya mengatakan secara total lebih daripada itu dan saya rasa ianya adalah satu fakta dan ianya akan digunakan sebaik-baiknya.

Bagi menjawab apa yang telah dibangkitkan Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Mengenai itu peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, biar saya habis dahulu. Ini perkara yang ada kaitannya mengenai sekolah bantuan dan sekolah bantuan kerajaan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang. Sebenarnya selepas Menteri Pelajaran menyandang semula jawatan ini, pada 23 April, satu nota Jemaah Menteri telah dihantar dan mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri untuk kita teruskan, untuk merangka satu mini Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Dalam soal ini kita hendak melihat masalah yang dihadapi oleh sekolah bantuan kerajaan dan kita sedar bahawa perkara ini perlu di atasi.

Maka, inisiatif yang telah di ambil oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri dan meminta saya melihat perkara ini dan untuk makluman Dewan yang mulia ini pada 29 Oktober hingga 31 Oktober selama tiga hari untuk kita memanggil 157 pemimpin-pemimpin daripada sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah mubaligh, SJK(T), SJK(C) yang statusnya sekolah bantuan kerajaan untuk datang berhimpun.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kita membenarkan mereka membentangkan kertas kerja dan memperihalkan apakah masalah yang dihadapi oleh mereka. Setelah rumusan dibuat pada 31 Oktober 2008 dalam tempoh empat hari Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah diterajui oleh Yang Berhormat Menteri sendiri telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk kita membantu.

Maka pada 4 November 2008, penemuan telah dibuat untuk membantu sebagai satu permulaan saya anggap ianya satu inisiatif yang baik untuk kita membantu sekolah yang dikira dalam keadaan daif.

Ingin saya mengingatkan kepada Yang Berhormat Serdang, ada satu perkara yang perlu kita lihat dalam konteks SJK(C), SJK(T) memang berlaku kelainan. Kalau kita sebut sekolah bantuan kerajaan dan sekolah kerajaan ianya adalah definisi dari segi undang-undang seperti mana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, dua kategori sekolah. Apabila kita katakan kita hendak hapuskan sekolah bantuan kerajaan kita harus berwaspada kerana tanah ini adalah dimiliki. Saya mengambil satu contoh di LPS, untuk LPS sekolah-sekolah Cina mereka tidak bersetuju agar ianya dihapuskan, dimansuhkan. Apa yang mereka perjuangkan ialah untuk merapatkan jurang perbezaan peruntukkan antara sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan kerajaan.

Bagi masyarakat India pula, ada suara-suara yang meminta supaya sekolah bantuan kerajaan itu dijadikan sebagai sekolah kerajaan kerana berdasarkan kepada latar belakang SJK(T) itu sendiri kebanyakannya di ladang. Maka, senario yang berlainan untuk masyarakat yang berlainan.

Maka dalam konteks ini apabila kita telah menghalusi objektif mini PIPP ini dua perkara yang kita akan lihat. Pertama kita cuba merapatkan perbezaan dari segi agihan peruntukan antara sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan kerajaan. Keduanya, kita mewujudkan satu mekanisme secara *case by case* untuk kita melihat bagaimana ianya dapat untuk sekolah yang ingin ditukar statusnya kepada sekolah kerajaan iaitu dari sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta penjelasan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kita tidak boleh membuat andaian kononnya kita semua hendak satu status dan ingin hendak saya maklumkan kepada Yang Berhormat, dalam perkara ini sebenarnya ia lebih daripada itu. Akta Pendidikan 1996 untuk Lembaga Pengurus Sekolah ia hanya ada pada SJK(C), SJK(T) tidak ada. Maka, apabila kita melihat perkara ini LPS adalah pemegang amanah kepada tanah-tanah yang mereka miliki. Dari segi undang-undang mereka berhak menuntut. Ini saya ingin memaklumkan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta penjelasan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, sekejap saya bagi Yang Berhormat ya. Apa yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat tentang hak mempelajari bahasa ibunda. Ingin saya menyatakan bahawa sebenarnya zaman Ketua Pembangkang menjadi Menteri Pelajaran, Menteri Pendidikan pada masa itu kita tidak dapat memansuhkan Klausula 21(2) yang mana Menteri Pelajaran ada kuasa untuk menutup SJK(C).

Namun setelah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Menteri Pelajaran pada masa itu ianya telah dimansuhkan bermakna kedudukan SJK(C), SJK(T) memang terjamin. Kita tidak ada yang mengatakan tidak ada diskriminasi dan kita tidak kata tidak boleh membenarkan anak-anak kita mempelajari bahasa ibunda. Itu adalah satu tanggapan yang salah dan ingin saya nyatakan bahawa di bawah Akta Pendidikan 1996 ianya memang termaktub dengan nyata sekali dan soal itu tidak timbul. Saya bagi pada Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat mengatakan nota menteri untuk sekolah-sekolah bantuan kerajaan, adakah itu termasuk untuk lebih daripada 370 sekolah bantuan modal, sekolah Tamil. Bilakah kerajaan akan menukarkan status sekolah bantuan ini kepada sekolah-sekolah kerajaan dan mengapa sebagai warganegara Malaysia anak-anak kita pergi ke sekolah Cina, sekolah Tamil tetapi dipanggil sekolah jenis kebangsaan. Apa itu jenis? Mengapa tidak sahaja panggil sekolah kebangsaan Tamil, sekolah kebangsaan Cina? *What is the word jenis?*

Itu kita hendak penjelasan dan saya juga mintalah dari Timbalan Menteri, pada masa ini, setakat ini kita berbahas di Dewan yang mulia ini, *right now at this moment as we debate*, dengan izin. Ada sebuah sekolah di Taman Melawati, sekolah SJK(T) Taman Melawati di mana padang sekolah di ambil alih oleh tidak tahu siapa, di mana murid-murid sekolah itu telah menggunakan

padang tersebut berpuluh-puluh tahun dalam kompaun sekolah yang telah dibuat *fencing* tetapi tiba-tiba dia telah diambil alih oleh *developer* atau pihak individu lain.

Macam mana ini boleh berlaku? Bolehkah ini berlaku kalau ianya sekolah jenis kebangsaan? Tidak boleh sebab ia adalah sekolah Tamil ianya boleh berlaku. Sahaja boleh dirampas oleh tidak tahu siapa, berpuluh-puluh tahun murid-murid itu menggunakan. Kalau hendak, esok pagi saya menjemput kedua-dua Timbalan Menteri Pelajaran ada di sini, *I can take you there, dengan izin. Tomorrow morning 8.00 o'clock. If you are free let me know.* Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan, saya telah menjawab soalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak tadi. Saya kata bagi pada saya maklumat yang terperinci untuk kita menjawab secara khusus tentang perkara ini. Apa yang hendak saya bagi tahu Yang Berhormat sebenarnya apa yang dilakukan itu mestilah mengikut lunas undang-undang.

■1920

Kalau tanah itu dimiliki oleh individu lain, maka kalau mengikut lunas undang-undang, ia berhak, kita kena cari satu penyelesaian. Jadi saya tidak berani secara emosional kita buat satu *undertaking* dan sebagainya. Kita kena berhati-hati. Apa yang kita lakukan kena mengikut peruntukan undang-undang.

Yang kedua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat, SJK(C). Sebenarnya ianya semata-mata kerana identiti. SJK(C) dahulunya SRJK(C), panjang sangat, jadi SJK(C). Jadi saya rasa dalam soal ini kita hendak kekalkan identiti iaitu bahasa ibunda digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah ini. Maka saya rasa itu lebih penting daripada kita membuat nama sama ada kita hendak pendekkan atau panjangkan, itu bukan isu pokoknya. Apa yang Yang Berhormat kata tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat. Berapa lama lagi?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya akan cuba habiskan. Yang Berhormat Ipoh Barat ada menyebut tentang pembangunan SJK(T) dan kononnya RM41.5 juta yang diagihkan itu tidak dilakukan apa-apa. Mengikut maklumat yang ada pada Kementerian Pelajaran Malaysia, peruntukan sebahagiannya datang daripada Jabatan Perdana Menteri, ianya disalurkan kepada Kementerian Kerja Raya pada awal tahun dan juga sebahagiannya datang daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Setahu kami, di peringkat kementerian, pada masa itu oleh kerana ada masalah dari segi kenaikan harga minyak dan implikasi peningkatan kos binaan, maka ada permintaan untuk kita meningkatkan lagi siling untuk kos pembinaan. Jadi perkara itu sedang dipantau oleh unit di bawah SJK(T) dan satu Jawatankuasa Kabinet seperti mana yang saya katakan yang

dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan memantau perkara ini.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T), ingin saya memaklumkan, ya benar, Yang Berhormat, 400 kekurangan di SJK(T) tetapi timbalan rakan seperjuangan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang satu lagi telah bertungkus-lumus membantu. Pada tahun ini kita melihat kapasiti. Sukar bagi kita untuk mendapatkan satu pengambilan yang begitu banyak sekali. Tahun ini kita cuba menambah secara maksimum 300 untuk Kohot ini, untuk KDC, Kursus Dalam Cuti. Itu bagi mereka yang hanya mendapat lima kredit menjadi guru sandaran tidak terlatih di SJK(T).

Pada waktu yang sama, kita ada dua kategori lagi. Yang pertama, kursus KPLI. KPLI ini adalah bagi mereka yang telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah di universiti-universiti tempatan ataupun universiti swasta yang diiktiraf dan mereka boleh mengikuti kursus untuk setahun menjadi guru terlatih siswazah. Maka dalam konteks ini sebenarnya setiap tahun kita bekalkan, macam tahun ini kita memang ada 160 yang kita ambil daripada Pengajian Tamil dan pada waktu yang sama kita ada kursus lepasan SPM.

Itu juga dalam tempoh lima setengah tahun dan pada tahun ini juga kita telah mengambil 100 orang. Bermakna pada tahun ini sahaja KDC campur dengan dua itu, sudah 500 dan kita akan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan dengan cepat dengan mekanisme ini, tahun depan kita akan lihat kemampuan kita dan kita akan bekalkan guru-guru yang cukup. Itu secara jangka panjang dan jangka pendek kita selesaikan.

Jangka panjang ini adalah melalui latihan yang kita bekalkan, apa yang paling cepat dan mudah ialah melalui *mode* KPLI. Itu paling cepat kerana setahun kita dapat melatih guru.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini dua masalah. Satu mengenai peruntukan wang RM41.5 juta, bila ia akan disalurkan kepada kementerian tersebut kerana bila saya berbincang dengan menteri tersebut, Menteri Kerja Raya mengatakan bahawa wang yang telah diagihkan pada masa sebelum pilihan raya semua sudah lenyap. Adakah ini benar?

Mengenai kekurangan guru-guru, bukan sahaja di sekolah Tamil tetapi juga di sekolah Cina, apakah keadaan itu dan macam mana strategi untuk mengatasi kekurangan guru di sekolah Cina.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Bagi SJK(C), Yang Berhormat, perkara ini telah banyak kali saya menjawab, okey. Kita tahu pada masa sekarang secara ringkasnya kita mengeluarkan waran GSTT sebanyak 4,172 dan kita telah mengambil langkah seperti mana saya kata, tiga kaedah itu. Untuk KPLI sahaja, tahun ini kita hendak 770 tetapi kita cuma dapat 434 untuk Pengajian Cina dan itu yang kita hendak tambah. Kita dalam usaha untuk mempergiatkan lagi promosi tentang perkara ini. KPLI, SPM, itu pun kita lakukan pada tahun ini 300 dan satu lagi KDC kita tambah sampai 600. Kita hendak jadikan ianya sebagai satu perkara yang sentiasa

dipantau mengikut unjuran yang lebih tepat yang dibuat oleh kementerian. Itu secara ringkas untuk kategori SJK(C).

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang peruntukan SJK(T), sebenarnya dalam tempoh terdekat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mempengerusikan satu mesyuarat dari semasa ke semasa kerana ianya merupakan bidang kerja di bawah Jawatankuasa Kabinet itu dan saya yakin RM50 juta yang diumumkan untuk SJK(T) itu, ianya dapat menyelesaikan kebanyakan masalah yang dihadapi oleh SJK(T).

Saya terus kepada perkara yang kedua terakhir...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sebab Yang Berhormat pandang ke sana sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan, Tuan Pengerusi, minta sedikit penjelasan. Kita sungguh kagum apa penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat mewakili kementerian. Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan kita bela semua, bukan sahaja sekolah kebangsaan, sekolah Tamil, tetapi ada sekolah-sekolah yang memang kita tidak bela. Bermakna walaupun kita kadang-kadang dituduh bahawa di sekolah ini kita tidak buat satu sekolah untuk semua, sepatutnya di sekolah kebangsaan tetapi kita mengenangkan bahawa dalam Perlembagaan, kita memelihara bahasa yang ada pada semua, kita benarkan juga sekolah kaum India dan Cina. Ini memang RM45 juta yang baru. Bermakna kita tetap.

Dalam negara kita masih perlu kita buat sekolah ikut kaum, pastikan ibunda Tionghoa, ibunda Tamil dibela, tetapi bila dalam politik, lain pula. Baru-baru ini sebelah saya kata mengapa tidak haramkan UMNO sahaja kerana UMNO ini ahlinya hanya orang Melayu sahaja. Adakah Yang Berhormat nampak sebelah sana tidak konsisten? Bila politik, tidak payah kaum, tetapi bila hendak dapatkan *mileage* politik, Yang Berhormat Teluk Intan ini, "Wah, akulah yang membela kaum kami." Yang sebenarnya kerajaan bela. Apa pandangan Yang Berhormat ini? Ini macam bila dekat pilihan raya lagilah berianya. Teluk Intan sama, yang sebelah sana apa, tidak tahu siapa.

Seorang Ahli: Ipoh Barat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ha, Ipoh Barat, dulu Ipoh Timur, dia tukar-tukar kerusi sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat, bahawa kerajaan serius tetapi yang sini tidak main gendang politik, tidak habis-habis. Minta pandangan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Macam mana Orang Asli punya hal?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Sebenarnya bagi Kementerian Pelajaran Malaysia, agenda pendidikan yang hendak kita laksanakan itu kita tidak melihat siapa dia. Tanpa melihat kaum, kita lakukan perkara ini. Jadi ada hikmahnya. Sekolah bantuan kerajaan ini mencakupi semua kaum merentasi agama – ada Melayu, ada Cina, ada

Dayak, Kadazan, India dan sebagainya. Saya rasa itu adalah keunikan Malaysia dan kita sama-sama bantu semua kaum tidak kira dari mana mereka datang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Minta sedikit lagi penjelasan, kalau boleh sedikit bahawa kerajaan tetap tetapi kalau ada usaha cuba hendak memupuk perpaduan, hari itu sekolah wawasan, bukan hendak tukarkan sekolah Tionghoa, ubah corak dia, India juga. Akan tetetapi hendakkan kita pupuk semangat perpaduan untuk main bola sukan sahaja, sudah menjerit sebelah sana kononnya kita hendak menghapuskan identiti sekolah Tionghoa dengan Tionghoa, Tamil dengan Tamil. Nampak sebelah sana bila kata perpaduan, oh, ini politik tetapi yang sebenarnya hakikat mereka masih lagi perjuangan mengikut kaum. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sentiasa menganggap perpaduan itu sebagai satu perkara yang sangat penting untuk dipupuk, maka Kementerian Pelajaran Malaysia, kita melaksanakan program RIMUP, Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan, maka melibatkan pelajar dari SK, SJK(T) dan SJK(C) dan bukan sahaja dari segi permainan, kadangkala kokurikulum juga boleh kita libatkan bersama. Jadi itu saya rasa cukup saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta 15 minit sahaja.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Memang habis, memang habis, Yang Berhormat. Untuk perkara yang banyak disebutkan tentang PPSMI. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, sebenarnya andaian dibuat kadangkala tidaklah adil bagi rakan seperjuangan saya, timbalan menteri, kerana selama ini tidak ada keputusan yang dibuat kononnya kita hendak mengekalkan ataupun sebaliknya. Sejak 14 hari bulan Julai kita sudah mula dengan rundingan meja bulat. Kita telah memanggil empat kali *stakeholders* yang terlibat dalam PPSMI. Kita memanggil pensyarah universiti termasuk Profesor Ishak, dari UPSI. Bukan sekadar dari UPSI, UTM, UiTM, semua kita panggil termasuk dari UKM.

■1930

Kita panggil ibu bapa - Persatuan PIBG, kita panggil NUTP dan kita panggil mana-mana pihak yang hendak datang. Sebenarnya kita juga mengundang parti-parti politik. Yang hadir bukan sahaja parti komponen Barisan Nasional, ada dari pihak DAP, ada datangnya dari parti KeADILan iaitu Yang Berhormat Padang Serai pun hadir. Yang Berhormat Bukit Mertajam pun ada. Kebetulan pada hari itu wakil dari parti PAS tidak ada. Saya mencadangkan, memandangkan kita ada rundingan meja bulat kali kelima pada bulan Disember ini, wajarlah perkara-perkara itu boleh kita bawa semasa rundingan meja bulat.

Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat sebenarnya rakan seperjuangan saya memang berlaku adil. Beliau hanya pengerusi bersama dengan saya dan apa yang kita dengar kita tetap dengar, kita tidak pekak, kita tidak bisu. Kita dengar apa yang hendak

disampaikan oleh rakyat. Kita sentiasa peka dengan tuntutan-tuntutan masyarakat dan kita menggunakan pendekatan agar kita dapat mencari satu formula yang boleh diterima baik oleh masyarakat Malaysia. Itu yang saya ingin sampaikan kepada Yang Berhormat.

Apa yang disampaikan oleh rakan-rakan daripada Barisan Nasional saya anggap ia merupakan perkara yang telah diketahui umum dan saya ingin mengatakan bahawa bagi Sekolah Menengah Kebangsaan SKJ(C) dan SJK(T) kita masih menghadapi banyak kekurangan. Namun dalam soal ini kita akan cuba sedaya upaya mengatasinya. Selagi ada kemampuan kewangan kita akan mengatasi masalah ini dan kita akan melakukannya ia dengan secepat mungkin.

Dengan ini saya sekali lagi meminta Dewan yang mulia ini supaya berlaku adil kepada kementerian ini setelah mendengar apa yang telah dijelaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan:

“Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan B.41 RM10,000 emolumen iaitu dengan memotong gaji Menteri Pelajaran sebanyak RM10, hendaklah disetujukan.”

Masalah dikemukakan dan tidak disetujukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran dibuka semula untuk dibahas. Yang Berhormat Tawau.

7.31 mlm.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 03501 - Ubahsuai Naik Taraf Rendah dan Butiran 03502 - Ubahsuai Naik Taraf Menengah.

Tuan Pengerusi, sebanyak 83 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan ahli pendidikan di Sabah sangat kecewa kerana tidak ada peruntukan yang diberikan kepada mana-mana sekolah Cina bantuan kerajaan dan sekolah mubaligh (*mission school*) di Sabah. Sedangkan sebanyak RM30 juta peruntukan khas daripada Jabatan Perdana Menteri telah diberikan kepada sekolah bantuan kerajaan di Semenanjung dan RM15 juta kepada sekolah-sekolah di Sarawak sebelum Mac tahun ini.

Ramai ahli pendidik telah membangkitkan isu ini di Sabah tetapi tiada penjelasan diberikan. Sementara kami mengalu-alukan peruntukan khas sebanyak RM200 juta daripada Kementerian Pelajaran, kami juga berharap bahawa pada kali ini perhatian khusus patut diberikan kepada sekolah-sekolah Cina dan sekolah mubaligh di Sabah dari aspek pembaikan dan pembangunan sekolah. Kira-kira 30% Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Sabah terletak di kawasan luar bandar dan memerlukan bantuan untuk membaik pulih bangunan sekolah dengan

segera. Kebanyakan sekolah telah pun menghantar permohonan kepada kementerian mengenai perkara ini dan saya benar-benar berharap bahawa menteri akan mengotakan janjinya bahawa kementerian akan berlaku adil kepada semua sekolah di Malaysia.

Saya juga ingin tahu apakah kriteria yang diguna pakai oleh kementerian dalam memberi keutamaan kepada kelulusan bagi projek-projek di bawah peruntukan RM200 juta ini. Terdapat sebuah sekolah menengah mubaligh di Tawau iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan St. ... dua blok bangunannya telah dimakan anai-anai. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan mempercepatkan bantuan kepada sekolah ini sebelum ada pelajar-pelajar atau guru-guru mendapat kemalangan atau kecederaan.

Terdapat juga Sekolah Kebangsaan Balong di Kampung Kokos yang telah dijadikan sekolah angkat oleh Menteri Pelajaran sendiri pada masa itu. Bangunan kayu yang memuatkan lapan bilik darjah juga telah dimakan anai-anai. Walaupun banyak permohonan dan rayuan yang telah dibuat kepada Pejabat Pelajaran sehingga kini tiada sebarang tindakan yang diambil.

Tuan Pengerusi, dengan izin, *it only takes an accidental death before it is too late*. Saya ingin menggesa kementerian Pelajaran untuk mengambil tindakan segera sebelum kemalangan dan kecederaan berlaku. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sedar ada sebuah sekolah jenis Kadazan ditubuhkan di Sabah. *It is the only one in Malaysia*. Mereka telah memohon peruntukan hanya RM1 juta sahaja untuk membina sekolah itu tetapi hingga sekarang belum ada apa-apa jawapan tentang permohonan itu.

Saya juga ingin membahaskan Butiran 03700 iaitu Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Masih lagi terdapat banyak sekolah luar bandar yang tidak mempunyai bekalan elektrik di Sabah. Apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan bahawa semua sekolah di Sabah akan mendapat bekalan elektrik dan sila nyatakan apakah tempoh masa atau *timeframe* ini akan tercapai.

Di bawah butiran 01300 iaitu Pendidikan Khas, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai Sekolah Kebangsaan Bandar II. Pendidikan Khas di Tawau telah tertinggal selama lebih 10 tahun dari aspek pembangunan. Bilik darjah kelasnya terlalu kecil dan sesak. Tidak terdapat kemudahan-kemudahan dengan alat-alat yang sesuai untuk padang permainan bagi pelajar-pelajar kurang upaya dan juga terdapat kekurangan guru yang terlatih.

Oleh kerana ini satu-satunya sekolah pendidikan khas di Tawau sahaja maka saya merayu serta menggesa kementerian untuk menyediakan lebih banyak bilik darjah, padang permainan dengan alat-alat yang sesuai serta guru-guru terlatih dengan kadar yang segera. Dengan itu sekian dan terima kasih.

7.39 mlm.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan mengenai Butiran 01100 tentang perkara masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Gelang Patah.

■1940

Kawasan Parlimen Gelang Patah masih menghadapi masalah kekurangan guru yang menerima kelayakan daripada Kementerian. Walau pun Kementerian telah mengalu-alukan beberapa program untuk menyelesaikan masalah ini tetapi nampaknya program atau langkah-langkah yang diambil kurang efektif dan tidak begitu berjaya.

Sebagai contoh pertama ialah SJK(C), minta Gelang Patah, jumlah pelajar pada tahun depan iaitu tahun 2009 adalah seramai 950 orang. Jumlah guru yang berkelayakan yang seramai 30 orang. Sekolah ini masih kekurangan guru sebanyak 16 orang untuk menampung permintaan pelajar. Peratusan kekurangan guru adalah sebanyak 34.78% daripada jumlah pelajar. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, sekolah inilah yang menghadapi masalah kekurangan guru yang paling teruk dalam daerah Johor Bharu. Pihak sekolah telah mengemukakan masalah ini kepada PPD serta Kementerian dengan berharap Kementerian dapat menguruskan lebih ramai guru daripada KPLI untuk berkhidmat di SJK(C) dan diminta pada akhir tahun ini.

Contoh kedua ialah SJK(C) Pu Sze. Jumlah pelajar terkini ialah 3,540 orang. Guru yang berkelayakan ialah 128 orang manakala guru sandaran seramai 28 orang. Contoh ketiga ialah SJK(C) Kuo Kuang 1. Jumlah pelajar 4,454 orang, guru berkelayakan 175 orang dan guru sandaran ialah empat orang. Manakala di SJK(C) Kuo Kuang 2, jumlah pelajar 4,320. Jumlah guru berkelayakan seramai 148 orang dan guru sandaran seramai 13 orang.

Tuan Pengerusi, saya amat berterima kasih kepada pihak Kementerian kerana membuka semula Kursus Dalam Cuti kepada guru sandaran sebagai salah satu saluran untuk menjadikan guru yang berkelayakan. Untuk makluman Tuan Pengerusi, jumlah guru sandaran dari keempat-empat sekolah yang memohon KDC adalah seramai lebih kurang 20 orang. Malangnya, hanya terdapat seorang pemohon sahaja yang diluluskan. Yang lain ditolak tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Kementerian selalu menyediakan pelbagai program untuk menarik minat daripada orang ramai untuk menjadi guru supaya menyelesaikan masalah kekurangan guru. Akan tetapi secara realitinya saya berasa sedih kerana masih ramai peminat ditolak di luar KDC. Walau pun masalah ini merupakan masalah yang lama tetapi sehingga sekarang masih belum dapat diselesaikan. Adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan atau tindakan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru ini.

Tuan Pengerusi, saya berhadap pihak Kementerian dapat memandang serius terhadap perkara ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak Kementerian memberi peluang serta menyediakan lebih banyak kuota-kuota KDC kepada negeri Johor terutamanya daerah Johor Bahru untuk menampung pelajar yang begitu ramai.

Saya percaya dengan melalui Kursus Dalam Cuti, kerajaan dapat menghasilkan lebih ramai guru yang profesional, berkebolehan dan layak untuk membimbing dan mendidik anak buah Malaysia. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

7.45 mlm.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh berdasarkan dasar mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang telah disebut oleh ramai ahli terdahulu. Saya hanya hendak sentuh satu perkara bahawa pada Bajet 2003, Bekas Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa RM5 bilion akan dibelanjakan untuk dasar ini bermula 2003 hingga 2008.

Saya ingin tahu di manakah wang tersebut sebanyak RM5 bilion itu telah digunakan? Saya diberitahu bahawa kebanyakan peruntukan tersebut telah digunakan untuk pembayaran LCD projektor, *laptop* dan untuk *allowance* tambahan untuk guru-guru yang mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Saya tidak faham kenapa LCD projektor dan *laptop* kena dibiayai untuk mengajar subjek-subjek Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Hanya satu alasan yang mungkin saya boleh fikir iaitu pada tahun 2002 di sidang perwakilan UMNO, Bekas Perdana Menteri memberitahu wakil-wakil perwakilan UMNO bahawa dia faham ramai guru Melayu tidak dapat mengajar dalam bahasa Inggeris, tetapi *solution quick fix* Bekas Perdana Menteri itu ialah guna LCD *projector* dan program komputer untuk mengajar Matematik dan Sains.

Saya petik apa yang beliau kata. Beliau kata bahawa “guru-guru boleh belajar bersama dengan murid-murid tersebut”. Saya ingat ini *quick fix* yang telah ditunjukkan *sort for* dia dalam lima atau enam tahun ini. Saya merayulah bahawa kerajaan supaya membuat satu kajian semula dasar ini dan juga memberitahu Dewan ini bahawa bagaimana RM5 bilion itu telah digunakan. Terima kasih.

7.48 mlm.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pelajaran kerana mendapat peruntukan besar lebih daripada RM31 bilion. Akan tetapi kita jangan hairan kerana kementerian ini merupakan satu kementerian yang sangat besar sehingga belanja mengurusnya menjangkau lebih daripada RM27 bilion dan pembangunannya hanya sekadar RM4 bilion sahaja.

Seharusnya peruntukan untuk pembangunan ditingkatkan supaya kemudahan kepada anak-anak kita lebih banyak dapat dilakukan. Saya menyentuh tentang Butiran 070000 berkenaan dengan dasar baru. Saya yang ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran tentang status atau pun kedudukan pembinaan sebuah sekolah menengah teknik di Terengganu sama ada dianya dalam perancangan atau pun ditangguhkan.

Kedua, saya ingin bertanya tentang status atau pun kedudukan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Berang yang merupakan satu tuntutan permintaan kerana kepadatan sekolah yang sangat ketara di pekan Kuala Berang.

■1950

Saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan Butiran 30000 - Sektor Operasi Pendidikan, Butiran 50300 - Sekolah Menengah. Saya juga bersama-sama rakan yang lain bersetuju supaya kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah sama ada sekolah jenis kebangsaan, sekolah kebangsaan dan sekolah agama dipertingkatkan. Akan tetapi untuk memudahkan saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran oleh kerana ada perbezaan di antara pemilikan tanah dan pentadbiran sekolah berkenaan terutamanya sekolah kebangsaan, adakah pihak Kementerian Pelajaran berusaha supaya pengurusan dan pendidikan tanah itu diusahakan supaya sekolah jenis kebangsaan mudah diurus sebagaimana sekolah kebangsaan iaitu tanah dan pengurusannya diuruskan oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan Butiran 60000 iaitu kedudukan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mendapat peruntukan sebanyak RM102 juta lebih dan kita berharap bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka ini memainkan peranan yang penting, hidupkan kembali peranannya sebagai mana tahun-tahun 70an 80an iaitu sebuah institusi yang mengangkat martabat. Kedudukan Bahasa Melayu bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, memperhebatkan peranannya supaya kedudukannya lebih dipandang tinggi dan dipandang mulia. Saya juga ingin meminta supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mengagresifkan peranannya sebagai pusat institusi mengeluarkan bahan-bahan bacaan, menterjemahkan buku-buku pengetahuan sama ada dalam bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa ke dalam Bahasa Melayu supaya pengajaran Sains dan Matematik boleh diajar dalam Bahasa Melayu tanpa ragu-ragu kerana cukup bahan-bahan yang perlu dibacakan oleh anak-anak kita.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang Butiran 031000 iaitu sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster yang mendapat peruntukan sebanyak RM280,650,500. Dalam soal ini saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan PIPP iaitu dua daripada matlamatnya iaitu merapatkan jurang institusi pendidikan dan yang kedua melonjakkan institusi pendidikan. Saya mendapati bahawa dengan adanya sekolah *cluster* ini, iaitu sekolah-sekolah yang terpilih yang mempunyai prestasi yang cemerlang yang mendapat peruntukan yang besar yang akan diberikan kemudahan untuk mencari pelajar dan guru, diberi ruang untuk menamatkan dananya. Saya dapati saya berkemungkinan menyebabkan sekolah-sekolah ini akan berkembang dengan pesat dan kita memang mengharapkan begitu, tetapi akhirnya mungkin dengan kehebatan sekolah ini dengan mendapat guru-guru yang terbaik, maka kita dapati bahawa sekolah-sekolah lain, sekolah-sekolah pedalaman akan menjadi lebih tersisih dan mereka tentulah telah mendapat peruntukan sebesar sekolah kluster ini.

Saya difahamkan bahawa guru-guru di sekolah kluster ini terperanjat dengan peruntukan yang besar menyebabkan kemudahan-kemudahan yang disediakan tidak dapat menampung dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan. Seumpamanya kemudahan-kemudahan muzik yang diberikan tidak ada tempat untuk ditempatkan dan guru-guru pun tidak dibekalkan dengan cukup. Saya bimbang kalau-kalau alat-alat ini tidak dapat digunakan sebagaimana sepatutnya. Oleh itu Tuan Pengerusi, kita mengharapkan dengan adanya sekolah kluster ini bukan sahaja akan tidak menjarakkan jurang di antara institusi pendidikan tetapi kemudahan-kemudahan yang diberikan itu dapat digunakan dengan sepenuhnya. Jadi itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

7.54 mlm.

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dengan merujuk pertama sekali dengan Butiran 01100 di bawah Pengurusan Ibu Pejabat yang menyaksikan pengurusan pejabat kementerian melonjak peruntukan daripada RM22 juta pada tahun 2008 kepada RM148 juta pada tahun 2009 dan oleh yang demikian saya amat meragui sama ada perbelanjaan pengurusan ini terlalu besar kerana kalau kita lihat di negara-negara maju seperti contoh pengalaman saya di Germany dengan Amerika Syarikat, negara maju tetapi mempunyai pengurusan sekolah yang jauh lebih kecil daripada kita. Saya ingin mengajak kementerian untuk melihat adakah pengurusan kita ini terlalu besar. Kita ada Pejabat Menteri, pejabat Timbalan Menteri, kita ada kementerian kita ada jabatan pelajaran, kita jabatan pelajaran negeri dan kita ada daerah dan kita turunlah sampai sekolah.

Punyalah berat di atas itu dan akhirnya kita jumlah buak-budak sekolah yang bawah-bawah kecil-kecil. Tetapi kita tengok hierarki pentadbiran yang terlalu besar. Saya memohon agar kementerian, saya tahu ada pegawai-pegawai yang telah pun buat *research* bandingkan adakah pengurusan kita ini *over staff* sebenarnya untuk mendidik, untuk memberikan pelajaran kepada murid-murid kita, tetapi jumlah guna tenaga yang digunakan saya kira kalau dibandingkan dengan negara maju kita terlalu besar. Birokrasi inilah kadang-kadang memberikan masalah kepada kita. Apatah lagi guru-guru sekarang ini dibebankan dengan kerja-kerja perkeranian. Sepatutnya guru-guru habis masa di sekolah, di kelas mengajar murid-murid.

Akan tetapi disebabkan oleh birokrasi yang terlalu besar di atas guru-guru habis banyak ajar lain. Isi borang sahaja saya ingat cukup banyak borang yang depa kena isi. Sebab itu kita minta supaya kementerian melihat semula benarkah dengan bertambahnya jumlah-jumlah bertambahnya birokrasi ini akan memberikan kedudukan pelajar-pelajar kita yang lebih baik daripada sekarang. Yang kedua kita lihat juga Tuan Pengerusi pada butiran selanjutnya 00800 nampaknya ada aktiviti untuk membangunkan rumah-rumah yang dipanggil rumah guru. Saya minta kementerian melihat balik sama ada peruntukan yang besar diberikan RM148 juta ini benar-benar dapat memanfaatkan guru, contohnya kuarters yang didirikan, di kawasan Sungai Petani, jangan jauh Sungai Petani sahaja ada kuarters yang didirikan di kawasan kampung.

Contohnya di kampung saya ada 40 unit kuarters di situ yang tingginya empat tingkat dalam kampung cikgu kena bayar RM180, api dan air empat liter sedangkan dia boleh sewa rumah semi-d di kampung itu dengan harga RM100. Kemudian semi-d di kampung itu dia tidak payah panjat lima tingkat tetapi kuarters yang didirikan lima tingkat. Kemudian api dan air *bulk meter*. Maksudnya di sini tidak ada individu meter oleh yang demikian orang yang anak ramai pakai air banyak pakai api banyak juga kena bayar sama seperti orang yang mungkin bujang atau orang yang sudah kahwin tetapi tidak ada anak. Bukan sahaja satu tempat, malah di Sungai Petani itu ada di Tikam Batu ada Sungai Pasir, ada Kampung Apung, Sungai Menengah Ibrahim yang hampir separuh kuarters itu tidak digunakan. Ini di Sungai Petani.

Tuan Pengerusi, saya minta kementerian melihat benar-benarkah kuarters-kuarters ini diperlukan di kawasan-kawasan kampung. Saya tidak menafikan di kawasan-kawasan bandar Kuala Lumpur, Ipoh Johor Bahru, Pulau Pinang mungkin, tetapi di Sungai Petani, jadi mungkinkah ini disebabkan oleh bekas wakil rakyat Sungai Petani dahulu Timbalan Menteri Pelajaran, maka dia pun bawalah projek di situ, saya tidak tahu tetapi hampir separuh dari projek itu tidak digunakan. Seterusnya Tuan Pengerusi saya juga ingin merujuk kepada satu laporan yang dibuat oleh audit dan sebab itu kita juga minta supaya bagaimana laporan audit ini belum selesai iaitu di perenggan 18 kalau kita tengok laporan audit.

■2000

Pengurusan peralatan bagi Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Pada perenggan 17, Jabatan Audit menyebut, "Perolehan peralatan, perundingan harga bagi perolehan setiap fasa telah dijalankan, bagaimanapun perbandingan antara anggaran asal perolehan peralatan PBSMI dengan harga perolehan selepas rundingan harga bagi fasa tiga dan empat tidak dapat dibuat oleh pihak audit, kerana maklumat mengenai anggaran asal kementerian tidak diperolehi".

Walaupun jawapan yang diberikan kita lihat kementerian mengatakan, bahawa semua fail berkenaan dengan perkara tersebut telah pun diserahkan kepada Badan Pencegah Rasuah kerana kementerian juga merasakan ada benda-benda yang tidak kena-mengena, yang rasanya ada sesuatu yang tidak kena di situ. Sebab itulah fail-fail telah diserahkan kepada BPR.

Tuan Pengerusi, dalam peruntukan yang sebesar ini, dalam banyak ucapan oleh Ahli Parlimen menyebut tentang bagaimana di kawasan-kawasan mundur Sabah, Sarawak, Terengganu, Kedah, Kelantan dan banyak lagi kawasan-kawasan yang lain, kita melihat bahawa perbelanjaan yang digunakan oleh pihak kementerian terlepas daripada pandangan yang sepatutnya dikawal rapi oleh pihak kementerian.

Sebab itu saya menyarankan supaya pihak kementerian lebih memberi perhatian kepada pengurusan kewangan dan kita berharap supaya semua pengurusan ini berlaku telus, tidak tiris apatah lagi dalam urusan-urusan membangunkan projek-projek yang telah pun dimaktubkan dalam rancangan, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

8.02 mlm.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 - Pendidikan Rendah. Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada KPM kerana hampir 99% sekolah rendah di kawasan Parlimen Kuala Krau telah diberikan peruntukan untuk membina satu blok bangunan baru yang bernilai RM1.2 juta hingga RM1.4 juta yang mengandungi empat bilik darjah.

Cuma saya mohon supaya satu pemantauan bagi projek-projek pembinaan ini dapat dilaksanakan, kerana ada kerja-kerja yang begitu lambat dan saya khuatir bahawa sasaran kita untuk menggunakan bangunan tersebut akan tidak tercapai contohnya di Sekolah Kebangsaan Kerbau dan saya juga mohon supaya sebuah sekolah, Sekolah Kebangsaan Gunung Senyum yang tidak ada penduduknya yang berada di situ kerana dipindahkan dalam kawasan tapak baru yang telah dimohon dan tapak tersebut telah dikenal pasti dan telah digazetkan sebagai tapak sekolah bagi sekolah baru, iaitu Sekolah Kebangsaan Gunung Senyum.

Mengenai Butiran 030400 - Pendidikan Menengah. Saya ingin bertanya, apakah kedudukan pembinaan Sekolah Menengah Kuala Krau 2 yang telah diumumkan untuk pembinaannya, tetapi masih lagi belum dimulakan dan saya ingin tahu perkembangan terkini. Tentang pendidikan menengah juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada KPM kerana telah bersama-sama dengan sekolah menengah agama di peringkat negeri mengadakan persetujuan untuk membekalkan sama ada dari segi peruntukan dan juga tenaga pengajar.

Cuma saya mohon di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh kekurangan guru-guru akademik, saya mohon supaya pihak KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri Pahang untuk melihat turun padang bagaimana kekurangan di sekolah-sekolah di Bahagian Akademik di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah tersebut.

Yang ketiganya Butiran 030600 - Pengurusan Pentadbiran Negeri-negeri. Saya ingin memaklumkan bahawa saya bersetuju untuk melantik pegawai-pegawai DG44 dan juga DG48 di jawatan-jawatan tertinggi sama ada di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dan juga di Pejabat Pelajaran Daerah.

Cuma satu pekeliling iaitu pada surat pekeliling 1.1.2004 di mana jawatan Timbalan PPD mestilah dijawab atau disandang oleh DG44, tetapi malangnya setelah guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan, guru-guru yang berkebolehan daripada sekolah menunjukkan guru yang cemerlang dipanggil berkhidmat di jabatan atau di PPD di daerah tersebut contoh di daerah Temerloh, di mana telah menyandang jawatan Timbalan PPD begitu lama sekali dan telah disahkan jawatan DG44 sejak tahun 2004 dan menyandang DG48, tetapi apabila di naik taraf Pejabat Pelajaran Daerah ini, guru tersebut atau tenaga pengajar tersebut telah dinafikan haknya dan diminta balik ke sekolah sebagai guru biasa. Sedangkan selama ini sudah enam, tujuh tahun berkhidmat sebagai Timbalan PPD, tetapi apabila dinaikkan taraf jawatan, guru tersebut telah dinafikan.

Di dalam negeri Pahang ada empat daerah yang terlibat, saya mohon KPM melihat perkara ini. Satu lagi perkara tentang kenaikan pangkat guru-guru yang DG41 kepada DG44 begitu lambat sekali, walaupun *time based*nya telah berlalu, tidak dapat menerima surat pengesahan sama ada ini berlaku keciciran di peringkat JPA dan sebagainya dan saya ingin tahu juga kedudukan guru-guru di sekolah menengah.

Kalau di sekolah kebangsaan apabila dia memasuki atau melanjutkan pelajaran di universiti akan dinaikkan kepada DG41, tetapi DG41 atau DG44 yang melanjutkan pelajaran di peringkat master dan juga PhD, apabila balik ke sekolah sama juga tarafnya sama balik kepada jawatannya yang asal DG41 atau DG44. Adakah mereka ini diberi peluang untuk kenaikan pangkat DG48 atau DG52 atau diberikan peluang untuk menjadi pengetua di sekolah-sekolah yang ditempatkan atau di sekolah yang lain.

Perkara yang seterusnya Butiran 00203 iaitu di kawasan saya ada sebuah sekolah berasrama penuh berintegrasi yang menunjukkan satu sekolah menengah yang cemerlang, tetapi setelah enam tahun dibuka tiap-tiap tahun saya menjadi Yang di-Pertua PIBG di situ memohon supaya *PA System* di dalam dewan tersebut dibaik pulih, diganti baru, sampai sekarang perkara yang kecil tetapi apabila perjumpaan dengan ibu bapa, dengan Timbalan Menteri...

Timbalan Menteri sekarang pernah membuat kunjung hormat dan Yang Berhormat Dato' Razali Kuala Terengganu datang memberikan ceramah, tetapi tidak berkesan kerana *PA System* yang kurang baik. Saya mohon perkara ini diberikan perhatian yang sewajarnya.

Butiran 01100 - Bantuan Modal, walaupun telah dibahaskan dengan panjang lebar tadi, saya mohon juga sebagaimana yang lepas-lepas supaya SJK(T) Ladang Sungai Tekar dan SJK(T) Biong ini diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak KPM, terutama sekali membuat kerjasama atau membuat rundingan kementerian yang lain, kerana sekolah ini berada di luar bandar, berada di dalam kawasan estet yang jalannya begitu teruk sekali, atas alasan kerana ini jalan ladang tidak boleh dinaik taraf sebagai jalan tar dan sebagainya.

Sekolah Jenis Kebangsaan SJK(T) Ladang Tekar sebenarnya tidak ramai penduduk yang berada di ladang tersebut dan telah memohon supaya dibina di kawasan bandar ataupun pekan Kuala Krau. Tentang SJK(C) Kerdau, pada tahun lepas UPSR hanya dapat 0%. Jadi tahun ini pun begitu juga. Saya mohonlah supaya KPM atau Jabatan Pelajaran Daerah dan negeri datang turun tengok, kalau sekolah sudah sampai dapat 0% setiap tahun dalam UPSR mesti ada sesuatu perkara yang tidak betul.

Butiran 03400 - Program Pembangunan Sukan. Saya ingin tahu apakah pencapaian Program Pembangunan Sukan atau kita mewujudkan sekolah sukan di dalam negara kita kerana tidak ramai lagi ahli-ahli sukan yang dilahirkan melalui sekolah sukan ini yang telah berjaya di dalam bidang sukan dalam masa yang sama juga berjaya dalam bidang akademik, itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

■ 2010**8.10 mlm.**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terlebih dahulu terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan atau menyertai perbincangan ini. Pertama sekali saya hendak ambil tajuk B.41 010300. Saya hendak ambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana mungkin saya ini pembangkang, kawasan saya cukup jagalah. Tak ada sekolah yang tak elok, semua sekolah elok-elok. Terima kasih. Puji kena puji juga Tuan Pengerusi.

Yang keduanya, saya hendak pergi kepada tajuk B.41 010700 - Pengurusan Sumber Manusia berserta 030600 - Pengurusan Pentadbiran Negeri. Dalam hal ini, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai di kementerian kalau boleh duduk tenang-tenang dan kajilah kedudukan perjawatan sama ada di kementerian, di Jabatan Pelajaran Negeri ataupun di PPD serta sekolah. Ini kerana saya merasakan ada yang tak kena bila mana pada masa saya bertugas dahulu pengarah DG51 tetapi terdapat guru-guru di bilik darjah yang mendapat JUSA.

Hal ini berlaku hingga hari ini dan dengan pelaksanaan guru-guru pakar tadi, ianya menjadi lebih teruk. Walaupun ini merupakan satu galakan kepada guru-guru tetapi bagi pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri, PPD yang mana jawatan pangkatnya lebih rendah adalah sukar untuk menegur guru-guru ini. Walaupun ada baiknya tetapi perkara ini perlu difikirkan kerana ianya menjatuhkan semangat pegawai-pegawai yang jawatan tinggi tetapi pangkatnya rendah, gajinya rendah daripada pegawai-pegawai di bawah.

Walaupun ini merupakan idea Perdana Menteri, saya rasa perkara ini perlu dikaji dan diselaraskan balik dan menambahkan minat guru-guru dari pegawai-pegawai hinggalah ke sekolah untuk bertugas dengan lebih yakin, dengan lebih bersemangat kerana mereka mendapat layanan yang baik.

Di bawah tajuk yang sama, saya juga masih mahu menekankan soal kemasukan pegawai-pegawai PTD JPA ke Kementerian Pelajaran, JPN dan juga PPD. Saya harap perkara ini dapat ditimbang semula, dikaji dan kalau boleh diberhentikan. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, golongan guru merupakan golongan pegawai kerajaan yang paling ramai melebihi 350,000 orang sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Dari data ini kita yakin dan kita sedar bahawa peluang kenaikan pangkat untuk guru-guru ini amat sempit. Bila kerajaan menstrukturkan semula kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri dan juga PPD serta sekolah, beberapa jawatan kenaikan pangkat telah diwujudkan. Guru-guru seronok, bangga tetapi apa yang berlaku sebahagian daripada jawatan naik pangkat tadi diambil alih oleh pegawai-pegawai di JPA dan PTD. Ini amat mengecewakan guru-guru. SMS, surat-surat yang saya terima banyak menyentuh soal ini.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, Yang Berbahagia Datuk Rafie Mahat dahulu mempertahankan supaya pegawai-pegawai ini tidak masuk dan bila dia tamat tempoh perkhidmatannya, orang lain terima kemasukan ini. Saya dimaklumkan bahawa sebelum Yang Berbahagia Datuk Rafie meninggal dunia, *last wording* ataupun kata-kata akhir yang dia buat ialah "Saya kesal". Dia meninggal dan itulah saya rasa sebelum orang lain meninggal lebih ramai lagi tarikhlah balik program ini, berhentilah. Pada pegawai-pegawai JPA pun peluang anda di bahagian lain cukup banyak. Jadi berilah peluang, kasihanilah guru-guru ini supaya mereka dapat berkhidmat dengan lebih baik, yakin dan dengan penuh semangat.

Perkara yang kedua, soal 030200 - Pendidikan Prasekolah. Kerajaan selalu menyebut, mentohmah bahawa prasekolah yang dijalankan oleh pihak swasta dan juga NGO tidak melaksanakan peranan ataupun berunsur menghasut. Apa yang saya hendak minta kalaulah begitu, kenapa Kementerian Pelajaran tidak menawarkan sekolah-sekolah ataupun kelas-kelas prasekolah ini di semua sekolah. Kita tidak memberi peluang kepada anak-anak di luar bandar untuk mendapatkan didikan prasekolah di sekolah kerajaan tetapi kita tidak memberikan kemudahan kepada orang lain untuk menguruskan prasekolah ini.

Kalau kita tak mampu, apa salahnya kita memberi kemudahan kepada orang lain dan memberi bantuan kepada agensi lain untuk membuka prasekolah ini supaya anak-anak terutamanya di luar bandar mendapat pendidikan prasekolah. Sekarang ini sebahagian sahaja sekolah menawarkan prasekolah ini itu pun dengan kadar satu kelas. Kalau sekolah itu selalunya menerima murid tahun satu empat atau lima kelas, hanya satu kelas prasekolah diadakan. Jadi saya minta perkara ini diberi pertimbangan sewajarnya.

Perkara 030700 - Pendidikan Islam. Saya mohon juga supaya Kementerian Pelajaran dengan kerjasama JAKIM mencari jalan supaya kita memulihkan semula tulisan jawi. Kita memulihkan semula kelas-kelas agama di sekolah-sekolah agama rakyat. Sepatutnya kita timbulkan juga tadi semasa membincangkan SJK(C), SJK(T) kerana kedudukan sekolah-sekolah SAR ini dalam perlembagaan samalah dengan sekolah tersebut.

Jadi saya mohon Kementerian Pelajaran memberi pertimbangan dalam hal ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi sedia maklum soal akhlak pelajar-pelajar hari ini begitu merosot. Hanya pendidikan Islam sahaja yang dapat menyelesaikan masalah ini. Jadi kita harus timbangkan balik, kita bagi balik per kapita yang pernah kita berikan kepada sekolah-sekolah SAR, sekolah-sekolah agama rakyat. Cukuplah ya kerana apa yang kita lakukan itu amat menyeksa kerana sebahagian daripada sekolah-sekolah agama rakyat tadi telah pun ditutup ataupun merosot kerana tindakan kerajaan menarik balik per kapita yang diberikan kepada mereka.

Mengenai sekolah kluster. Hari ini sekolah kluster dipilih dari sekolah-sekolah ternama. Kalau konsep ini kita laksanakan, bermakna sekolah-sekolah kluster ini akan tertumpu di kawasan-kawasan tertentu di negeri-negeri tertentu. Pada pandangan kami, sekolah kluster ini

haruslah diwujudkan. Dengan lain perkataan, kerajaan mewujudkan sekolah-sekolah kluster ini di semua daerah dengan diberi segala kemudahan kerana dengan cara itu sahajalah peluang yang sama dapat kita berikan kepada semua murid sama ada di bandar atau di luar bandar. Kalau tidak, memanglah sekolah-sekolah yang baik itu duduk di bandar, diberi segala kemudahan. Saya rasa satu perkara yang tidak adil kepada sekolah-sekolah lain. Kalau sekolah-sekolah luar bandar pun diberi peluang, diberi kemudahan, diberi bantuan, saya rasa insya-Allah sekolah itu juga akan mencapai taraf sekolah kluster sebagaimana yang dikehendaki. B.41 04000.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tinggal seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Bagi *chance* lah dua minit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan macam itu Yang Berhormat. Tak ada tawar-menawar Yang Berhormat. Ini bukan...

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Ya, boleh. Saya menyokong usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan profesionalisme guru tetapi perkara yang selalu dilupakan oleh pihak kementerian ialah bila kita memberi kebenaran kepada guru-guru untuk melanjutkan pelajaran, kita lupa murid di sekolah. Terdapat sekolah yang tujuh hingga lapan orang guru pergi melanjutkan pelajaran meninggalkan murid terkapai-kapai. Walaupun ada guru ganti tetapi hasrat untuk memberi pendidikan yang sempurna tidak dapat kita capai.

■2020

Akhir sekali di dalam perluasan program baru, saya mintalah kita ambil iktibar dari apa yang berlaku dalam pelaksanaan PPSMI. Tanpa kajian teliti PPSMI telah dilaksanakan dan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri telah dengar perbincangan tadi, bila mana dilaksanakan ianya banyak memberi keburukan daripada kebaikan yang kita harapkan. Saya ingat memandangkan masa, terima kasih Tuan Pengerusi.

8.21 mlm.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh secara ringkasnya Butiran 00102, Butiran 00201, Butiran 08300 dan Butiran 08700. Tuan Pengerusi, di kawasan saya Simpang Renggam ini, kita cuma ada empat buah sekolah menengah iaitu SMK Layang-layang, SMK Datuk Abdul Rahman Andak, SMK Datuk Haji Hassan Yunus dan SMK Simpang Renggam. Jadi empat buah sekolah ini mempunyai pelajar lebih daripada 1,000 orang masing-masing. SMK Datuk Haji Hassan Yunus ada 1,050 orang pelajar. SMK Layang-layang kita ada pelajar seramai 1,400 orang. SMK Datuk Abdul Rahman Andak, ada 1,947 orang pelajar dan di SMK Simpang Renggam ada 2,084 orang pelajar.

Tuan Pengerusi saya ingin tahu apakah garis panduan kementerian kerana apa yang saya difahamkan oleh pengetua dan cikgu-cikgu, kalau mengikut pengalaman mereka itu, adalah baiknya sekiranya sesebuah sekolah mempunyai pelajar dalam 1,000 orang ke bawah kerana masalah disiplin memang senang dikawal ataupun dijaga. Oleh yang sedemikian, masalah kekurangan sekolah menengah di kawasan Simpang Renggam ini amatlah mendesak dan saya telah pun dimaklumkan oleh PPD, dua buah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah telah pun diluluskan sebelum ini iaitu Sekolah Menengah Ibrahim Majid, Sekolah Menengah Sri Machap dan Sekolah Kebangsaan Renggam Jaya.

Jadi penduduk-penduduk di kawasan Simpang Renggam tertunggu dan menunggu dan kita masih tidak dapat nampak ada sebarang tindakan dan perkembangan di kawasan ini tentang tiga buah sekolah tersebut. Jadi saya memang berharap pihak kementerian dapat memberi maklumat yang lebih terperinci bilakah pembangunan sekolah-sekolah ini akan dimulakan dan disiapkan dan diharapkan juga kementerian dapat menunaikan janji secepat mungkin.

Seterusnya Tuan Pengerusi tentang Butiran 080300 dan Butiran 080700 mengenai Penyelenggaraan Bangunan. Baru-baru ini saya dapat melawat sebuah sekolah rendah di kawasan Machap iaitu SRJK(C) Machap. Kebetulan ada seorang *technician* yang sedang menjalankan pemeriksaan pemadam-pemadam api yang bergantung di dinding. Jadi saya tanya setahun berapa kali dia datang dan memeriksa sistem pencegah kebakaran di sekolah itu iaitu *fire fighting* dengan izin. Jadi jawapannya pemeriksaan sistem itu tidak termasuk dalam skop kerja dia dan dia cuma datang bantu memperbaharui lesen ataupun sijil pemadam api ini. Walaupun dia sedar bahawa *fire fighting* sistem ini telah lama. Pam dan panel pun sudah cukup usang dan tidak boleh beroperasi. Maka bajet sekolah tidak cukup untuk membaikinya.

Tuan Pengerusi, bangunan sudah telah pun dilengkapi dengan sistem gelung hos tetapi tidak boleh beroperasi. Jadi sistem pencegah kebakaran ini amat penting demi menjaga keselamatan anak-anak kita, murid-murid dan cikgu-cikgu yang berada di dalam bangunan. Jadi saya harap pihak kementerian dapat mengambil berat terhadap penyelenggaraan terutamanya sistem pencegah kebakaran dan pastikan bajet yang diperuntukkan kepada setiap sekolah itu adalah mencukupi untuk melaksanakan pemeriksaan yang wajib ini. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, saya ingin mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

8.26 mlm.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan satu perkara mengenai gaji guru. Ada sekumpulan guru yang kebajikan mereka telah terabai oleh kerajaan. Mereka adalah guru-guru yang memegang sijil HSC, Higher School Certificate. Pada masa sekarang, mereka yang memegang sijil HSC, semasa mereka menjadi guru, gaji mereka adalah di *scale* DGA 32. Di bawah DGA 32 yang di bawah *scale* gaji mereka, hanya adalah T1 ke T11. Oleh itu, kebanyakan guru-guru yang memegang sijil HSC, dulu mereka *batch* terakhir mereka menjadi guru melepaskan sekolah menengah adalah dalam

tahun 1981. Ini *last batch of the student*. Sekarang keramaian mereka adalah dalam lingkungan 45 tahun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kebanyakanlah bukan keramaian, kebanyakan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Mereka sudah berkhidmat di dalam sektor perguruan lebih kurang 20 tahun lebih tetapi promosi mereka. Kebanyakan mereka berhenti selepas mereka sampai T11. Oleh itu, ada ramai daripada mereka sepanjang lebih kurang enam, tujuh tahun tidak ada naik pangkat lagi, gaji mereka tidak dinaikkan. Oleh itu mereka telah melalui STU, Sarawak Teachers Union menyeru supaya kerajaan memanjangkan skala gaji DGA32 daripada T11 ke T17. Sekiranya pemanjangan ini dilakukan, mereka yang sudah *stagnate* gaji mereka beberapa tahun boleh diberikan *back pay of wages*.

Seruan kedua mereka adalah, kerana mereka tidak memegang sijil, mereka bukan seorang graduan dari universiti. Oleh itu mereka mendapati award guru cemerlang atau menjadi guru besar, mereka akan di *promotekan* dari DGA32 ke DGA34, tetapi untuk mereka yang sudah mencapai DGA32 T11, gaji mereka sekarang adalah RM3,399. Sekiranya mereka dipromotekan kepada guru besar, walaupun kerja yang lebih akan ditanggung oleh mereka tetapi *scale* DGA34 T1, hanyalah RM3,005.

■2030

Oleh sebab itu, walaupun mereka layak untuk dijadikan seorang guru besar dan walaupun mereka menjadi guru besar, kononnya pangkat sudah naik, sudah ada promosi tetapi gaji mereka lebih rendah. Pada skala gaji, DGA34 hanya diperuntukkan T1 ke T7. Oleh itu selepas tujuh tahun gaji mereka pun tidak akan dinaikkan lagi.

Kini ada banyak guru yang masih dalam kumpulan ini yang memegang sijil Higher School Certificate (HSC). Oleh itu ramai daripada mereka sekarang mendapati bahawa gaji mereka sudah beberapa tahun tidak dinaikkan. Oleh itu saya sekali lagi menyeru supaya kerajaan boleh *answer to their core* dengan memanjangkan *scale* gaji DGA32 daripada T1 to T11 memanjangkannya dari T11 kepada T17 dan DGA34 juga memanjangkan T7 ke T13. Ini adalah seruan yang disampaikan kepada saya supaya membangkitkan perkara ini di Parlimen, di Dewan yang mulia ini. Seruan daripada Sarawak Teachers Union dan saya haraplah kerajaan boleh melaksanakan pemanjangan tahun *service* di skala gaji mereka ini dengan segera. Untuk mereka yang telah beberapa tahun tidak menikmati kenaikan gaji, selepas melaksanakan skala gaji baru kerajaan boleh memberikan mereka *back parole of wages, back parole of areas*.

Ini perkara pertama. Perkara kedua adalah mengenai bangunan sekolah Bandar Kuching I, SMK Bandar Kuching I. Satu bangunannya telah dibakar pada Mei 2007.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Sehingga sekarang kerajaan masih kata tidak ada peruntukan untuk membaik pulih bangunan yang baru kerana bangunan yang terbakar ini mengandungi tujuh bilik *laboratory*. Sekarang memang ada satu *makeshift classroom* yang dibina. *Makeshift classroom* ini tidak mengandungi *laboratory*. Oleh itu saya menyeru kerajaan supaya memberi peruntukan untuk membaik pulih bangunan yang terbakar di SMK Bandar Kuching I. Sekian terima kasih.

8.35 mlm.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau mahu belajar balik nanti saya ajarlah Yang Berhormat. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana masih bersabar dengan kita. Saya sebenarnya banyak hendak hujah mengikut butiran-butiran dalam buku bajet ini. Walau bagaimanapun, saya ingin sentuh satu perkara sahaja iaitu seruan daripada ahli-ahli PIBG, guru-guru dari sekolah-sekolah yang ada dalam kawasan Parlimen saya.

Jadi saya mulai dengan Butiran P.41 bagi maksud Butiran 03700 - Program Pembangunan Luar Bandar Sabah, Sarawak yang ada peruntukannya RM260,500,000 dan Butiran 03900 - Pembelian Tanah Pendidikan Pelbagai Negeri berjumlah RM84,500,000. Kenapa saya sentuh dua butiran ini kerana inilah alasan ataupun kekangan ataupun sebab-sebab mengapa projek-projek yang dipohon itu tidak dapat dilaksanakan terutama sekali hubungan di antara kementerian dan kerajaan negeri masing-masing yang mana masalah tanah ini masalah tapak. Ini penting.

Bila saya nampak peruntukan RM84,500,000 seluruh negara Malaysia, seluruh negara saya fikir ini tidak mencukupi sama sekali. Saya tahu, saya sedar dan saya percaya bahawa kementerian sedar bahawa kebanyakan masalah yang dihadapi oleh kementerian untuk melaksanakan projek-projek adalah masalah tanah. Betul atau tidak? Jadi saya mohon, mendesak kementerian supaya mengkaji balik peruntukan ini. Kalau boleh ditambah, tambahlah sebab banyak kawasan yang memerlukan pembesaran ataupun memerlukan tapak baru yang tidak dapat dilaksanakan oleh sebab tanah tidak sedia. Yang aneh sekali pihak kementerian ini memang dari dahulu manja. Manja kerana apa? Bila dia minta buat projek satu dia mesti tanah itu *free*. Jadi saya rasa kalau Kerajaan Negeri Kelantan tidak mahu bagi, sekarang tanah mahal, lagi pun berkurangan kawasan tanah terutama sekali di kawasan-kawasan yang membangun.

Jadi saya mohonlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengkaji semula. Jadi di kawasan, saya mulai daripada SMK Pulau Gaya. SMK Pulau Gaya ini Yang Berhormat tahu, sedar bahawa kawasan ini tanahnya adalah di atas paras laut, sampai Tingkatan Lima. Sekolah cantik bangunan cantik tetapi masalahnya saya telah memohon beberapa kali soal padang ini. Jadi bagaimana kita mahu budak-budak kita mahir dalam bidang sukan, kokurikulum dan sebagainya. Bagaimana? Tidak ada padang, tidak ada tempat permainan, senaman tidak ada. Bila berbaris pun tidak dapat. Bila air pasang, bila air ombak besar ditembaknya, ombak menembak pada sekolah itu habis dihambur-hambur, habis komputer pun berhamburan. Jadi

baru-baru ini saya sudah minta, saya tidak tahu kalau sudah diganti atau tidak komputer-komputer yang semua tenggelam di dalam air.

Jadi saya harap pihak kementerian dapat melihat ini, *spend a little bit of money to acquire land because there are some land are privately owned* dengan izin *can be acquired with reasonable price*. Janganlah terlampau kedekut dengan duit. Jadi soal SMK Putatan. SMK Putatan itu dia punya pagar, dia punya keadaan dalam kawasan kompaun, dalam kawasan sekolah itu saya fikir memerlukan wang untuk penyelenggaraan. Ada yang pagar koyak, rumput tidak kena potong, saya tidak faham kontraktor yang dilantik oleh pihak kementerian ini.

■2040

Saya sungguh bersimpati dengan pengarah apabila saya tanya, peruntukan tak ada. Apabila saya tanya, peruntukan tak ada. Itu saja sebabnya. Peruntukan tak ada, peruntukan tak ada. Jadi saya haraplah pihak kementerian lihat perkara ini. SMK Tansau, ini soal SMK Tansau ini sama juga, pagar dia rosak. Jadi dia punya padang pun tidak dapat main sebab dia punya *turfing* itu tak cukup. Jadi, bilik sekolah itu saya sudah masuk. Dia sudah berhamburan macam *gravel road* dalam bilik darjah. Jadi kualiti-kualiti ini saya rasa pihak kementerian harus lihat bilik-bilik darjah di SMK Tansau ini dan perabot-perabotnya semua kerosakan, harus diganti. Ada murid yang tidak ada bangku sekolah. terpaksa pinjam daripada bilik darjah yang lain. Jadi, dia punya kualiti itu yang sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sri Gading saya rasa yang kualiti perabot sekolah ini teruk betul.

Bila kena langgar sikit, habis hancur, inilah yang terjadi. Kualiti dia teruk betul. SMK Sanzac serupa juga dengan keadaan SMK Putatan. Dia punya pagar, dia punya tanam-tanaman itu saya rasa perlu dibagi peruntukan untuk memberi tanam-tanaman atau bunga-bunga untuk dibagi kepada SMK Sanzac, walaupun ini dibantu oleh kerajaan Australia dan juga New Zealand.

Jadi saya harap ini, di kawasan bandar ini kalau sekolah itu tak elok, ini menjadi menjolok mata kepada orang yang lalu di kawasan tersebut. Terutama sekali dia berdepan dengan Masjid Negeri Sabah. Jadi apabila saya lihat sana, jadi kadang-kadang dia punya ibu bapa itu merayu kepada saya, "Tolonglah Datuk, tolonglah kami mahu kasi cantik kami punya sekolah tapi tiada duit". Jadi saya fikir ini bukan tugas saya, ini tugas pihak kementerian untuk melihat supaya ini diberi peruntukan sikit untuk memperlawakan sekolah tersebut.

Jadi, ada sekolah mubaligh di sini. SM La Salle, ini kadang-kadang Hansard dia salah dan satu lagi SM Stella Maris. Saya harap Hansard, dia *correct* dia punya *spelling*, selalu salah. Jadi ini sekolah, dia punya kawasan memang kecil sebab dia sekolah mubaligh. Jadi apabila saya melawat sekolah ini, memang memerlukan banyak perabot-perabot atau komputer, penghawa dingin kepada bilik-bilik guru. Ini *small thing but it would be appreciated if the government can consider this one after* yang diumumkan oleh pihak Menteri...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ... apabila dia melawat ke negeri Sabah dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung, gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi, Sekolah Agama Toh Puan Hajjah Rahimah. Begitu juga, ini barulah di kawasan bandar. Jadi dia punya *outlook* itu *need to be beautiful*, dengan izin.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran minta jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Okey.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat Putatan, jadi Yang Berhormat telah menyentuh tentang keperluan bantuan dalam soal kelengkapan komputer dan sebagainya kepada sekolah-sekolah ini, sekolah bantuan ya Yang Berhormat. SM La Stella Maris. Oleh kerana sekarang ini Kementerian Pelajaran memang menekankan bekalan komputer dan sebagainya kepada sekolah kerajaan.

Akan tetapi dalam hal ini, kita memang kerajaan sudah tentu mahukan dan inginkan semua pelajar sama ada di sekolah kerajaan ataupun bantuan menikmati semua kemudahan seperti komputer yang paling penting dalam pembelajaran sekarang ini. Namun masalah di sekolah-sekolah bantuan ini, mereka ketinggalan kerana mereka kurang dana. Jadi saya bersetujulah kepada Yang Berhormat bahawasanya dalam soal pemberian kelengkapan komputer juga diberi perhatian kepada sekolah-sekolah bantuan dan swasta. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuaran. Memang begitulah sebenarnya kehendak kerajaan, hala tuju Kerajaan Barisan Nasional. Tidak perlulah yang kita dengar daripada pihak-pihak pembangkang sebab kita pun menyuarakan perkara yang sama dan ini saya ada keyakinan yang sepenuhnya kepada timbalan menteri kerana apa yang diminta itu bukan banyak. Bukan berjuta-juta, hanya mungkin 20 buah komputer satu sekolah.

Jadi, kalau 21 buah sekolah itu mungkin tidak sampai - berapa Yang Berhormat Pokok Sena? 20 buah komputer itu mungkin tak sampailah RM20,000. Cukuplah ya dalam satu sekolah. Ini cukup menyenangkan hati rakyat kita yang mengundi kita supaya dia tidak mengundi pembangkang.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yakin penuh kepada Timbalan Menteri ya? Pada Menteri tak yakin? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, terima kasih. Ada satu perkara yang penting yang Yang Berhormat Serdang sebut tadi, kami pun memperjuangkan juga ini tapi kita tidak suruh potong gaji menteri sebab menteri memang bagus sama kita. Kalau mungkin satu hari nanti dia minta bantu dengan Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, kita yakin kita akan bantu. Jadi, ada satu sekolah SJK(C) di Hwa Siong di Putatan yang terpaksa membina satu

bangunan baru kerana yang sekolah yang dulu itu kena anai-anai dan berjatuhan. Terutama sekali sekolah-sekolah tadika dan sebagainya.

Jadi sekolah ini belum siap, jadi saya telah pun berusaha untuk berjumpa dengan beberapa ahli korporat untuk membantu. Jadi walau bagaimanapun kita malu juga kalau kerajaan langsung tidak memberi satu layanan sedikit pun kepada sekolah ini. Saya mohon kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah berjanji kepada saya akan melawat Putatan dan melawat kepada sekolah ini juga. Kalau boleh pada hari Jumaat minggu depan saya ada *function* di Hwa Siong untuk menyerahkan cek. Kalau Yang Berhormat sudi datang ke Putatan, insya-Allah. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

8.47 mlm.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan perbincangan peringkat jawatankuasa dengan maksud Bekalan 41 Butiran 030300 – Pendidikan Rendah. Saya mulakan dengan isu utama dalam pendidikan negara kita iaitu peluang yang saksama kepada semua pelajar sejajar dengan falsafah pendidikan negara. Saya bacakan di sini falsafah-falsafah tersebut di mana pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

Saya mengambil kira isu utama bagaimana potensi ini dikembangkan adalah melalui peluang saksama yang diberikan dalam bidang pendidikan. Timbalan menteri, saya rasa banyak contoh yang pada saya meningkatkan jurang pendidikan di Malaysia. Tadi disebut berkali-kali tentang sekolah kebangsaan Cina dan India. Saya hanya mahu sentuh sedikit di mana dalam Bajet 2009, Kementerian Pelajaran diperuntukkan RM31 bilion untuk menyediakan pendidikan bagi manfaat 5.8 juta pelajar.

Persoalannya, apakah pecahan peruntukan yang diberikan kepada setiap pelajar ataupun sekolah mengikut aliran yang berbeza, memadai dan saksama? Misalnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil masing-masing hanya mendapat 3.6% dan 1.34% daripada jumlah peruntukan pembangunan sekolah rendah sedangkan bilangan pelajar SJK(C) dan SJK(T) mencapai 20.96% dan 3.3% daripada jumlah murid sekolah rendah seramai 3 juta lebih orang. Ini pada 2006 datanya.

Jadi hakikatnya memang Kementerian Pelajaran saya tahu masih terikat dengan pelaksanaan sistem klasifikasi sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal. Ia membezakan peruntukan untuk sekolah kebangsaan dengan SJK(C), SJK(T), sekolah mubaligh dan sekolah agama. Garis panduan ini digubal oleh Kementerian Pendidikan pada 1998. Jadi mungkin boleh dikaji atau diambil kira dengan serius kerana peruntukan yang tidak saksama akhirnya melebarkan jurang pembelajaran.

■ 2050

Ini yang membangkitkan kebimbangan kami khususnya di antara sekolah luar bandar dan juga bandar. Sistem pentadbiran sekolah yang lain juga akan mewujudkan perbezaan dalam daya usaha dan autonomi pihak sekolah untuk memperkembangkan sekolah mereka mengikut penyertaan masyarakat dan seterusnya meningkatkan prestasi pelajaran.

Maka Bajet 2009 ini saya tidak lihat dapat mengurangkan jurang pembelajaran dan pelajaran serta meningkatkan mutu pendidikan selagi sistem klasifikasi ini yang membezakan peruntukkan dan sistem pentadbiran sekolah ini diteruskan.

Contoh seterusnya menyentuh tentang fahaman politik di mana sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu Yang Berhormat Kuala Terengganu menyatakan dalam jawapan kepada soalan bahawa pihak kementerian hanya memikirkan kepentingan anak-anak kita di sekolah dan bukan mengambil kira fahaman dan kepentingan politik dalam melaksanakan apa-apa dasar. Ini janji dan ini kenyataan dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi hakikatnya semalam saya mahu pihak kementerian menjelaskan kenapa arahan keluar daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Arahan kepada 97 buah sekolah Tamil di Selangor untuk jangan menghadiri Sesi Dialog Bersama Menteri Besar Selangor. Jadi ini pada saya akan membangkitkan kerisauan dan juga memberi *credence* dengan izin, kepada kritikan bahawa pihak kementerian mengamalkan dasar diskriminasi kepada parti-parti politik yang sedia ada terutamanya pembangkang.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya pergi kepada isu bahasa pengantar. Kita menghormati Perlembagaan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan umum bersetuju bahawa penggunaan satu bahasa rasmi dapat membantu komunikasi yang lebih efektif dalam pergaulan. Memang kita menghormati kewajaran kaum lain untuk memperoleh peruntukkan waktu bagi bahasa yang mereka pilih. Akan tetapi saya lihat selain daripada jurang pendidikan yang berpunca daripada kekurangan infrastruktur, Ahli-ahli Parlimen BN tadi membangkitkan kekurangan infrastruktur, faktor lokasi dan ekonomi, langkah kerajaan melaksanakan PPSMI juga menambahkan lagi jurang ini. Kita berharap kementerian dapat memberikan kewajaran.

Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sesi dialog khas yang diadakan dengan pelbagai kumpulan. Ini saya alu-alukan dan kita berharap langkah seterusnya dapat diambil untuk janganlah kita meneruskan mana-mana dasar yang membebankan anak-anak kita. Ini bukan saja membunuh potensi pelajar, jurang pendidikan tetapi peluang bahasa Melayu untuk diangkat sebagai bahasa ilmu dengan penggunaan istilah Matematik dan Sains itu telah hilang peluang tersebut. Jadi jangan bangkitkan isu papan tanda saja. Ini isu yang begitu besar bagaimana kita mengajar anak-anak kita seterusnya. Papan tanda itu berdiri begitu saja. Akan tetapi ini apa khazanah yang kita hendak berikan kepada anak-anak. Jadi saya alu-alukan

sidang meja bulat seperti yang saya sebut tadi dan saya harap langkah seterusnya cepatlah dilakukan.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 031000, bagaimana isu peningkatan jurang pendidikan ini saya dapat lihat dalam perwujudan sekolah *cluster*. Memang saya alu-alukan usaha apabila kita melihat sekolah diberikan autonomi, menjalankan pengurusannya sendiri seperti badan berkanun, mengurangkan kerenah birokrasi dan campur tangan dan meningkatkan dari segi sistem piawai guru yang begitu tinggi kualiti perguruan, pengajaran dan sebagainya. Pada masa yang sama guru-guru yang tidak berkemahiran akan ditukar dan ini akan mewujudkan dan menimbulkan isu lain seperti jurang pendidikan dan isu rasa tidak puas hati para guru. Jadi semacam ada kasta dalam bila kita wujudkan sekolah *cluster* yang tidak dipilih dan sebagainya.

Bukankah lebih baik jikalau kita mengenal pasti dasar yang baik dan dilaksanakan di semua peringkat kepada semua sekolah. Saya hanya pohon agar kita mengambil kira kesan daripada apa-apa pelaksanaan yang kerajaan lakukan.

Seterusnya yang terakhir saya pergi kepada Butiran 010800 - Pembangunan dan Penilaian Kompetensi. Ini saya sebut kerana hendak menunjukkan sudah ada kes kejayaan dalam pelaksanaan dasar pendidikan. Kita lihat pada penilaian pelajar antarabangsa, *Program for International Students Assessment* atau PISA. Saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih arif dalam hal ini. Satu program penilaian tiga tahun sekali. Ya, Tuan Pengerusi. Maaf, lupa sebut.

Tiga tahun sekali ke atas pelajar berumur 15 tahun yang memfokuskan kepada subjek saintifik anjuran OECD, *Organisation for Economic Co-Operation and Development* dengan izin. Finland telah menduduki tempat pertama di kalangan negara dunia di dalam tiga tahun berturut-turut. Jumlah negara yang mengambil bahagian program PISA meningkat dari 43 buah negara pada tahun 2000, 41 buah negara pada tahun 2003 dan tahun 2006 sebanyak 57 buah negara merangkumi 90% daripada semua ekonomi dunia.

Setiausaha Agung OECD iaitu Angel Gurría merumuskan bahawa pencapaian di Finland, New Zealand, Korea, Jepun, Australia dan Netherlands dengan perbelanjaan yang sederhana, Tuan Pengerusi, bukan perbelanjaan begitu tinggi. Mereka membelanjakan negara-negara tersebut perbelanjaan yang sederhana tetapi keputusan yang lebih baik daripada Amerika Syarikat ataupun Norway. Ini peluang kita untuk menjadi lebih baik daripada Amerika Syarikat dan Norway yang mempunyai perbelanjaan yang tinggi tetapi berada di bawah tahap purata OECD. Jadi saya kira kita lihat contoh negara Finland di mana sumber kewangan adalah penting tetapi tidak semestinya berkesan dalam peningkatan pencapaian pendidikan.

Apa yang lebih penting adalah bagaimana sumber kewangan dibelanjakan serta bekalan tenaga guru yang mencukupi dan bahan pengajaran yang berkualiti dan saksama untuk semua pelajar. Saya ingin sebut di sini model Finland. Dengan izin

“The Finish National Board of Education believes that Finland examtory performance is largely do to the countries main principles for comprehensive education equal opportunities, regional accessibility, education totally free of charge a supportive and flexible administration individual support for the student learning and welfare”.

Jadi saya melihat pendekatan pendidikan Finland bila meletakkan tanggungjawab sistem sekolah ke atas guru dan pentadbir, menjalankan ujian yang selaras di sekolah awam bagi memberikan penilaian pencapaian kepada pihak sekolah sendiri untuk menggalakkan kemajuan dan bukan menghukum dan yang paling penting melaksanakan *heterogeneous grouping*.

Mereka menggabungkan pelajar yang berkebolehan dan pelajar yang lemah. Bukan memisahkan mereka dalam sebuah kelas untuk mengurangkan jurang pendidikan. Akhir kata, saya harap pihak kementerian terutamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat melaksanakan kesaksamaan dalam bidang pendidikan dan mengotakan janji-janji yang telah disebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

8.58 mlm.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin merujuk kepada Butiran 030400 - Pendidikan Menengah, 030800 - Pendidikan Teknikal serta 080700 - Penyelenggaraan Sekolah dan Asrama. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya menimbangkan dengan sebaik-baiknya permohonan Sekolah Menengah Teknik Melaka di Bukit Piatu. Sekolah ini telah dibina sejak tahun 1974. Boleh dikatakan usianya sudah mencapai dewasa iaitu 38 tahun dan sekolah ini merupakan sekolah yang terbaik pencapaiannya di negeri Melaka.

Malangnya pelajar-pelajar di sana tidak dapat belajar dengan keadaan selesa dan menggunakan kemudahan sekolah dengan selamat. Ini kerana pada masa ini sekolah ini berada dalam keadaan sangat usang. Catnya tidak serupa sekolah kerana terlalu buruk. Jadi perlulah diberi perhatian supaya dicat semula. Pagar sekolah sudah luntur, asrama dan bangunan-bangunan sekolah, pendawaiannya sudah macam sidai baju. Semuanya sudah tidak menyenangkan mata melihat apatah lagi murid-murid yang hendak belajar di sekolah ini. dan yang paling malang ...

■ 2100

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kepong kena dengarlah tu, sekolah kebangsaan pun macam itu.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Sekolah menengah Tuan Pengerusi, sekolah menengah teknik. Kenderaan sekolah mempunyai sebuah bas dan juga van. Bas ini telah pun dilucut hak oleh JKR, tidak boleh digunakan lagi tetapi murid-murid terus menggunakan kerana tidak ada kenderaan lain bagi aktiviti-aktiviti kokurikulum dan sebagainya. Oleh itu, inilah perkara

yang paling penting yang saya minta Kementerian Pendidikan memberi perhatian utama di dalam kawasan saya untuk tahun akan datang ini. Sekian, terima kasih.

9.00 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sekolah swasta muka surat 461, pendidikan swasta. Di sini saya hendak bertanya kepada menteri, apakah tindakan yang diambil untuk sekolah-sekolah swasta yang menghadapi kesusahan yang ditutup misalnya Sekolah Sri Inai di Jalan Hulu Kelang, Ampang akan ditutup kerana kekurangan enrolmen, tidak cukup pelajar. Pada 14 November, pihak pengurusan sudah menghantar surat kepada ibu bapa dan juga guru-guru agar sekolah ini akan ditutup.

Ini bermakna guru-guru yang masih ada di sekolah itu dan pelajar-pelajar yang lebih 100 orang yang berada di sekolah itu akan menghadapi kesusahan. Apakah langkah-langkah yang biasa diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah seumpama ini. Di sini saya berharap Yang Berhormat boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, bilangan sekolah swasta rendah ataupun sekolah menengah swasta di negara ini. Apakah keadaannya untuk sekolah-sekolah ini dan apakah bilangan yang akan menghadapi masalah yang serupa dengan Sekolah Sri Inai Ampang. Ini memang satu perkara yang perlu kita menyelesaikan kerana dasar kita ialah menggalakkan sekolah-sekolah swasta di negara ini selain daripada sekolah kerajaan.

Satu perkara lagi untuk mengenai masalah ICT di sekolah. Menurut hasrat pengurusan kementerian ialah untuk membolehkan ICT ini digunakan dengan meluas, memantapkan dan mengembangkan sistem jaringan dan rangkaian komunikasi untuk meningkatkan kecekapan pengumpulan dan penyebaran maklumat dalam sistem pengurusan dan pendidikan negara. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat, setakat mana kita berjaya untuk mengadakan ICT di sekolah? Walaupun kita ada *smart schools*, *smart schools* yang mendapat 5 bintang itu hanyalah 48.

Saya diberitahu bahawa pada tahun 2010, semua hampir 10,000 sekolah di negara ini akan menjadi sekolah bestari. Kalau sekarang hanya 88 sekolah mendapat 5 bintang, macam mana kita membolehkan hampir lebih 9,000 sekolah itu mendapat 5 bintang, memang satu soalan yang pokok dan ditambah pula kita nak adakan *cluster school*. Di sini saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu bagaimana kita dapat melaksanakan dengan jayanya ICT di negara ini. Ini memang perlu dan saya pun dapat nampak begitu banyak wang yang diperuntukkan untuk ICT.

Pemantauannya memang perlu dan setakat mana kita dapat memantau semua ini. Yang pertama ICT *resources*, macam mana sumber ICT ini dapat dipilih, siapa yang pilih? Sama ada kementerian sendiri ataupun guru-guru untuk ICT *resources* ini bagi pelajar-pelajar. Setakat mana kita berjaya menggunakan sumber, idea dan konsep ini dalam *animation*, *video*, *sound* dan *hyperlinks* dan sebagainya? Selain daripada sumber ICT, macam mana kita dapat mengadakan pengajaran dan pembelajaran di ICT dengan berkesan? Apakah peranan guru di dalam

penggunaan ICT di dalam pembelajaran dan pengajaran ini? Supaya kita semua tahu setakat mana kita berjaya.

Mengenai *linkages*, *school linkages*, setakat mana kita dapat dengan berkesannya mengadakan jaringan di antara sekolah-sekolah kerana ini penting kerana bukan sahaja kita dalam sekolah sendiri, jaringan itu mesti diadakan dengan sekolah-sekolah yang lain kerana semua sekolah tidak serupa. Dengan adanya jaringan ini, memang pelajar-pelajar boleh mempelajari daripada kelebihan sekolah-sekolah yang lain. Di sinilah saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan dasar dan pembangunan ICT di Malaysia ini sebab kita lebih 10 tahun dah kita mengadakan ICT di Malaysia. Di dalam satu dekad ini, setakat mana dasar dan pembangunan ICT di Malaysia ini berjaya?

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengenai kita mempunyai 3 juta pelajar di sekolah rendah. Hampir lebih 1 juta di sekolah menengah, 1.2 juta di sekolah menengah. Di sini bagi yang lulus UPSR semua, semua diluluskan sama ada prestasi baik, tidak baik semua diluluskan dan mereka ini ditempatkan di sekolah menengah, ini masalah. Yang Berhormat pun biasalah dengan masalah ini. Tiap-tiap tahun saya tekankan bagaimana kita masukkan semua ini di sekolah-sekolah yang dipilih ataupun sekolah yang berhampiran.

■2110

Memang kementerian, mesti ada rancangan bagaimana kita menempatkan pelajar-pelajar. Misalnya di kawasan saya, pinjam sahaja mewujudkan masalah bagi saya. Ini kerana dari sekolah rendah, SJK Jinjang Utara, SJK Jinjang Tengah, Tingkatan Satu dan Dua. Tiga sekolah besarlah ini, bukan kecil. Yang terhampir sekali sekolah menengah itu Sekolah Menengah Kebangsaan Jinjang. Semuanya hendak masuk ke SMK Jinjang tetapi tidak ada tempat. Satu kelas mungkin lebih daripada 40, 45, 50. Kalau 50 di dalam sekolah menengah pun susah. Susah, ini memang pelajar-pelajar tidak boleh belajar. Macam mana hendak belajar dengan padatnya sekolah ini? Di sini, tiap-tiap tahun ada sebahagian besar yang ditempatkan di sekolah-sekolah yang lain, yang lebih jauh. Saya pun tidak tahu macam mana Yang Berhormat di kementerian itu dapat untuk menyelesaikan masalah seumpama ini.

Saya percaya di tempat iaitu di kawasan Tuan Pengerusi pun menghadapi masalah yang serupa. Pelajar hendak pilih sekolah menengah yang tertentu sahaja ataupun sama ada terdekat dengan rumah atau dianggapkan sekolah yang lebih baik. Itulah masalahnya kita dan memang tiap-tiap tahun saya terpaksa bawa beratus-ratus ibu bapa ke Jabatan Pelajaran di Jalan Duta dekat sini untuk menunjukkan kepada mereka bahawa saya pun sudah berusaha. Kalau gagal pun bukan kesalahan saya. Ini tekanan daripada ibu bapa. Pada satu sudutnya, ini baik juga kerana ibu bapa mengambil perhatian dengan pendidikan dan pelajaran anak-anaknya. Ini memang kita galakkan. Akan tetapi masalah bagi wakil rakyat itu memang berat. Jadi inilah saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada kita, apakah dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

9.13 mlm.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara tetapi sangat ringkas dan khusus.

Pertama sekali saya merujuk kepada Butiran 03700 iaitu Program Pembangunan Luar Bandar Sabah & Sarawak. Saya berterima kasihlah kepada kementerian kerana memperuntukkan satu jumlah yang besar iaitu sejumlah RM260.5 juta bagi Sabah dan Sarawak. Walaupun jumlah ini dilihat besar tetapi kita tahu bahawa kawasan Sabah dan Sarawak dan keadaan di luar bandar ini amat mundur sekali. Akan tetapi kita akui bahawa dalam beberapa tahun baru-baru ini pihak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian kepada Sabah dan Sarawak.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu masalah yang kita hadapi di Sabah khususnya iaitu di sekolah-sekolah rendah khasnya di pedalaman di mana jauh daripada infrastruktur jalan raya dan sebagainya. Satu masalah ialah rumah guru. Jadi saya mintalah kepada kementerian untuk mengambil perhatian untuk mendirikan rumah guru. Ramai guru mengajar di sekolah rendah di pedalaman terpaksa menumpang ataupun menyewa rumah-rumah kampung dan ini sangat-sangat diperlukan.

Satu lagi Tuan Pengerusi ialah kita dapati termasuklah kawasan sendiri. Saya percaya di kawasan Tuan Pengerusi sendiri terdapat kawasan di mana ramai anak-anak sekolah rendah ini terpaksa berjalan kaki berbatu-batu. Ramai yang turun daripada rumah jam 4 pagi supaya membolehkan mereka sampai ke sekolah dalam masa yang ditetapkan. Apabila mereka sampai kembali ke rumah ialah lebih kurang jam 6 atau 7 petang dan ini menyebabkan prestasi mereka di dalam pelajaran itu terjejas. Bukan kerana mereka tidak pandai tetapi oleh sebab mereka berjalan terlalu jauh, penat dan sebagainya. Semasa hujan, ramai di antara mereka ini tidak dapat ke sekolah. Jadi saya mintalah Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang khusus tentang perkara ini di Sabah. Ini berleluasa Yang Berhormat.

Saya juga ingin menyentuh dalam butiran ini mengenai dengan satu projek yang telah pun diumumkan dahulu, tetapi sekarang ini nampaknya kita tidak tahu sama ada ia berjalan ataupun tidak iaitu pembinaan sekolah menengah kerajaan Pekan Nabaloi di Daerah Tuaran. Ini tempatnya ialah di bukit. Saya faham bahawa pihak kementerian sedang mengkaji kesesuaian tanah, kerana tempat itu di Pekan Nabaloi, tanahnya tidak stabil. Ini sangat-sangat dinantikan oleh masyarakat setempat kerana di sekeliling tempat ini adalah banyak sekolah rendah, jadi di mana kita dapat menempatkan penuntut-penuntut sekolah menengah ini nanti? Jadi saya haraplah kalau ini sudah selesai penyiataannya, saya harap kementerian dapat meneruskan pembangunan secepat mungkin.

Dalam Butiran 04600 Tuan Pengerusi, tadi saya telah menyentuh dan mencelah Yang Berhormat Putatan, di mana banyak daripada sekolah-sekolah bantuan kerajaan ini menghadapi masalah tentang keperluan komputer. Mereka ini juga diminta oleh pihak Jabatan

Pendidikan untuk mengajar dan sama-sama melaksanakan dasar kurikulum dalam pembelajaran komputer seperti sekolah kerajaan, tetapi mereka tidak dapat melaksanakan sepenuhnya oleh sebab masalah dana untuk membeli komputer. Jadi saya berharap pihak kementerian juga membantu sekolah-sekolah ini, kerana sekarang ini mereka terpaksa berpatah balik kepada wakil-wakil rakyat untuk meminta bantuan komputer dan sebagainya. Kita tahu bahawa peruntukan daripada MP dan ADUN terhad dan kita hanya dapat membantu dalam segi yang begitu terhad.

Saya juga ingin menyentuh secara ringkas mengenai dengan Butiran 00900 iaitu Asrama dan juga berkaitan dengan Butiran 080300 iaitu Penyelenggaraan Bangunan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa di kawasan saya terdapat satu sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kerajaan Tenghilan yang saya melawat baru-baru ini atas jemputan pengetua. Sekolah ini dengan asramanya sudah diisytiharkan oleh JKR tidak lagi boleh didiami kerana kerosakan teruk. Saya sendiri melihat bahawa ia perlu bukan sahaja diperbaiki malah tidak boleh lagi diperbaiki Yang Berhormat. Satu bangunan baru perlu didirikan. Masalahnya sekarang ialah satu bangunan kelas sementara perlu didirikan sebelum satu bangunan tetap dibuat.

Jadi saya mintalah kementerian mengambil tindakan secepat mungkin melihat dan mengambil tindakan di atas sekolah ini. Saya juga menyentuh kepada Butiran 01100 iaitu Bantuan Modal. Seperti yang kita tahu bahawa pengajaran ataupun pembelajaran bahasa Kadazan Dusun sudah pun diperakui oleh Kementerian Pelajaran iaitu sekarang ini sudah lebih daripada 7 tahun, 10 tahun diajar sebagai satu subjek di sekolah. Satu sekolah khusus Kadazan Dusun iaitu peringkat tadika dan sekolah rendah telah dibangunkan di kawasan saya, iaitu satu-satunya Sekolah Kadazan Dusun. Pada mulanya sebagai latar belakang Yang Berhormat, sekolah ini ditaja oleh NGO daripada Korea. Akan tetapi pertengahan pembangunan sekolah ini, pihak yang telah bersetuju menaja ini telah menarik balik, jadi terbengkalai dan kita dalam jawatankuasa sekolah ini terpaksa melakukan derma sendiri. Pengerusinya menjual tanah sendiri untuk menambah dana pembangunan.

■ 2120

Saya telah menulis satu surat dan saya telah sampaikan surat peribadi kepada Yang Berhormat Menteri semasa beliau melawat di kawasan klinik tidak berapa lama dulu dan saya telah menerangkan *detail* mengenai perkara ini. Saya telah menyampaikan satu salinan surat itu kepada Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri hari ini juga. Jadi saya mohonlah ini dapat dipertimbangkan oleh kementerian.

Saya merujuk juga kepada Butiran 011000 - Tajaan. Ini berkaitan dengan PTPTN di mana ini adalah satu program yang baik daripada kementerian iaitu memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Akan tetapi masalah dia ialah wang daripada dana ini

lambat sampai. Masalah yang dihadapi oleh penuntut ialah semasa mereka ini memasuki universiti atau kolej.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, PTPTN di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ya, minta maaf tetapi mungkin ini ada kaitan Tuan Pengerusi sebab ini mengenai pelajaran dan juga daripada sekolah menengah, *tertiary educations* dan ini masalah. Ya, mungkin Yang Berhormat boleh berbincang. Ini masalah iaitu *bridging time*, sebelum bantuan itu sampai ramai daripada bakal penuntut tidak dapat masuk ke kolej, universiti kerana masalah kewangan keluarga.

Terakhir, saya ingin sentuh di sini Tuan Pengerusi ialah Butiran 010900 - Psikologi dan Kaunseling. Kita amat dukacita melihat mengenai dengan bertambahnya masalah sosial di kalangan pelajar bukan sahaja di institusi pengajian tinggi tetapi sekolah. Umpamanya baru-baru ini gempar disiarkan media mengenai dengan kes seks di kelas, di gambar dengan *handphone* dan disiarkan meluas. Jadi, ini amat menyedihkan dan memalukan negara kita.

Saya berfikiran Tuan Pengerusi, kita tidak boleh melihat masalah itu sebagai *isolation*, kita harus dan perlu melihat *the root cause*, sebab asasnya. Adakah ini disebabkan oleh kelonggaran dalam segi peraturan sekolah, adakah ini disebabkan kekurangan guru-guru mahir dalam segi kaunseling ataupun kerenggangan perhubungan antara ibu bapa dengan murid. Saya dapati Tuan Pengerusi, di kawasan saya sendiri apabila saya melawat satu, dua sekolah menengah berasrama, pelajar yang tinggal di asrama yang ponteng ini terlibat dengan masalah sosial, dadah, gam. Masalah ini satu penagihan yang agak luas iaitu gam, minum arak dan sebagainya. Jadi ramai daripada murid-murid yang sedemikian terpaksa diberhentikan oleh sekolah mengikut peraturan standard oleh Jabatan Pendidikan.

Saya ingin menyeru kepada kementerian supaya apabila ada kes-kes ini di sekolah-sekolah, harus ada satu tindakan yang khusus iaitu zoom, seperti Kementerian Kesihatan sekiranya ada satu wabak yang berlaku di satu kawasan kementerian itu terus menghantar pegawai dan sebagainya untuk melihat. Akan tetapi, saya lihat di kawasan saya sendiri, apabila ini berlaku tidak ada tindakan yang khusus daripada Jabatan Pelajaran. Tindakan itu disalurkan oleh pengetua dan sebagainya, sepatutnya Jabatan Pendidikan harus mengatasi masalah ini sebelum ianya merebak sebab ini ia *contagious* dengan izin dari Tuan Pengerusi.

Kalau seorang pelajar melihat rakan dia berbuat demikian, dia akan terpengaruh. Sebelum ini berlaku, saya cadangkan Jabatan Pelajaran untuk mengambil tindakan yang khusus seperti Kementerian Kesihatan apabila menghadapi satu wabak penyakit yang merebak. Saya juga ingin mencadangkan dan menyeru kepada kementerian, supaya lebih ramai guru-guru dilatih khas dalam kaunseling. Saya lihat di beberapa sekolah Yang Berhormat, guru kaunselor ini hanya dipilih secara rambang daripada guru yang tidak ada latihan khusus. Dalam latihan-latihan guru, saya tahu dalam maktab dan institut sekarang ini ada kursus tetapi oleh kerana

gejala yang semakin hari semakin bertambah ini, saya cadangkan supaya latihan kaunseling ini diperkukuhkan lagi kepada guru-guru.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Akhir sekali Tuan Pengerusi, soal pendidikan agama ini, soal pendidikan agama Islam itu kita memang senang hati tetapi saya mencadangkan bahawa oleh kerana kekuatan moral kepada murid-murid ialah agama yang paling penting. Pada murid-murid yang bukan Islam, apabila kawan-kawan Islam itu belajar Islam, mereka ini hanya di ajar sivik dan mata pelajaran yang tidak ada kaitan dengan agama mereka. Kita harus mengambil contoh kepada negara Singapura apabila Kerajaan Singapura ini menggalakkan kepada murid-murid *to learn aties* dengan izin. *One of the universal religion* dan kita lihat keadaan masyarakat di Singapura. Ini kerana pendidikan agama itu sudah tentu kita akui adalah satu daripada sumber kekuatan moral dan juga membentuk akhlak murid-murid. Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih.

9.28 mlm.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sambung esok?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada masa lagi Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bismillahir Rahmannir Rahim. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya berucap dalam perbahasan bajet peringkat Jawatankuasa Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 01000 – Pengurusan Kementerian dan sekali Butiran 10300 – Pembangunan. Sesuai dengan usaha kementerian memperkasakan sekolah kebangsaan, saya ingin mendapat penjelasan kementerian bagaimana dengan status perancangan sekolah-sekolah baru yang hendak dibina kesan daripada tindakan harga barang. Berapakah sekolah-sekolah yang ditangguhkan pembinaan atau dibatalkan? Apakah perancangan terbaru yang dibuat oleh kementerian berkaitan dengan perkara ini?

Saya juga mohon supaya walau apa pun keadaan yang berlaku, tumpuan hendaklah diberikan terus kepada pembangunan sekolah luar bandar tanpa mengira latar belakang sekolah berkenaan supaya pembangunan yang sepatutnya dapat dilakukan bagi kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Sehubungan dengan itu, saya mohon perhatian Yang Amat Berhormat Menteri mengenai sebuah sekolah di kawasan saya sendiri, Sekolah Kebangsaan Kenayan di Gerik dalam kawasan Parlimen Lenggong dan saya wakili. Kedudukan sekolah berkenaan agak betul tidak sesuai kerana dia sentiasa dinaiki air dan terbaru semalam banjir besar yang menyebabkan keseluruhan peralatan di sekolah berkenaan seperti makmal komputer dan beberapa perkara lagi langsung tidak dapat digunakan hingga menyebabkan timbulnya masalah kepada para pelajar di sekolah berkenaan. Saya mohon perhatian khusus diberikan kepada Sekolah Kebangsaan Kenayan ini kerana jika ia tidak di bina dalam keadaan yang begitu baik, dibina bagi mengelakkan banjir, saya

percaya kalau kita membaiki sekolah berkenaan, di ganti dengan peralatan yang baru, sekali lagi bila banjir berlaku yang akan menyebabkan kemusnahan yang sama berlaku. Sebab itu saya mohon perhatian khusus oleh pihak kementerian walaupun saya dapat maklum bahawa timbalan ketua setiausaha kementerian akan mengadakan lawatan rasmi ke sekolah berkenaan. Saya mohon supaya dia diberikan penekanan supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Tuan Pengerusi, sebab itu saya fikir yang penting diberikan perhatian juga ialah kepada pembangunan prasarana di sekolah-sekolah luar bandar. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri kerana kunjungan beliau ke Lenggong beberapa kali telah pun meluluskan terutamanya pembinaan dewan besar bagi Sekolah Menengah Sultan Idris Shah Dua di Gerik. Satu sekolah yang amat memerlukan dewan besar.

■2130

Juga kepada Sekolah Menengah Dato' Ahmad Lenggong yang juga diluluskan dengan pembinaan dewan besar, kedua-dua sekolah menengah yang pelajarannya begitu ramai dan memang memerlukan dewan besar kerana hari ini aktiviti dilaksanakan di padang atau di kantin sekolah sahaja. Akan tetapi sehingga hari ini pembinaannya belum lagi dilaksanakan termasuklah pembinaan padang bagi Sekolah Kebangsaan Lubuk Kawah yang juga diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mohon kementerian menjawab dan saya mahu tahu status kepada kelulusan ketiga-tiga projek ini supaya ia dapat dipercepatkan pembinaannya.

Tuan Pengerusi, dalam butiran yang sama, saya juga ingin memaklumkan di sini mengenai satu lagi masalah di Sekolah Menengah Sultan Idris Shah 2, Gerik yang kini pembelajarannya dilaksanakan dalam dua sesi. Ada sesi sebelah pagi dan disambung juga pada sesi sebelah petang kerana berlaku di mana murid yang begitu ramai di sekolah berkenaan menyebabkan kekurangan kelas sehingga pembelajaran terpaksa dibuat di waktu petang. Malangnya kalau di waktu petang, berlaku masalah kekurangan waktu belajar dan sebagainya, rehat yang panjang dan sebagainya. Ini menyebabkan kementerian perlu mengkaji untuk membuat tambahan sebanyak 26 buah bilik darjah di sekolah berkenaan bagi membolehkan sekolah ini melaksanakan pembelajaran di satu sesi iaitu di waktu pagi sahaja.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu yang penting ialah isu keselamatan pelajar. Ia juga amat penting sebab itu saya juga hendak membangkitkan perkara ini. Saya juga ingin memaklumkan kepada kementerian bahawa saya menghadapi masalah di mana pelajar-pelajar yang berada di seberang Sungai Perak di Bukit Sapi, di Chepor, di Kampung Luak, di Bing dan di Batu Ring, ada kampung-kampung yang di mana pelajarannya datang ke sekolah menaiki bot.

Sebab itu saya mohon supaya kementerian membuat kajian, bolehkah tidak dibina sebuah sekolah menengah untuk pelajar-pelajar di seberang Sungai Perak ini ataupun dalam waktu yang terdekat dapat membina sebuah asrama di Sekolah Menengah Sultan Azlan Shah. Kebetulan pada waktu ini ada kompleks guru yang tidak digunakan sepenuhnya. Jadi ruang-

ruang yang tidak digunakan sepenuhnya boleh diguna pakai untuk tujuan pembinaan asrama bagi pelajar-pelajar di sekolah berkenaan.

Butiran 13100 – Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster. Tuan Pengerusi, Sekolah Menengah Dato' Ahmad Lenggong ini merupakan sekolah tertua di Lenggong dan melahirkan ramai tokoh juga pemimpin sama ada di peringkat negeri dan juga negara termasuklah antara yang disebut di sini, tokoh-tokoh pemimpin seperti bekas Presiden MCA dan juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang merupakan produk yang lahir daripada sekolah berkenaan.

Sebab itu saya mohon oleh kerana sekolah ini saya lihat berpotensi untuk dipilih sebagai sekolah kluster, saya mohon Kementerian Pelajaran untuk memberi perhatian supaya sekolah ini dapat diberi kedudukannya sebagai sekolah kluster sebagaimana yang sedang dirancang oleh kerajaan pada hari ini. Ini cukup penting kerana dengan kualiti pendidikan yang diberikan pada hari ini, begitu ramai pelajar di kawasan Parlimen Lenggong yang cemerlang yang mendapat keputusan terbaik sama ada di peringkat UPSR, PMR dan SPM.

Sudah tentu apabila semakin ramai pelajar yang cemerlang, maka semakin kecil peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran dan saya harap apabila ada sekolah-sekolah berkenaan sudah tentu ada peluang jika pelajar-pelajar yang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di sekolah-sekolah yang terpilih, dia dapat pergi ke sekolah ini bagi memastikan kualiti dan pelajar ini tidak ketinggalan dan dapat memperolehi kualiti pelajaran yang lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, Butiran 14000, 140100 dan 140200, masalah guru-guru yang melanjutkan pelajaran dan akhirnya jadi guru siswazah. Hari ini banyak rungutan yang kita dapat dengar dan dapat lihat termasuk daripada kesatuan guru sendiri. Sebab itu saya mohon supaya kementerian memberikan perhatian dan pengiktirafan kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran. Maksudnya guru-guru siswazah. Difahami skim gaji sekarang tidak memperuntukkan penambahbaikan skim gaji kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran ini. Sebab itu saya mohon oleh kerana ia menjadi satu isu dan rungutan, saya harap perhatian khusus diberikan mengenai perkara ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, masalah bebanan guru dan kerja-kerja perkeranian yang semakin banyak hari ini sudah tentu ia perlu diberi perhatian khusus oleh kementerian supaya guru-guru dapat memberikan tumpuan khusus kepada soal pelajar-pelajar dalam kelas dan tidak terbeban dengan perkara-perkara mengisi borang SPBT, mengisi borang biasiswa, yuran dan sebagainya.

Sebab itu saya cadangkan kementerian supaya mewujudkan pegawai khusus di sekolah-sekolah supaya pegawai-pegawai ini dapat memberi tumpuan dan mengambil alih tugas yang dilaksanakan oleh guru sekarang. Jadi saya fikir itu sahaja yang saya hendak sebut di sini dan terima kasih.

9.36 mlm.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung besok, Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Khamis, 27 November 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.36 malam.